

**GAGASAN  
Bangsa Malayan  
yang BERSATU  
1945-57**

LIBRARY  
SIR RAYNER UNWIN  
100, GUY'S CLIFF ROAD, LONDON, W.1  
A.P.B.

10 NOV 2004

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

**APB** 01152192

**GAGASAN**  
**Bangsa Malayan**  
**yang BERSATU**  
**1945-57**

**MOHD ASHRAF IBRAHIM**

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI • 2004

<http://www.penerbit.ukm.my>

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2004  
Hak cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*  
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. MALAYSIA  
<http://www.penerbit.ukm.my>  
e-mel: [penerbit@pkriscc.ukm.my](mailto:penerbit@pkriscc.ukm.my)

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*  
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/  
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION  
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*  
PERCETAKAN WATAN SDN. BHD.  
26, Jalan Daud, Kampung Bharu  
50300 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam Penerbitan  
*Cataloguing-in-Publication-Data*

Mohd Ashraf Ibrahim

Gagasan bangsa Malayan yang bersatu 1945-57 / Mohd Ashraf Ibrahim.  
Mengandungi indeks  
Bibliografi: ms. 235  
1. Malaya--History. 2. Political parties--Malaya--History. I. Judul.  
959.5106

ISBN 967-942-632-7

M  
959.504  
MAI





*Karya ini diabdikan khusus kepada:*

*cahaya mata, Mirza  
isteri ... Nisha  
adik ... Adila dan Fizah*

*... hadapi kehidupan dengan iman, taqwa dan amal*



THE  
MUSEUM OF  
ART AND HISTORY

— — — — —

— — — — —  
— — — — —

## Kandungan

---

<i>Senarai Gambar ...</i>	9
<i>Senarai Singkatan ...</i>	10
<i>Senarai Jadual dan Rajah ...</i>	11
<i>Prakata ...</i>	13
<i>Pendahuluan ...</i>	15
Bab 1	Dasar Pro-Melayu di Negeri Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua ... 17
Bab 2	Dasar Bangsa Melaya Bersatu Semasa Perang Dunia Kedua ... 52
Bab 3	Bangsa Malaya Bersatu melalui Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu ... 90
Bab 4	Jawatankuasa Hubungan antara Kaum dan Pengaruhnya terhadap Dasar Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) dan Parti Perikatan ... 124
Bab 5	Pilihan raya 1955 sebagai Asas Dasar Bangsa Malayan Bersatu untuk Parti Perikatan ... 161
Bab 6	Kesimpulan ... 209
<i>Rujukan ...</i>	235
<i>Indeks ...</i>	253



## Senarai Gambar

---

Antara halaman 64-65

- GAMBAR 1 Sidang pleno mesyuarat cadangan-cadangan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu di King's House, Kuala Lumpur.
- GAMBAR 2 Tunku Abdul Rahman sedang berucap dalam kempen pilihanraya peringkat kebangsaan yang pertama.
- GAMBAR 3 Tuntutan-tuntutan kemerdekaan diadakan di Kuala Lumpur pada 7 Julai 1954.
- GAMBAR 4 Pemimpin-pemimpin UMNO selepas perasmian Persidangan Agung Yang Keempat di Balai Besar, Alor Setar.
- GAMBAR 5 Tun Abdul Razak dengan ahli MAGERAN pada 7 Februari 1971.
- GAMBAR 6 Upacara perasmian Minggu Bahasa Kebangsaan oleh Tunku Abdul Rahman pada 30 Januari 1960.
- GAMBAR 7 Tunku Abdul Rahman menandatangani Perjanjian Kemerdekaan di London pada 8 Februari 1956.
- GAMBAR 8 Ahli-ahli parti UMNO dan MCA negeri Johor mengadakan perhimpunan ketika menyerahkan memorandum penubuhan Suruhanjaya Khas Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
- GAMBAR 9 Rombongan merdeka yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj disambut di sepanjang jalan di bandar Melaka pada 20 Februari 1956.

## Senarai Singkatan

---

AMCONSUL	Pejabat Konsulat Amerika Syarikat
BMA	British Military Administration
CO	Colonial Office
DAP	Democratic Action Party
FMS	Federated Malay States
HCO	High Commisioner Office
IMP	Independence of Malaya Party
JMBRAS	Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society
JSEAH	Journal of South East Asia History
MCA	Malayan Chinese Association
MIC	Malayan Indian Congress
NNS	Negeri-Negeri Selat
NMTB	Negeri Melayu Tidak Bersekutu
NNMB	Negeri Melayu Bersekutu
PAP	People Action Party
PAS	Parti Islam SeTanah Melayu
pnyt	Penyunting
UMNO	United Malay National Organisation
UMNO/SG	Fail UMNO/Secretary General
UMNO/SUA	Fail UMNO/Setiausaha Agung
WO	War Office

## Senarai Jadual dan Rajah

---

- JADUAL 1.1 Pertambahan peratusan kaum di Tanah Melayu dari 1911-31 ... 19
- JADUAL 1.2 Jumlah penduduk Tanah Melayu mengikut kaum untuk tahun 1921 di Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat ... 19
- JADUAL 5.1 Pembahagian kerusi mengikut kaum di kalangan parti dan calon bebas Pilihanraya 1955 ... 167
- JADUAL 5.2 Senarai menteri kabinet parti perikatan ... 168
- JADUAL 5.3 Jumlah penduduk Tanah Melayu yang diterima menjadi warganegara daripada tahun 1957 hingga 1970 melalui cara Pendaftaran dan Naturalisasi ... 204
- JADUAL 6.1 Perbandingan prestasi parti perikatan dan parti-parti pembangkang dalam pilihanraya selepas kemerdekaan di Semenanjung Malaysia ... 229
- RAJAH 2.1 Dokumen future constitutional policy for British Colonial Territories in South East Asia ... 85
- RAJAH 3.1 Surat daripada Lee Kong Chian, Presiden Dewan Perniagaan Cina Singapura bagi pihak Dewan Perdagangan Cina Tanah Melayu kepada Secretary of State for the Colonies ... 118
- RAJAH 4.1 Senarai mereka yang memberikan sokongan kepada Parti Kemerdekaan Tanah Melayu ... 143
- RAJAH 5.1 Gambarajah jawatankuasa hubungan perikatan UMNO-MCA pada setiap peringkat ... 164
- RAJAH 5.2 Testamen amanah politik perikatan ... 173
- RAJAH 5.3 Laporan jawatankuasa politik UMNO tentang cadangan penerimaan prinsip Jus Soli ... 174
- RAJAH 5.4 Memorandum dan cadangan Leong Cheong Liong berkaitan sistem pendidikan negara ... 180
- RAJAH 5.5 Reaksi dan cadangan UMNO negeri terhadap Laporan Reid ... 187





## Prakata

---

Buku ini pada asalnya merupakan tesis yang dikemukakan untuk memperoleh ijazah sarjana sastera Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 2000. Dalam usaha menyempurnakan buku ini, penulis ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Profesor Dr Nik Anuar bin Nik Mahmud yang telah memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan panduan yang amat berguna kepada penulis di samping membekalkan sumber penulisan. Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia yang turut memberikan batuan dan teguran yang amat dihargai. Penghargaan ini turut ditujukan kepada ahli keluarga penulis khususnya Noradila dan Nisha yang memberikan sokongan dan kerjasama. Terima kasih juga kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia, Jabatan Sejarah, Haji Zainol Ariffin dan Encik Hillary Sta Maria atas kerjasama yang diberikan. Akhirnya, terima kasih juga kepada Penerbit UKM khususnya Encik Roosfa Hashim di atas kesudian untuk menerbitkan buku ini.



## Pendahuluan

---

Buku ini membincangkan usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan British untuk membentuk bangsa Malayan bersatu selepas Perang Dunia Kedua sehinggalah negara mencapai kemerdekaan. Bangsa Malayan yang bersatu dalam konteks politik negara bermaksud perpaduan dan persamaan taraf khususnya daripada segi kerakyatan untuk semua kaum di negara ini. Walaupun skop dan tumpuan buku ini adalah untuk jangka masa selepas perang, namun dasar kerajaan British yang tidak rasmi sebelum Perang Dunia Kedua iaitu dasar pro Melayu telah disentuh untuk tujuan perbandingan. Sehubungan dengan itu, dasar pendidikan, pentadbiran dan dasar pemencaran yang jelas menunjukkan elemen-elemen pro-Melayu telah disentuh.

Tumpuan yang khusus telah diberikan kepada perkembangan-perkembangan yang berlaku semasa Perang Dunia Kedua kerana pada masa tersebut bermulalah pertukaran dasar politik pro-Melayu kepada yang berbentuk pro-Malayan yang direncanakan oleh Pejabat Tanah Jajahan di London. Aktiviti-aktiviti anti Jepun yang dilakukan oleh masyarakat Cina di Singapura di ambang kejatuhan Tanah Melayu dan Singapura kepada Jepun berkait rapat dengan "sentimen pro Cina di Pejabat Tanah Jajahan. Selain itu kerajaan British juga menerima beberapa memorandum mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil sekembalinya ke Tanah Melayu dan Singapura.

Buku ini juga menyentuh mengenai penerapan dasar membentuk dasar Malayan bersatu menerusi pembentukan Malayan Union dan kemudiannya Persekutuan Tanah Melayu. Idea terpenting dalam buku ini ialah bahawa pertukaran daripada Malayan Union kepada Persekutuan Tanah Melayu hanya berlaku apabila kepentingan dan dasar kerajaan British tidak akan terjejas. Buku ini menginterpretasikan bahawa pertukaran bentuk dan struktur negara tidak merugikan kepentingan kerajaan British kerana asas-asas pembinaan bangsa Malayan telah berjaya diterapkan. Buku ini juga mengana-

lisis perubahan pendirian politik Edward Gent terhadap kesesuaian pembentukan Malayan Union.

Strategi kerajaan British yang melibatkan pemimpin-pemimpin tempatan menerusi Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum turut disentuh dalam buku ini. Turut disentuh ialah kesan penubuhan dan perjalanan jawatankuasa tersebut terhadap perubahan pendirian politik Dato' Onn Jaafar yang kemudiannya bergerak di atas "platform kepentingan Malayan" serta kepada pembentukan Parti Tanah Melayu Merdeka (IMP). UMNO dan MCA juga telah mengadakan beberapa perubahan dasar apabila perikatan kedua parti itu memenangi beberapa siri pilihanraya bandaran kerana kedua-dua parti tersebut adalah berasaskan kaum. Buku ini juga telah menganalisis perbezaan penting di antara IMP dan perikatan UMNO-MCA terutama berkaitan dengan penerimaan penduduk Tanah Melayu terhadap dua kategori parti yang bergerak selaras dengan dasar bangsa Malayan.

Tumpuan juga diberikan kepada usaha-usaha Parti Perikatan untuk menerima dasar bangsa Malayan bersatu. Secara khususnya UMNO telah mengadakan beberapa kompromi seperti dalam pengagihan prinsip kerakyatan jus soli oleh Jawatankuasa Kecil Politik UMNO yang dipengerusikan oleh Tun Razak. Buku ini juga memberikan tumpuan kepada kandungan penting "Testamen Amanah Politik Perikatan" yang merupakan cadangan-cadangan Parti Perikatan kepada Suruhanjaya Reid yang dianggap sebagai suatu pernyataan kompromi politik yang dilakukan oleh Parti Perikatan. Unsur kompromi kepentingan semua kaum juga dapat dilihat daripada perlembagaan negara ini yang memperlihatkan "elemen-elemen pengimbang" kepentingan masyarakat Melayu-bukan Melayu.

## Bab 1

# Dasar Pro-Melayu di Negeri Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua

### Keadaan Sosiopolitik Tanah Melayu Sebelum Dasar Pro-Melayu

Dari segi politik, Tanah Melayu, sebelum Perang Dunia Kedua mempunyai beberapa ciri yang menunjukkan bahawa ia bukan negara kesatuan. Tanah Melayu terbahagi kepada beberapa negeri yang kecil tetapi mempunyai kedaulatan masing-masing terutamanya di kalangan Raja Melayu. Pada masa yang sama penduduk asal menunjukkan ketaatan yang tinggi terhadap raja di negeri masing-masing. Kehadiran Inggeris di negeri Melayu selepas proses campur tangan secara langsung menerusi Perjanjian Pangkor 1874 telah memperkenalkan konsep birokrasi moden walaupun pentadbiran tradisional Melayu yang berpaksikan autoriti raja Melayu masih dikekalkan.

Ini adalah kerana pemerintahan yang dijalankan di negeri tersebut (tanpa melibatkan Negeri Selat yang bertaraf koloni) bersifat pemerintahan tidak langsung. Menerusi pentadbiran sebegini, Negeri Melayu menerima taraf negeri yang dilindungi dan tidak diserapkan ke dalam wilayah British. Kedaulatan Negeri Melayu tetap terjamin kerana ia tidak tertakluk kepada Parlimen Imperial British.<sup>1</sup> Masyarakat Melayu di negeri ini dianggap sebagai rakyat raja. Berbeza daripada status masyarakat bukan Melayu di Negeri Selat yang dianggap sebagai rakyat British, orang bukan Melayu di negeri ini hanya menerima taraf orang yang menerima perlindungan British. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat bukan Melayu khususnya di kalangan orang Cina kerana di Negeri Melayu tidak wujud kerakyatan Malayan ataupun kerakyatan umum (Emerson 1979).

Pelaksanaan dasar pentadbiran yang secara tidak langsung melibatkan pengekalan Raja Melayu sememangnya mempunyai beberapa kebaikan untuk kerajaan British terutama untuk jangka waktu sebelum Perang Dunia Kedua. Perkara ini telah disentuh dalam kenyataan Pejabat Tanah Jajahan pada 1928 yang menjelaskan bahawa, "Raja Melayu merupakan aset yang berharga pada masa dahulu dan akan terus berharga pada masa hadapan." (Smith 1945) Tambahan pula sebelum Perang Dunia Kedua, Pejabat Tanah Jajahan kecenderungan untuk menghadkan tanggungjawab mereka di negara ini. Justeru sistem pentadbiran yang sebegini dikekalkan. Tambahan pula dengan cara menerima kedaulatan Raja Melayu, kuasa British dapat diterapkan dengan berkesan tetapi dalam bentuk yang tidak langsung. Oleh yang demikian, wujud tiga bentuk pentadbiran. Yang pertama adalah Negeri Selat (NS) yang bertaraf tanah jajahan. Bersesuaian dengan tarafnya, Negeri Selat ditadbir secara langsung oleh kerajaan British. Negeri Melayu Bersekutu pula mempunyai pentadbiran yang memperlihatkan elemen kedaulatan Raja Melayu tetapi pada hakikatnya ditadbir menerusi model Tanah Jajahan Ratu Ingeris dan mengutamakan kepentingan golongan kapitalis British dan Cina. Negeri Melayu Tidak Bersekutu pula dianggap sebagai contoh ideal pemerintahan secara tidak langsung walaupun ditadbir untuk kepentingan masyarakat Melayu tetapi tetap dipimpin oleh pentadbir-pentadbir British.

Seperti yang dijelaskan, Tanah Melayu sebelum Perang Kedua ditadbir oleh kerajaan British yang beroirentasikan kepentingan ekonomi kapitalis. Justeru berlakulah kemasukan buruh dari Cina dan India secara besar-besaran untuk terlibat dalam sektor perlombongan dan pertanian. Malahan daripada suatu segi terdapat suatu bentuk kepercayaan bahawa kadar kemasukan imigran Cina ke Tanah Melayu merupakan indeks yang menunjukkan kemajuan dan perkembangan ekonomi. Sebagai contoh pada 1890, masyarakat Cina secara tidak langsung telah menyumbang 89% pendapatan negeri Selangor (Andaya & Andaya 1982).

Jadual 1.1 menunjukkan pertambahan golongan imigran di Tanah Melayu dan penduduk asal Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

Jadual 1.2 menunjukkan peningkatan golongan imigran ke Tanah Melayu yang merupakan suatu bentuk manifestasi pesepatan

JADUAL 1.1 Pertambahan peratusan kaum di Tanah Melayu dari 1911-31

Kaum	1911-21	1921-31
Melayu	15%	17%
Cina	28%	46%
India	77%	32%

Sumber: R. Emerson (1979, 20).

ekonomi negara ini. Akibatnya nisbah penduduk bumiputera-imigran di negara ini hampir seimbang seperti yang ditunjukkan melalui jadual di bawah.

JADUAL 1.2 Jumlah penduduk Tanah Melayu mengikut kaum untuk tahun 1921 di Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat

Kaum	1921
Melayu	1 627 108 orang
Cina	1 173 354 orang
India	471 628 orang

Sumber: K.G. Tregonning (1964, 185).

Masyarakat Melayu secara umumnya tidak terlibat dalam pemerolehan perkembangan pesat ekonomi Tanah Melayu. Mereka masih tinggal di kawasan luar bandar dan terus mengusahakan tanaman padi dan pertanian sara diri yang lain (Chai 1964). Masyarakat Melayu diharapkan menjadi pembekal makanan ruji khusus kepada penduduk Negeri-Negeri Selat yang berkembang pesat daripada segi kependudukan dan kegiatan ekonomi. Bekalan beras yang mencukupi dan stabil adalah perlu untuk mengelakkan pergantungan kepada negara jiran dan menyelamatkan pengaliran wang keluar.

Potensi bahan mentah untuk dieksploitasi dan kesesuaian iklim untuk kegiatan pertanian menyebabkan kerajaan British meletakkan keperluan untuk mewujudkan suatu sistem kerajaan yang berkesan dan cekap sebagai kepentingan utama mereka. Kewujudan kerajaan demikian akan mewujudkan suasana stabil dan sesuai untuk mengeksploitasi ekonomi negara. Persoalan lain seperti pendidikan dan kebajikan menerima pertimbangan yang kedua. Kesan dasar ini terhadap orang Melayu adalah amat buruk dan ia mempengaruhi status ekonomi, politik dan sosial mereka (Sandhu 1980).

Perusahaan bijih timah yang diusahakan oleh pengusaha Eropah dan Cina dianggap sangat penting dan memberikan sumbangan dalam berbagai cara kepada ekonomi negara ini. Justeru kerajaan British telah mendirikan rel keretapi seperti Taiping-Port Weld (1885) dan Kelang-Kuala Lumpur (1886) yang didirikan untuk menghubungkan kawasan perlombongan dan pelabuhan (Chai 1964). Kepesatan kedua ekonomi tersebut boleh dirujuk daripada situasi ekonomi Negeri Sembilan pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20. Pada 1901, jumlah penduduk negeri itu adalah 96 028 dengan 56 935 merupakan orang Melayu. Baki jumlah tersebut adalah golongan imigran. Angka tersebut menunjukkan peningkatan golongan imigran yang drastik dan merubah aspek kependudukan Negeri Sembilan. Pada 1902, sepikul getah dikeluarkan dari negeri itu. Pengeluaran bahan tersebut merupakan suatu rekod dan pencapaian tertinggi dalam pengeluaran tahunan getah untuk Negeri Sembilan (Gullick 1967).

Aktiviti perlombongan pula memperlihatkan penguasaan orang Cina yang bertambah kuat pada suku pertama abad ke-19. Penguasaan yang kukuh ini membayangkan bahawa industri perlombongan bijih timah di Negeri Sembilan sebagai hak milik orang Cina (Gullick 1967). Daripada sudut yang lain pula, aktiviti perlombongan bijih timah telah diusahakan oleh masyarakat Melayu dengan peralatan tradisional. Kehadiran golongan imigran dengan kaedah dan peralatan yang lebih baik serta produktif telah memperlihatkan penguasaan industri tersebut. Hakikat ini dapat dirujuk daripada penguasaan pembesar Melayu yang semakin longgar dalam industri itu. Pada pertengahan kurun ke-19, Dato Bandar Tunggal di Sungai Ujong membiayai dan memiliki 20 buah lombong bijih timah di sekitar daerah tersebut. Namun demikian, jumlah lombong yang dimiliki telah berkurangan. Jelas sekali dengan kehadiran



an pentadbiran British, orang Melayu telah kehilangan kuasa politik dan ekonomi. Kuasa politik beransur-ansur hilang apabila Negeri-Negeri Selat (NS) dan kemudiannya Negeri Melayu Bersekutu (NMB) dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NMTB) dibentuk oleh kerajaan British.

Berbeza daripada imigran India, imigran Cina secara keseluruhannya menjalankan aktiviti ekonomi secara bebas daripada kawalan kerajaan British. Kebebasan dalam bidang pekerjaan akhirnya menyebabkan mereka membentuk komuniti yang agak terasing dan meminimumkan pengaruh kerajaan British dalam kehidupan mereka. Daripada sudut pentadbiran pula, kerajaan British menghadapi masalah mengawal komuniti ini yang cuba mengekalkan kebebasan mereka. Menurut Emily Sadka, Residen British menghadapi masalah dengan masyarakat Cina yang cuba mengekalkan autonomi mereka (Gullick 1967). Sebelum bermula dasar pro-Melayu, pendirian politik yang berbeza ditunjukkan oleh pegawai British. Ada antara mereka menunjukkan pendirian yang serupa dengan dasar imperialis yang biasa diamalkan oleh kerajaan British di seluruh tanah jajahannya. Contoh jelas untuk menerangkan kenyataan di atas boleh dirujuk daripada dasar yang dianjurkan oleh Frederick Weld, Gabenor Negeri-Negeri Selat. Beliau telah menggerakkan dasar mara ke hadapan di Tanah Melayu yang beranggapan bahawa terdapat bukti kukuh untuk memperkenalkan peradaban barat kepada penduduk Tanah Melayu (Sinclair 1967).

Dasar yang dianjurkan oleh Frederick Weld menumpukan kepada suatu tema utama iaitu kepentingan ekonomi British. Kepentingan inilah yang menyebabkan tumpuan dan perhatian tidak diberikan kepada penduduk asal di Tanah Melayu. Pendirian yang dipegang oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat telah dicerminkan oleh Residen yang terdahulu. Secara umum mereka beranggapan negeri Melayu adalah wilayah mereka dan yakin bahawa adalah menjadi hak dan kewajipan mereka untuk mentadbirnya. Mereka tidak memberi perhatian kepada teguran yang berterusan daripada Pejabat Tanah Jajahan supaya mereka menjuruskan aktiviti kepada memberikan nasihat sahaja seperti yang tertera dalam perjanjian asal. Sebaliknya mereka menumpukan usaha untuk menyingkirkan setengah-setengah institusi yang dianggap tidak sesuai dalam proses kemajuan yang didasarkan kepada kaca mata kerajaan Victoria mereka.

Mereka berhasrat membuka Tanah Melayu kepada perdagangan moden dan mewujudkan suasana yang selamat untuk pelaburan asing (de Allen 1964). Ditinjau dengan lebih mendalam lagi, sikap pegawai awal amat nyata jika dirujuk kepada corak pentadbiran dan pegangan Frank Swettenham. Selaku pegawai British yang senior, beliau beranggapan suasana di Tanah Melayu sebelum campur tangan British adalah bersifat tidak berupaya untuk berubah. Keadaan ini dikatakan berlaku dan merangkumi semua perkara. Mengikut pendapat Swettenham, faktor inilah yang menyebabkan Tanah Melayu tidak mempunyai sebuah kerajaan pusat yang kuat, perdagangan yang makmur, hak pemilikan dan tamadun. Justeru adalah menjadi misi pentadbiran British untuk memajukan masyarakat dan ketiadaan kerajaan pusat yang kuat, sistem keadilan dan keselamatan, pelaburan asing dan aktiviti mengeksploitasi ekonomi akan menimbulkan risiko yang besar kepada masa depan masyarakat Melayu.

Sehubungan dengan dasar beliau itu, Swettenham beranggapan bahawa masyarakat Melayu tidak mempunyai potensi menjadi pengusaha pertanian atau pemilik ladang kerana hanya orang Eropah sahaja memiliki ketajaman fikiran dalam perniagaan. Swettenham juga lebih cenderung dalam membelanjakan wang untuk membesarkan Pehidmatan Awam dan meluaskan rangkaian laluan keretapi berbanding pendidikan (de Allen 1964). Jelas sekali, sebelum dasar pro-Melayu dilaksanakan, idea politik seperti bergerak ke hadapan dan keadaan tidak boleh maju oleh Weld dan Swettenham telah mencorakkan pentadbiran British.

### Dasar Pro-Melayu

Sebelum Perang Dunia Kedua, kerajaan British cenderung menjalakan dasar yang dikenali sebagai dasar pro-Melayu. Secara umum, melalui dasar yang tidak rasmi ini, kerajaan British beranggapan bahawa hanya masyarakat Melayu dan penduduk Negeri-Negeri Selat (NS) sahaja sebagai penduduk Tanah Melayu. Penduduk bukan Melayu di Negeri-Negeri Selat turut menerima taraf yang sama kerana Pulau Pinang, Melaka dan Singapura bertaraf tanah jajahan. Dasar yang diamalkan oleh kerajaan British dapat dirujuk daripada kenyataan Frank Swettenham mengenai status golongan imigran. Menurut beliau:

Walaupun matlamat utama adalah untuk memberikan faedah kepada orang Melayu dan menjadikan kehidupan mereka lebih berbahagia, mereka (kerajaan British) menyedari bahawa mereka perlu menganggap orang Cina sebagai pekerja dan penghasil keuntungan (Sadka 1962).

Pentingnya orang Cina kepada kerajaan British sememang tidak dapat dinafikan. Dengan kehadiran mereka, kerajaan British memperoleh pungutan cukai yang besar hasil daripada aktiviti perlombongan bijih timah. Justeru kerajaan telah menggalakkan aktiviti perlombongan bijih timah kerana empat perlima daripada pendapatan negeri Perak dan Selangor bersumberkan bijih timah (Butcher 1978).

Dasar pro-Melayu bertanggungjawab menyebabkan terbentuknya dua kumpulan masyarakat. Kumpulan pertama adalah masyarakat Melayu sebagai penduduk asal dengan kegiatan sosioekonomi yang tidak banyak berubah. Kumpulan kedua pula adalah golongan imigran yang kemasukan mereka ke Tanah Melayu direncanakan oleh kerajaan British untuk memenuhi permintaan perkembangan pesat ekonomi negara ini melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan perdagangan moden. Sebagai implikasinya, terbentuklah sistem ekonomi duaan dengan ciri yang berbeza dalam sebuah negara yang sama.

Peristiwa pembunuhan James Birch, Residen British yang pertama di Perak pada 1875 secara tidak langsung telah menjadi titik tolak perubahan paradigma politik pentadbiran kerajaan British ke arah dasar yang lebih condong kepada masyarakat Melayu. Kerajaan British tidak mahu menanggung risiko peristiwa yang sama berulang kembali. Melalui dasar pro-Melayu, kerajaan British telah meletakkan masyarakat Melayu dalam kedudukan istimewa berbanding kumpulan etnik lain. Kedudukan istimewa ini dirujuk semula melalui perjanjian antara Britain dengan Negeri Melayu yang menetapkan obligasi British untuk melindungi dan mengekalkan kesultanan Melayu (Puthucheary 1978).

Dasar pro-Melayu yang bersumberkan perjanjian yang telah termetraai disentuh oleh Sir William Ormsby-Gore, Setiausaha Rendah Parlimen Untuk Tanah Jajahan apabila beliau melawat tanah Melayu pada 1928. Menurut beliau, kedudukan British di setiap negeri di Tanah Melayu bergantung sepenuhnya kepada perjanjian di antara kedua-dua pihak. Beliau juga menekankan bahawa per-

ubahan yang berlaku akibat perjanjian tidak boleh merubah status fundamental masyarakat Melayu. Beliau juga menegaskan bahawa negeri di Tanah Melayu perlu dikekalkan sebagai "negeri Melayu" dan matlamat terpenting pentadbiran British adalah kemajuan orang Melayu kerana kehadiran British di negara ini adalah atas undangan orang Melayu (Puthuheavy 1978). Sentimen dasar pro-Melayu tidak didasarkan kepada keinginan untuk mematuhi dan melaksanakan perjanjian dengan Negeri Melayu sahaja. Faktor lain yang mendorong pelaksanaan dasar pro-Melayu ialah kemunculan suatu golongan pentadbir baru yang memperjuangkan konsep hak istimewa orang Melayu sebagai penduduk asal negeri ini.

E.W. Birch (Residen Perak 1904-11) dan pegawai British yang lain seperti R.J. Wilkinson, A.H. Haynes, C.W.C. Parr, R.O. Winstedt dan C.W. Harrison adalah contoh pegawai British yang semasa tempoh perkhidmatan mereka telah memperlihatkan kecenderungan British untuk bersimpati dengan masyarakat Melayu.

Golongan ini berpendapat bahawa masyarakat Melayu adalah "pewaris semula jadi" negara ini. Justeru mereka telah mengetengahkan kepentingan orang Melayu dalam aturan baru suasana politik Tanah Melayu. Mereka juga mendesak supaya lebih hak diberikan kepada kerajaan negeri (Wah 1982).

Pendirian politik Hugh Low yang menerajui pentadbirannya juga menunjukkan sikap bersimpati dan tidak memandang rendah masyarakat Melayu. Hugh Clifford pula menganggap masyarakat Melayu wajar dilihat di dalam bentuk pemerintahan silam yang mempunyai persamaan dengan zaman feodal Eropah, empat atau lima abad yang terdahulu. Tidak seperti Swettenham, Clifford tidak menafikan kewujudan institusi politik Melayu sebelum 1874. Menurutnyanya, masyarakat Melayu tidak boleh dianggap tidak mempunyai peradaban walaupun begitu berbeza daripada tamadun Barat (de Allen 1964).

### Dasar Pro-Melayu di Negeri Melayu Tidak Bersekutu

Dalam membincangkan pelaksanaan dasar pro-Melayu, adalah wajar untuk ditinjau keadaan politik di Negeri Melayu di utara dan Johor. Daripada pelbagai aspek, jelas bahawa masyarakat Melayu di negeri itu menikmati kebebasan yang lebih (Puthuheavy 1978). Dasar pro-

Melayu yang menonjol di NMTB dapat dilaksanakan kerana secara relatifnya negeri tersebut lewat menerima kawalan dan pengaruh kerajaan British. Kelewatan ini bermakna terdapat selang waktu untuk mengkaji kelemahan yang dilakukan oleh kerajaan British di Negeri Melayu Bersekutu (NMB).

Selain dapat menganalisis kelemahan yang berlaku di NMB supaya tidak berulang, dasar pro-Melayu yang ketara dikaitkan dengan hakikat kawalan British lambat dirasakan di NMTB. Menjelang tahun 1909, barulah kerajaan British berjaya mewujudkan pengaruhnya di negeri utara walaupun hanya berjaya mewujudkan jawatan Agen British di Terengganu. Jangkamasa daripada Perjanjian Inggeris-Siam (1902) yang membolehkan Siam melantik pegawai British sebagai Penasihat di Terengganu dan Kelantan dianggap sebagai asas sebelum kawalan kerajaan British yang bermula pada 1909 (Yeo 1982).

Daripada struktur politik pula, NMTB bukanlah bersifat persekutuan. Negeri itu hanya menerima kawalan am daripada Pesuruhjaya Tinggi. Kehadiran pegawai British dalam bentuk Penasihat ditugaskan untuk mematuhi dasar am yang telah ditetapkan oleh Pesuruhjaya Tinggi. Penasihat dan Pesuruhjaya Tinggi juga mempunyai hubungan yang terbatas kerana jarak dan halangan komunikasi (Yeo 1982). Masyarakat Melayu di negeri itu menikmati berbagai kemudahan sebagai implikasi dasar pro Melayu. Sebagai contoh di negeri Kedah telah dipersetujui antara kedua-dua pihak bahawa pentadbiran negeri seboleh mungkin akan dijalankan oleh pegawai Melayu terutama yang berasal dari negeri Kedah. Dewan Undangan Negeri (DUN) pula dibolehkan memilih rakyat negeri itu untuk menerima pendidikan tinggi di Eropah atau negara Arab dengan tujuan memegang jawatan kerajaan apabila pulang Puthuchearry 1978). Minit DUN Kedah tidak pula mencatatkan pengaruh atau keaktifan Penasihat British. Malah dewan itu yang dianggotai oleh ahli Melayu mempunyai bidang kuasa yang luas seperti meluluskan perlantikan hakim, tambahan Peraturan Am dan pertukaran pegawai. Dewan juga mempunyai kuasa menyemak semula skim gaji dan memilih serta meluluskan tender (HCO 534/1922). Bahasa Melayu telah dijadikan bahasa rasmi di NMTB. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran menyebabkan tidak sukar mendapatkan orang Melayu terutama keluarga diraja untuk mengisi jawatan di dalam pentadbiran kerajaan. Keseriusan melatih pegawai Melayu di

NMTB adalah jelas kerana mereka tidak dilatih untuk jawatan rendah tetapi untuk jawatan pentadbiran yang lebih tinggi (Puthucheary 1978).

Kenyataan yang dibincangkan itu menunjukkan bahawa orang Melayu di negeri tersebut menjalankan pentadbiran seharian dan Penasihat British pula bertindak selari dengan jawatannya. Di samping itu juga di NMTB wujud jawatan Setiausaha Melayu yang mempunyai peranan eksekutif. Bersama-sama dengan pembantu Penasihat British, mereka akan menyelesaikan masalah yang kecil dan rutin. Setiausaha Melayu akan berurusan dengan Penasihat British untuk menyelesaikan perkara yang penting serta menguruskan perjumpaan mingguan dengan Sultan.

Dalam struktur pentadbiran negeri, Sekretariat Melayu merupakan komponen yang penting. Apabila sesuatu keputusan muktamad diambil, arahan eksekutif akan dikeluarkan oleh sekretariat ini (Yeo 1982). Selain Sekretariat Melayu, terdapat jawatan Menteri Besar yang dijabat oleh pembesar Melayu. Di negeri Kedah, Menteri Besar bebas bertindak dalam menentukan peluang pendidikan tinggi untuk rakyat negeri itu (Puthucheary 1978).

Di negeri Terengganu, sebelum campur tangan British telah wujud institusi politik tempatan walaupun struktur kerajaan negeri tersebut dianggap longgar. Dalam pentadbiran negeri, sultan dibantu oleh Majlis Negeri yang dianggap sebagai institusi politik yang telah lama wujud sebelum campur tangan British. Walaupun sudah merasakan kehadiran British selepas 1909, masih wujud jawatan birokratik seperti Menteri, Dato Mata-Mata, Dato Panglima Dalam dan Dato Bandar (de Allen 1968).

Amalan yang diamalkan di NMTB telah membuahkan hasil yang nyata selepas Perang Dunia Kedua apabila lebih ramai orang Melayu yang berkelayakan dalam bidang profesional dan teknikal berbanding dengan di NNMB (Puthucheary 1978). Kehadiran Menteri Besar Melayu bukan sahaja bermakna wujud penglibatan kaum ini dalam pentadbiran negeri, malahan dalam banyak hal menentukan dasar pro-Melayu dilaksanakan dan dikekalkan. Menteri Besar Terengganu, Che Ngah yang kemudiannya bergelar Dato Amar telah menggubal perlembagaan negeri itu pada 1911 dengan mencontohi model negeri Johor. Dengan adanya perlembagaan negeri itu, Terengganu dapat menghindarkan pengaruh British untuk satu jangka waktu yang relatifnya lebih panjang daripada negeri Melayu yang

lainnya. Keaktifan struktur organisasi tempatan menyebabkan pengaruh dan kehadiran Agen British yang pertama, W.D. Scott terbatas dan hanya berperanan sebagai konsular sahaja. Penggantinya Eric Dickson juga gagal untuk mewujudkan pengaruh yang berkesan dan tugas beliau hanya untuk hubungan perdagangan. Dalam persoalan ini, Sultan Zainal Abidin III menjadi penghalang kepada cita-cita British untuk meluaskan pengaruh mereka yang terbatas kepada kehadiran pegawai British yang bertaraf Agen. Kerajaan Britain hanya berjaya menukarkan taraf pegawainya kepada Penasihat hanya selepas kemangkatan sultan itu.

Dengan terbatasnya pengaruh dan kawalan British, dasar pro-Melayu dapat dijalankan dengan secara yang lebih mudah dan berkesan. Di akhir pentadbiran J.L. Humphreys, orang Melayu mempunyai kuasa eksekutif yang penuh ke atas bidang perbendaharaan, audit, kastam dan eksais serta pendidikan. Mahkamah di negeri itu juga ditadbir oleh orang Melayu. Hakim Melayu dan Inggeris bersama-sama bersidang dalam Mahkamah Agung. Mahkamah rayuan dianggotai oleh tiga orang hakim, dua daripadanya berbangsa Melayu. Longgarnya kawalan British di Kelantan juga menyebabkan dasar pro-Melayu dapat dilaksanakan. Skop pentadbiran British bertumpu kepada aspek yang tertentu sahaja. Hakikat ini dapat dirujuk daripada pentadbiran Penasihat British yang pertama, J.S. Mason. Tugas beliau bertumpu kepada usaha mengubahsuai sistem kewangan, perundangan dan pentadbiran daerah. Pengganti beliau, Langham-Carter pula meneruskan pentadbiran yang semakin berkembang skop dan kecekapannya (Huessler 1981).

Sebagai penasihat British yang ketiga, R.J. Farrer telah meneruskan kesinambungan pentadbiran negeri Kelantan dengan melaksanakan dan memajukan sistem tanah (Huessler 1981).<sup>38</sup> Di negeri ini, pembesar tradisional seperti Tengku, Ungku, Nik dan Wan masih berpengaruh terutamanya di kalangan rakyat. Di sudut yang lain pula, pentadbiran British terbatas kepada beberapa bidang tertentu. Kehadiran pegawai British dalam jumlah yang kecil menyebabkan secara umumnya pentadbiran negeri ini dikuasai oleh orang Melayu.

Untuk negeri yang majoritinya masyarakat Melayu, dasar pro-Melayu ini adalah suatu kemestian. Negeri Melayu di utara tidak menghadapi masalah kehadiran imigran yang serius kerana kegiatan

penerokaan ekonominya secara relatifnya tidak serancak di Negeri-Negeri Selat atau di Negeri Melayu Bersekutu. Justeru keperluan untuk memuaskan kehendak penduduk asal dan golongan imigran yang berbeza-beza tidak timbul. Pentadbiran British dengan bantuan pegawai Melayu yang diketuai oleh Menteri Besar dapat memberikan tumpuan kepada kehendak masyarakat Melayu. Di samping itu, kawalan yang ketat daripada kerajaan British tidak dapat diimplementasikan kerana orang Melayu tidak akan dapat menerima Penasihat British yang mengamalkan ciri pentadbiran Residen (Yeo 1982).

Gabenor Negeri-Negeri Selat, C.B. Mitchell telah mengadakan suatu lawatan ke Kelantan dan Terengganu pada bulan September 1896. Semasa mengadakan pertemuan dengan Sultan Terengganu pada 6 September, beliau menyatakan bahawa kerajaan British menganggap Terengganu sebagai negeri yang merdeka yang mendapatkan nasihat daripada Siam dan Singapura. Apabila berada di Kelantan telah berlaku suatu kontroversi pengibaran bendera Siam semasa lawatan Mitchell ke negeri itu. Dia di dalam pertemuan dengan Sultan Kelantan jelas tidak bersetuju dengan pengibaran bendera Siam itu. Dalam laporannya, Mitchell menegaskan bahawa kerajaan British perlu mengingatkan kerajaan Siam bahawa Perjanjian Burney masih berkuatkuasa dan menegaskan bahawa kerajaannya tidak membolehkan 'kebebasan dalaman' kedua-dua negeri itu digugat oleh Siam. Beliau merujuk kepada artikel 12 di dalam perjanjian itu yang menyatakan:

Siam tidak boleh mengganggu perdagangan di Kelantan dan Terengganu. Rakyat British akan dapat berniaga dengan kemudahan dan kebebasan yang sama (CO 273.217)

Pengibaran bendera Siam di Kelantan semasa lawatan Mitchell mempunyai beberapa implikasi. Ekoran peristiwa tersebut, dalam dialog antara Mitchell dan Sultan Kelantan, Sultan itu mengakui bahawa negerinya adalah di bawah kawalan dan sebahagian jajahan Siam. Malahan beliau mengakui bahawa beliau adalah seorang pegawai Siam (CO 273/217).

Beberapa kenyataan di atas mempunyai kaitan dengan dasar British di negeri Melayu di utara. Walaupun Kelantan dan Terengganu telah disentuh di dalam Perjanjian Burney, pengaruh British



dikatakan bermula secara tidak rasmi pada 1902 dan kemudiannya menerusi Perjanjian Bangkok 1909. Malahan di Terengganu, perubahan daripada Agen kepada Penasihat British mengambil masa yang lama. Jelas kehadiran British di negeri Melayu di utara adalah lambat. Malahan pada 1896, British masih menganggap Terengganu sebagai negeri yang merdeka sedangkan penguasaan British di NMB diperkukuhkan dengan mewujudkan jawatan Residen-Jeneral.

Kenyataan Sultan Kelantan dalam pertemuannya dengan Mitchell membawa implikasi bahawa sepanjang tempoh Perjanjian Burney (1826)-Perjanjian Bangkok (1874), pengaruh British tidak dirasakan di negeri itu. Kehadiran Penasihat British pula lebih bertumpu kepada perkara teknikal seperti pembentukan sistem tanah dan hak pemilikan yang bersistematik. Aspek pentadbiran yang fundamental masih tidak berubah. Sebagai implikasinya dasar pro-Melayu terjelma dalam pentadbiran kerajaan negeri.

Negeri Johor merupakan salah sebuah negeri Melayu yang terakhir menerima kehadiran pegawai British dalam pentadbirannya. Sepanjang sejarahnya sebelum Perang Dunia Kedua, negeri Johor mempamerkan dasar pro-Melayu yang nyata. Malahan pentadbirannya tetap dijalankan oleh pembesar Melayu. Dengan adanya pembesar yang berkaliber seperti Sultan Abu Bakar, anaknya Sultan Ibrahim dan Dato Seri Amar di Raja sebagai Menteri Besar, pengaruh British dapat dihindarkan pada tahap yang minima. Johor berjaya mengekalkan kebebasan dalam urusan dalamannya lama selepas negeri Melayu yang lain berada di bawah kawalan British. Sultan Abu Bakar dan anaknya Sultan Ibrahim dianggap sama dengan Raja Mongkut dan Chulalongkorn di Siam dalam tindak balas mereka terhadap kuasa Barat. Mereka telah membuka negeri masing-masing kepada perdagangan asing dan berusaha mencontohi idea Barat dalam pentadbirannya. Ketokohan Sultan Abu Bakar telah disentuh oleh Lord Carnavon di dalam House of Lords pada 27 Mei 1879 sebagai:

Suatu contoh yang jarang dan nyata yang kadang-kala kita temui di dalam kehidupan di Timur yang rajanya menerima peradaban Barat dan meletakkan dirinya secara aktif di dalam usaha memajukan negerinya. (Thio 1967)

Jelas sekali, sebelum kehadiran British, Johor wujud sebagai negeri yang teratur berserta dengan jawatan Menteri Besar Melayu dan Setiausaha Negeri. Pada 1886, pentadbiran yang teratur telah terjelma di negeri itu dengan kewujudan Pejabat Setiausaha Negeri, Perbendaharaan, Pejabat Audit, Mahkamah Agung, Pejabat Percetakan Kerajaan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Ukur, Perkhidmatan Pos dan sebagainya (Thio 1967).

Seperti di negeri Kedah, telah dipersetujui antara Sultan Johor dan Gabenor Negeri-Negeri Selat bahawa akan diadakan sekolah Melayu yang akan mendidik para pelajar Melayu supaya akhirnya dapat mengambil bahagian dalam pentadbiran negeri. Selain pendidikan, keutamaan diberikan kepada orang Melayu Johor apabila wujud kekosongan jawatan dalam pentadbiran negeri. Untuk melengkapkan lagi dasar pro-Melayu di negeri itu, bahasa Melayu telah dijadikan bahasa rasmi (Puthuchearry 1978). Pengambilan orang Melayu dalam pentadbiran negeri dijadikan dasar rasmi apabila terdapat peruntukan khusus secara bertulis dalam beberapa perjanjian yang menjamin pengambilan mereka di dalam pentadbiran kerajaan negeri (Yeo 1987).

Dua keadaan yang berbeza di antara Johor dan NMB dapat dilihat melalui hakikat bahawa semasa raja Melayu di empat buah negeri itu terpaksa menerima nasihat daripada Residen masing-masing, di Johor sultannya mempunyai kuasa untuk memilih dan melantik ahli Dewan Undangan Negeri (Thio 1967)

Dasar pro-Melayu diperakui dalam perlembagaan bertulis Johor yang disusun oleh Dato Seri Amar di Raja Abdul Rahman pada 14 April 1894. Dalam perlembagaan itu dinyatakan bahawa sultan atau pembedar negeri tidak boleh menyerahkan kuasa kepada mana-mana kuasa Eropah. Kewibawaan Dato Seri Amar juga memainkan peranan besar dalam mengekalkan kebebasan Johor. Beliau berusaha untuk mengatasi apa juga kegiatan yang mengganggu kebebasan Johor (Thio 1967).

Daripada perbincangan di atas, jelaslah bahawa kewujudan tiga elemen politik yang berkesan telah menghalang pengaruh dan kawalan British untuk suatu tempoh yang lebih lama berbanding dengan negeri Melayu yang lain. Elemen tersebut adalah pentadbiran tempatan yang teratur dan berkesan sebelum campur tangan British, kemampuan pembedar negeri, dan kewujudan perlembagaan negeri yang bertulis. Hakikat ini dapat dibuktikan apabila Gabenor Negeri-

Negeri Selat, John Anderson beranggapan bahawa Dato Seri Amar di Raja Abdul Rahman sebagai penghalang kepada hasrat British untuk menguasai seluruh Tanah Melayu. Melalui desakan Anderson, Sultan Ibrahim mengarahkan Dato Seri Amar untuk bersara daripada jawatannya (Sinclair 1967). Pada peringkat awal iaitu jangka masa antara 1910 hingga Mei 1914, kehadiran dan pengaruh Penasihat British yang pertama, D.G. Campbell tidak begitu dirasakan kerana beliau tidak memiliki kuasa seorang Residen. Beliau dianggap sebagai kaki tangan kerajaan negeri dan tarafnya menyebabkan nasihat beliau tidak perlu diikuti oleh sultan.

Sebagai reaksi kepada keadaan sedemikian, Sultan Ibrahim terus didesak supaya meminda perjanjian 1885 untuk mengabsahkan perlantikan Penasihat Am dengan kuasa yang lebih. Pada bulan Mac 1914, beliau menerima Penasihat British dengan kuasa seorang Residen. Kini Penasihat British bertanggungjawab kepada Pesuruhjaya Tinggi British dan bukan lagi kakitangan sultan. Nasihat beliau terpaksa dipatuhi (Sinclair 1967).

Perkembangan politik yang berlaku di NMTB dan Johor hingga termetrai Perjanjian Bangkok 1909 dan peningkatan kuasa penasihat Am di Johor pada 1914 menjurus kepada pengukuhan kuasa British daripada hanya sebagai penasihat sahaja. Namun demikian di negeri itu dasar pro-Melayu tetap diamalkan oleh pentadbir Melayu. Dasar ini tidak pula dirombak dalam tempoh transisi kuasa kepada pentadbiran kerajaan British. Rata-rata ahli sejarah berpendapat bahawa dasar ini lebih terjelma di NMTB berbanding dengan NMB.

### Dasar Pro-Melayu di Negeri Melayu Bersekutu

Adalah tidak tepat untuk membuat kesimpulan bahawa dasar pro-Melayu tidak diamalkan di NMB. Jika dirujuk kepada kenyataan yang dibuat oleh Pejabat Tanah Jajahan di London dan oleh pegawai tinggi kerajaan British di London atau di Tanah Melayu, jelas bahawa keputusan yang dibuat mengambilkira kepentingan masyarakat Melayu. Seawal 1893, dalam suratnya kepada Lord Rippon iaitu Setiausaha Negara di London, Cecil Smith menyatakan pendapat beliau mengenai penubuhan persekutuan empat buah negeri Melayu yang kemudiannya dibentuk pada 1896. Menurut Cecil Smith, masyarakat Cina tidak mempunyai masalah untuk

menerima sebarang bentuk kerajaan asalkan kerajaan itu tidak bersikap menekan. Tambah beliau lagi masyarakat Melayu harus diberi pertimbangan yang sewajarnya dengan mengambilkira faktor budaya dan tradisi mereka. Sebelum itu, Lord Rippon di dalam memorandum peribadinya kepada Charles Mitchell menekankan kepentingan untuk tidak menimbulkan keraguan pembesar Melayu atau memberikan gambaran bahawa mereka dipaksa untuk tunduk kepada kehendak kerajaan British (Chai 1964). Beliau beranggapan penubuhan NMB bertujuan meletakkan pentadbiran negeri Melayu yang terlibat pada tahap yang lebih baik lagi. Smith juga menegaskan bahawa terdapat dua prinsip dalam menubuhkan persekutuan itu.

Prinsip itu adalah:

1. Kewibawaan Gabenor Negeri-Negeri Selat tidak akan terjejas
2. Sistem yang diperkenalkan mestilah tidak menimbulkan keraguan di kalangan masyarakat dan pemimpin Melayu (CO 273/ 217)

Untuk menjamin penglibatan raja Melayu dalam persekutuan itu, beliau mencadangkan penubuhan suatu majlis pertemuan raja Melayu. Dengan adanya majlis ini, raja Melayu akan menyedari realiti sesebuah persekutuan. Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan, Joseph Camberlain dalam perutusannya kepada Charles Mitchell telah menegaskan bahawa:

Saya ingin menzahirkan hasrat yang saya yakin akan dikongsi oleh anda semua, bahawa tidak akan ada sebarang masalah untuk menjaga kedudukan raja, mengajak mereka untuk bekerjasama dengan penasihat British untuk memajukan wilayah dan rakyat mereka. Mereka juga perlu diberi kefahaman bahawa perubahan yang dibuat adalah untuk persamaan dasar dan tujuan (CO 273/ 217)

Untuk tujuan pembentukan persekutuan itu, Swettenham bertindak sebagai wakil British untuk mendapatkan persetujuan raja yang terlibat. Dalam menjalankan tugas itu, beliau diingatkan supaya menjelaskan kepada raja Melayu bahawa kuasa dan keistimewaan serta hak berkerajaan sendiri tidak akan dikurangkan.

Kenyataan di atas membayangkan bahawa dengan terbentuknya persekutuan, NMB akan menikmati dasar pro-Melayu. Namun demikian segala kenyataan yang telah dibuat tidak dapat diimplementasikan sebagai dasar pentadbiran kerajaan British di NMB. Perjanjian Persekutuan 1896 juga memperkenalkan jawatan baru dalam birokrasi iaitu Residen Jeneral. Menurut Swettenham, Residen Jeneral akan mempunyai kuasa kawalan eksekutif. Ini menunjukkan bahawa kerajaan British mempunyai niat yang berbeza berbanding jaminan jelas yang diberikan mengenai kuasa dan kedudukan raja Melayu. Sehubungan dengan pengenalan Residen Jeneral, Residen hanya akan berperanan sebagai Ejen. Kerajaan di peringkat pusat pula akan mengawal perbendaharaan bersama dengan badan perundangan yang secara beransur-ansur mengambilalih peranan Dewan Undangan negeri sebagai badan perundangan (Chai 1964).

Dalam kerangka birokrasi NMB, Residen Jeneral akan menyelia dan mengawal pentadbiran setiap negeri. Kehadirannya dalam pentadbiran mewujudkan suatu pentadbiran berpusat yang cekap dan besar tetapi menyebabkan raja tidak mempunyai peranan (Emerson 1979). Kekuatan pengaruh Residen Jeneral dapat dirujuk daripada kenyataan ringkas George Maxwell. Menurut beliau:

Seperti seorang Residen kepada kerajaan negeri, begitulah Residen Jeneral terhadap Kerajaan Persekutuan (Chai 1964)

Jelaslah kuasa raja makin berkurangan apabila birokrasi NMB semakin mantap. Kuasa mereka semakin jauh berkurangan apabila sistem Residen diperkenalkan. Keadaan ini bertambah buruk apabila pelantikan Residen Jeneral dilakukan kerana kuasa semakin berpusat di tangannya.

Menurut Eunice Thio, Perjanjian Persekutuan 1896 adalah "suatu draf yang longgar" kerana terlalu banyak percanggahan dan kesamaran (Thio 1968)). Kelemahan ini dijelaskan lagi oleh John Anderson. Menurut beliau satu perbezaan utama Persekutuan NMB dengan semua persekutuan yang lain adalah ketiadaan kawalan oleh negeri yang menyertainya ke atas kuasa pusat. Di dalam persekutuan yang lain, prinsip kawalan itu merupakan suatu ciri penting (Thio 1969).

Perkembangan politik selepas 1896 di NMB menunjukkan bahawa kewujudan dasar pro-Melayu tidak berada di tahap yang sama dengan NMTB.

Dasar pro-Melayu hanya akan dapat dijalankan sekiranya elemen politik terpenting dasar ini iaitu pembesar dan raja Melayu menikmati kuasa seperti sebelum permulaan campur tangan ataupun seperti yang dinikmati di NMTB. Menyedari akan hakikat ini, Raja Iskandar dari Perak yang dianggap mewakili raja Melayu yang lain telah menyuarakan rasa tidak puas hatinya semasa Durbar di Kuala Lumpur pada 1903. Beliau telah menyentuh pemusatan kuasa yang berlebihan di tangan Residen Jeneral. Untuk menyokong pendapatnya, beliau telah membuat perbandingan antara NMB dan Johor yang sultannya mengawal dan mengarahkan pentadbiran (Klein 1968). Dalam persidangan itu, Raja Iskandar mencadangkan supaya negeri yang menyertai NMB diwujudkan sebagai entiti yang tersendiri dan bukannya digabungkan dalam sebuah persekutuan (Ghosh 1967).

Setakat ini perbincangan menunjukkan bahawa dasar pro-Melayu di NMB tidaklah seperti yang dilaksanakan di NMTB. Namun demikian pada hakikatnya dasar ini turut dilaksanakan walaupun tidak mencapai kejayaan seperti yang diharapkan oleh Pejabat Tanah Jajahan di London ataupun boleh dijadikan perbandingan dengan NMTB. Menurut Gullick, dalam melaksanakan pentadbiran yang baru, kerajaan British tetap memerlukan pembesar dan raja Melayu. Golongan ini terus menerima "elaun politik" daripada perbendaharaan kerajaan sebagai ganti rugi kehilangan pendapatan. Di samping itu Dewan Undangan Negeri yang ditubuhkan juga membolehkan raja Melayu dan pembesar tempatan yang dipilih dirujuk dalam perkara yang berkaitan sebelum sesuatu keputusan diambil (Gullick 1969).

Kerajaan British telah menjadikan wakil Melayu sebagai kumpulan dominan dalam Dewan Undangan Negeri. Ini dapat dirujuk daripada komposisi ahli Dewan Undangan Negeri Perak pada 1895. Daripada jumlah 12 orang ahli, tujuh adalah wakil Melayu. Wakil Melayu dianggap lebih penting berbanding dengan wakil Cina. Kehadiran mereka dianggap sebagai pegawai negeri. Wakil Cina dianggap sebagai perwakilan komuniti asing dan yang lebih penting lagi mereka dianggap wakil industri terpenting iaitu bijih timah. Mereka juga tidak mempunyai sebarang jawatan dalam

pentadbiran negeri. Di negeri Perak, dua orang wakil Cina yang pertama dilantik adalah Chung Keng Kwee dan Chin Ah Yam. Mereka ini juga adalah ketua kongsi gelap. Di Selangor pula Yap Ah Loy, Yap Ah Shak dan Cheow Ah Yeok yang dilantik sebagai ahli Dewan Undangan Negeri adalah juga ketua-ketua pertubuhan rahsia (Sadka 1968).

Kehadiran mereka dalam Dewan Undangan Negeri adalah berkaitan dengan kepentingan ekonomi mereka sahaja. Sebagai contohnya, wakil masyarakat Cina dalam Dewan Undangan Negeri Perak, Kapitan Chang Ah Kwee pada 4 Mei 1879 telah mencadangkan supaya tanah pertanian dipajak selama 999 tahun dan bukannya 99 tahun sahaja. Cadangan seperti ini tentulah berkait dengan hasrat mereka untuk mewujudkan kelancaran perkembangan ekonomi tanpa menghadapi masalah hak milik untuk suatu tempoh yang lebih panjang. Oleh sebab berperanan sebagai wakil penguasa ekonomi moden, wakil Cina tidak menghadirkan diri dalam mesyuarat Dewan Undangan Negeri Perak pada 6 Februari 1878 yang membincangkan mengenai perlantikan Penghulu dan penyusunan mukim (Wilkinson 1971). Jelaslah dengan berlatarbelakangkan kemerosotan kuasa sultan, kerajaan British melalui Dewan Undangan Negeri telah memberikan peluang kepada raja dan pembesar Melayu untuk terlibat dalam membuat keputusan untuk negeri masing-masing. Pengaruh mereka dalam Dewan Undangan Negeri adalah besar berbanding dengan komuniti Cina yang hanya menumpukan perhatian kepada persoalan-persoalan ekonomi sahaja. Dengan melibatkan diri dalam Dewan Undangan Negeri, pembesar Melayu dapat turut serta menentukan pelantikan pegawai negeri, Tanah Simpanan Negeri dan belanjawan negeri.

Apabila John Anderson dilantik sebagai Gabenor Negeri-Negeri Selat pada 11 Disember 1909, beliau mencadangkan penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan. Penubuhan majlis ini juga pada 1909 boleh dianggap sebagai suatu usaha ke arah dasar pro-Melayu setidak-tidaknya pada peringkat teori. Anderson berpendapat dalam sesebuah persekutuan, negeri yang terlibat perlu mempunyai kawalan ke atas kuasa pusat dan penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan adalah suatu bentuk kawalan. Anderson juga memansuhkan jawatan Residen Jeneral dan digantikan dengan jawatan Ketua Setiausaha dengan kuasa yang berkurangan. Menurutnya pemansuhan itu adalah suatu langkah ke hadapan dalam

memberikan kuasa yang lebih kepada kerajaan negeri di dalam pentadbiran negeri.

Pada 1925, Lawrence Guillemard telah memberi ulasan terhadap tindakan Anderson. Menurut beliau, Anderson berharap perubahan yang diperkenalkan akan memulihkan kuasa dan tanggungjawab raja dan Residen seperti sebelum Persekutuan 1896. Sir Samuel Wilson, Setiausaha Rendah Tetap Tanah Jajahan dalam lawatannya ke Tanah Melayu pada 1932 menjelaskan bahawa Anderson cuba mengubahsuai sistem yang wujud kerana telah mula timbul rasa tidak puas hati di kalangan raja Melayu berhubung dengan kehilangan kuasa dalam kerajaan negeri (Thio 1967).

Dasar pro-Melayu yang cuba dilaksana oleh Anderson adalah melalui pemansuhan jawatan Residen Jeneral dan penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan tidak berjaya pada amalannya. Pemansuhan jawatan tersebut tidak membawa kepada pemulangan kuasa kepada raja dan kerajaan negeri. Kehadiran raja Melayu dalam majlis itu juga tidak membawa erti kerana mereka tidak mempunyai kuasa yang khusus seperti kuasa veto. Malahan tanpa kehadiran mereka, majlis tetap akan menjalankan proses membuat keputusan. Tanpa sebarang keistimewaan, kedudukan raja Melayu adalah tidak begitu penting (Butcher 1975).

### Dasar Pengagihan Kuasa (Disentralisasi)

Sementara itu pada 1920-an dan 1930-an, dasar pemencaran mula dijalankan. Dasar ini diharap dapat mengembalikan sebahagian kuasa kepada Residen, Raja dan Dewan Undangan Negeri kerana telah berlaku pemusatan kuasa yang keterlaluan di Kuala Lumpur menerusi Residen Jeneral, Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Pesuruhjaya Tinggi.

Dalam konteks ini, nama seperti Sir William George Maxwell, Ketua Setiausaha (1920-26), Sir Lawrence Guillemard, Gabenor Negeri-Negeri Selat-Pesuruhjaya Tinggi (1920-27) dan penggantinya Sir Cecil Climenti Smith adalah pegawai yang terlibat dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar pemencaran yang dalam beberapa hal bersifat pro-Melayu. Dalam memorandum Guillemard pada 27 September 1922, beliau mencadangkan supaya Dewan Undangan Negeri diberikan beberapa kuasa pentadbiran dan kewangan. Dewan



Undangan Negeri dicadangkan supaya boleh meluluskan permohonan konsesi pertanian dan perlombongan. Dewan Undangan Negeri juga akan meluluskan anggaran perbelanjaan mengenai pendapatan sultan, ketua pembesar, pegawai negeri, Residen, Pegawai Daerah dan sebagainya. Dewan Undangan Negeri juga dicadangkan mempunyai kuasa veto dalam perbelanjaan masjid, wakaf dan Penghulu. Untuk memfokuskan usaha disentralisasi ini, E.H. Hose, Residen Negeri Sembilan dilantik sebagai pengerusi Jawatankuasa Pemencaran pada 24 Januari 1923. Antara usaha jawatankuasa itu ialah mengkaji cara untuk memberikan kuasa kepada Dewan Undangan Negeri dalam soal kewangan yang melibatkan perbelanjaan negeri (Yeo 1982). Jawatankuasa ini mencadangkan supaya jabatan persekutuan berperanan sebagai badan penasihat dalam urusan pentadbiran negeri dan bukannya dalam bentuk eksekutif. Di samping itu, jawatankuasa ini mencadangkan kutipan pendapatan dan perbelanjaan negeri dijadikan urusan kerajaan negeri (Ghosh 1977).

Di samping beberapa inisiatif yang dijalankan oleh Guillemard, hanya berlaku dua perubahan yang nyata. Pertama adalah pemindahan autonomi kepada kerajaan negeri dalam isu perbelanjaan. Perubahan kedua adalah perubahan dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan. Satu perjanjian telah dimetrai yang menyebabkan raja Melayu berundur daripada penglibatan aktif dalam majlis itu tetapi mempunyai hak untuk menghadiri mesyuarat. Jumlah ahli tidak rasmi ditambah untuk menjadikan majlis itu sebuah organisasi yang mewakili golongan yang lebih besar lagi (Sandhu 1970). Cecil Smith dianggap pegawai tertinggi British yang bersungguh-sungguh melaksanakan dasar pemencaran dan pemulangan kuasa kepada raja Melayu. Puncak usaha beliau dapat dilihat daripada Durbar Seri Menanti 1931. Secara umumnya terdapat empat idea penting terhasil daripada persidangan itu iaitu;

1. Dalam NMB, kawalan ke atas kerajaan harus dikembalikan kepada pihak berkuasa negeri
2. Residen British tidak lagi mempunyai kuasa eksekutif
3. Jabatan kerajaan yang ada di Negeri-Negeri Selat, NMB dan NMTB akan diwujudkan dan ditempatkan di Singapura
4. Di NMB, jawatan Ketua Setiausaha perlu dimansuhkan (Maxwell 1982)

Selain Durbar Seri Menanti 1931, dalam ucapan umumnya sepanjang 1931-32, Majlis Mesyuarat Persekutuan 1932 dan di Durbar 1932, idea berikut telah diutarakan oleh beliau:

1. Pemandahan Jabatan Pertanian, Koperasi, Pendidikan, Elektrik, Perhutanan, Perkhidmatan Kesihatan, Kerja Raya dan Perkhidmatan Haiwan kepada kerajaan negeri
2. Penubuhan Jabatan Saliran dan Pengairan yang diasingkan daripada Jabatan Kerja Raya untuk memberikan penekanan kepada aktiviti penanaman padi di Negeri Melayu seperti yang disarankan oleh raja
3. Penyusunan sesetengah perkhidmatan kepada yang berasaskan Tanah Melayu secara keseluruhannya
4. Pembahagian yang lebih jelas dibuat di antara Anggaran Persekutuan dan Anggaran Negeri supaya autonomi kewangan yang lebih di berikan kepada kerajaan negeri (Loh 1969).

Di samping idea di atas, Cecil Smith menyeru supaya kaki-tangan Melayu di peringkat negeri diberikan jawatan yang lebih tinggi supaya kerajaan negeri boleh memikul tanggungjawab itu (Maxwell 1932). *Durbar Seri Menanti 1931* dianggap sebagai persidangan yang kontroversi serta ditentang oleh golongan bukan Melayu di negara ini serta Pejabat Tanah Jajahan di London. Di Tanah Melayu sebagai contohnya, Persatuan India Selangor telah terlibat sama menentang resolusi persidangan itu. Pemimpin masyarakat Cina seperti Tan Cheng Lock juga menyuarakan bantahan mereka terhadap resolusi *Durbar Seri Menanti 1931*. Golongan ini yang tidak dianggap sebagai rakyat sultan khawatir akan disisihkan daripada pentadbiran (Stenson 1980). Mengikut sumber kerajaan British, *Durbar Seri Menanti* telah menyebabkan masyarakat bukan Melayu mula memikirkan status kewarganegaraan mereka di Tanah Melayu yang dianggap sebagai belum tetap. Pada mereka, dasar disentralisasi bukan sahaja bersifat pro-Melayu tetapi juga anti-Cina [BMA (ADH/704)].

Menjelang Ogos 1934, jawatan Ketua Setiausaha di NMB telah dimansuhkan dan menjelang 1939, enam jabatan persekutuan dipencarkan. Bidang kuasa Dewan Undangan Negeri juga telah diluaskan dan menerima tanggungjawab yang lebih (Sandhu 1970). Pemu-langan dan pengagihan kuasa daripada jabatan kerajaan persekutuan

di Kuala Lumpur kepada kerajaan negeri menandakan peningkatan penglibatan orang Melayu di negeri mereka kerana mereka adalah kumpulan yang terbesar dalam Dewan Undangan Negeri. Namun demikian adalah tidak tepat untuk membuat kesimpulan bahawa kuasa institusi politik tradisional Melayu telah dipulihkan sepenuhnya seperti sebelum campur tangan melalui langkah disentralisasi dan dasar pro-Melayu. Kuasa teras terus dimiliki oleh birokrasi moden kerajaan British walaupun pentadbiran bersifat secara tidak langsung.

### Sistem Pendidikan dalam Konteks Dasar Pro-Melayu

Dasar pro-Melayu juga dapat dilihat menerusi sistem pendidikan di Tanah Melayu sebelum perang. Menerusi sistem pendidikan yang bersifat pro-Melayu, masyarakat Melayu menerima berbagai kemudahan dan bantuan daripada kerajaan berbanding dengan masyarakat Cina dan India. Namun demikian tidaklah menjadi hasrat kerajaan British untuk memberikan atau memajukan masyarakat Melayu secara keseluruhan ke arah pendidikan tinggi. Malahan dasar ini mempunyai tujuan yang praktikal seperti yang disarankan oleh George Maxwell iaitu:

Tetapi hasrat kerajaan bukanlah untuk membentuk beberapa remaja yang berpendidikan. Yang sebaliknya ialah kerajaan ingin membaiki sejumlah orang dan untuk menjadikan anak-anak nelayan atau petani menjadi nelayan dan petani yang lebih baik daripada ayahnya.<sup>1</sup>

Keutamaan terhadap masyarakat Melayu dalam bidang pendidikan berbanding dengan masyarakat bukan Melayu boleh dirujuk daripada kenyataan Pengarah Pendidikan Negeri-Negeri Selat dan NMB, H.W. Firmstone. Menurutnya:

Dalam sebarang kes, timbul persoalan tentang sejauh mana kita patut menggalakkan pengajaran bahasa yang asing kepada orang yang asing. Ini adalah negara Melayu atau British dan bahasa Melayu serta bahasa Inggeris sahaja patut dijadikan bahasa yang diiktiraf sehubungan dengan pembiayaan kerajaan terhadap sekolah tersebut (HCO 122/1919)

F.J. Morton, Pengerusi Jawatankuasa yang dilantik untuk mengkaji sistem bantuan kepada sekolah di Negeri-Negeri Selat dan NMB telah memberikan pendapat yang sama seperti yang telah diutarakan oleh Firmstone. Menurutinya:

Jika terdapat lebih peruntukan, saya akan mencadangkan skim pendidikan Inggeris atau Melayu untuk orang-orang Asia yang dilahirkan di sini. Mereka perlu diajar bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Setelah itu barulah timbul keperluan untuk memberikan subsidi kepada sekolah-sekolah Cina (Straits Settlement 1932)

Walaupun sistem bantuan ini diteruskan kepada sekolah Cina dan Tamil, namun pemberiannya adalah terbatas. Kebanyakan sekolah Tamil bukan milik kerajaan dan bantuan hanya akan diberikan kepada sekolah tertentu yang telah mencapai tahap kecekapan yang ditetapkan. Ordinan Buruh pula memberi kuasa kepada Pengawal Buruh untuk mengarahkan majikan supaya membina sekolah di kawasan pekerjaan untuk anak buruh. Untuk sekolah Cina pula, hanya dua buah sekolah, sebuah di Singapura dan sebuah di Pulau Pinang yang menerima bantuan pada 1927. Pada 1933, sepuluh buah sekolah di Singapura, 23 buah di Pulau Pinang dan tiga di Melaka turut menerima bantuan (CO 274/439).

Selain menerima bantuan kewangan secara langsung, pelajar sekolah Melayu berpeluang menyertai sekolah Inggeris selepas menamatkan tiga tahun persekolahan di sekolah asal. Kemasukan daripada sekolah Melayu ke sekolah Inggeris adalah secara percuma. Di negeri Perak, Anderson School dan Lenggong High School adalah antara sekolah Inggeris yang menerima pelajar dari sekolah Melayu (HCO 1798/1920). Di negeri Selangor, sekolah seperti Victoria Institution, Maxwell Road School, Government English School telah menyediakan kelas khas untuk pelajar daripada sekolah Melayu. Untuk kali pertamanya, biasiswa untuk pelajar tersebut diberikan.<sup>93</sup>

Kelompok dalam masyarakat Melayu yang menjadi tumpuan adalah kumpulan Diraja dan pembesar. Kumpulan ini dianggap sebagai paling berpengaruh dalam masyarakat mereka. Apabila golongan ini didedahkan kepada pengalaman pendidikan moden, kerjasama yang diharapkan daripada mereka dalam pentadbiran mudah diperolehi. Seawal 1823, Raffles di Singapura telah menunjukkan

keprihatinan kepada persoalan pendidikan untuk anak golongan pembesar tempatan Melayu. Pada 1876, Gabenor NS iaitu William Jervois menghantar dua orang anak Sultan Abdullah iaitu Raja Mansur dan Raja Chulan untuk belajar di Raffles Institution (Huessler 1981).

Kemuncak komitmen kerajaan British dalam kemajuan pendidikan golongan elit dan pembesar Melayu dapat dilihat menerusi penubuhan Maktab Melayu Kuala Kangsar pada 1904. Idea penubuhan sekolah Melayu berasrama penuh telah mula difikirkan oleh pegawai kerajaan British sebagai cara memastikan penglibatan penuh para pelajar Melayu.

Kehadiran R.O. Wilkinson sebagai Nazir Sekolah telah menandakan era baru dalam pendidikan Melayu (Sandhu 1980). Dalam Persidangan Residen pada Mac 1904, Wilkinson secara formal telah menyenaraikan beberapa prinsip mengenai penglibatan sekolah berasrama penuh itu. Menurut beliau:

1. Sekolah ini khusus untuk pelajar Melayu yang diwujudkan di kawasan yang biasa didiami oleh masyarakat Melayu
2. Sekolah ini mestilah berasrama penuh yang dapat menjamin kedatangan penuh serta mempunyai kemudahan yang diperlukan
3. Sekolah ini mestilah cekap dan yang terbaik supaya sebahagian besar pelajar dapat menguasai pelajaran
4. Pelajar mestilah datang daripada keluarga yang baik.

Beliau juga mencadangkan Kuala Kangsar sebagai lokasi sekolah itu supaya mendapat perhatian daripada Sultan Idris dan kerana Kuala Kangsar mempunyai rangkaian laluan keretapi untuk dihubungkan dengan tempat lain. Di dalam persidangan itu, antara lain kenyataan beliau adalah:

Sebagai kesimpulan, saya percaya penubuhan sekolah khas untuk orang Melayu di ibu negeri Melayu dan di bawah galakan langsung daripada Sultan dan dengan bantuan kerajaan, ia akan menjadi pengajaran kepada semua orang Melayu terhadap kepentingan pelajaran dan hasrat kerajaan untuk membaiki kedudukan mereka (HCO 422/1904)

Sekolah berasrama penuh Melayu ini adalah manifestasi pegangan Wilkinson bahawa sekolah yang wujud di Tanah Melayu bukanlah penyelesaian kepada masalah keciciran pelajar Melayu. Namun demikian tumpuan utama tetap diberikan kepada para pelajar keluarga elit dan pembesar. Ini dapat dilihat menerusi penolakan cadangan Residen Selangor, A.H. Lemon supaya maktab itu dibuka kepada semua pelajar Melayu berdasarkan pencapaian dan bukan kepada golongan tertentu sahaja (Yeo 1980).

### Perkhidmatan Pentadbiran Melayu

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, Tanah Melayu ditadbir secara tidak langsung. Ini membawa implikasi bahawa pentadbiran dijalankan di atas nama sultan dan pembesar Melayu walaupun mereka kehilangan kuasa politik. British pula seolah-olah berperanan sebagai penyelia yang berada di luar daripada masyarakat Melayu.

Kerajaan British juga mengekalkan aturan politik dan sosial sedia ada sebelum berlaku campur tangan. Ini memberi gambaran bahawa pada permukaannya, struktur politik dan sosial tradisional masih wujud. Penggunaan golongan aristokrat tempatan dalam pentadbiran kerajaan British yang dibentuk secara tidak langsung ini mempunyai beberapa kelebihan seperti boleh mengatasi masalah kekurangan kaki tangan mereka. Di samping itu, penggunaan golongan aristokrat akan mewujudkan gambaran persetujuan dengan pengenalan dan pelaksanaan regim asing ke atas masyarakat tempatan (Khasnor 1984).

Pengambilan orang Melayu dalam pentadbiran juga disebabkan oleh keengganan elit Melayu untuk bersetuju dengan perantaraan orang Asia lain selain bangsa mereka sendiri ke dalam perkhidmatan pentadbiran yang membolehkan mereka mengenakan kawalan ke atas masyarakat Melayu. Malah dasar British sebelum perang adalah bahawa orang Asia selain Melayu dianggap sebagai orang asing yang tidak mempunyai hak dalam bidang politik dan memegang jawatan pentadbiran. Orang Melayu sebaliknya dianggap sebagai mempunyai status yang berbeza lantaran menjadi bumiputera Tanah Melayu (Khasnor 1984). Seawal 1902, usaha untuk menggalakkan orang Melayu menyertai perkhidmatan

kerajaan telah dimulakan oleh William Treacher, Residen Jeneral British. Namun demikian bentuk yang ditawarkan hanyalah seperti Pegawai Petempatan, Juru Ukur dan Renjer Hutan (Sandhu 1980).

Salah satu institusi politik Melayu tradisional yang tidak terjejas adalah institusi penghulu yang sebelum campur tangan British berperanan sebagai wakil sultan di peringkat mukim. Walaupun peranannya telah berubah, penghulu masih lagi dilantik oleh raja secara peribadi atas nasihat Dewan Undangan masing-masing (Gullick 1992). Kepentingan tugas Penghulu telah disentuh oleh William Treacher pada 1901. Beliau berhasrat menjadikan Penghulu turut terlibat dalam urusan pentadbiran tempatan serta kutipan cukai tanah tahunan daripada orang ramai (Khasnor 1984). Secara umum, di bawah pentadbiran kerajaan British, Penghulu adalah agen kerajaan dan menjadi sumber maklumat dengan menjadi perantara antara kerajaan dan rakyat. Penghulu juga bertanggungjawab mewujudkan ketaatan rakyat kepada kerajaan. Tugas lain Penghulu adalah sangat luas seperti menggalakkan ibubapa memberikan pendidikan kepada anak-anak, menguatkuasakan undang-undang perhutanan dan mengekalkan keamanan (Sadka 1968).

Disebabkan luasnya bidang tugas Penghulu, Persidangan Residen pada bulan Mac 1904 telah bersetuju menaikkan elaun dan status Penghulu (HCO 422/1904). Kehadiran Penghulu di peringkat mukim menandakan wujudnya komponen Melayu dalam pentadbiran negeri. Yang lebih penting adalah bidang dan tugas Penghulu secara keseluruhannya adalah berkaitan dengan masyarakat Melayu yang tidak dapat menerima kehadiran orang Asia lain selain bangsa Melayu sendiri untuk mentadbir kehidupan mereka.

Dasar pro-Melayu dalam bidang pentadbiran mencapai tahap kemuncaknya pada 30 Mac 1910, apabila *Scheme For The Employment Of Malay Higher Class* diwujudkan untuk pelajar Melayu yang telah lulus pengajian pada tahap darjah ke tujuh mereka. Skim ini kemudiannya dinamakan *Malay Administrative Service* (MAS). Melalui skim ini, kakitangan Melayu dibahagikan kepada tiga gred. Gred III adalah untuk tugas pejabat dan perkeranian. Gred II terdiri daripada mereka yang bertugas sebagai Pegawai Petempatan dan Pembantu Setiausaha Negeri. Gred I pula diisi oleh

jawatan Pembantu Pegawai Daerah dan Majistret Melayu (HCO 48/1917).

Skim ini telah diubahsuai dengan mewajibkan jangka waktu latihan berkursus selama tiga tahun di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Dalam kursus itu, para pelajar akan didedahkan dengan mata pelajaran bahasa Inggeris, urusan surat menyurat, sejarah Tanah Melayu, algebra, geometri, trigonometri, kajiukur dan asas undang-undang (HCO 330/1921).

Selepas 14 tahun penubuhannya, perkembangan positif telah berlaku kepada MAS apabila ahlinya diterima masuk ke dalam *Malayan Civil Service* (MCS) yang rata-rata dianggotai oleh pegawai British. Walaupun jumlah pegawai yang diterima masuk daripada MAS kepada MCS tidaklah memuaskan dan skim ini pula dianggap sebagai lebih rendah tarafnya berbanding dengan MCS, namun MAS sebenarnya adalah konsesi penting kepada masyarakat Melayu dan merupakan sebahagian daripada usaha pemulihan dan pemulangan kuasa politik kepada kumpulan elit tradisional Melayu. Keistimewaan MAS kepada orang Melayu tidak dimiliki oleh kaum lain walaupun terdapat pemimpin bukan Melayu seperti Tan Cheng Lock yang menentang pembentukannya.

Semasa Perang Dunia Pertama, berlaku kekurangan kakitangan British kerana peperangan di Eropah. Perkembangan ini menyebabkan beberapa orang pegawai Melayu dilantik memangku jawatan yang kosong. Pada 1917, pegawai MAS Gred I dan Gred Khas boleh memegang tanggung jawab yang telah dijalankan oleh Kadet British. Sebelum tarikh tersebut, pegawai MAS yang paling kanan telah diterima masuk ke dalam Kelas V MCS (Yeo 1980).

### Tanah Simpanan Melayu

Penguasaan politik British membawa kepada pengenalan ekonomi moden. Perkembangannya dalam banyak hal telah banyak menjejaskan masyarakat Melayu yang mengamalkan ekonomi sara diri. Penjualan tanah pusaka kepada pengusaha adalah perkara yang sering berlaku akibat pertembungan dua bentuk ekonomi. Sebelum permulaan penerokaan ekonomi moden secara besar-besaran oleh kerajaan dan pelabur, tanah dianggap penting dan dihargai



oleh masyarakat Melayu. Terdapat adat di daerah Rembau, Negeri Sembilan yang tidak mengizinkan pembukaan tanah untuk tujuan perlombongan. Sebagai contohnya sebelum meninggal dunia, Penghulu Akil mengarahkan penggantinya bersumpah dengan Al Quran untuk tidak membiarkan kegiatan itu berlaku (Gullick 1951). Namun demikian, tawaran yang tinggi untuk tanah orang Melayu menyebabkan penjualan dilakukan di kawasan yang terdedah kepada aktiviti perlombongan dan pertanian secara besar-besaran.

Usaha konkrit ke arah melindungi tanah orang Melayu telah dimulakan sejak 1887 lagi di Negeri Sembilan dengan pelaksanaan *Sungai Ujong Land Regulation* yang membahagikan pemilikan tanah kepada tiga bahagian iaitu tanah ladang, tanah bumiputera dan tanah perlombongan. Semua tanah orang Melayu juga terpaksa didaftarkan di Pejabat Tanah (Gullick 1951).<sup>113</sup> Di Selangor, *Land Code And Registration Of Titles Regulation* telah diperkenalkan oleh Residen Selangor, W.E. Maxwell. Melalui peraturan ini, 'hak milik pewarisan' telah diadakan dengan butiran rasmi. Tanah jenis ini hanya untuk orang Melayu sahaja (Chai 1964). Pada 1916, pusat penempatan Melayu yang penting di Negeri Sembilan telah diisytiharkan sebagai kawasan simpanan Melayu (Sandhu 1970).

Usaha kerajaan British yang paling jelas dalam pembentukan tanah simpanan Melayu adalah pada 1913 melalui *The Malay Reservation Enactment* yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1914. Antara fasal-fasal penting di dalam enakmen itu adalah bahawa Residen berkuasa dalam mengubahsuai batas dan sempadan Tanah Simpanan Melayu serta memasukkan sebarang tanah yang sebelum ini berada di luar Tanah Simpanan Melayu. Tanah yang dikatogerikan sebagai Tanah Simpanan Melayu tidak boleh dijual atau digadai kepada orang bukan Melayu. Untuk menjamin pelaksanaan dan kejayaan skim ini, *fasal 13* telah membatalkan semua urusan yang bertentangan dengan enakmen ini. *Fasal 14* pula memberikan kuasa kepada raja Melayu untuk menentukan taraf kemelayuan seseorang (HCO 309/1914).

Di samping membentuk Tanah Simpanan Melayu, kerajaan British telah mewujudkan petempatan Melayu di Kuala Lumpur seluas 220 ekar antara Sungai Kelang dan Jalan Batu. Petempatan ini bertujuan menggalakkan aktiviti pertanian dan kemahiran bertukang

serta seni. Di samping itu, petempatan ini bertujuan menyediakan tempat tinggal untuk pekerja Melayu yang bekerja di bandar dengan kos yang rendah (HCO 272/1904). Pemastautin di petempatan ini diberikan setengah ekar tanpa perlu membayar yuran kerja ukuran atau cukai tanah. Sebuah sekolah perempuan Melayu dan sebuah asrama pelajar lelaki untuk *Victoria Institution* didirikan di petempatan ini (HCO 272/ 1904). Pentadbiran petempatan ini dijalankan oleh sebuah jawatankuasa pengurusan yang terdiri daripada Raja Muda Selangor, Residen British, Pengutip Cukai Tanah dan wakil Melayu untuk menentukan matlamatnya tercapai. Peruntukan pertama yang diberikan kepada petempatan ini adalah sebanyak \$6000 (HCO 734/ 1901).

Dalam laporannya, kerajaan British menyatakan bahawa *Malay Reservation Enactment 1913* bertujuan menghalang kejatuhan tanah Melayu kepada pihak lain. Peningkatan permintaan tanah pertanian pada awal abad ke-20 menyebabkan masyarakat Melayu tidak dapat menolak tawaran-tawaran tersebut (HCO 272/1904).

Untuk petempatan Melayu di Kuala Lumpur, kerajaan British beranggapan bahawa ia adalah suatu contoh kerajaan yang berbentuk *paternal government* dan *paternal system* yang difikirkan oleh mereka sebagai sesuai kepada masyarakat Melayu untuk beberapa tahun akan datang (HCO 272/1904).

Tanah simpanan Melayu boleh dianggap sebagai suatu jawapan dalam mengekalkan identiti Melayu dengan cara mengadakan penempatan kekal dan juga dapat mengekang kemasukan imigran Cina ke dalam kehidupan masyarakat Melayu di kawasan kampung (Loh 1969). Tanpa usaha mengadakan tanah simpanan Melayu, kesan yang negatif akan diterima oleh masyarakat Melayu seperti yang berlaku di Kuala Lumpur. Sebelum berlakunya kemasukan besar-besaran imigran Cina ke bandar itu, telah wujud petempatan masyarakat Melayu yang berhijrah dari Sumatera. Namun demikian pada 1872, Swettenham melaporkan bahawa Kuala Lumpur telah menjadi 'bandar Cina'. Dalam laporannya kepada Swettenham, Yap Ah Loy menjelaskan bahawa pada 1874-75, Kuala Lumpur telah dibina semula (Gullick 1990). Ini jelas menunjukkan peranan yang dimainkan oleh imigran Cina terhadap pertumbuhan bandar tersebut. Sebagai rumusan, tanpa tanah simpanan Melayu, masyarakat Melayu akan menghadapi masalah yang besar di dalam soal petempatan dan pemilikan tanah yang terbukti jelas apabila dirujuk kepada kawasan

yang mengalami pertumbuhan ekonomi pesat seperti di bandar besar.

### Motif Pelaksanaan Dasar Pro-Melayu

Pada peringkat ini, iaitu pada awal kurun ke-20, dasar pro-Melayu yang diamalkan oleh kerajaan British tidak mempunyai kaitan dengan usaha membina bangsa Malaya bersatu. Keutamaan yang diberikan oleh kerajaan British adalah untuk mewujudkan Tanah Melayu bersatu (*United Malaya*). Dasar untuk mewujudkan penyatuan politik untuk negeri di Tanah Melayu mempunyai perkaitan dengan keadaan kewujudan negeri tersebut yang mempunyai keadulatan masing-masing yang diakui oleh perundangan British. Tambahan pula persoalan kerakyatan untuk golongan imigran Cina dan India belum lagi timbul. Mereka dianggap sebagai pemastautin sementara sahaja. Kerana itulah kerajaan British tidak melibatkan diri dalam persoalan yang berkaitan dengan masyarakat tersebut seperti pendidikan. Awal kurun ke-20 adalah tahap pemantapan pentadbiran kerajaan British. Di kalangan pegawai kerajaan British, idea *United Malaya* telah bermula sejak 1874 lagi. Pada masa tersebut, Sir Andrew Clarke telah mula memikirkan penubuhan sebuah persekutuan untuk Tanah Melayu. Frederick Weld pula mahukan dirinya dipanggil Gabenor British Malaya. Pada 1889 pula, Sir Hugh Low telah menggesa sebuah persekutuan negeri Melayu dibentuk (Milner 1970).

Dalam *Notes On A Policy In Respecting Of The Unfederated Malay States*, Maxwell menggesa diadakan hubungan rapat antara NMB dengan NMTB supaya akhirnya terbentuk persekutuan Tanah Melayu. Beliau juga menggesa supaya idea *pan Malaya* dijalankan secara rahsia dengan hanya mengisytiharkan bahawa kerajaan British hanya berhasrat mengadakan kerjasama persahabatan dan dalam masa yang sama mengekalkan kebebasan negeri untuk bertindak (Yeo 1982).

Pada 1944, Maxwell dengan jelas mengatakan adalah wajar untuk membentuk sebuah persekutuan yang merangkumi semua negeri apabila Tanah Melayu dibebaskan daripada penjajahan Jepun (Maxwell 1984). Menurut beliau lagi sebelum perang terdapat dua bentuk pemikiran politik di kalangan pegawai British berkaitan dengan pembahagian negeri yang membentuk Tanah Melayu. Pemikir-

an pertama cenderung untuk berfikir dan bertindak daripada sudut Tanah Melayu secara keseluruhan tanpa pembahagian negeri. Sebagai contoh, Malayan Civil Service. Bentuk pemikiran kedua pula cenderung untuk mengaitkan Negeri-Negeri Selat dan NMB serta meninggalkan NMTB seperti dalam bentuk jawatan Pengarah Pendidikan Negeri-Negeri Selat dan NNMB (Surat W. Maxwell). Usaha untuk membentuk United Malaya mempunyai peluang yang cerah selepas 1909 apabila negeri Melayu di utara diletakkan di bawah pengaruh kerajaan British. Sehubungan dengan ini, John Anderson berhasrat memasukkan negeri tersebut ke dalam NMB yang beliau sendiri menjadi Pesuruhjaya Tinggi. Sebenarnya idea untuk menggabungkan NMB dan NMTB merupakan idea penting dalam pentadbiran Anderson. Dalam lawatannya ke negeri Melayu di utara, idea ini diberikan pertimbangan yang serius.

Antara kandungan laporannya selepas lawatan ke Kedah adalah seperti berikut:

... mustahil untuk memikirkan kemasukan awal negeri ini ke dalam Persekutuan. ... Hal ini nyata di Kedah ... terdapat pentadbiran pusat yang tersusun terdiri daripada orang-orang Melayu dan sebahagian mereka mempunyai kemampuan yang nyata (de Allen 1968).

Idea yang ditunjukkan oleh Anderson juga mempunyai persamaan dengan idea Climenti. Daripada suatu segi, Climenti berharap agar NMB dan NMTB dapat digabungkan dalam suatu persekutuan. Beliau juga berharap persekutuan itu akan disertai oleh Negeri-Negeri Selat (Ryan 1963). Jelasnya seluruh semenanjung akhirnya akan berada di bawah sebuah persekutuan.

Seerti yang dijelaskan sebelum ini, hanya masyarakat Melayu dan penduduk bukan Melayu di NS sahaja yang dianggap sebagai penduduk Tanah Melayu. Pendirian kerajaan British ini boleh dirujuk daripada pengenalan *Ordinan Orang Asing (Alien Ordinance) 1932* yang jelas menolak hak kewarganegaraan kepada sebahagian besar golongan imigran.

Ordinan ini mengelaskan orang yang bukan rakyat British atau rakyat Sultan di negeri Melayu sebagai orang asing. Selain itu beberapa fasal dalam ordinan itu telah mengawal kemasukan golongan imigran yang dianggap sebagai orang asing. Kemasukan imigran juga tidak diizinkan tanpa peluang pekerjaan yang menunggu.

Bahagian kedua ordinan ini menetapkan bahawa imigran perlu memiliki sijil penerimaan yang berkuatkuasa selama dua tahun. Sijil tersebut boleh dibatalkan oleh kerajaan atas beberapa sebab seperti gangguan dan masalah yang ditimbulkan oleh imigran. Selepas lapan tahun bermastautin, mereka boleh memohon mendapatkan sijil menetap. Sijil ini juga boleh dibatalkan oleh kerajaan atas sebab tertentu (CO 273/126).

Ordinan ini mempunyai kepentingan yang besar dalam menentukan warganegara Tanah Melayu kerana ia menyediakan garis panduan yang jelas. Dengan memperkenalkan sijil penerimaan dan sijil menetap, golongan imigran dapat dibezakan daripada rakyat British atau orang Melayu sebagai bumiputera. Disebabkan kepentingannya untuk masa depan golongan imigran, Tan Cheng Lock telah membuat ucapan yang mengkritik ordinan ini. Menurutnya, kerajaan British tidak bersimpati dengan orang Cina di Tanah Melayu. Kerajaan British juga dianggap tidak mempunyai dasar yang jelas dan konstruktif terhadap golongan tersebut (CO 275/130). Namun demikian dasar pro-Melayu ini sebenarnya tidaklah berkekalan kerana kepada kerajaan British, matlamat sebenar pelaksanaan dasar ini iaitu menyatukan negeri Melayu sekurang-kurangnya secara fizikal telah dicapai. Dasar ini telah digantikan oleh dasar membentuk bangsa Malayan bersatu selepas perang. Ringkasnya masyarakat bukan Melayu tidak terus berada dalam keadaan yang merugikan kerana dasar yang kedua ini di dalam banyak hal menguntungkan mereka dalam persoalan kerakyatan dan hak-hak politik. Secara umumnya pembentukan bangsa Malaya bersatu ini merupakan suatu usaha kerajaan British untuk menghapuskan kebanyakan perbezaan antara masyarakat asal dan golongan imigran yang mula menjadi pemastautin tetap di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

### Rumusan

Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua telah memperlihatkan beberapa ciri sosiopolitik yang amat jelas. Tanah Melayu di dalam jangka masa tersebut tidaklah wujud sebagai sebuah unit politik. Ia terbahagi kepada tiga bentuk pentadbiran iaitu Negeri Selat, Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Negeri Selat bertaraf koloni kerajaan British. Dengan taraf sedemikian,

kuasa politik Melayu tidak lagi wujud walaupun Melaka yang merupakan sebahagian daripada Negeri Selat merupakan tempat permulaan empayar Melayu.

Pembahagian pentadbiran yang demikian membawa implikasi kewujudan taraf kewarganegaraan penduduk negara ini. Masyarakat Melayu dianggap sebagai "rakyat Raja" yang membawa pengertian bahawa mereka adalah penduduk asal dan bumiputera negara. Beberapa kerumitan mengenai taraf penduduk bukan Melayu berlaku kerana mereka yang bermastautin di Negeri Selat dianggap sebagai rakyat British manakala mereka yang bermastautin di negeri lain pula bertaraf orang yang menerima perlindungan British (British protected person) tetapi tidak mencapai tahap rakyat British. Suatu lagi ciri yang nyata adalah bahawa dalam tempoh ini tidak wujud sebarang usaha untuk membentuk kewarganegaraan umum di dalam bentuk kewarganegaraan Malaya. Dalam persoalan ini pendirian kerajaan British boleh dirujuk melalui pengenalan *Ordinan Orang Asing 1932* yang secara umumnya menafikan hak kewarganegaraan untuk sebahagian besar golongan imigran yang mula memasuki Tanah Melayu selepas pengenalan ekonomi moden oleh kerajaan British. Kesan tidak langsung daripada pengenalan ekonomi moden ini ialah kewujudan dua kelompok masyarakat di negara ini iaitu penduduk asal dan golongan imigran yang merupakan pemastautin sementara. Oleh sebab kehadiran mereka bersifat sementara, persoalan kewarganegaraan untuk mereka tidak timbul. Justeru itulah dasar British di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua bersifat pro-Melayu dan menerima hakikat bahawa Tanah Melayu adalah untuk masyarakat Melayu. Manifestasi dasar itu boleh dirujuk dalam beberapa aspek seperti yang telah disentuh dalam bab ini. Matlamat terpenting kerajaan British pada masa tersebut adalah untuk cuba mewujudkan penyatuan negeri Melayu yang kecil tetapi pada masa yang sama mempunyai kedaulatan masing-masing yang diakui sendiri oleh kerajaan British. Sehubungan itu dasar pro-Melayu seperti dasar disentralisasi digunakan untuk mendapatkan sokongan Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang cenderung untuk tidak menyetujui sebarang cadangan penyatuan negeri Melayu dalam suatu bentuk pentadbiran. Ini adalah kerana mereka menyedari akan kehilangan kuasa Raja Melayu dalam Persekutuan Negeri Melayu Bersekutu 1896. Namun demikian dasar pro-Melayu tidaklah berkekalan kerana perkembangan semasa Perang Dunia Kedua telah merubah

pendirian politik kerajaan British dan perang tersebut daripada suatu segi menyediakan suatu permulaan baru dasar kerajaan British untuk masa depan politik Tanah Melayu.

## Bab 2

---

# Dasar Bangsa Malayan Bersatu Semasa Perang Dunia Kedua

### Pendahuluan

Seperti yang dijelaskan, Tanah Melayu sebelum perang bukanlah sebuah entiti politik tunggal. Negeri Selat, Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu tidak disatukan di bawah sebuah pentadbiran pusat. Tanah Melayu juga bukanlah suatu bentuk negara persekutuan. Adalah lebih tepat untuk menganggap Tanah Melayu sebelum perang sebagai suatu konsep geografi. Dalamnya terkandung sembilan buah negeri yang berdaulat dan sepuluh raja yang berdaulat (sembilan untuk raja Melayu dan satu lagi mewakili kerajaan British). Di samping itu wujud sepuluh badan perundangan, tujuh sistem perundangan, tujuh pasukan polis dan tujuh perkhidmatan awam (Muhamed Noordin 1976).

Istilah Malaya sendiri merujuk kepada negara sendiri tidak lahir daripada budaya masyarakat tempatan negara ini. Perkataan itu mula digunakan oleh sebuah jurnal sejarah iaitu *Straits Branch Of The Royal Asiatic Society* dalam ucapan pertama presidennya. Malaya digunakan untuk merujuk kepada Semenanjung Melaka (yang bermaksud Semenanjung Tanah Melayu) dan juga "Kepulauan India Besar yang merangkumi rangkaian Pulau Khatulistiwa, bermula daripada Sumatera di bahagian barat hinggalah ke New Guinea di bahagian timur."

Jelaslah pada tahap ini, Malaya tidak dapat ditentukan dengan jelas lokasi dan sempadannya dan boleh dikatakan bahawa ia merupakan konsep geografi yang samar. Pada 1907 apabila Frank Swettenham menerbitkan bukunya *British Malaya*, beliau menggunakan istilah Malaya untuk merujuk bahagian di Tanah Melayu yang sama ada di bawah penguasaan British ataupun yang menerima perlindungan daripada kuasa tersebut (Bradell).



Jelas sekali bahawa istilah itu diperkenalkan oleh British sebagai rujukan terhadap Tanah Melayu. Justeru akibat pengenalan istilah tersebut, wujud perbezaan antara istilah Melayu dan Malayan daripada sudut pandang British. Menurut pentadbiran British, Melayu bermaksud penduduk asal negara ini. Kelompok Malayan pula terdiri daripada bangsa Serani, Cina, India, Sri Langka dan dari negara lain. Kehadiran kelompok Malaya ini bermula dengan penjajahan Portugis (Surat Maxwell SP 13).

Di samping beberapa komplikasi yang wujud seperti yang dinyatakan di atas, wujud juga perbezaan daripada segi kerakyatan di kalangan penduduk kerana perbezaan komponen negeri dalam Tanah Melayu. Sembilan buah negeri Melayu yang berbeza daripada Negeri Selat dianggap sebagai bebas sehingga pada peringkat Parlimen British tidak mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi pihak negeri Melayu itu. Dalam negeri ini, orang Melayu dianggap sebagai rakyat sultan. Mereka bukan rakyat British tetapi pada masa yang sama menerima taraf perlindungan British (British Protected Person) (Surat Maxwell SP 13).

Penduduk bukan Melayu di negeri Melayu pula dianggap sebagai rakyat British. Anak orang bukan Melayu yang dilahirkan di negeri ini akan dianggap sebagai orang yang menerima perlindungan British. Taraf ini merupakan status yang seolah-olah tidak menghiraukan takrifan perundangan dan tidak mempunyai pernyataan hak dan tanggungjawab yang jelas (Hawkins 1962).

Oleh sebab Tanah Melayu sebelum perang bukan sebuah negara dalam erti kata sebenar, maka kewarganegaraan Malaya juga belum wujud lagi. Perkara ini dijelaskan oleh Robert Maxwell yang menyatakan:

Telah diperkatakan bahawa adalah mustahil untuk seseorang itu untuk mempunyai kerakyatan Malaya. Dia boleh menjadi rakyat di Negeri Selat atau di antara sembilan buah negeri Melayu tetapi ia tidak boleh mempunyai kerakyatan British Malaya secara keseluruhan. Dalam cara yang sama, nasionaliti Malaya juga adalah sesuatu yang mustahil. Ungkapan kewarganegaraan Malaya atau rakyat Malaya seperti yang telah digunakan adalah sebenarnya tidak bermakna (Surat Maxwell SP 13).

Secara umumnya gambaran politik Tanah Melayu adalah seperti berikut. Kerajaan British berperanan sebagai pelindung kepada

negeri Melayu selepas 1870-an melalui perjanjian dengan Negeri Melayu Bersekutu. Secara umumnya melalui perjanjian tersebut, jelas diakui kebebasan dan kemerdekaan negeri yang terlibat. Kebebasan ini diakui oleh Parlimen British dan mahkamah keadilan di Britain (Surat Maxwell SP 13). Namun demikian pada amalan sebenarnya, pegawai Britishlah yang memiliki kuasa eksekutif. Dalam masa yang sama, negeri Melayu dan Negeri Selat semakin maju dan berkembang. Imigran India dan Cina digalakkan berhijrah dan bekerja di lombong bijih timah dan ladang getah. Tidak ada usaha untuk mengasimilasikan mereka dengan masyarakat setempat. Mereka ini dianggap sebagai perantau sementara (Palmer 1957).

Dasar British yang tidak diisytiharkan adalah dasar pro-Melayu. Melalui dasar tersebut, kerajaan British akan memberikan beberapa keistimewaan kepada kaum ini sebagai reaksi kepada kemajuan golongan imigran terutama orang Cina. Dasar ini pula tidak mendapat bantahan yang serius daripada kaum lain di Tanah Melayu kecuali sekelompok kecil orang Cina di Negeri Selat. Mereka ini yang dikenali sebagai Baba yang telah bermastautin di Tanah Melayu untuk beberapa generasi dan terlibat dalam beberapa proses asimilasi dengan budaya tempatan dalam beberapa perkara seperti pertuturan dan cara berpakaian. Hubungan mereka dengan negara Cina walaupun secara yang sentimental adalah tipis (Cheah 1979).

Menerusi pemimpin mereka seperti Tan Cheng Lock, kumpulan ini menyuarakan bantahan terhadap dasar pro-Melayu yang diamalkan oleh kerajaan British pada 1920-an dan 1930-an seperti yang telah dimanifestasikan menerusi dasar pengagihan kuasa kepada negeri Melayu. Bantahan ini tentulah berbeza dengan pendirian majoriti imigran Cina yang perhatian mereka lebih tertumpu sepenuhnya kepada perniagaan dan perdagangan. Mereka ini memerlukan undang-undang, aturan dan berpuashati dengan kewujudan kerajaan yang baik (Hawkins 1962) yang menjadi pra-syarat untuk perkembangan ekonomi yang akan menguntungkan mereka.

Namun demikian pelaksanaan dasar pro-Melayu bukanlah tidak menerima kritikan dan bantahan daripada sesetengah para pentadbir ataupun orang ramai di Tanah Melayu dan di Britain sendiri. Secara umumnya terdapat dua bentuk aliran pemikiran mengenai kedudukan-

an orang Melayu dan tugas pentadbiran British. Aliran pemikiran pertama berpendapat bahawa Tanah Melayu perlu terus dianggap sebagai sebuah kumpulan negeri yang dalamnya orang Melayu mempunyai hak menikmati kedudukan istimewa dengan sultan yang berdaulat. Dengan kata lain, imigran Cina dan India adalah tetamu dalam negeri yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Aliran pemikiran ini bersetuju dengan pelaksanaan pengagihan kuasa dalam bidang pentadbiran dan politik serta meluaskan keistimewaan yang dinikmati oleh orang Melayu seperti pemilikan tanah di kawasan tertentu, monopoli jawatan dalam Perkhidmatan Pentadbiran Melayu dan perwakilan khas dalam Dewan Undangan Negeri dan Persekutuan (Bauer 1947).

Menurut aliran pemikiran kedua pula yang boleh ditakrifkan sebagai aliran pemikiran pan-Malaya, negara ini adalah sebuah negara yang tercipta secara politik dan ekonomi dalam jangkamasa pertengahan kurun ke-19 dan sebelum 1930. Masyarakat Melayu pula hanya merupakan suatu daripada beberapa bangsa yang ada di negara ini. Berlaku perdebatan yang aktif di antara dua aliran ini sama ada secara umum atau di sebalik tabir.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan dasar pro-Melayu dilaksanakan sebelum perang. Secara umumnya para pentadbir British beranggapan bahawa tugas utama mereka adalah untuk orang Melayu yang jurai keturunan mereka telah berada di negara ini terlalu lama sebelum kehadiran para imigran Cina dan India. Tambah pula di kalangan para imigran Cina, wujud gejala jenayah yang sentiasa menimbulkan masalah terhadap kerajaan British melalui pembentukan kongsi gelap mereka. Daripada sudut ekonomi pula, masyarakat Melayu tidak seperti imigran Cina, tidaklah merupakan pesaing ekonomi terhadap British. Apabila sentimen nasionalis di China dan India semakin kuat pada 1920-an melalui pengaruh Kuomintang dan Parti Kongres, para pentadbir British berkeberatan memansuhkan dasar yang mengukuhkan orang Melayu melalui beberapa keistimewaan (Bauer 1947).

Dari sudut yang lain pula, kehadiran imigran pada skala besar-besaran ini menimbulkan masalah yang besar dalam hubungan mereka dengan penduduk tempatan. Walaupun tidak berlaku konflik secara terbuka antara mereka dengan penduduk tempatan terutama sebelum perang, hubungan yang harmoni tidak wujud. Hakikat ini adalah kerana imigran abad ke-19 tidaklah seperti imigran awalan yang

tidak menimbulkan masalah politik terhadap penduduk tempatan.

Perkembangan ekonomi yang rancak berlaku pada abad tersebut berbeza daripada keadaan sebelumnya. Sehubungan itu, imigran Cina begitu terlibat dalam aktiviti ekonomi. Mereka mengumpulkan sejumlah kekayaan yang besar, terutama dalam bentuk tanah dan harta. Mereka begitu berakar umbi dalam bidang ekonomi sehinggakan pada suatu peringkat mereka dilihat sebagai ancaman oleh penduduk tempatan dalam negara mereka sendiri (Khoo 1981). Kegusaran masyarakat Melayu dalam penguasaan ekonomi oleh imigran Cina adalah sesuatu yang jelas kerana lebih kurang 70% aktiviti perdagangan dan industri tempatan dikendalikan oleh imigran Cina (Fitzgerald 1962).

Pertambahan imigran Cina dengan pesat telah merubah aspek kependudukan Tanah Melayu. Pada tahun menjelang perang, jumlah imigran Cina dan India telah mengatasi jumlah penduduk tempatan. Jumlah penduduk Melayu dan Cina adalah hampir seimbang. Keadaan ini menunjukkan bahawa dari segi kuantiti, tidak wujud suatu kaum yang bersifat dominan. Di samping itu tidak wujud suatu bentuk budaya yang boleh diikuti oleh kaum di Tanah Melayu (Dunconson 1951). Telah wujud tiga kaum dengan perbezaan budaya yang begitu besar dan sukar untuk disatukan.

Tanah Melayu sebelum perang dan pada 1946 adalah sebuah negara yang tidak mempunyai taraf kebangsaan tunggal serta tidak wujud sebuah parti kebangsaan yang boleh mewarisi kuasa pemerintahan daripada kerajaan British. Dalam masyarakat di Tanah Melayu, adalah hampir mustahil untuk menghasilkan suatu dasar yang akan menerima sokongan yang sepenuhnya daripada semua kaum yang ada. Akibat ketiadaan bangsa Malaya, tidak wujud juga budaya Malaya yang secara perlahan-lahan dapat menarik masyarakat Melayu, Cina dan India untuk melupakan latar belakang budaya mereka. Sehubungan dengan ketiadaan bangsa Malayan, maka bolehlah dikaitkan dengan hakikat tidak wujud proses *melting pot* seperti yang berlaku di Amerika Syarikat. Di Tanah Melayu, imigran Cina dan India tidak terpisah secara total daripada negara asal mereka. Peterson, seorang penulis berkaitan dengan persoalan kenegaraan telah menyentuh perkara ini dengan menjelaskan bahawa di Tanah Melayu, tidak wujud bangsa Malaya tetapi sebaliknya hanya tiga komuniti berasingan (Paterson 1955).

## Perang Dunia Kedua Sebagai Permulaan Pelaksanaan Dasar Pro-Malayan

Perang Dunia Kedua adalah peristiwa titik hitam dalam sejarah British yang selama ini dianggap sebagai pelindung Tanah Melayu. Kekalahan British dalam tempoh singkat kepada sebuah bangsa Asia, iaitu Jepun, yang mempunyai jumlah tentera yang kurang telah meletakkan imej British pada tahap yang rendah. Jatuhnya Singapura pada 1942 dianggap sebagai "malapetaka terbesar dalam sejarah ketenteraan British" (Hawkins 1962) Namun demikian, dari sudut yang positif pula, pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah memberikan peluang yang sangat besar untuk para pentadbir dan pembuat dasar tanah jajahan untuk mengimbas kembali dasar yang dijalankan di Tanah Melayu, bermula dengan perjanjian dengan negeri Melayu sehinggalah kejatuhan Tanah Melayu kepada Jepun.

Antara dasar yang paling diberikan perhatian penting dan dianalisis dengan kritis adalah dasar pro-Melayu. Pada masa yang sama, berlaku perubahan paradigma politik di kalangan para pentadbir British terutamanya terhadap imigran di Tanah Melayu, khususnya terhadap masyarakat Cina. Titik tolaknya bermula dengan perang di Eropah pada 1939 apabila dasar luar British memperlihatkan hubungan baik dengan negara China. Tindakan tersebut memberi kesan terhadap hubungan British-Kuomintang di Tanah Melayu kepada hubungan yang lebih bertoleransi dan memahami. Sebelum perang tersebut, kerajaan British menunjukkan sikap tegas terhadap pergerakan komunis di Tanah Melayu yang ahlinya secara majoriti terdiri daripada masyarakat Cina. Pada 1937, 20 orang tokoh komunis yang penting telah diberkas dan dibuang negeri ke China. Pada 1937 dan 1938, kerajaan British mengambil sikap berkecuali dalam perang Cina-Jepun. Pendirian yang sama juga diambil oleh para pentadbir British di Tanah Melayu.

Oleh sebab hubungan British-China bertambah baik, keadaan yang sama juga terjelma terhadap persatuan Cina di Tanah Melayu walaupun tindakan ini menerima bantahan daripada sesetengah pegawai British. Sebagai contoh, apabila seorang pemimpin Cina, Wu T'ieh-Cheng melawat Tanah Melayu pada bulan November 1940, Gabenor Negeri Selat, Sir Shenton Thomas beranggapan bahawa lawatan tersebut sebagai "tidak diingini di dalam sebarang keadaan" tetapi keputusannya dibatalkan oleh Pejabat Luar. Alasan yang di-

berikan oleh Ashley Clarke, Setiausaha Rendah Untuk Pejabat Luar adalah bahawa British "berazam untuk tidak bersikap dingin terhadap kerajaan China lebih daripada yang sewajarnya dan British berhasrat untuk lebih bersikap membantu dalam perkara kecil yang kita berupaya" (Yong & Mc Kenna 1990)

Apabila Jepun menduduki Tanah Melayu pada bulan Disember 1941, kerajaan British memerlukan kerjasama masyarakat Cina untuk mempertahankan Singapura. Kerajaan British tidak mempunyai pilihan lain tetapi terpaksa meninggalkan dasarnya yang tegas dan mengiktiraf kumpulan dan parti politik termasuk Parti Komunis dan Kuomintang. Sebagai tambahan semua kumpulan politik utama dalam masyarakat Cina Singapura telah direstui oleh British untuk berada di dalam Majlis Mobilisi Cina Singapura (Singapore Chinese Mobilization Council) SCMC di bawah kepimpinan Tan Kah Kee pada 30 Disember 1941 untuk membantu British menentang kemaraan Jepun (Yong & Mc Kenna 1990).

Imej masyarakat Cina berada pada tahap yang tinggi pada pandangan para pentadbir British kerana pembentukan majlis tersebut. Menurut Shenton, di ambang kejatuhan Tanah Melayu dan Singapura seramai 60 orang perwakilan Cina terdiri daripada berbagai aliran pemikiran dan kelas telah mengadakan pertemuan dengannya (*The Times* 1961). Namun demikian versi yang berlainan telah diberikan oleh Major Foh Teng Chung, Timbalan Komander Kumpulan Sukarelawan Cina Seberang Laut (Overseas Chinese Volunteer Corps). Menurutnya, Thomas sendiri menghubungi Tan Kah Kee selepas pendaratan Jepun di Kota Bharu pada 8 Disember 1941. Dia mendakwa tujuan Thomas menghubungi Tan Kah Kee adalah untuk menubuhkan Kumpulan Mobilisi Anti-Jepun Penduduk Singapura (Singapore Peoples' Anti-Japanese Mobilization Corps). Setelah kumpulan ini dibentuk, ia dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Kumpulan Perkhidmatan Buruh, Kumpulan Pertahanan Diri dan Tentera Rakyat. Di samping itu, beliau juga mendakwa bahawa pada 1 Februari 1942, pihak berkuasa tentera British telah mula mengagih-agihkan senjata dan peluru kepada Kumpulan Sukarelawan Cina Seberang Laut [BMA (MLF/261)]. Walaupun terdapat perbezaan pendapat mengenai pihak yang menginisiatifkan kerjasama masyarakat Cina-kerajaan British, namun yang lebih penting adalah bahawa kedua-dua pihak mengakui kewujudan kerjasama tersebut.

Perjumpaan perwakilan masyarakat Cina Singapura dengan Thomas telah menghasilkan suatu ikrar untuk "menghapuskan perbalahan silam dan perbezaan pendapat untuk membentuk barisan bersatu dengan matlamat yang sama iaitu menentang penceroboh." (Jepun) (*The Times* 1941)

Barisan Bersatu telah mengeluarkan suatu manifesto bersama yang menggesa masyarakat Cina supaya bersatu dan mempertahankan negara ini. Manifesto tersebut adalah seperti berikut:

Mempertahankan Malaya samalah dengan mempertahankan China. Kita mesti menyingkirkan semua perbezaan pendapat dan ketamakan, dan di bawah bimbingan kerajaan tempatan dan Tan Kah Kee, kita mesti berjuang sepenuhnya untuk kejayaan demokrasi ... Kita percaya bahawa untuk menyalahkan musuh kita dan menamatkan keganasan adalah tugas utama setiap bangsa yang bertamadun dan mereka yang mencintai kedamaian. Kita mesti bersatu hati dan mempertahankan negara kediaman kita iaitu Malaya. (*The Times* 1941)

Walaupun manifesto itu masih dapat diragui kesetiiaannya kerana menganggap mempertahankan Tanah Melayu samalah seperti mempertahankan negara asal, tindakan barisan tersebut dianggap oleh kerajaan British sebagai tindakan sokongan terhadap mereka secara terbuka dan dilakukan pada masa yang sangat kritikal. Ternyata sokongan sebegini memberi natijah positif terhadap masyarakat Cina selepas perang. Akhbar *The Times* yang menyiarkan manifesto tersebut telah memberikan pandangan positif terhadap masyarakat Cina dengan menyatakan bahawa kemakmuran yang dinikmati di Tanah Melayu tidak akan diperoleh tanpa bantuan masyarakat Cina (*The Times* 1941).

Jelaslah dengan bermulanya Perang Dunia, kerajaan British mula menunjukkan kecenderungan terhadap dasar pro-Cina yang bermula dengan hubungan baik terhadap negara China dan akibat daripada itu pertubuhan Cina di Tanah Melayu menerima faedahnya. Tambahan pula masyarakat Cina di Singapura di bawah pimpinan Tan Kah Kee telah menunjukkan suatu inisiatif yang berkesan untuk diambilkira dalam pembentukan dasar politik Tanah Melayu selepas perang.

Walaupun kejatuhan Tanah Melayu telah menjejaskan imej kerajaan British, namun daripada segi yang lain pula terdapat beberapa

pihak yang mengalu-alukan pemusnahan sistem politik Tanah Melayu oleh Jepun yang sejak awal lagi telah mereka anggap sebagai telah mengalami kerosakan. Ronald Bradell umpamanya berpendapat bahawa kejatuhan Tanah Melayu sebagai peluang yang dianugerahi Tuhan. Sehubungan dengan itu, mereka yang sealiran dengan Bradell berpendapat bahawa dengan runtuhnya kerangka politik Tanah Melayu, kerajaan British boleh memulakan dasar yang baru. Tanah Melayu selepas perang dianggap sebagai suatu konsep *tabula rasa* (Tarling 1993) yang boleh dicorakkan dengan bebas oleh para pentadbir kerajaan British.

Penyusunan semula wilayah di serata dunia dan pembentukan negara baru mempunyai sejarah panjang dan ada kalanya dipengaruhi oleh keadaan sebelum perang. Dalam konteks Tanah Melayu, perancang Tanah Melayu berazam untuk mengambil peluang akibat daripada peperangan untuk membentuk semula perjanjian dengan butiran yang baru (Harper 1990).

### Kerjasama British-PKM/MPAJA

Persefahaman yang wujud antara kerajaan British dan masyarakat Cina terutamanya di Singapura di ambang kekalahan British diteruskan sepanjang pendudukan Jepun selama tiga setengah tahun. Pada penghujung 1941, Thomas telah merangka satu pelan yang jelas mengenai organisasi pasukan yang ditinggalkan (*stay behind parties*). Pasukan ini juga melibatkan masyarakat Cina di samping orang Melayu dan India. Terangkum sama dalam pasukan ini adalah pegawai polis, pemilik-pemilik ladang dan daripada kalangan masyarakat Eropah yang mahir dalam bahasa di negara ini atau memiliki pengetahuan mengenai kawasan khusus untuk mereka beroperasi. Peranan pasukan ini adalah untuk membekalkan maklumat. Dalam keadaan negara dikuasai oleh Jepun, mereka akan mengatur aktiviti sabotaj dan propaganda anti-Jepun (Chapman 1963).

Walaupun rancangan yang dikemukakan oleh Thomas ini ditolak pada awal Oktober 1941, namun yang nyata adalah bahawa pada peringkat tersebut telah berlaku perubahan paradigma politik mengenai kepentingan masyarakat bukan Melayu terutamanya masyarakat Cina dalam usaha mempertahankan Tanah Melayu daripada serangan Jepun. Kepada kerajaan British hakikat bahawa masyarakat Cina aktif dalam penentangan terhadap Jepun adalah



disebabkan oleh permusuhan Cina-Jepun yang lebih awal terjadi dan bukannya semangat patriotik terhadap negara ini. Mereka tidak lagi dilihat sebagai musuh tetapi sebagai rakan dalam penentangan terhadap Jepun. Pada 3 Januari 1942, Shenton Thomas membuat laporan terhadap Lord Mayne, Setiausaha Tanah Jajahan mengenai kerjasama yang ditawarkan oleh masyarakat Cina. Menurut beliau:

... untuk kali pertama dalam sejarah, wakil-wakil daripada semua pihak, termasuk Cina Peranakan, Kuomintang dan Komunis serta lain-lain menemui saya. ... (Mereka) menyatakan bahawa dalam keadaan sekarang, kekalahan Jepun adalah satu-satunya minat mereka, dan menawarkan diri untuk berkhidmat di bawah saya (Oong 1990).

Tawaran masyarakat Cina melalui Shenton Thomas telah mendapat sambutan daripada Pejabat Tanah Jajahan di London. Kerajaan British sememangnya memerlukan apa juga bentuk kerjasama masyarakat tempatan dalam penentangan terhadap kemaraan Jepun. Jawapan daripada Setiausaha Tanah Jajahan mengenai tawaran tersebut adalah seperti berikut;

Dalam situasi sekarang perhatian khusus diletakkan ke atas penggunaan sepenuhnya perkhidmatan-perkhidmatan komuniti Cina di Tanah Melayu untuk mengalahkan invasi Jepun. ... Unsur yang liat daripada orang Cina yang menimbulkan kepayahan kepada kita pada masa lepas berkemungkinan menjadi sesuatu yang amat berguna untuk tujuan segera. Saya menghargai pertukaran sikap ini akan menimbulkan kesulitan kepada pegawai anda terutamanya Setiausaha Hal Ehwal Orang Cina yang tugasnya dan jabatannya, dalam banyak hal berkonflik dengan unsur tersebut.

Di samping itu Setiausaha Tanah bersetuju dengan Thomas bahawa dalam keadaan peperangan atau darurat, mereka tidak harus mengambil berat terhadap kesan langsung daripada kerjasama dengan golongan komunis atau Kuomintang pada waktu selepas perang. Seterusnya Pejabat Tanah Jajahan mengarahkan Shenton Thomas untuk memberikan arahan yang jelas kepada semua yang berkenaan dengan situasi baru bekerjasama antara kerajaan British dengan Komunis atau Kuomintang (Oong 1990).

Dalam keperluan mendapatkan kerjasama masyarakat, kerajaan British seolah-olah tidak memperdulikan kewujudan Perjanjian

Wang-Lampson. Menerusi perjanjian ini, kerajaan British hanya mengiktiraf ahli Kuomintang yang keahliannya adalah secara langsung dengan Kuomintang di negara China. Kerana perjanjian tersebutlah, kerajaan British tidak mengiktiraf cawangan Kuomintang di Tanah Melayu. Amalan tidak melaksanakan butiran Perjanjian Wang-Lampson telah mula berlaku sejak penghujung tahun 1940. S.W. Jones, seorang pegawai pentadbir British telah menulis kepada Pejabat Tanah Jajahan di London pada 23 Oktober 1940 untuk menyatakan bahawa pihak British telah menemui *Minit Persidangan Bersama Kuomintang ke-14* yang merangkumi Kuomintang Singapura, Johor dan Melaka. Penemuan ini menunjukkan bahawa kerajaan China tidak mematuhi Perjanjian Wang-Lampson. Namun demikian Jones menjelaskan bahawa:

Di dalam kesukaran hari ini, tidaklah menjadi hasrat saya supaya sebarang tindakan sama ada prosiding mahkamah atau sebaliknya diambil terhadap penganjur Cawangan Terus atau terhadap aktiviti Kuomintang di Tanah Melayu atau mendesak supaya bantahan dilakukan terhadap kerajaan China.

Surat yang dihantar oleh Jones telah menimbulkan beberapa ulasan daripada Pejabat Luar. John Brenan, Setiausaha Rendah Tetap Pejabat Tanah Jajahan berpendapat bahawa kerajaan Singapura mempunyai sikap yang ketinggalan zaman dalam hal ehwal berkaitan dengan kerajaan China dan Kuomintang (Yong & Mc Kenna 1990).

Jelaslah Pejabat Tanah Jajahan dan Pejabat Luar telah mengambil inisiatif dalam menggerakkan momentum hubungan kerajaan British-masyarakat Cina dengan memberikan arahan yang jelas kepada pegawai mereka di Tanah Melayu. Untuk menggerakkan kerjasama tersebut, Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan telah memberikan arahan kepada para pentadbir British untuk membebaskan pemimpin dan ahli PKM daripada penjara (Oong 1993).

Di kalangan kelompok fahaman politik Cina, PKM merupakan pihak yang pertama selepas meletusnya perang di Timur Jauh membuat cadangan supaya orang Cina diizinkan untuk membentuk pasukan bersenjata dalam penentangan terhadap Jepun. Secara lebih khusus lagi tawaran kerjasama dan bantuan terhadap kerajaan British dibuat oleh PKM sebelum serangan Jepun. Komunis Cina di Asia

Tenggara telah biasa dan memahami bentuk perluasan kuasa Jepun serta menyedari dengan jelas akan ancaman Jepun terhadap Tanah Melayu. Sebagai penyumbang kewangan dan sokongan politik yang aktif terhadap gerakan penentangan di China, mereka begitu gusar terhadap ancaman Jepun dan begitu berazam untuk bersekutu dengan British (Hanrahan 1971). Namun demikian pada mulanya, kerajaan British keberatan untuk mengizinkan pelaksanaan cadangan PKM tetapi apabila keadaan perang menjadi semakin buruk, mereka akhirnya memberikan keizinan untuk PKM melatih beberapa orang pemimpin Cina (Chapman 1963).

Di pihak PKM pula, C'hen Chia-Keng ditugaskan oleh parti itu untuk menguruskan gerakan anti-Jepun. Dia mencadangkan penentangan bersenjata dengan segera terhadap Jepun. Dia juga mendesak rakan sejawatnya untuk memperbaharui ikrar mereka untuk memberikan bantuan kepada pihak kerajaan British. Tindakan C'hen Chia-Keng itu diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif Pusat PKM pada 8 Disember 1941 dan serentak dengan itu PKM telah bersama-sama dengan kumpulan Cina Seberang Laut.

Sentimen anti-Jepun di kalangan masyarakat Cina bermula dengan penaklukan bersenjata Jepun di Manchuria pada 1931 dan sehubungan dengan ini PKM mengambil kesempatan di atas sentimen ini dengan menganjurkan organisasi anti-Jepun dan anti imperialis terutama di kalangan orang Cina yang patriotik. Di Singapura, Kesatuan Cina Seberang Laut telah ditubuhkan selepas pendudukan Jepun di Manchuria. Sebagai lumrahnya, pertubuhan ini sangat bersifat anti-Jepun. Selepas penubuhannya, pemimpin penting komunis telah menguasai Kesatuan Cina Seberang Laut dan menjadikan pertubuhan tersebut sebagai alat PKM dalam propaganda anti-Jepun dan imperialis. PKM juga telah menyusun semula pertubuhan itu dengan merangkumkannya ke dalam Liga Anti Imperialis Malaya (Hanrahan 1971).

Jelas sekali PKM sememangnya bersedia sejak kejatuhan Manchuria untuk melaksanakan dasar anti-Jepun. Apabila musuh utama mereka itu hadir di Tanah Melayu, dengan segera mereka menawarkan kerjasama kepada British. Dalam keadaan yang kritikal, British tidak mempunyai banyak pilihan dan mereka menerima tawaran PKM untuk menentang Jepun.

Seterusnya kerjasama kerajaan British-masyarakat Cina diteruskan menerusi pembentukan sebuah sekolah latihan ketenteraan

yang kecil di Singapura pada awal 1941. Sekolah itu dikenali sebagai Sekolah Latihan Khas 101. Pada awalnya sekolah ini diusahakan oleh Liutenant Colonel J.M.L. Gavin, R.E. Gavin dan kemudiannya disertai oleh Major Spencer Chapman (Clutterbuck 1973).

Kepentingan masyarakat Cina menjadi semakin dirasakan apabila ancaman kemaraan Jepun mula menunjukkan bukti yang kukuh dengan peristiwa pengeboman Pelabuhan Pearl. Peristiwa ini jugalah yang menyebabkan kerajaan British mengubah keputusan awal mereka yang menolak cadangan Thomas untuk membentuk pasukan yang ditinggalkan yang terdiri daripada rakyat Tanah Melayu yang merangkumi semua kaum.


Pada 18 Disember 1941, diadakan suatu pertemuan sulit antara pegawai British dan Loi Teck, Setiausaha PKM di bilik lorong-lorong belakang di Singapura. Justeru dalam masa empat minggu sebelum kejatuhan Singapura, di bawah perjanjian dengan PKM seramai 2000 orang Cina telah dilatih sebagai gerila. Sepanjang tiga tahun, keanggotaan mereka bertambah menjadi 7000 orang di bawah kawalan dan kepemimpinan komunis yang dikenali sebagai Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya (MPAJA). Daripada suatu segi terdapat kaitan antara MPAJA dengan Sekolah Latihan Khas 101 kerana daripada seramai 165 orang lulusan sekolah itulah, MPAJA telah dibentuk (Hanrahan 1971). MPAJA dibantu secara spontan oleh kumpulan penduduk luar bandar masyarakat Cina dan mereka yang menjadi setinggan di pinggir, yang dinamakan Kesatuan Anti-Jepun Rakyat Tanah Melayu (MPAJU).

Dengan itu kewujudan MPAJA dan MPAJU dengan aktiviti yang berbeza terhadap matlamat yang sama menunjukkan penglibatan masyarakat Cina yang lebih menyeluruh berbanding dengan kaum lain di Tanah Melayu. Di samping itu terdapat juga orang Cina yang akan masuk ke hutan untuk menerima latihan selama dua bulan. Mereka kemudiannya akan kembali ke tempat kediaman mereka atau pondok setinggan dan menunggu semula apabila terdapat cukup senjata untuk diberikan kepada mereka (Clutterbuck 1973).

Selain Kesatuan Cina Seberang Laut, Majlis Mobilisi Orang Cina, MPAJA dan MPAJU, pemimpin masyarakat Cina di Singapura dan ahli Parti Kebangsaan China, Tan Kah Kee telah mengetuai sebuah pasukan yang dinamakan *Dalforce*. Pasukan ini berjuang dengan gigih dalam usaha terakhir untuk mempertahankan Singapura. Walaupun pengagasnya adalah Colonel J.D. Dalley, namun masya-



GAMBAR 1 Sidang pleno mesyuarat cadangan-cadangan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu di King's House, Kuala Lumpur. *Gambar Ehsan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.*



GAMBAR 2 Tunku Abdul Rahman sedang berucap dalam kempen pilihanraya peringkat kebangsaan yang pertama.  
*Gambar Ehsan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.*




GAMBAR 3 Tuntutan-tuntutan kemerdekaan diadakan di Kuala Lumpur pada 7 Julai 1954.  
*Gambar Ehsan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.*



GAMBAR 4 Pemimpin-pemimpin UMNO selepas perasmian Persidangan Agung Yang Keempat di Balai Besar, Alor Setar.  
*Gambar Ehsan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.*





GAMBAR 5 Tun Abdul Razak bergambar dengan ahli MAGERAN pada 7 Februari 1971.  
*Gambar Ehsan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.*



GAMBAR 6 Upacara perasmian Minggu Bahasa Kebangsaan oleh Tunku Abdul Rahman pada 30 Januari 1960.  
*Gambar Ehsan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.*



GAMBAR 7 Tunku Abdul Rahman menandatangani Perjanjian Kemerdekaan di London pada 8 Februari 1956.  
*Gambar Ehsan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.*



GAMBAR 8 Ahli-ahli parti UMNO dan MCA negeri Johor mengadakan perhimpunan ketika menyerahkan memorandum penubuhan Suruhanjaya Khas Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. *Gambar Ehsan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.*



GAMBAR 9 Rombongan merdeka yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj disambut di sepanjang jalan di bandar Melaka pada 20 Februari 1956. *Gambar Ehsan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.*

rakat Cina merupakan elemen penting dalam pasukan ini. Hasil daripada perundingan antara P.A.B. Mc Kerron, General Percival, Mervyn Wynne dengan pegawai daripada Bahagian Hal Ehwal Orang Cina, pasukan-pasukan Cina telah diserapkan ke dalam *Dalforce*. Mereka ini dilatih oleh pegawai *Dalforce* yang sedia ada [BMA (MLF/261)].

Sebuah lagi organisasi ketenteraan yang ditubuhkan oleh kerajaan British semasa pendudukan Jepun ialah Force 136 iaitu nama kod yang diberikan kepada sebuah ketumbukan khas dan gerakan bawah tanah dengan markas pusatnya di India dan Sri Lanka. Kegiatan anggota Force 136 hanya bertumpu di negara-negara di Asia Tenggara yang berada di bawah pemerintahan Jepun dari awal tahun 1942 hingga Ogos 1945. Nama Force 136 hanya mula digunakan dari bulan April 1944. Ianya bernaung di bawah sebuah organisasi yang lebih besar yang dinamakan *Special Operation Executives* (SOE) (Wan Hashim 1984).

Dalam konteks Force 136, penglibatan masyarakat Cina menerusi PKM perlu disentuh. Salah seorang pemimpin pasukan itu iaitu Colonel John Davis telah mengadakan hubungan dengan Loi Teck sepanjang 1943-45. Pada penghujung 1943, dua orang anggota SOE iaitu John Davis, bekas polis Tanah Melayu dan Richard Broome daripada Sekretariat Orang Cina telah dihantar dan diseludup masuk ke Tanah Melayu dengan kapal selam. Mereka ditugaskan berunding dengan MPAJA dan pemimpin-pemimpin komunis mengenai soal kerjasama bagi mengalahkan Jepun. Rundingan pada 31 Disember 1943 dan 1 Januari 1944 diadakan antara John Davis, selaku wakil bagi ketua Panglima Perang Tentera Berikat dan Loi Teck serta Chin Peng sebagai wakil Jawatankuasa Bersama MPAJA dan MPAJU. Mereka bersetuju untuk bekerjasama sepenuhnya bagi tujuan mengalahkan Jepun. Pihak komunis bersetuju meletakkan MPAJA di bawah penyeliaan pegawai Force 136 atau di bawah *Southeast Asia Command* (Oong 1990). Butiran perjanjian yang paling penting dalam hubungan kerajaan British-PKM ini diketahui oleh SEAC pada Februari 1945. Ketua Panglima Perang Tentera Berikat British, Lord Louis Mounbatten menggesa penggunaan MPAJA dalam kempen untuk mendapatkan semula Tanah Melayu (Smith 1988).

Masyarakat Cina di Tanah Melayu dan Singapura telah menunjukkan penentangan terhadap Jepun walaupun ia tidak dilakukan secara besar-besaran. Malahan pihak Jepun sendiri beranggapan

bahawa usaha MPAJA sebagai tindakan yang tidak signifikan dan hanya bersifat gangguan kecil sahaja. Lebih penting lagi dalam penentuan dasar politik Tanah Melayu selepas perang adalah berlakunya hubungan yang akrab antara British-MPAJA-Force 136. Hubungan ini boleh diterjemahkan sebagai hubungan British-masyarakat Cina yang baik. Bukti hubungan baik itu dapat dilihat daripada penganugerahan pingat *Order Of The British Empire* (O.B.E.) kepada Chin Peng kerana usaha semasa perang (Pillai 1976).

Ternyata bahawa usaha masyarakat Cina semasa perang akhirnya menjadi salah satu penentu penting dalam penukaran dasar pro-Melayu kepada dasar pro-Malayan walaupun pada dasarnya kerajaan British tidak pernah menunaikan janji politik (Short 1975) selain daripada memberikan bantuan senjata, kewangan, latihan dan rawatan perubatan sahaja. Namun demikian kerjasama antara kerajaan British dengan organisasi Cina memang diambil kira apabila kerajaan British menggubal dasarnya untuk Tanah Melayu. Pegawai kerajaan British yang terlibat secara langsung dalam penggubalan dasar British untuk Tanah Melayu mengakui akan perkara ini. Menurut J.J. Paskins, Direktif Dasar Mengenai Orang Cina digubal, mereka merasa perlu untuk mengambil kira perkara berikut:

1. Perubahan sikap terhadap komunis Cina yang berlaku di Singapura padahari sebelum British menyerah
2. Hakikat bahawa bukan sahaja pada masa tersebut tetapi kemudiannya di sepanjang pendudukan Jepun, pihak komunis merupakan satu-satunya elemen di dalam penduduk tempatan yang secara aktifnya telah menentang Jepun (Oong 1990)

Pendapat Mounbatten juga daripada suatu segi adalah sama dengan pendapat Paskin mengenai kepentingan usaha masyarakat Cina melalui PKM semasa pendudukan Jepun. Menurut Mounbatten, PKM menunjukkan sentimen pro-Malayan. Walaupun menyedari bahawa sentimen "pro-Malaya" PKM melibatkan penyingkiran kewujudan kerajaan British dan penubuhan Republik Malaya yang dikuasai oleh pihak komunis, dia berpendapat bahawa anggota gerila komunis boleh disisihkan daripada matlamat di atas sekiranya kaedah lain digunakan untuk memberi persamaan taraf kepada mereka seperti yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Untuk mencapai tujuan di atas, Mounbatten telah mendesak Kabinet Perang British untuk

mengumumkan dengan lebih awal rancangan kerajaan British mengenai perlembagaan masa depan Tanah Melayu (Cheah 1981).

Sepanjang pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Mounbatten telah mengemukakan ideanya kepada Kabinet Perang. Berikut adalah antara idea tersebut:

1. Apabila Tanah Melayu dikuasai semula, kerajaan British mempunyai peluang terbaik untuk membentuk dasar yang lebih tegas dan rasional berbanding dengan keadaan sebelum perang.
2. Keseluruhan Tanah Melayu perlu diletakkan di bawah suatu pentadbiran bersekutu dengan nama yang seperti Union of Malaya.
3. Adalah menjadi kesalahan terbesar untuk memberikan sebarang bentuk kuasa yang diwarisi, sama ada untuk menggubal atau mengimplimentasikan perrundangan dalam negeri mereka.
4. Pemberian sebarang bentuk hak istimewa tidak boleh diuntukkan kepada satu kaum sahaja. Ini adalah kerana tindakan demikian akan menyebabkan berlakunya permusuhan antara kaum yang berpanjangan. Matlamat yang harus dicapai adalah menghapuskan pengelompokan kaum dalam sebarang bentuk, sama ada secara politik, ekonomi dan sosial. Sebagai gantinya, ideal yang perlu dicapai adalah kewarganegaraan Malaya.
5. Adalah amat penting untuk orang Cina dan India diasimilasikan secara yang sah dan perlu mempunyai tanggungjawab tempatan dan bukannya menjadi sekumpulan peneroka atau sumber bekalan buruh yang murah.<sup>2</sup>

Jika dianalisis dengan lebih mendalam, idea Mounbatten mempunyai pengaruh besar dalam pembentukan dasar politik yang baru untuk Tanah Melayu selepas perang. Ini adalah kerana Oliver Stanley yang menjadi Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan mengakui bahawa idea yang dikemukakan oleh Mounbatten kepada Pejabat Tanah Jajahan mempunyai banyak persamaan dengan idea yang digubal oleh pejabat tersebut (WO 203/5612).

Pada masa yang sama, *perjanjian British-MPAJA-MPAJU* pada 1 Januari 1944 turut mempunyai signifikan yang besar dalam pembentukan dasar kerajaan British terhadap masyarakat Cina kerana menurut Spencer Chapman, berita mengenai perjanjian itu telah disampaikan kepada ibu pejabat tentera British di Colombo, Sri Lanka.

Pegawai Pejabat Tanah Jajahan di London turut menerima maklumat mengenai usaha penentangan masyarakat terhadap Jepun. Maklumat yang mereka terima adalah seperti berikut:

Pada masa ini (1943) telah dijangkakan bahawa dua kumpulan utama Cina (Kuomintang dan PKM) telah mampu mengekalkan jentera pergerakan bawah tanah dan akan menjadi tenaga pendorong yang kuat dalam penentangan terhadap musuh. Mereka akan memainkan peranan yang penting di dalam membantu kita dalam sebarang kempen untuk mengusir keluar Jepun (Oong 1990)

Selain penyebaran maklumat ke Pejabat Tanah Jajahan, sebuah persidangan di New Delhi pada 11 Januari 1944 telah membincangkan hal ehwal orang Cina di Tanah Melayu. Persidangan itu dihadiri oleh pemimpin tentera termasuk M.E. Denning, selaku Ketua Penasihat Politik Kepada Ketua Panglima Perang *South East Asia Command*, Ralph Hone, Ketua Pegawai Hal Ehwal Awam Tanah Melayu dan Sir Horace Saymour, Duta British ke China. Keanggotaan persidangan tersebut seperti pegawai atasan tentera dan Duta British ke China telah memberikan pandangan yang berautoriti ke arah pembentukan dasar pro-Malayan dan terutamanya terhadap masyarakat Cina yang akan diambil oleh kerajaan British.

British sebenarnya cuba mendapatkan gambaran jelas tentang masyarakat Cina. Untuk tujuan itu, Hone memaklumkan kepada persidangan bahawa Pejabat Tanah Jajahan bercadang menghantar Victor Purcell ke Chungking untuk mendapatkan pandangan pihak China terhadap masyarakat Cina di seberang laut (Oong 1993) dan khususnya untuk masyarakat Cina di Tanah Melayu.

Horace Saymour juga memberikan pandangannya mengenai layanan sewajarnya diberikan kepada masyarakat Cina di Tanah Melayu. Menurut beliau, pendapat di negara China mengenai perkara tersebut adalah begitu jelas tetapi pada keseluruhannya mereka merasakan orang Cina seberang laut tidak wajar tertakluk kepada ketidakadilan dalam perdagangan dan politik yang tidak dirasai oleh kaum lain.

Tema utama pendapat Saymour adalah bahawa dasar pro-Melayu sebelum perang perlu ditamatkan dan layanan yang sama dalam semua perkara seperti pemberian kewarganegaraan perlu diberikan kepada masyarakat Cina. Dalam persidangan itu juga, Denning



telah memaklumkan bahawa terdapat kaitan kerjasama antara usaha pihak Berikat yang telah dijalankan bagi pihak mereka oleh PKM. Menurut Denning:

Beberapa tugas Berikat sudah dijalankan di Tanah Melayu khususnya menerusi masyarakat Cina (oleh MPAJA yang dikuasai oleh komunis). (Oong 1993)

Persidangan yang sama juga telah diberitahu bahawa suatu Direktif Dasar Orang Cina perlu dikeluarkan sebagai panduan untuk pegawai British yang menjalankan gerakan bawah tanah untuk membuat persiapan bagi pihak Berikat untuk menawan kembali Tanah Melayu. Arahan ini penting kerana ia akan digunakan untuk memujuk orang Cina termasuk pihak komunis agar mereka mengekalkan kerjasama dan menggalakan mereka meneruskan kegiatan seperti yang dikehendaki oleh pihak British. Namun lebih penting lagi adalah terdapat perkaitan yang amat rapat antara arahan itu dengan pembentukan dasar politik selepas perang. Ini adalah kerana salah satu butiran arahan itu adalah mengenai cadangan kewarganegaraan yang kemudiannya dimasukkan ke dalam rancangan Malayan Union (Oong 1990). Inti pati terpenting arahan itu adalah seperti berikut:

Dasar jangka panjang direktif untuk masyarakat Cina Tanah Melayu menghapuskan halangan taraf yang dikenakan terhadap orang Cina dan orang bukan Melayu yang lain di dalam negeri Melayu. (WO 203/5612)

Pada peringkat ini, usaha masyarakat Cina yang diinsiatifkan oleh PKM khususnya begitu bernilai pada pandangan para pentadbir British di London. Persoalan seperti pemberian kewarganegaraan terhadap masyarakat bukan Melayu yang pada zaman sebelum perang tidak pernah disentuh dengan serius telah mula difikirkan oleh mereka sebagai suatu dasar yang sesuai dan praktikal. Penglibatan masyarakat Cina dalam gerakan penentangan telah dianggap oleh kerajaan British sebagai suatu manifestasi kesetiaan mereka terhadap Tanah Melayu. Unsur kesetiaan ini boleh dianggap sebagai alasan terkuat dalam pemberian kewarganegaraan kepada golongan imigran. Pejabat Tanah Jajahan turut menunjukkan keprihatinan terhadap usaha masyarakat Cina. Edward Gent, Ketua Jabatan Kawas-

an Timur di Pejabat Tanah Jajahan telah mengadakan suatu mesyuarat pada 17 Jun 1943. Turut hadir dalam mesyuarat itu adalah J.J. Paskin dan Mc Kerron. Mereka memutuskan bahawa langkah harus diambil bagi mengumpul sejumlah pegawai untuk mengkaji masalah yang akan timbul pada masa hadapan daripada sudut masyarakat Cina. Pegawai ini kelak akan ditugaskan sebagai penasihat kepada pegawai perancang dalam hal yang berkaitan dengan orang Cina serta pegawai tentera dan awam apabila British kembali ke Tanah Melayu. Sehubungan ini, Victor Purcell, H.G. Moles dan J.C. Barry dilantik ke dalam sebuah unit khas yang akan dibentuk berhubung dengan Pejabat Luar untuk mengikuti segala perkembangan dalam dasar kerajaan China terhadap orang Cina di seberang laut di Asia Tenggara.

Dalam usaha memudahkan pembentukan dasar yang baru, pada 27 dan 28 September 1943, pegawai Pejabat Tanah Jajahan dan Pejabat Luar mengadakan suatu pertemuan untuk membincangkan masalah berkaitan dengan masyarakat Cina. Usaha yang sama juga dilakukan pada 1 November 1943 apabila pegawai Pejabat Tanah Jajahan dan Pejabat Luar mengadakan suatu pertemuan untuk membincangkan masalah orang Cina dan persoalan antara kerajaan China dan Kuomintang (Oong 1993).

Suatu perkara yang jelas adalah bahawa sama ada Pejabat Tanah Jajahan atau Pejabat Luar, masing-masing bersedia melaksanakan dasar yang baru itu. Pejabat Tanah Jajahan Kawasan Timur yang diketuai oleh Gent telah menerima beberapa soalan yang sebenarnya mempunyai implikasi besar terhadap masa depan Tanah Melayu daripada segi politik. Persoalan itu diajukan oleh S.E. Taylor, seorang pegawai Force 136 dalam bulan Ogos 1944 bagi pihak komunis. Soalan itu adalah seperti berikut:

1. Apakah bentuk kewarganegaraan yang sekiranya ada akan diberikan
  - a. kepada mereka yang dilahir di Tanah Melayu
  - b. kepada mereka yang telah menetap di Tanah Melayu untuk suatu jangka waktu yang tertentu
2. Adakah persatuan dan pertubuhan yang telah dianggap tidak sah sebelum perang akan terus dianggap demikian
3. Daripada segi hak awam dan peluang, adakah orang Cina yang

layak menerima kewarganegaraan tertakluk kepada diskriminasi (Oong 1993)

Soalan yang dikemukakan oleh pihak komunis bagi mewakili masyarakat Cina di Tanah Melayu menunjukkan bahawa mereka mengharapkan suatu perubahan dan pemisahan daripada dasar lama. Perubahan yang diharapkan adalah dalam bentuk penghapusan sebarang bentuk diskriminasi pemberian kewarganegaraan kepada masyarakat itu dan keizinan untuk organisasi mereka berperanan dalam masyarakat Cina dalam bentuk yang diizinkan. Mereka mengharapkan persamaan taraf dengan penduduk bumiputera sebagai balasan kepada kerjasama dan bantuan yang diberikan ketika menentang Jepun.

Suatu petanda jelas dalam perubahan dasar kepada yang berbentuk pro-Malayan adalah jawapan yang diberikan kepada pihak komunis oleh Gent sebagai mewakili pendirian Pejabat Tanah Jajahan. Menurut Gent jawapan yang terbaik bagi soalan-soalan tersebut adalah seperti berikut:

Adalah menjadi hasrat kerajaan British untuk menggalakkan penyatuan Tanah Melayu dan penduduknya kepada darjah yang lebih tinggi dan persamaan kepada mereka yang menjadikan negara ini tanah air mereka. Tanpa mengira asal-usul bangsa seseorang, proses yang diharapkan dapat dicapai ialah dengan mewujudkan kewarganegaraan Malaya. Adalah dicadangkan kewarganegaraan itu diperolehi oleh mereka yang bermastautin di Tanah Melayu atau mereka yang bermastautin untuk beberapa tahun.

Mengenai persoalan pertubuhan dan persatuan yang dianggap tidak sah sebelum perang ... adalah menjadi hasrat kami untuk mengubah penekanan ini pada masa akan datang dengan perundangan yang baru supaya pertubuhan dan persatuan tidak dianggap tidak sah melainkan ia disyiharkan sedemikian.

Orang Cina yang memiliki kewarganegaraan Malaya akan mempunyai hak dan keistimewaan seperti warganegara Malaya yang lain. Tidak akan ada diskriminasi atas dasar kaum kecuali yang berkaitan dasar Tanah Simpanan Melayu (Oong 1990).

Kenyataan Gent di atas menunjukkan bahawa Pejabat Tanah Jajahan telah menyediakan idea baru untuk dasar politik Tanah Me-

layu selepas pendudukan Jepun. Konsep baru yang bakal dilaksanakan adalah pembentukan bangsa Malayan bersatu (United Malayan Nation). Secara ringkasnya Tanah Melayu akan menerima penduduk bukan Melayu sebagai warganegara. Penduduk bukan Melayu juga akan mempunyai hak dan menikmati keistimewaan yang sama dengan penduduk bumiputera negara ini. Daripada suatu segi, bangsa Malayan bersatu merupakan penciptaan konsep politik yang artifisial kerana ia tidak dapat dikaitkan dengan konsep etnik mana-mana kaum yang bermastautin di Tanah Melayu. Pada peringkat ini juga, Pejabat Tanah Jajahan telah bersedia untuk memansuhkan apa juga keistimewaan yang diberikan kepada masyarakat Melayu kecuali dalam persoalan dasar Tanah Simpanan Melayu. Ini adalah kerana menurut Gent, kerajaan British tidak akan mewujudkan sebarang diskriminasi dalam pentadbiran pada masa hadapan atas dasar bangsa.

Secara jelas juga, Pejabat Tanah Jajahan bersetuju mengizinkan organisasi masyarakat Cina seperti PKM dan Kuomintang bergerak secara bebas sebagai membalas jasa mereka. Ini adalah satu lagi konsesi politik yang diberikan kepada masyarakat Cina sebagai pelengkap kepada pemberian kewarganegaraan. Selepas perang, untuk kali pertama, kedua-dua organisasi itu berada dalam keadaan boleh bergerak bebas tanpa menghadapi banyak masalah daripada British walaupun kebebasan itu hanya dinikmati sementara sahaja.

### Pernyataan Pendapat kepada Pejabat Tanah Jajahan

Tempoh pendudukan Jepun di Tanah Melayu bukanlah tempoh yang kosong dalam usaha membentuk dasar baru Tanah Melayu selepas perang. Bukan sahaja Pejabat Tanah Jajahan terlibat dalam merangka dasar tersebut tetapi di dalam masa yang sama menerima pendapat daripada pelbagai organisasi tentang dasar politik yang perlu dilaksanakan. Dalam beberapa hal, organisasi yang terlibat dalam memberikan pendapat dan idea mempunyai persamaan dengan idea utama yang wujud pada masa tersebut di Pejabat Tanah Jajahan iaitu Tanah Melayu selepas perang mestilah mempunyai ciri yang berbeza daripada keadaan sebelumnya.

Antara persatuan yang memberi pendapat mereka adalah Persatuan Cina Seberang Laut yang beribu pejabat di India. Persatuan ini dipimpin oleh Tan Cheng Lock yang sempat melarikan diri ke

negara itu semasa permulaan penaklukan Jepun. Idea persatuan ini telah disampaikan kepada Pejabat Tanah Jajahan tidak lama selepas kejatuhan Tanah Melayu. Tidak terdapat bukti jelas bahawa idea persatuan itu diterima sebagai dasar Tanah Melayu selepas perang. Namun demikian, jika perbandingan dilakukan antara butiran memorandum persatuan itu kepada Pejabat Tanah Jajahan dengan dasar kerajaan British selepas perang dalam bentuk Malayan Union, jelas terdapat beberapa persamaan antara kedua-duanya. Antara idea persatuan yang mempunyai persamaan dengan ciri penting Malayan Union ialah cadangan-cadangan persatuan itu seperti yang berikut:

1. Adalah nyata bahawa penyatuan politik dan ekonomi Tanah Melayu yang sekecil 52 000 batu persegi tidak dapat dielakkan lagi
2. Orang Melayu yang telah lama bermastautin di negara ini telah berjaya untuk dianggap sebagai bumiputera seperti juga orang Melayu. Mereka yang berjumlah 50 peratus daripada penduduk Tanah Melayu perlu diberi bahagian yang cukup dan sama dalam kerajaan dan pentadbiran negara
3. Sembilan buah negeri Melayu dan Negeri Selat perlu dijadikan jujuk kepada Persekutuan atau Kesatuan Malaya sebagai suatu unit politik dan ekonomi dengan perundangan pusat untuk keseluruhan di Singapura atau di Kuala Lumpur (Surat Maxwell SP 13)

Persatuan ini juga menyentuh tentang peranan raja Melayu selepas perang. Menurut Tan Cheng Lock, pentadbir sebenar di negeri Melayu dijalankan oleh Residen dan Penasihat. Dia menjelaskan bahawa institusi raja Melayu dalam bentuk sebelum perang tidak wajar dikekalkan kerana:

Pengekalan fiksyen perundangan terhadap kuasa autokratik dan kebebasan kedaulatan raja Melayu adalah tidak bersesuaian dengan perkembangan berkerajaan sendiri seperti yang telah diisytiharkan oleh kerajaan British

Sebaliknya persatuan ini mencadangkan supaya diadakan peranan yang baru untuk institusi raja Melayu. Para sultan akan dirubah kepada raja berperlembagaan daripada segi nama dan pada hakikatnya dan akan berkhidmat sebagai Penasihat kepada kerajaan

dengan menerima sejumlah pencen yang mencukupi yang diperuntukkan kepada mereka (Surat Maxwell SP13).

Persatuan Cina Seberang Laut berpendapat bahawa prinsip pentadbiran secara tidak langsung menerusi instrumen raja Melayu dan jentera institusi dan budaya Melayu sebagai tidak praktikal di negara ini melainkan penduduk ini keseluruhannya atau kebanyakannya adalah orang Melayu. Persatuan ini juga berpendapat sekiranya sistem perundangan Tanah Melayu akan bersifat dua badan perundangan, para sultan akan menduduki dewan tertinggi dengan kuasa yang terbatas. Daripada segi kerakyatan pula, Persatuan Cina Seberang Laut mencadangkan supaya setiap individu yang dilahirkan di Tanah Melayu akan dianggap sebagai warganegara Malaya. Tempoh yang dicadangkan untuk memenuhi syarat bermastautin adalah lima tahun. Sebagai penerusan kepada syarat kewarganegaraan yang longgar, imigrasi juga dicadangkan supaya dikawal agar selaras dengan keperluan ekonomi Tanah Melayu.

Isu hak istimewa orang Melayu yang sering menerima perhatian masyarakat Melayu, bukan Melayu dan para pentadbir British telah disentuh oleh persatuan ini. Menurut persatuan, sebarang bantuan yang diberikan kepada masyarakat Melayu tidak boleh diberikan atas hak istimewa mereka tetapi kerana secara perbandingannya mereka ini tertinggal berbanding dengan kaum lain. Malahan bantuan yang diberikan kepada masyarakat Melayu mestilah dalam bentuk yang selaras dengan pengiktirafan dan kebajikan, dan bukannya merugikan komuniti lain yang akan membawa kepada ketidakharmonian antara kaum. Semua komuniti dan kelas dalam masyarakat sewajarnya diberikan layanan yang sama. Persatuan berpendapat penghapusan apa juga bentuk hak istimewa orang Melayu adalah asas kepada sentimen homogeniti di kalangan penduduk serta menggalakkan perasaan kewarganegaraan pan-Malaya (Surat Maxwell SP13).

Penghapusan hak istimewa juga akan melibatkan rombakan Perkhidmatan Awam Tanah Melayu (Malayan Civil Service) yang sebelum perang mengamalkan dasar halangan warna kulit (colour bar) yang khusus untuk pentadbir British dan pegawai Melayu melalui MAS. Di samping itu, Persatuan Cina Seberang Laut berpendapat Tanah Simpanan Melayu wajar ditentukan semula sama ada tanah yang diperuntukkan adalah lebih daripada mencukupi. Buruh dari India dan China perlu diizinkan dan digalakkan untuk menetap di

Tanah Simpanan Khas untuk menghasilkan tanaman makanan dan memberikan sumbangan kepada pengeluaran negara.

Daripada segi pendidikan pula, Persatuan Cina Seberang Laut mencadangkan supaya kerajaan British menjalankan tanggungjawab yang lebih lagi berbanding dengan keadaan sebelum perang dalam pendidikan bahasa ibunda sekolah Cina dan Tamil sekiranya pelajar ingin diberikan peluang memajukan diri mereka mengikut garisan kebudayaan masing-masing. Di samping itu, satu pelan menyeluruh untuk Tanah Melayu perlu disediakan bagi membentuk sistem pendidikan sekolah rendah yang bersifat sejagat untuk semua kaum melalui bahasa pengantar kaum masing-masing (Surat Maxwell SP 13).

Di samping idea komprehensif yang dikemukakan oleh Persatuan Cina Seberang Laut, Persatuan British Malaya turut mengemukakan memorandum kepada Pejabat Tanah Jajahan di London. Persatuan ini terdiri daripada pegawai British yang pernah bertugas di Tanah Melayu. Cadangan terpenting memorandum persatuan ini adalah supaya hak politik yang sama diberikan kepada semua orang yang menjadi rakyat British, sama ada melalui kelahiran di Tanah Melayu atau melalui syarat kewarganegaraan. Cara kedua ini memerlukan pemohon bermastautin di Tanah Melayu selama sekurang-kurangnya tujuh tahun dan menggugurkan kesetiaan kepada mana-mana kuasa asing. Memorandum persatuan ini mempunyai beberapa persamaan idea dengan memorandum Persatuan Cina Seberang Laut dalam soal kuasa raja Melayu. Persatuan ini mencadangkan supaya sultan dilantik menganggotai Dewan Tertinggi dengan kuasa penuh berhubung dengan agama Islam, adat istiadat dan pembahagian pusaka menurut cara Islam. Bagaimanapun, mereka tidak berkuasa ke atas seluruh rang undang-undang yang melibatkan wang dan hanya mempunyai kuasa yang terhad dalam perkara lain.

Iklim perubahan pendapat ke arah mewujudkan stuktur politik Tanah Melayu yang baru juga dipaparkan di dalam majalah *British Malaya* yang diterbitkan semasa pendudukan Jepun. Dalam sebuah artikel majalah itu telah menyentuh tentang perkembangan politik Tanah Melayu sebelum perang yang dianggap sebagai bertahap rendah dan tidak bergerak selari dengan kematangan ekonomi. Komuniti yang berbagai juga tidak mempunyai kesepaduan (Macfayden 1943). Artikel itu menegaskan bahawa Tanah Melayu perlu belajar menjadi sebuah bangsa dan negara ini perlu disusun sebagai sebuah negara kesatuan. Tugas kerajaan Britian terhadap penduduk Tanah

Melayu adalah untuk menyediakan suatu sistem politik yang sesuai untuk masyarakat yang bersatu dan yang berupaya dalam jangka waktu yang tertentu untuk berdikari (Macfayden 1943). Kepentingan masyarakat Cina juga disentuh dengan cadangan agar komuniti itu perlu digunakan dengan sepenuhnya daripada segi politik sebagai penghubung dalam cita-cita menjadikan Tanah Melayu sebuah kuasa Asia yang utama.

Akhbar *Times* di London telah mengutarakan idea yang sama seperti yang dicadangkan oleh majalah *British Malaya*. Menurut akhbar itu, lebih enam juta penduduk Tanah Melayu menderita akibat daripada pendudukan Jepun. Apabila British kembali semula ke Tanah Melayu, diharapkan mereka membawa sikap yang baru. Akhbar ini menjelaskan bahawa pengembalian kepada aturan yang lama (sebelum perang) tidak bersesuaian dengan aliran pemikiran politik moden. Ia juga akan mewujudkan semula pembahagian masyarakat seperti yang berlaku sebelumnya dan mewujudkan keharmonian di kalangan masyarakatnya (*The Times* 1945). Memorandum dan pernyataan idea mengenai struktur politik Tanah Melayu selepas perang telah memberikan petanda dan gambaran jelas kepada Pejabat Tanah Jajahan bahawa telah berlaku perubahan paradigma politik di kalangan masyarakat bukan Melayu dalam isu kewarganegaraan dan masa depan mereka. Pejabat Tanah Jajahan juga mendapati bahawa terdapat banyak pihak di London yang mahukan pembentukan semula Tanah Melayu daripada segi politik. Konsep bangsa Malayan bersatu mula dikaji dengan serius dan dianggap sebagai alternatif yang paling baik untuk dijadikan asas dan dasar masa depan Tanah Melayu. Sebarang usaha untuk mengembalikan keadaan sosio-politik Tanah Melayu dianggap sebagai tidak lagi bersesuaian dengan peredaran masa.

### Mewujudkan Bangsa Malayan Bersatu untuk Tujuan Pertahanan

Kegagalan kerajaan British mempertahankan Tanah Melayu dan Singapura dianggap bukan sahaja berpunca daripada kelemahan ketenteraan sahaja tetapi juga kerana ketiadaan perpaduan antara kaum di negara ini. Selain daripada ketiadaan perpaduan kaum yang jitu, imbangan kaum terutamanya antara masyarakat Melayu dan Cina adalah hampir sama. Keseimbangan sebegini menyebabkan ketiada-



an satu komuniti yang bersifat mendominasi (Dunconson 1951). Sebagai implikasinya budaya masyarakat imigran yang jumlah penduduknya hampir menyamai jumlah penduduk asal, telah berkembang pesat dan selari dengan budaya masyarakat Melayu. Ketiadaan satu budaya tunggal menyebabkan bangsa Malayan bersatu sukar dibentuk.

Dalam keadaan masyarakat yang terbahagi khususnya mengikut kumpulan etnik, suatu sistem pertahanan yang mantap untuk menangkis serangan musuh seperti yang dapat dilihat menerusi peristiwa penyerangan Jepun, tidak dapat diwujudkan. Kelemahan ini disentuh oleh A.E. Percival berkaitan dengan kesukaran membentuk barisan pertahanan rakyat. Menurutnya;

Di United Kingdom dan Tanah Jajahan Dominion, kerjasama dan sokongan rakyat adalah sesuatu yang pasti. Tetapi dalam kes Tanah Melayu, sekurangnya lima kaum yang perlu disatukan dalam usaha bersama untuk mempertahankan negara. Tidak dapat dikatakan bahawa penyatuan itu dapat dicapai dan adalah menjadi tugas kita untuk membentuknya (1949).

Nyata sekali menurut Percival, salah satu punca kekalahan British adalah kerana pertahanan yang lemah. Masyarakat berbilang kaum telah menyebabkan mereka sukar mempertahankan Tanah Melayu. Selain itu wujud masalah ketidakseragaman pentadbiran dengan adanya unit politik berasingan untuk Negeri Selat, Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Walaupun adanya Pesuruhjaya Tinggi British, namun kuasanya terhad. Akibatnya pasukan perisikan polis tidak dapat disatukan dan kerjasama antara negeri yang diwujudkan tidak memadai untuk mencapai keberkesanan maksimum (Mohamed Isa 1992).

Percival juga menjelaskan bentuk kerajaan Tanah Melayu yang wujud pada 1941 adalah lebih rumit dan kurang sesuai untuk keadaan perang berbanding dengan bahagian lain dalam empayar British. Ia juga telah memberikan penghargaan tinggi kepada masyarakat Cina yang dianggap dengan beberapa pengecualian sebagai golongan yang setia kepada British dan ramai daripada mereka yang berterusan memberi sumbangan kepada usaha peperangan. Untuk masyarakat India pula, Percival beranggapan mereka ini dengan sepenuh hati memberikan sokongan kepada British. Masyarakat Melayu pula dianggap oleh Percival sebagai berkurangan dalam pemikiran

politik. Mereka dianggap lebih menyekutukan diri dengan raja mereka berbanding kesetiaan kepada empayar British. Beliau juga beranggapan bahawa "perasaan kerakyatan" di Tanah Melayu adalah tidak kuat (Percival 1949).

Pendapat Percival mengenai struktur kerajaan dan bentuk reaksi penduduk Tanah Melayu dapat ditafsir dari sudut pertahanan, perubahan perlu dilakukan terhadap Tanah Melayu sebelum perang. Kenyataan Percival menunjukkan bahawa pentadbiran perlu berpusat dengan pengurangan kuasa negeri dan rajanya. Penduduk Tanah Melayu pula perlu mempunyai suatu bentuk kerakyatan yang sama supaya "perasaan kerakyatan" dapat diwujudkan. Kenyataan beliau membayangkan mengenai sikap masyarakat Cina dan India yang membayangkan bahawa mereka perlu diberikan layanan lebih baik selepas perang terutamanya dalam isu kerakyatan.

Selain daripada tujuan pertahanan, pendudukan Jepun telah memburukkan hubungan antara kaum melalui dasar mereka. Jepun mengumumkan bahawa mereka membebaskan orang Melayu, turut membantu orang India untuk mencapai kemerdekaan daripada kerajaan British dan menyelamatkan masyarakat Cina daripada komunis. Malahan di kalangan masyarakat Melayu, idea nasionalisme pan-Malaya hanya menerima sokongan yang terhad (Wang 1962).

Dasar "pro-Melayu" Jepun telah menyebabkan timbul rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat Cina. Sebagai bukti hubungan yang sebenarnya tidak harmoni ini, telah berlaku pergaduhan Melayu-Cina yang pertama pada bulan Mac-Ogos 1945 di daerah selatan Johor dan kemudiannya merebak ke bahagian lain di semenanjung (Cheah 1981).

Sehubungan dengan masalah hubungan di antara kaum yang tidak baik, British beranggapan suatu bentuk kerakyatan yang sama adalah penyelesaian untuk mengatasi masalah ini yang semakin serius selaras dengan kemajuan ekonomi dan politik Tanah Melayu.

### Sentimen Pro-Cina di Pejabat Tanah Jajahan

Perbincangan sebelum ini membawa kepada suatu kesimpulan bahawa pegawai di Pejabat Tanah Jajahan mula cenderung kepada idea pro-Cina dan sesuatu yang positif perlu dianugerahkan kepada kaum ini khususnya di atas segala perkembangan yang berlaku sebelum dan semasa perang. Rujukan terhadap layanan perang yang

dialami oleh masyarakat Cina menunjukkan bahawa mereka pada zaman perang terdedah kepada pengalaman yang buruk daripada tentera Jepun kerana penglibatan mereka dalam gerakan penentang-an yang dilakukan bersama dengan British.

Selepas kejatuhan Singapura dan bermulanya pendudukan Jepun, ramai pemimpin tempatan yang terkemuka seperti Ching Kee Sun, Yeo Chiang Bun, Ho See Koon dan Lee Choong Seng telah ditahan kerana "aktiviti pro-Chungking" misalnya yang paling penting adalah Tabung Bantuan China yang diatur dan disokong kuat oleh mereka [BMA (ADH/8/1)]. Di Singapura, terdapat dua kem tahanan di Teluk Kurau dan Lorong Arab yang menempatkan tahanan daripada masyarakat Cina Singapura. Di kem tahanan ini mereka mengalami penderitaan hebat. Selain itu, pihak Jepun telah menjalankan Kempen Sumbangan Sukarela yang cuba mengumpulkan \$50 juta dari Tanah Melayu dan Singapura. Orang Cina yang memiliki harta bernilai lebih \$3000 dipaksa memberikan sumbangan lapan peratus. Monopoli ekonomi yang dikuasai oleh masyarakat Cina juga dipecahkan oleh Jepun. Masyarakat Cina juga terpaksa melibatkan diri dengan perkhidmatan buruh percuma sehari dalam masa sepuluh hari [BMA (ADM/8/1)]. Namun penderitaan yang paling hebat dirasakan oleh masyarakat Cina adalah kempen Sook Ching atau pembersihan melalui penghapusan (Purcell, 1967). Melalui kempen ini, pembunuhan beramai-ramai dilakukan. Kempen ini mula disegerakan oleh Jepun sebaik sahaja mereka menguasai Singapura iaitu pada Februari 1942 (Smith 1988). Penderitaan yang dialami oleh masyarakat Cina sememangnya disadari oleh kerajaan British dan telah menambahkan lagi sentimen pro-Cina di Pejabat Tanah Jajahan. Terdapat suatu bentuk dikotomi antara peningkatan idea pro-Cina dan Malaya dan kemerosotan dalam keyakinan di kalangan pegawai Pejabat Tanah Jajahan untuk meneruskan dasar pro-Melayu. Salah satu fail *British Military Administration* (BMA) melaporkan:

Sementara kebanyakan orang Cina bersemangat untuk bersama kita dan bersedia untuk melakukan segalanya untuk membantu kita, orang Melayu pula berkeberatan dan tidak bersemangat yang mungkin dilakukan dalam keadaan terpaksa (ADM/327).

Kenyataan di atas menunjukkan reaksi masyarakat Melayu dan Cina menurut pandangan British semasa pendudukan Jepun. Laporan

an itu seterusnya menyebut bahawa bahagian utara Tanah Melayu sebagai kawasan utama yang bekerjasama dengan Jepun. Sumber maklumat yang diperoleh daripada perbualan dengan tentera yang menyelamatkan diri dari Singapura menunjukkan bahawa anggota tentera mempercayai wujudnya aktiviti "kolum kelima".

Laporan itu turut menyenaraikan bentuk kolum kelima yang didakwa dilakukan oleh orang Melayu di ambang kejatuhan Tanah Melayu dan Singapura. Antara kenyataan laporan tersebut adalah seperti berikut:

Kesimpulan yang sah berdasarkan bukti negatif dan positif adalah bahawa sementara terdapatnya sejumlah aktiviti yang tertentu terutama di utara, masyarakat masih kekal dengan perikatan British. Ini adalah benar khususnya untuk masyarakat Cina dan di dalam kes masyarakat Melayu yang paling ramai dinamakan, perlu diingatkan bahawa sikap mereka sebagai petani dan pemilik tanah yang biasa telah menghalang mereka daripada aktiviti peperangan untuk jangka masa yang lama. Mereka juga dipengaruhi oleh hakikat bahawa apabila British berundur dan tidak dapat menawarkan sebarang perlindungan, mereka terpaksa melakukan kerja yang buruk itu untuk Jepun [BMA (ADM/327)].

Walaupun laporan itu secara diplomasi boleh memberikan alasan masyarakat Melayu tidak menentang Jepun seperti yang dilakukan oleh masyarakat Cina, namun tema utama laporan itu tetap kepada hakikat bahawa masyarakat Melayu dikenal pasti sebagai kelompok utama dalam memberi kerjasama kepada Jepun. Kenyataan di atas boleh dikaitkan dengan pendapat J.V. de Allen mengenai faktor yang mempengaruhi pembentukan dasar politik Tanah Melayu yang baru. Allen berpendapat bahawa Malayan Union adalah suatu pengiktirafan oleh perancang British terhadap tiga perkara iaitu kelebihan pentadbiran berpusat, pengkalan masyarakat Cina dan India serta kesetiaan sokongan orang Cina semasa pendudukan Jepun (Stenson 1969).

Di samping mengutarakan pendapatnya mengenai dasar British selepas perang iaitu "sebagai usaha British untuk menghukum orang Melayu dan memberikan ganjaran kepada masyarakat Cina", "suasana anti-Melayu di London" dan "kekaguman terhadap orang Cina" telah menerima kritikan daripada ahli sejarah lain. Allen telah mengemukakan dua alasan lain dalam menerangkan dasar kerajaan

British yang baru untuk Tanah Melayu selepas perang. Alasan pertama adalah bahawa kerajaan British begitu prihatin dengan usaha sesetengah pemimpin Melayu untuk bergabung dengan Indonesia sama ada semasa atau selepas perang. Walaupun pan-Indonesianisme tidaklah merupakan konsep kenegaraan masyarakat Melayu, namun idea tersebut tidak boleh dinafikan sepenuhnya. Tanah Melayu yang bersatu dengan Indonesia yang merdeka boleh menjadi alternatif kepada Tanah Melayu yang berada di bawah penjajahan kerajaan British. Idea penyatuan dengan Indonesia selepas perang telah terjelma dalam memorandum Persatuan Pelajar Melayu di United Kingdom kepada Pejabat Tanah Jajahan. Antara kandungan memorandum itu ialah:

Akhirnya, kami ingin memaklumkan bahawa matlamat akhir masyarakat Melayu dan Indonesia adalah persekutuan Tanah Melayu di Asia Tenggara pada masa hadapan. Sehubungan ini kami berpendapat selepas perang, British Malaya dan Indonesia perlu mempunyai hubungan yang lebih rapat berbanding sebelumnya (Khong 1984).

Tambahan pula langkah yang konkrit ke arah penyatuan tersebut terjelma dalam Kesatuan Rakyat Indonesia-Semenanjung (KRIS) yang dipimpin oleh Ibrahim Yaakub pada Julai 1945 (Soenarno 1960). Dalam keadaan sebegini, keutuhan dan kesinambungan kolonialisme British perlu dipelihara. Segala bentuk idea kemerdekaan dan penyatuan dengan kuasa lain perlu diatasi dengan segera. Dalam konteks ini, Malayan Union dan kewarganegaraan Malaya sebagai pengisinya adalah alternatif terbaik untuk mengatasi aliran pemikiran penyatuan dengan Indonesia.

### Pembentukan Dasar Bangsa Malayan Bersatu Selepas Perang

Kerajaan British sejak awal kekalahan mereka telah memperlihatkan keyakinan bahawa pendudukan Jepun hanya bersifat sementara sahaja. Justeru pertimbangan berhubung masa depan Tanah Melayu telah bermula di London. Jangka masa peperangan menyediakan suatu peluang untuk Pejabat Tanah Jajahan memikirkan kedudukan keseluruhan Tanah Melayu dalam kerangka kepentingan strategik imperialisme di Asia Tenggara, keperluan untuk pemulihan selepas

perang dan kemajuan ke arah berkerajaan sendiri (Rudner 1970). Seawal bulan Jun 1942, inisiatif ke arah pembentukan dasar baru untuk Tanah Melayu bermula apabila perundingan diadakan antara Pejabat Luar dan Pejabat Tanah Jajahan (Smith 1988). Perlu diberi perhatian bahawa Gent, selaku Pembantu Rendah Setiausaha Negara telah mempamerkan pendirian yang mengkritik dasar British selepas perang yang dianggap sebagai dasar statik dan tidak menghiraukan kepentingan kaum yang lain (Stockwell 1979) selain masyarakat Melayu. Gent juga berpendapat bahawa pembahagian Tanah Melayu sebelum perang sebagai tidak logik. Beliau juga dikatakan sebagai tidak bersabar dengan perkembangan yang perlahan kepada matlamat mutakhir iaitu gabungan semua negeri Melayu. Seorang lagi tokoh kolonial British berpengalaman yang turut memperlihatkan pengaruhnya terhadap Pejabat Tanah Jajahan adalah Lord Hailey. Terdapat banyak persamaan antara idea beliau dengan dasar baru British seperti yang dimanifestasikan melalui Malay Union dan usaha untuk membentuk bangsa Malaya yang bersatu. Hailey telah mengutarakan dua persoalan penting untuk difikirkan oleh pentadbir Pejabat Tanah Jajahan dan Pejabat Perang iaitu:

1. Adakah sistem sebelum perang berupaya diubah suai untuk tujuan memajukan institusi berkerajaan sendiri
2. Adakah terdapat kemungkinan untuk diberikan status yang bersesuaian kepada imigran Cina dan India (Lau 1991)

Hailey juga menegaskan bahawa sekiranya "berkerajaan sendiri" diinterpretasikan sebagai kelonggaran kawalan rasmi ke atas para sultan dan majlisnya, keputusan akhir berkemungkinan akan menjadi "pemerintahan autokratik di tangan sultan dan penasihat mereka." Selain itu Hailey mengesyorkan supaya kerajaan British menguasai suatu keperluan penting iaitu sistem perundangan. Dengan penguasaan sistem perundangan sepenuhnya di Tanah Melayu, kerajaan British berkedudukan untuk mentafsirkan ruang litup sebenar kuasa sultan dan majlis mereka, memberikan taraf yang difikirkan sesuai kepada masyarakat dan memperkenalkan suatu sistem pentadbiran yang seragam di Tanah Melayu. Hailey juga mencadangkan supaya raja Melayu hanya diberikan peranan yang bersifat upacara sahaja dan menghadkan fungsi mereka kepada adat dan undang-undang Islam. Idea yang disarankan oleh Hailey mem-

punyai pengaruh yang besar terhadap dasar yang dilaksanakan di Tanah Melayu selepas perang. Oliver Stanley, Setiausaha Negara di London telah menjelaskan bahawa Hailey telah memberikan sumbangan yang paling bernilai untuk difikirkan (Lau 1991).

Usaha pembentukan bangsa Malayan bersatu menjadi lebih konkrit apabila Pejabat Perang membentuk Unit Perancang Tanah Melayu yang dipimpin oleh Major-General R. Hone pada bulan Julai 1943. Selain Hone, pegawai penting yang lain adalah McKerron, William, Newbould, Day dan Hay. Di samping itu ada juga pegawai yang diundang untuk berurusan dengan masalah yang khusus seperti Purcell untuk masyarakat Cina. Unit ini ditugaskan dengan dua tanggung jawab untuk merancang pentadbiran hal ehwal Tanah Melayu dalam tempoh pentadbiran kerajaan tentera serta pentadbiran awam yang kekal selepas pentadbiran tentera ditamatkan (Stockwell 1979).

Idea pro-Malaya wujud di Unit Perancang Tanah Melayu seawal penubuhannya. Sebagai ketua, Hone begitu cenderung menjadikan Tanah Melayu sebagai kesatuan yang rapat dan bukannya persekutuan yang longgar (Smith 1988). Sehubungan dengan konsep kesatuan yang rapat, Hone menegaskan bahawa sebarang usaha untuk menghidupkan persekutuan akan memberikan asas politik yang kuat untuk raja mempunyai kawalan ke atas urusan mereka. Hone juga menegaskan bahawa kewajaran teori untuk pembentukan kerajaan persekutuan di Tanah Melayu sebenarnya tidak wujud. Negeri Melayu juga tidak mempunyai perbezaan tempatan yang kukuh dan secara praktisnya semua masalah penting adalah sama di semua bahagian Semenanjung.

Hujah yang dikemukakan oleh Hone ternyata mendapat sambutan. Pada bulan Julai 1943, Bahagian Kawasan Timur Pejabat Tanah Jajahan telah mengesahkan rancangannya untuk Malayan Union. Pejabat Tanah Jajahan juga bersetuju dengan cadangan Hone untuk penubuhan Dewan Raja tetapi menekankan bahawa ia tidak mempunyai fungsi kerajaan. Walaupun pentadbiran kerajaan negeri akan dikekalkan kerana obligasi kerajaan British terhadap sultan, ia tidak akan dilengkapkan dengan kuasa melainkan daripada yang didatangkan oleh kerajaan pusat (Lau 1991). Perbincangan berlangsung di kalangan pegawai Unit Perancang Tanah Melayu hingga Disember 1943 apabila Jabatan Kawasan Timur menghantar suatu draf Kertas Kabinet kepada Oliver Stanley.

Menyedari akan keradikalan cadangan yang dikemukakan, Stanley menyerahkan draf itu kepada Jawatankuasa Kabinet untuk dikaji. Dengan itu pada 6 Januari 1944, Jawatankuasa Kementerian Kabinet telah dibentuk untuk "mengkaji cadangan mengenai dasar jangka panjang terhadap Tanah Melayu dan Borneo dan memberikan cadangan kepada Kabinet Perang (Stockwell 1948).

Dalam tempoh satu minggu, suatu memorandum rahsia mengenai "dasar perlembagaan masa depan untuk wilayah tanah jajahan British di Asia Tenggara" dan arahan untuk Tanah Melayu dan Borneo diedarkan kepada ahli Jawatankuasa Kementerian Kabinet. Antara kandungan penting dua memorandum itu adalah seperti berikut:

Dalam keadaan serba baru dalam kepulauan kita ke Tanah Melayu terdapat peluang untuk mencapai kerjasama antara bahagian di dalam wilayah itu secara yang lebih rapat lagi tanpa perlu melalui proses yang berpanjangan seperti yang dialami oleh penganjur dasar disentralisasi.

Pengalaman telah menunjukkan bahawa kepentingan kecekapan, dan keselamatan perundangan dan pentadbiran memerlukan intergrasi yang lebih rapat di Tanah Melayu. Tindakan yang bersatu pada masa lalu memerlukan tindakan yang berasingan oleh sepuluh kerajaan ... ia akan membentuk rasa tidak puas hati tempatan dan perkembangan perbezaan yang tidak sesuai untuk pentadbiran yang cekap.

Terdapat komuniti Asia bukan Melayu yang penting di negara ini yang telah memberikan sumbangan kepada kemajuannya dan memperoleh kepentingan yang tetap di negara ini. Terdapat raja Melayu yang sentiasa enggan menerima cadangan untuk menerima orang bukan Melayu dan Islam sebagai rakyat mereka.

Di Tanah Melayu, adalah sesuai sebagai langkah permulaan untuk membetulkan keadaan lama iaitu Kerajaan British tidak mempunyai kuasa perundangan terhadap Negeri Melayu. Oleh itu perjanjian yang baru dengan setiap raja perlu dilakukan secepat mungkin selepas pendudukan semula yang membolehkan kuasa perundangan diserahkan kepada Kerajaan British.

Seluruh Semenanjung perlu disusun semula untuk membentuk kuasa pusat yang akan mewakili Negeri Melayu dan Negeri Selat (tidak termasuk Singapura). Yang akan mengetuai kuasa pusat itu adalah Gabenor dengan Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan (WO 203/5612)(Rajah 2.1).



Secret.

Future Constitutional policy for British Colonial Territories in South-East Asia.

1. The policy which should be adopted as regards the political organization of British and British-protected territories in South-East Asia after the termination of the present Japanese occupation has been under consideration in the Colonial Office. The administration of the territories immediately after the expulsion of the Japanese will of course be a matter for the military authorities and plans are already under consideration on this basis. In particular a Chief Civil Affairs Officer for Malaya has already been selected and, under him, the nucleus of the future Malayan military administration is in course of assembly at the ar Office.

2. The planning must however be from the outset conditioned by the arrangements which His Majesty's Government decide upon as regards the future constitutional and administrative system in Malaya. The time has come for such general decisions to be taken. It is further important that, in so far as these decisions may represent a change from past policy, the military authorities should be satisfied that any steps which they take in conformity with those arrangements, will be supported by His Majesty's Government in the face of possible opposition from any quarter. For reasons set out below it is also necessary to consider future plans for Malaya with some reference to those for British territories in Borneo. Proposals for the area as a whole are therefore included in this memorandum.

3. The territories concerned comprise the Colony of the Straits Settlements (Singapore, Penang and Malacca in Malaya, Labuan off the north coast of Borneo, and Christmas Island and the Cocos-Keeling Islands to the south of Java); the Federated Malay States of Perak, Selangor, Negri Sembilan and Pahang

The existence of the Federation proved an obstacle to further unification of the Peninsula. For the rapidity of the country's material development had outstripped the advancement in education and administrative capacity of the Malays, and the British Residents found themselves compelled in fact to take over more or less direct control of the administrative system in the Federated States. As a result there emerged a highly centralized bureaucracy based on the Federal capital, and the Rulers of the States outside the Federation fought shy of the loss of power which they felt they would suffer in the administration of the States by joining the Federation. In the cases of Kedah and Perlis the British Agreements of 1903 and 1950 respectively include, in fact, a Clause by which His Majesty's Government have undertaken not to merge or combine these States with other States, or (in the case of Kedah) the Straits Settlements, without the written consent of the Ruler in Council. The attitude of the Malay Rulers was also coloured by the fact that in the main the penetration of Malay communities by immigrant races had gone further in the Federated than in the Unfederated States.

A further obstacle to the unification of the Peninsula lay in the divergence of economic interest between Singapore, which as a great entrepot was essentially mercantile in character, and the mainland of the peninsula which was mainly producing for export and which feared that in any closer union its interests would be sacrificed to those of Singapore.

6. Some attempt was made in the period between the two wars to meet the grievances of the Rulers of the Federated States by the policy of decentralisation; i.e. by the gradual transfer of many governmental functions from the Federal to the State Governments. It is important to realize however that this policy was regarded as an essential preliminary step for the achievement of a longer term policy, viz. the promotion of closer co-operation between the constituent parts of Malaya as a whole, by removing the deterrent which the existing Federation constituted against the closer association of the Unfederated States.

7. Such administrative co-ordination as existed throughout

Secara umumnya petikan daripada memorandum untuk dikaji oleh Jawatankuasa Kementerian Kabinet ini cenderung untuk memberikan pengaruh ke atas keperluan untuk mewujudkan pentadbiran yang baru dan terpisah secara jelas daripada keadaan sebelum perang. Ia juga membayangkan kepentingan masyarakat bukan Melayu. Di samping itu juga petikan itu menyatakan pentingnya untuk mewujudkan dasar baru iaitu bangsa Malayan bersatu kerana keadaan sebelum perang tidak mengizinkan penerimaan mereka sebagai warganegara.

Jawatankuasa itu juga berpendapat bahawa sistem politik sebelum perang yang cenderung ke arah "pemerintahan autokratik raja Melayu" perlu digantikan dengan pentadbiran yang lebih progresif yang menyediakan penglibatan orang ramai daripada semua masyarakat di Tanah Melayu dalam kerajaan (Stockwell 1948).

Tahap seterusnya adalah laporan jawatankuasa kepada Kabinet Perang dan pada keseluruhannya antara 22 Mac hingga pertengahan Mei 1944, Jawatankuasa Kementerian Perang hanya melakukan perubahan kecil sahaja terhadap cadangan yang dikemukakan oleh Jabatan Kawasan Timur. Pada 31 Mei 1944, Kabinet Perang meluluskan konsep Malayan Union (Smith 1988).

Pada tarikh tersebut, Kabinet Perang membuat kesimpulan bahawa perkembangan demokratik dan kecekapan telah menuntut suatu perubahan dalam perlembagaan sebelum perang dan sistem perundangannya. 31 Mei 1944 juga adalah tarikh kerangka untuk Malayan Union dibentuk. Negara yang bakal dibentuk adalah negara kesatuan. Tuntutan masyarakat bukan Melayu akan diiktiraf dan dilayan (Stockwell 1948).

Namun demikian pada tarikh tersebut tiada publisiti dilakukan terhadap rancangan Malayan Union. Pada peringkat ini juga, Pejabat Tanah Jajahan telah menjitukan pendirian mereka untuk tidak kembali kepada pentadbiran Tanah Melayu sebelum perang. Sir Theodore Adams, bekas Residen yang sentiasa memperjuangkan dasar pro-Melayu telah mengadakan suatu perbincangan dengan Gent pada bulan Julai 1944 dengan tujuan memujuk Pejabat Tanah Jajahan supaya meneruskan dasar pro-Melayu tetapi usahanya gagal (Smith 1995).

Pada bulan Oktober 1945, cadangan kerajaan telah diumumkan di Parlimen British dan pada 27 Januari 1946, Kertas Putih untuk Malayan Union telah diterbitkan serentak dengan pengenalan rang

undang-undang Negeri Selat (Penamatan) yang diperlukan sebagai persiapan untuk menyediakan perlembagaan Tanah Melayu yang baru (Lau 1991).

Menyedari akan penentangan yang bakal diterima daripada beberapa pegawai British yang dikategorikan sebagai pro-Melayu, Pejabat Tanah Jajahan telah mengadakan suatu pertemuan dengan pegawai tersebut. Perjumpaan itu telah diadakan pada 26 Februari 1946 untuk mendapatkan pandangan tentang Kertas Putih mengenai Malayan Union. Pertemuan itu telah dipengerusikan oleh Gent, J.J. Paskin selaku Ketua Jabatan Kawasan Timur serta Sir George Gater, Setiausaha Rendah Tetap Negara dari 1942 hingga 1947 dan T.K. Llyod yang turut memegang jawatan yang sama dari 1947 hingga 1956. Perjumpaan ini turut dihadiri oleh pegawai yang pernah bertugas di Tanah Melayu seperti Swettenham, Climenti, Winstedt dan pegawai lain seperti Haynes dan Gammans.<sup>5</sup>

Dalam pertemuan itu, Climenti menegaskan bahawa kehadiran Gabenor Malayan Union di Kuala Lumpur adalah sebagai penaklukan sepenuhnya dan sebagai pelanggaran yang pernah dibuat dengan raja Melayu. Perkara yang paling menerima bantahan adalah hakikat bahawa Gabenor akan mempengerusikan mesyuarat mengenai agama Islam kerana masyarakat Melayu tidak akan dapat menerima orang bukan Islam pada kedudukan tersebut. Climenti juga berpendapat bahawa pelaksanaan kewarganegaraan Malayan Union akan menimbulkan konflik perkauman seperti yang berlaku di Palestine.

Climenti juga menegaskan bahawa adalah penting untuk membezakan antara kelompok masyarakat Cina yang lahir di Tanah Melayu dengan mereka yang dilahirkan di negara asal kerana kelompok kedua ini tidak bersedia menjadi rakyat Raja Melayu walaupun mungkin mereka bersedia menerima taraf rakyat British (Surat Maxwell SP13).

Pendapat dengan terma yang sama telah diutarakan oleh Haynes dalam perjumpaan itu. Dia menegaskan bahawa penduduk Tanah Melayu telah tidak dirujuk dan keinginan mereka juga tidak ditentukan berhubungan dengan pelaksanaan Malayan Union (Surat Maxwell SP13). Namun seperti yang telah dijelaskan, Pejabat Tanah Jajahan mempunyai pendirian yang nyata dan langkah konkrit seperti pengenalan Rang Undang-Undang Negeri Selat (Penamatan) dan Kertas Putih untuk Malayan Union telah diambil. Perjumpaan dengan beberapa pegawai seperti yang dinyatakan ini tidak akan merubah

usaha Pejabat Tanah Jajahan yang telah bermula sejak pendudukan Jepun.

### Rumusan

Perang Dunia Kedua mempunyai beberapa kesan penting dan berpanjangan terhadap Tanah Melayu. Peristiwa tersebut tidak wajar dilihat sebagai suatu tempoh pendudukan Jepun. Lebih signifikan lagi adalah tempoh tersebut digunakan sepenuhnya oleh pembuat dasar di Pejabat Tanah Jajahan dan Pejabat Luar di London untuk merangka dasar baru untuk Tanah Melayu. Kerajaan British yakin bahawa pendudukan Jepun hanya bersifat sementara sahaja dan pendudukan semula British di Tanah Melayu akan dilakukan. Persoalan masa depan imigran daripada segi politik perlu dihadapi semula. Untuk berhadapan dengan masalah yang berterusan ini, kerajaan British menyedari bahawa dasar yang jitu dan berkesan adalah diperlukan.

Perang Dunia Kedua telah mencetuskan momentum baru dalam sejarah negara ini kerana peristiwa tersebut secara tidak langsung membantu kerajaan British merubah dasar Tanah Melayu untuk orang Melayu kepada Tanah Melayu untuk semua kaum atau lebih dikenali dengan istilah Malaya. Sepanjang tempoh Perang Dunia Kedua banyak faktor yang menyumbang ke arah pertukaran dasar seperti yang telah dibincangkan dalam bab ini. Kerjasama yang ditunjukkan oleh masyarakat Cina terhadap kerajaan British dalam penentangan terhadap Jepun telah dirakamkan di dalam dokumen sejarah merupakan faktor penting walaupun penentangan masyarakat tersebut terhadap kuasa Jepun di Tanah Melayu di sepanjang pendudukan bukan dilakukan secara besar-besaran atau merupakan ancaman serius terhadap Jepun. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, imej masyarakat Cina sepanjang pendudukan Jepun secara relatifnya berada pada tahap tinggi jika dibandingkan dengan keadaan sebelum perang.

Pada masa yang sama, perkembangan yang berlaku di Tanah Melayu menyebabkan meluasnya sentimen pro-Cina di Pejabat Tanah Jajahan dan Pejabat Luar. Kedua-dua pejabat ini mempunyai pengaruh penting yang akan mencorakkan masa depan politik Tanah Melayu. Perubahan paradigma sentimen pro-Cina yang berlaku dengan meluasnya membawa implikasi bahawa kecenderungan untuk

melaksanakan dasar pembentukan bangsa Malayan bersatu di Tanah Melayu semakin nyata. Tambahan pula pegawai penting di Jabatan Kawasan Timur sememangnya mengharapkan konsesi politik diberikan kepada masyarakat bukan Melayu agar mereka diterima sebagai warganegara.

Daripada suatu segi, kerajaan British tidak mampu lagi melengahkan penyelesaian terhadap kedudukan masyarakat Melayu. Kepada kerajaan British, selepas Perang Dunia Kedua mereka tidak boleh dianggap sebagai pemastautin sementara yang hanya mempunyai kepentingan ekonomi sahaja. Pemberian kerakyatan kepada mereka dianggap oleh kerajaan British sebagai suatu langkah yang praktikal. Namun demikian masyarakat bukan Melayu ini tidak boleh menjadi warganegara dalam latar belakang politik Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua seperti kewujudan kedaulatan dan kebebasan Raja Melayu dan negeri mereka. Dengan keadaan yang demikian, struktur politik Tanah Melayu perlu dirubah kepada yang berorientasikan pemusatan kuasa oleh kerajaan pusat yang kuat dan pembentukan kerakyatan umum seperti yang kemudiannya digambarkan melalui Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu.

## Bab 3

---

# Bangsa Malayan Bersatu melalui Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu

### Pendahuluan

Pembinaan negara bangsa dapat ditakrifkan sebagai suatu usaha secara sadar untuk mewujudkan perasaan kenegaraan di kalangan sekumpulan orang yang tidak mempunyai perasaan tersebut dalam suatu wilayah yang khusus. Tujuannya adalah supaya di kalangan mereka yang terlibat akan wujud suatu perasaan kesamaan identiti yang lebih besar berbanding kesetiaan mereka kepada mana-mana kumpulan yang lain.

Lebih jelas lagi, usaha pembentukan negara bangsa adalah untuk mendapatkan penduduk yang menetap di sesebuah wilayah yang untuk menghubungkan diri mereka bukan sahaja sesama mereka tetapi dengan negara yang menyatukan mereka (Rudolph Jr. 1971).<sup>2</sup>

Keadaan sebegini tidak pernah wujud di Tanah Melayu. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, Tanah Melayu merupakan wilayah yang diduduki oleh tiga kumpulan etnik yang berterusan mengekalkan identiti budaya mereka. Keadaan sebeginilah yang menjadi faktor penting pembentukan Malayan Union. Menurut Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan, Oliver Stanley;

Pengalaman sebelum perang kita hampir langsung tidak menunjukkan sebarang petanda mengenai konsepsi di kalangan tiga kaum bahawa mereka adalah berbangsa Malayan. Rancangan kita adalah untuk meneruskan pertumbuhan konsepsi ini dari atas ke bawah (WO 203/5612).

Pembentukan bangsa Malayan bersatu atau *United Malayan Nation* menerusi peringkat atasan perlu mengikuti lunas perundangan. Namun demikian sebelum perjanjian MacMichael dimetrai pada

bulan Disember 1945, kerajaan British tidak mempunyai kuasa perundangan ke atas Negeri Melayu. Hubungan-hubungan yang wujud di antara kerajaan itu dan Negeri Melayu adalah menerusi beberapa perjanjian yang membolehkan hubungan luar Negeri Melayu dikuasai oleh kerajaan British. Di samping itu, Raja Melayu juga terpaksa mengikut nasihat pegawai British dalam semua perkara kecuali dalam bidang agama dan adat istiadat Melayu. Negeri Melayu sebenarnya adalah negeri-negeri lindungan (CO 537/3679).

Arahan yang diterima oleh Harold MacMichael adalah seperti berikut:

Anda akan ke Tanah Melayu ... dan menjemput setiap Raja Melayu bekerjasama dalam membentuk organisasi perlembagaan baru untuk Tanah Melayu seperti yang telah disahkan oleh kerajaan British ... yang berhasrat untuk memastikan dan membantu perkembangan masyarakat di negara ini ke arah penyatuan dan akhirnya untuk berkerajaan sendiri di dalam Empayar British

Sehubungan dengan matlamat ini, anda diberi kuasa sebagai Perwakilan Khas Kerajaan British untuk mengadakan perjanjian dengan Raja Melayu yang menerusi Perjanjian itu, Raja Melayu akan menyerahkan kuasa perundangan di negerinya kepada kerajaan British (CO 537/1528)

Menerusi perjanjian MacMichael, Raja Melayu telah menyerahkan kuasa dan perundangan sepenuhnya kepada kerajaan British. Di bawah *Foreign Jurisdiction*, Malayan Union telah diwartakan. Pada peringkat ini kerajaan British berharap untuk mewujudkan bangsa Malayan bersatu dengan menukarkan taraf Tanah Melayu daripada bersifat lindungan kepada bertaraf koloni.

Menurut Warta Malayan Union;

Melalui *Foreign Jurisdiction 1870*, antaranya ialah bahawa adalah sah untuk kerajaan British memegang, mengamalkan dan menikmati sebarang perundangan ... sama seperti kerajaan telah memperoleh perundangan itu melalui pengambilan atau penaklukan wilayah (1946)

Di *House Of Commons* pada 18 Mac 1946, *Rang Undang-Undang Negeri-Negeri Selat (Penamatan)* telah dibahaskan sebagai perintis kepada pembentukan Malayan Union pada 1 April 1946. Me-

nurut Setiausaha Rendah Untuk Tanah Jajahan, Arthur Creech Jones:

Kerajaan tidak boleh mengabaikan prinsip asas kerakyatan umum iaitu prinsip asas yang menuntut hak politik dalam Malayan Union dipanjangkan kepada semua yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat kediaman mereka yang sebenar dan sebagai objek kesetiaan mereka (CO 537/1528)

Setelah persetujuan Raja Melayu diperoleh dan *Rang Undang-Undang Negeri-Negeri Selat (Penamatan)* diluluskan oleh *House Of Commons*, pembentukan bangsa Malayan bersatu boleh dianggap sebagai telah bermula dan telah diberikan asas di negara ini. Untuk kali pertamanya Tanah Melayu menyaksikan prinsip kerakyatan umum. Dalam persoalan ini, perubahan kepada struktur kuasa Raja Melayu dan perluasan pemberian kerakyatan kepada semua komuniti perlu dilakukan.

### Perubahan Struktur Pemerintahan Raja Melayu dan Pengenaln Kerakyatan Umum sebagai Pra Syarat Pembentukan Bangsa Malayan Bersatu

Perubahan kepada struktur pemerintahan Raja Melayu dalam bentuk sebelum perang dan pengenaln kepada kerakyatan umum perlu dilakukan supaya bangsa Malayan bersatu dapat diwujudkan. Untuk itu Malayan Union yang diperkenalkan telah menyediakan autoriti pusat yang terdapat jawatan Gabenor beserta Majlis Kerja dan Majlis Perundangan. Di setiap negeri akan diwujudkan sebuah Majlis Tempatan yang akan mempunyai kuasa perundangan kecil yang diperoleh daripada pihak berkuasa pusat (CO 537/1528).

Sebagai tunggak utama pentadbiran Malayan Union, Gabenor atas nasihat Majlis Perundangan boleh menggubal undang-undang atas nama "untuk keamanan, aturan dan kerajaan yang baik di dalam Malayan Union" (1946). Gabenor juga mempunyai kuasa untuk menentukan bahawa undang-undang yang digubal mencerminkan hakikat bahawa ia adalah tanggungjawab Malayan Union sebagai sebahagian daripada empayar British serta wujud keseragaman dalam bidang perundangan Tanah Melayu dan Singapura. Kekuatan kuasa Gabenor dapat dirujuk daripada hakikat bahawa tidak ada mana-



mana rang undang-undang yang boleh diluluskan tanpa persetujuan Gabenor (*Gazette* 1946).

Warta Kerajaan Malayan Union telah menyentuh tentang beberapa pemberian kuasa kepada Raja Melayu. Terdapat tiga majlis yang berkaitan dengan Raja Melayu iaitu Majlis Negeri, Majlis Penasihat Sultan dan Majlis Raja. Namun pada hakikatnya Raja Melayu tidak memiliki sebarang kuasa eksekutif dalam majlis tersebut untuk menjadi sebuah kumpulan yang kuat dan berpengaruh. Malahan bidang agama dan adat Melayu yang sentiasa dikaitkan dengan kekuasaan mereka turut terjejas. Sebagai contoh di dalam Majlis Agama, Raja Melayu berperanan sebagai ahli dan Gabenor British yang beragama Kristian pula menjadi pengerusi (Zainal Abidin 1970). Malahan Raja Melayu tidak mempunyai apa juga kuasa dalam urusan kutipan zakat yang merupakan sebahagian daripada bidang agama Islam (C.O. 537/1528).

Gabenor Malayan Union adalah pegawai kerajaan British yang sesuai dengan taraf baru Tanah Melayu, iaitu sebagai koloni. Dengan kuasa yang meluas, Gabenor hanya tertakluk kepada kuasa kerajaan British (Rudner 1970).

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, pembentukan bangsa Malayan bersatu memerlukan pengurangan kuasa Raja Melayu di peringkat negeri. Peranan baru Raja Melayu dalam Malayan Union ialah sebagai "pemimpin tradisional atau spiritual orang Melayu". Beliau hanya akan mempengerusikan Majlis Penasihat sahaja yang walaupun keahliannya dilantik oleh Raja Melayu tetapi masih tertakluk kepada persetujuan Gabenor (CO 537/1528). Perubahan ini dengan sengaja dirancang supaya wujud dikotomi kuasa yang berpihak kepada kerajaan British. Dengan cara ini semangat kenegerian dan kebanggaan keturunan yang menjadi halangan kepada kesedaran Malayan dapat dihapuskan.

Di samping itu, kenyataan rahsia mengenai masalah di Tanah Melayu yang disediakan oleh Pejabat Tanah Jajahan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai Tanah Melayu dan Borneo telah menyentuh pandangan kerajaan British terhadap masyarakat Melayu. Menurut kenyataan itu:

Orang Melayu menghargai kesetiaan terhadap raja mereka dan perasaan ini berkonflik dengan sebarang penyatuan terhadap unit yang lebih besar daripada negeri. Tidak ada konsepsi yang lebih meluas di kalangan orang Melayu bahawa mereka adalah Malayan (Mohamed Noordin 1974).

Kerajaan British berharap dapat menghapuskan kesetiaan masyarakat Melayu terhadap institusi beraja di negeri masing-masing dan mahukan kesetiaan serta kesedaran Malayan diperluaskan kepada seluruh Tanah Melayu. Untuk mencapai tujuan tersebut, peranan raja sebagai titik asas kesetiaan orang Melayu perlu dihapuskan. Di samping itu kedaulatan mereka juga akan dikurangkan. Sebarang bentuk kuasa dan pengaruh yang masih wujud di kalangan raja juga turut perlu dihapuskan (Mohamed Noordin 1974). Sehubungan dengan pembentukan kerakyatan umum, kerajaan British mengumumkan dasar mereka adalah untuk membentuk:

kewarganegaraan yang meluas yang akan menyertakan, tanpa diskriminasi bangsa atau kepercayaan, semua yang boleh membuktikan, sama ada melalui alasan kelahiran atau melalui alasan kelahiran atau melalui satu jangkamasa bermastautin untuk diterima di negara ini (CO 537/1528)

Tema kepentingan golongan imigren untuk diterima sebagai warganegara juga telah disentuh oleh Oliver Stanley, Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan semasa era kerajaan gabungan British. Menurut beliau;

Walaupun apa sahaja sejarah Tanah Melayu, kita tidak mengharapkan sebahagian besar orang Cina dan India untuk selamanya sebagai tetamu tanpa negara di dalam negara yang mereka pilih atau undangan British sebagai tempat kediaman mereka yang sebenar.<sup>20</sup>

Pandangan dengan tema yang sama telah diutarakan oleh Viscount Addison di dalam perbahasan mengenai Malayan Union di *House Of Lords*. Menurutnyanya walaupun kerajaan British menyedari akan keperluan untuk menjaga kepentingan masyarakat Melayu, kerajaan British juga terpaksa mengikhtiraf hak pekerja dan pemas-tautin di negara ini.

Pada peringkat ini, pendapat umum di kalangan pembuat dasar dan pentadbir tanah jajahan British adalah jelas iaitu ke arah pembentukan kewarganegaraan umum yang merangkumi semua penduduk sama ada golongan imigran dan penduduk asal. Walaupun terdapat idea yang bertentangan dengan pendapat umum seperti yang disuarakan oleh Viscount Elibank yang merupakan salah seorang ahli di *House Of Lords*, namun ia ditenggelamkan oleh pendapat

majoriti. Elibank berpendapat pembentukan Malayan Union adalah seolah-olah suatu penyerahan Tanah Melayu dan Singapura kepada imigran Cina (*Malaya Tribune* 1946). Istilah yang beliau gunakan ialah:

... daripada bermatlamatkan pembentukan dominion Empayar British kepada dominion Empayar China (Siti Hajar 1991).

Secara umumnya kerakyatan Malayan Union terbuka kepada kategori berikut:

1. Sesiapa yang dilahirkan di Tanah Melayu atau Singapura sebelum tarikh Malayan Union berkuatkuasa, dan menjadi pemas-tautin di Tanah Melayu atau Singapura pada tarikh itu
2. Sesiapa yang berusia lapan belas tahun atau lebih dan telah bermastautin di Tanah Melayu atau Singapura untuk tempoh sepuluh tahun daripada 15 tahun pada tarikh 15 Februari 1942 serta mengangkat sumpah kesetiaan kepada Kerajaan Malayan Union
3. Sesiapa yang dilahirkan di Malayan Union atau Singapura selepas tarikh Malayan Union dikuatkuasakan
4. Sesiapa yang dilahirkan di luar Malayan Union atau Singapura tetapi ayahnya ialah warganegara Malayan Union pada masa kelahirannya (CO 537/1528).

### British Mempertahankan Dasar Bangsa Malayan Bersatu

Dalam usaha membentuk bangsa Malayan bersatu, para pentadbir British menyedari bantahan yang akan mereka terima terutama daripada masyarakat Melayu yang bertaraf bumiputera. Ini kerana pengenalan kerakyatan Malaya merupakan suatu ancaman yang amat serius terhadap masa depan mereka dan tanggapan politik yang mereka pegang selama ini iaitu Tanah Melayu untuk orang Melayu. Seperti yang telah dijelaskan pada bab yang terdahulu, 31 Mei 1944 adalah tarikh kelahiran bangsa Malayan bersatu secara tidak rasmi kerana pada tarikh tersebut Kabinet Perang British telah memberikan persetujuan untuk dasar baru itu. Pada 3 September 1945, Setia-usaha Negara Untuk Tanah Jajahan melalui *Memorandum No OP(45) 135* telah meminta Kabinet memberikan persetujuan menge-

nai dasar tersebut dan menyetujui pemergian Harold MacMichael ke Tanah Melayu. Pada bulan yang sama, persetujuan itu diberikan. Bukti pertama kerajaan British serius mempertahankan bangsa Malayan bersatu dilihat pada 29 September 1945 apabila Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan telah mendapatkan pengesahan sama ada kerajaan British berhasrat untuk melaksanakan dasar itu tanpa memperdulikan penentangan daripada sebarang atau kesemua Raja Melayu. Soalan lain yang turut dikemukakan adalah sama ada kerajaan British akan mengesahkan dan meluluskan suatu program publisiti untuk dasar ini yang akan dimulakan dengan pernyataan Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan di Parlimen. Untuk soalan tersebut, Perdana Menteri British telah memberikan persetujuannya (CO 537/1529).

Di samping itu pada 28 Februari 1946, Creech Jones memaklumkan kepada Kabinet British bahawa telah wujud sejumlah tertentu penentangan terhadap dasar baru ini. Beliau telah mengemukakan dua alternatif. Alternatif pertama adalah bahawa keseluruhan dasar bangsa Malayan bersatu patut diteruskan tanpa pengubahsuaian. Alternatif kedua adalah bahawa cadangan kerakyatan patut ditangguhkan sehingga perundingan diadakan dengan masyarakat Melayu. Kabinet British menyetujui alternatif pertama (CO 537/1539).

Edward Gent, yang bakal menjadi Gabenor Malayan Union turut menjadi perancang pembentukan dasar ini di Pejabat Tanah Jajahan merupakan antara pentadbir yang begitu mempertahankan dasar bangsa Malayan bersatu. Menurut Gent, sebarang penyimpangan daripada dasar ini atau sebarang penangguhan terhadap pelaksanaannya khususnya yang berkaitan dengan kerakyatan umum akan berkemungkinan menimbulkan sikap permusuhan daripada orang Cina dan kemungkinan juga daripada orang India. Beliau juga menegaskan bahawa sikap permusuhan ini adalah lebih berbahaya daripada yang akan dihadapi oleh kerajaan British daripada masyarakat Melayu. Beliau juga menafikan bahawa orang Cina dan India tidak begitu berminat terhadap cadangan kerakyatan sama ada dengan memuji atau mengkritiknya. Ini adalah kerana menurutnya, wujud bukti yang menunjukkan bahawa kedua-dua masyarakat itu menyokong cadangan kerakyatan (CO 527/1528). Jelasnya Gent begitu mementingkan reaksi masyarakat bukan Melayu yang beliau anggap begitu prihatin dalam persoalan kerakyatan umum. Namun demikian jika dianalisis daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh para pentadbir British di da-

lam mempertahankan dasar bangsa Malayan bersatu, ternyata bahwa Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan merupakan pihak utama yang begitu mempertahankannya. Pada Februari 1946 iaitu sebelum Malayan Union dikuatkuasakan, Grant telah menegaskan bahwa beliau tidak akan mengizinkan reaksi orang Melayu terhadap Kertas Putih Kerajaan British mempengaruhi tindakannya dalam sebarang bentuk. Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan menegaskan bahwa ia mengandaikan bahwa seolah-olah tidak wujud sebarang masalah dalam meneruskan dasar tersebut.

Creech Jones juga telah mengkritik tindakan Raja Melayu yang membantah perjanjian MacMichael yang menjadi peganas kepada pembentukan bangsa Malayan bersatu melalui penubuhan Malayan Union. Catatan minit mesyuarat pada 25 April 1946 telah menyebutkan pendirian Creech Jones. Beliau beranggapan bahwa tidak wujud sebarang keadaan semasa perjanjian MacMichael dimetrai untuk memberikan justifikasi kepada Raja Melayu untuk enggan mengiktiraf perjanjian tersebut. Beliau juga menegaskan bahwa ia tidak akan mengiktiraf hak satu pihak (hak Raja Melayu) untuk menarik diri daripada perjanjian yang telah dibuat (CO 537/1528). Dengan berlatarbelakangkan penentangan terhadap Malayan Union dan pembentukan bangsa Malayan bersatu, satu-satunya konsesi yang sanggup diberikan oleh Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan adalah penangguhan kerakyatan umum untuk sekitar enam bulan. Hal ini adalah kerana menurutnya dasar tersebut tidak difahami sepenuhnya di Tanah Melayu.

Dalam tempoh tersebut, dua orang pegawai (Malcolm MacDonald sebagai Gabenor Jeneral United Kingdom untuk Asia Tenggara dan Edward Gent sebagai Gabenor) akan diarahkan untuk memastikan bahwa dasar tersebut difahami sepenuhnya. Tugas kedua mereka adalah untuk mendapatkan pandangan tempatan mengenai cara pelaksanaan dalam mencapai matlamat dasar "yang penting ini". Pendapat Creech Jones turut disokong oleh Kabinet British yang mengeluarkan kenyataan bahwa penentangan masyarakat Melayu adalah disebabkan salah faham terhadap cadangan kerakyatan umum. Kabinet British juga menegaskan bahwa bukanlah hasrat kerajaan British untuk menjadikan kerakyatan umum suatu penyebab "tenggelamnya" masyarakat Melayu di negara mereka sendiri akibat pengaruh kependudukan masyarakat Cina dan India. Walaupun mengambil kira kepentingan masyarakat Melayu, Kabinet British telah

mengeluarkan kenyataan yang jelas mengenai pelaksanaan dan pembentukan bangsa Malayan bersatu. Kenyataan tersebut adalah seperti berikut:

... dan bersetuju bahawa dasar yang ditetapkan dalam Kertas Putih mengenai Malayan Union dan Singapura perlu dikekalkan walaupun berlakunya penentangan yang telah bermula di Tanah Melayu (CO 537/1528)

Creech Jones membayangkan pihaknya hanya bersetuju dengan pengubahsuaian yang kecil sahaja di dalam pembentukan Malayan Union. Menurutnya:

Saya menganggap pihak yang menentang masih belum berpuashati dengan hakikat bahawa tindakan kita telah cukup memuaskan para sultan. Tetapi untuk pergi lebih jauh hanya akan membahayakan keseluruhan dasar ini. Konsesi yang kecil untuk perkara yang kecil boleh dilakukan tetapi pihak yang menentang menuntut prinsip yang menjadi kerangka perlembagaan perlu dimansuhkan. Ini pada pendapat saya perlu ditentang.

Konsesi kecil yang dimaksudkan oleh Creech Jones adalah seperti mengeluarkan Gabenor daripada perbincangan mengenai perkara yang berkaitan dengan perundangan agama Islam. Pengubahsuaian yang lain adalah Majlis Raja di samping menjalankan fungsi agama, akan diberikan kuasa untuk membincangkan perkara sekular tanpa persetujuan awal daripada Gabenor. Majlis Penasihat Sultan akan diberikan kuasa untuk menasihati Sultan bukan sahaja di dalam urusan keagamaan tetapi di dalam perkara yang sultan memerlukan nasihat (CO 537/1528).

Dalam membentuk dasar yang baru ini, kerajaan British telah menyenaraikan dua prinsip penting sebagai pra-syaratnya iaitu kuasa kerajaan pusat yang kuat dan pemilikan kuasa perundangan di Tanah Melayu oleh kerajaan British. Untuk mencapai tujuan yang pertama itu, kerajaan pusat akan memiliki kuasa yang penting dan mengagihkan kuasa yang kurang penting kepada kerajaan negeri.

Dengan terbentuknya kerakyatan umum, kerajaan British bukan sahaja mengharapkan kesamaan identiti di kalangan penduduk negara ini tetapi mengharapkan wujudnya suatu aturan politik yang berkesan serta mampu mewujudkan tindakan yang bersatu pada masa krisis. Di samping itu kerajaan British mengharapkan pengenalan

kerakyatan umum ini dapat memungkinkan perkembangan politik (CO 527/1529).

Menurut kerajaan British terdapat banyak kebaikan yang mereka peroleh dengan memperkenalkan dasar bangsa Malayan bersatu. Justeru mereka akan berusaha mempertahankannya walaupun mendapat penentangan masyarakat Melayu. Dalam isu teras seperti kuasa Raja Melayu dan syarat kewarganegaraan, kerajaan British memamerkan ketegasan seperti yang dilakukan sebelum ini. Pentadbir British menolak cadangan supaya para sultan mempengerusikan Majlis Negeri dengan alasan bahawa penolakan cadangan itu adalah selaras dengan kedudukan sultan sebagai raja berperlembagaan. Kerajaan British menggunakan alasan prestij dan kemuliaan Raja Melayu yang menyebabkan mereka tidak sesuai berada dalam prosiding majlis. Alasan lain dalam penolakan cadangan ini adalah bahawa kehadiran Raja Melayu akan menyebabkan kebebasan mengeluarkan pendapat terutamanya di kalangan ahli berbangsa Melayu tersekat.

Dalam persoalan kerakyatan umum, konsesi yang dapat diberikan oleh kerajaan British hanyalah setakat kemungkinan untuk mengeluarkan Singapura daripada "kawasan kelayakan" dalam pemberian kerakyatan dan keperluan mengangkat sumpah untuka kategori tertentu pemohon kerakyatan. Sebarang cadangan yang akan merubah pembentukan kerakyatan umum akan ditolak seperti tertera melalui petikan ini:

... bahawa konsesi yang besar mengenai persoalan kerakyatan adalah mustahil, kerana kebanyakan kehendak Raja bertentangan dengan keseluruhan prinsip yang terkandung di dalam dasar yang baru ini (CO 537/1528)

Malayan Union juga telah memperkenalkan jawatan Gabenor Jeneral. Dalam konteks pembinaan bangsa Malayan bersatu ini, Malcolm MacDonald diarahkan oleh George Hall yang menjadi Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan pada masa itu supaya membantu Gent dalam tugas itu. Di samping itu, Hall meminta MacDonald menghubungi para sultan seawal yang mungkin dan mengadakan pertemuan dengan mereka "mengikut kerangka Malayan Union" (CO 537/1529).

"Mengikut kerangka Malayan Union" merupakan manifestasi keazaman Hall dan kerajaan British untuk meneruskan dasar bangsa Malayan bersatu walaupun mendapat tentangan. Malahan arahan

Hall kepada MacDonald untuk mengadakan perundingan dengan Raja Melayu dapat ditafsirkan sebagai usaha membasmi penentangan dengan segera supaya hasrat British ini dapat dilaksanakan tanpa menghadapi masalah yang serius.

### Idea dan Reaksi Masyarakat Bumiputera Terhadap Pembentukan Bangsa Malayan Bersatu

Seperti yang dinyatakan oleh Kabinet British, masyarakat Melayu sebagai bumiputera telah menentang pembentukan bangsa Malayan dan bukannya perubahan struktur politik dan pentadbiran Tanah Melayu kepada Malayan Union. Gent telah memberikan gambaran awal mengenai reaksi masyarakat Melayu.

Menurutnya:

... hampir keseluruhan pemikiran politik Melayu di sini tidak memberikan asas untuk mengharapkan tindakan perlembagaan yang berkesan dalam asas Kesatuan (Malayan Union). Kekuatan dan organisasi pemikiran Melayu dan kritikan mereka terhadap Melayu telah memeranjatkan semua yang pernah berpengalaman di Tanah Melayu, dan termasuklah Raja Melayu sendiri

Pada dasarnya pemimpin politik Melayu sedia berkompromi dan menerima pemusatan kuasa oleh kerajaan pusat walaupun perkara yang sedemikian merupakan sesuatu yang baru kepada mereka. Pendirian mereka telah dicerminkan oleh Dato Onn dan beberapa orang pemimpin Melayu lain yang terlibat dalam pertemuan dengan MacDonald dan Gent pada 26 Jun 1946. Malahan dalam pertemuan itu, mereka telah menyerahkan suatu senarai kuasa kerajaan pusat yang itemnya melebihi daripada apa yang difikirkan oleh Raja Melayu.

Namun demikian penerimaan masyarakat Melayu terhadap perubahan perlembagaan adalah bersyarat iaitu kerajaan British memberi jaminan akan memansuhkan perjanjian MacMichael yang menyebabkan penyerahan kuasa Raja Melayu yang sepenuhnya. Syarat ini telah dikemukakan oleh Dato Onn dan pemimpin Melayu dari Perak (CO 537/1549).

Raja Melayu yang paling menerima kesan perjanjian MacMichael bukanlah merupakan kumpulan yang paling vokal dalam penentang-



an terhadap perjanjian tersebut. Sebagai contohnya dalam pertemuan Pesuruhjaya Residen dengan Yam Tuan Besar Negeri Sembilan pada 25 April 1946, telah dilaporkan bahawa Yam Tuan Besar Negeri Sembilan bertegas dalam tiga perkara iaitu:

1. Tanah negeri akan terus dalam kuasa Raja Melayu
2. Raja Melayu akan terus mempunyai kuasa mengampun
3. "Kewujudan bersama" Raja Melayu akan kekal dalam bidang perundangan (CO 537/1549)

Perkara yang dituntut di atas dapat dikategorikan sebagai tuntutan yang sederhana dan tidak menyentuh atau membantah asas Malayan Union dan pembentukan bangsa Malayan bersatu. Perubahan pendirian Raja Melayu kepada pendirian yang lebih tegas dan serius boleh dikaitkan dengan pendirian UMNO dalam penolakan Malayan Union dan pengenalan kerakyatan umum seperti yang dilaporkan oleh MacDonald:

Dalam perkara ini, Gent dan saya tidaklah mempunyai sebarang simpati terhadap Raja Melayu. Sebaliknya, kami mempunyai simpati yang besar kepada UMNO dalam penentangan terhadap perjanjian MacMichael. Penentangan mereka inilah yang merangsang Raja untuk menentang semula perjanjian itu.

MacDonald juga menyentuh tentang kekuatan pendirian masyarakat Melayu berbanding dengan pendirian Raja Melayu. Menurut beliau;

Hakikat terpenting adalah penentangan terhadap perjanjian MacMichel datang dengan kuatnya daripada pemikiran demokratik Melayu secara keseluruhan. Inilah yang perlu kita akui.

MacDonald dan Gent telah mengadakan pertemuan dan perundingan dengan Raja Melayu di Kuala Kangsar pada 27 Mei 1946 untuk mengatasi konflik masyarakat Melayu dengan kerajaan British berhubung pembentukan bangsa Malayan bersatu. Namun demikian sebelum perundingan itu diadakan, dua orang pentadbir kerajaan British terpaksa mematuhi empat prinsip yang bakal menjadi panduan dalam perundingan itu. Prinsip itu adalah seperti berikut:

1. Penubuhan kuasa kerajaan pusat yang kuat
2. Pengekalan kuasa perundangan yang sudah diperoleh menerusi Perjanjian MacMichael
3. Penubuhan institusi yang bertujuan membantu perkembangan politik (CO 537/1549)

Di samping itu, MacDonald juga menegaskan bahawa pihak mereka sememangnya memahami kedudukan Raja Melayu dan segala yang akan dilakukan untuk memenuhi pendapat Raja Melayu. Tetapi yang lebih penting adalah usaha itu selari dan konsisten dengan dasar kerajaan British yang dipersetujui oleh Parlimen British (CO 537/1529).

Pada peringkat awal lagi, beberapa prinsip panduan telah dipegang oleh pentadbir British. Ini secara langsung akan menghadkan tuntutan yang boleh dibuat oleh Raja Melayu. Dengan kata lain, kedua-dua pihak yang terlibat dalam rundingan itu tidak mempunyai banyak pilihan. Dalam perundingan 27 Mei itu, tuntutan Raja Melayu adalah seperti berikut:

1. Penubuhan persekutuan dan bukannya kesatuan (Union)
2. Perjanjian baru untuk menggantikan Perjanjian MacMichael
3. Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor
4. Raja akan menandatangani semua rang undang-undang
5. Hak pengampunan Raja akan kekalkan
6. Tanah milik negeri akan terus berada dalam kawalan Raja
7. Prosidur untuk memberi nasihat kepada Raja perlu dijelaskan
8. Prosedur Aturan dalam Majlis akan tertakluk kepada peruntukan perjanjian yang baru
9. Kuasa penyingkiran rakyat dan kawalan ke atas tanah adalah diletakkan dalam urusan negeri
10. Beberapa peratusan jawatan pegawai Persekutuan dan Negeri dikhaskan untuk orang Melayu
11. Persekutuan dinyatakan dengan jelas bahawa ia bertaraf naungan dan bukannya koloni

MacDonald juga melaporkan bahawa Raja Melayu belum lagi membincangkan mengenai persoalan kerakyatan dengan sepenuhnya dan isu itu tidak dianggap sebagai sesuatu yang penting. MacDonald

juga telah mengadakan pertemuan dengan pemimpin UMNO dan usul daripada parti itu adalah seperti berikut;

1. Perjanjian MacMichael dibatalkan sebagai pra-syarat
2. Penggunaan istilah persekutuan dan bukannya kesatuan kerana istilah kesatuan (Union) tidak dapat diterima oleh orang Melayu
3. Butiran tentang Persekutuan perlu dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat (CO 537/1529)

Berkaitan dengan usul Raja Melayu yang pertama, pada 4 Mei 1946, Sultan Perak yang dianggap sebagai jurucakap Raja Melayu yang lain telah menjelaskan kepada Gent bahawa sekiranya kerajaan British menerima usul pembentukan sistem persekutuan, butiran yang lain boleh dibincangkan seterusnya. Malahan cadangan kerakyatan hanya menjadi perkara sekunder (CO 537/1529).

Raja Melayu juga menjelaskan bahawa ungkapan "Negeri-Negeri Melayu" perlu muncul dalam mana-mana nama untuk persekutuan yang baru. Hakikat ini adalah kerana mereka berpendapat bahawa Negeri Melayu memperoleh entiti mereka sebagai sebuah negeri menerusi Raja Melayu. Usul yang dikemukakan oleh masyarakat Melayu menerusi UMNO mendapat reaksi yang serius. Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan, George Hall yang begitu berazam untuk membentuk kerakyatan umum. Beliau menganggap usul Raja Melayu dengan penegasan kepada kuasa kerajaan negeri secara individu yang kuat dalam semua perkara sebagai kehendak "golongan pemisah" (CO 537/1530).

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan hanya bersetuju untuk memberikan konsesi yang kecil sahaja dalam menangani tuntutan masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, tuntutan untuk menghapuskan penguatkuasaan *Perjanjian MacMichael* tidak akan dilayan. Hal ini telah ditegaskan dalam Kabinet British pada 3 Jun 1946. Ringkasan mesyuarat tersebut mencatatkan:

Dua orang sultan telah menuntut beberapa perubahan dalam persetujuan yang dibuat oleh Sir Harold MacMichael tetapi Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan berpendapat kita perlu bertegas dalam soal ini (CO 537/1529)

## Strategi Kerajaan British dalam Pengekalan Dasar Bangsa Malayan Bersatu

Dalam tempoh yang begitu singkat, terdapat idea yang mendesak supaya diadakan perubahan terhadap Malayan Union. Idea ini bukan sahaja datang daripada masyarakat Melayu, tetapi juga daripada para pentadbir kerajaan British yang pada peringkat awal begitu mempertahankan Malayan Union sebagai suatu sistem pentadbiran yang paling sesuai untuk Tanah Melayu selepas perang. Idea yang mereka kemukakan hanya menuntut perubahan struktur dilakukan terhadap Malayan Union dan bukannya terhadap hasrat untuk membentuk bangsa Malayan bersatu. Supaya dasar tersebut dapat diterima oleh masyarakat Melayu, mereka mencadangkan sedikit konsesi diberikan terhadap masyarakat Melayu. Antara idea terawal adalah seperti yang diutarakan oleh Ralph Hone. Hone berpeluang mengkaji situasi politik Tanah Melayu akibat pembentukan Malayan Union. Beliau mencadangkan agar Raja Melayu dilibatkan sama dalam pentadbiran tetapi penglibatan itu mestilah berasaskan kepada perlembagaan. Hone juga mencadangkan agar para sultan di samping Gabenor diberikan kuasa meluluskan enakmen Majlis Negeri. Kedua-dua pihak juga dicadangkan diberikan kuasa untuk meluluskan ordinan yang diluluskan oleh Majlis Perundangan.

Perkembangan yang amat ironis sekali adalah apabila Gent mencadangkan kepada Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan pada 19 April 1946 supaya diadakan beberapa pengubahsuaian untuk memberi penekanan yang lebih kepada autoriti Raja Melayu, sekurang-kurangnya dalam urusan negeri dan dalam bidang perundangan. Intipati idea Gent dinyatakan seperti berikut:

... mengadakan perubahan yang boleh memenuhi kemahuan orang Melayu dan pada masa yang sama tidak membahayakan prinsip perlembagaan seperti yang telah dirancangan (CO 537/1528)

Secara khususnya beliau mencadangkan penggantian kesatuan kepada persekutuan dengan menyatakan bahawa:

Saya kini menyakini bahawa kewujudan kesatuan sebagai prinsip penting dalam perkembangan perlembagaan Tanah Melayu tidak akan menghasilkan matlamat kerajaan British kerana berlakunya penentangan daripada

masyarakat Melayu. Tetapi "kerjasama dan penyatuan supaya akhirnya usaha berkerajaan sendiri boleh menjadi realiti" boleh diharapkan dalam bentuk alternatif iaitu sistem persekutuan yang meliputi semua wilayah kesatuan (CO 537/1529)

Pada 2 Jun 1946, Gent telah mengemukakan enam idea penting-nya kepada Pejabat Tanah Jajahan. Idea tersebut adalah seperti berikut:

1. Status Negeri-Negeri Melayu bukanlah bertaraf tanah jajahan tetapi wilayah yang berada di bawah naungan kerajaan British.
2. Perlembagaan Tanah Melayu akan mempunyai sifat persekutuan dengan perundangan pusat dan pentadbiran yang kuat untuk bertanggungjawab dalam urusan umum. Autoriti dan keindividualan setiap negeri akan dinyatakan dengan jelas melalui senarai urusannya sendiri.
3. Nama Malayan Union digantikan kepada Malayan Federal Union. Jawatan Gabenor digantikan dengan Pesuruhjaya Tinggi.
4. Enekmn negeri mestilah memerlukan persetujuan formal daripada sultan dan Pesuruhjaya Tinggi.
5. Tanah awam di Negeri Melayu dijadikan tanah-tanah milik negeri.
6. Cadangan ini akan dimaktubkan dalam suatu dokumen yang akan ditandatangani oleh Raja Melayu dan Gabenor untuk dijadikan cadangan kepada kerajaan British.

Pendirian baru Gent ini dianggap oleh Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan sebagai memeranjatkan. Beliau menerangkan bahawa adalah sukar bagi pihaknya mempercayai bahawa Gent telah dapat memperoleh suatu penilaian yang menyeluruh mengenai pendapat umum dalam suatu jangka masa yang singkat. Justeru Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan mengarahkan supaya Gent memberi penerangan berkaitan keadaan politik tempatan serta menjelaskan perubahan pendirian politik Gent. Penerangan yang dituntut daripada Gent adalah seperti berikut:

perlu menyatakan sifat dan keabsahan sebarang bukti bahawa orang Melayu secara amnya seperti yang diwakili oleh pertubuhan Dato Onn (UMNO) menyokong sultan dengan sepenuhnya.

Gambaran awal yang diberikan oleh Gent seperti yang dituntut oleh Pejabat Tanah Jajahan adalah seperti berikut:

Pendirian orang Melayu di serata negeri secara umumnya memilih persekutuan semua negeri Melayu. Tetapi mereka dengan jitu menentang kesatuan dan pengubahsuaian kecil tidak akan mengubah perasaan mereka. Pada pendapat mereka kesatuan samalah dengan tindakan penaklukan

Masyarakat Cina dan India tidak menunjukkan sebarang minat dan pemilihan sama ada untuk kesatuan atau persekutuan. Kedua-dua komuniti ini mementingkan pengekal status Cina dan India selain daripada kerakyatan Malayan (CO 537/1529)

Jika sebelumnya Gent menegaskan keperluan untuk memberikan beberapa kelebihan kepada masyarakat bukan Melayu seperti pemberian kerakyatan dan mendapatkan hak yang sama, kini beliau berpendapat:

Penentangan daripada orang Melayu (bukan sahaja daripada sultan tetapi secara keseluruhan) perlu dilayani sekiranya kita ingin mengelakkan keadaan tindakan tidak bekerjasama yang teratur dan meluas serta keadaan kucar-kacir di kalangan orang Melayu

Gent beranggapan perubahan yang dilakukan dalam struktur Malayan Union kepada yang berbentuk persekutuan demi meneruskan dasar bangsa Malayan bersatu tidak akan menimbulkan masalah besar kerana menurutnya masyarakat Cina dan India tidak akan bersikap antagonistik terhadap perubahan tersebut sekiranya syarat kerakyatan yang adil dilakukan. Dalam telegram kepada Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan, Gent menegaskan bahawa:

Saya ingin menasihati anda bahawa prinsip utama daripada cadangan para sultan perlu diberikan perhatian dengan penuh simpati. Ini selaras dengan matlamat jangka panjang kita yang penting. Kerjasama dan matlamat penyatuan supaya akhirnya usaha berkerajaan sendiri menjadi kenyataan dapat dicapai awal dengan persetujuan orang Melayu (CO 537/1528)

Dasar kerajaan British sendiri untuk penyatuan negara ini melalui perlembagaan, pada pendapat saya dapat dicapai melalui sistem persekutuan yang dianggap penting oleh orang Melayu (CO 537/1528)

Hanya selepas sebulan sahaja menjawat jawatan Gabenor, Gent menjadi salah seorang pentadbir kerajaan British yang mempengaruhi keputusan kerajaan British untuk mengadakan beberapa perubahan dalam struktur Malayan Union. Namun demikian pendirian Gent bukanlah faktor penentu dan tunggal yang mendorong kerajaan British mengadakan beberapa perubahan dan pengubahsuaian. Kehadiran Malcolm MacDonald di Tanah Melayu sebagai Gabenor General telah menguatkan hujah yang dikemukakan oleh Gent kepada Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan. Antara kenyataan awal MacDonald yang menyokong pendapat Gent ialah:

Setelah berada sebulan di sini dengan banyak peluang untuk menilai pendapat masyarakat Melayu, saya boleh menegaskan segala yang telah diperkatakan oleh Gent dan saya di dalam telegram-telegram terdahulu mengenai kekuatan dan perpaduan (masyarakat Melayu) (CO 537/1549)

Berbeza dengan pentadbir British yang lain, MacDonald menganggap reaksi masyarakat Melayu terhadap pembentukan bangsa Malayan bersatu sebagai suatu perkembangan yang positif. MacDonald menganggap reaksi tersebut bukanlah sebagai suatu perkara yang buruk kerana kerajaan British sangat menginginkan masyarakat Melayu mempunyai kesedaran politik. Kesedaran sebegini akan menyediakan mereka dalam memainkan peranan yang penting untuk mengembangkan institusi pentadbiran.

Beliau juga menyentuh tentang keperluan untuk menghapuskan *perjanjian MacMichael* yang menyebabkan timbulnya rasa tidak puas hati masyarakat Melayu dengan menyatakan bahawa:

Saya semakin tertarik dengan hakikat bahawa penentangan ini ditujukan kepada *Perjanjian MacMichael*. Sekiranya kita tidak dapat memenuhi kehendak pendapat ini, kita akan kehilangan peluang untuk memperbaiki ketertarikan di antara orang Melayu dan kita (CO 537/1549).

MacDonald juga beranggapan bahawa pentadbiran masyarakat Melayu adalah jitu. Dalam masa yang sama, mereka mengamalkan sikap bersahabat dengan kerajaan British serta mengharapkan dikembalikan suasana saling memahami dan berbaik-baik. Beliau juga beranggapan bahawa pendirian masyarakat Melayu dalam penolakan pembentukan kerakyatan umum dan bangsa Malayan bersatu ialah

kerana bertujuan untuk mengekalkan kebebasan mereka dan mengelakkan berlakunya penenggelaman sepenuhnya masyarakat Melayu daripada segi politik dan ekonomi oleh kaum-kaum lain di wilayah ini.

Walaupun menganjurkan beberapa pengubahsuaian terhadap usul kerajaan British, MacDonald tetap menegaskan kepentingan untuk mengekalkan dua prinsip di dalam masa depan Tanah Melayu. Prinsip itu ialah penyatuan wilayah dan kerakyatan umum.

MacDonald, dengan bersetuju kepada beberapa perubahan, kebaikan-kebaikan akan diperoleh oleh kerajaan British. Beliau berkeyakinan bahawa perubahan itu akan meninggikan reputasi kerajaan British sebagai juara pejuang prinsip-prinsip demokrasi serta akan meninggikan prestij kerajaan British di Tanah Melayu dan bahagian-bahagian dunia di sebelah sini. Ia juga akan dianggap sebagai suatu tindakan kenegaraan yang bersifat pemurah (CO 537/1529). Laporan dan kenyataan yang dibuat oleh Gent dan MacDonald kepada pihak di London menjadi faktor penting dalam perubahan dan pengubahsuaian yang seterusnya membawa kepada penamatan Malayan Union yang digantikan oleh Persekutuan Tanah Melayu. Untuk tujuan itu, kerajaan British telah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Kerja.

### Jawatankuasa Kerja dan Penerusan Dasar Bangsa Malayan Bersatu

Secara rasminya, Jawatankuasa Kerja memulakan tugasnya dengan mesyuarat pertama pada 6 Ogos 1946. Jawatankuasa ini terbahagi kepada tiga perwakilan iaitu:

#### Perwakilan Kerajaan British

- A.T. Newbould Ketua Setiausaha Malayan Union
- K.K. O' Connors Peguam Negara Malayan Union
- W.D. Godsall Setiausaha Kewangan
- Dr. W. Linehan Perkhidmatan Awam Tanah Melayu
- A. William Perkhidmatan Awam Tanah Melayu

#### Perwakilan Raja Melayu

- Raja Kamaralzaman
- Dato Hamzah



Haji Mohamad Sheriff  
Dato Setia

Sir Theodore Adams pula dilantik sebagai penasihat kepada Raja Melayu dalam jawatankuasa ini

Perwakilan UMNO

Dato Onn  
Dato Abdul Rahman  
Encik Megat Yunus

Ronald Bradell pula berperanan sebagai Penasihat Undang-Undang kepada UMNO. Ralph Hone pula menjadi pemerhati dan wakil kepada Gabenor Jeneral manakala D.C. Watherson yang daripada Perkhidmatan Awam Tanah Melayu bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Kerja (CO 537/1531).

Jika dirujuk kepada keanggotaan jawatankuasa itu, ternyata ia bersifat rundingan masyarakat Melayu dengan kerajaan British sahaja kerana tiada perwakilan yang mewakili kepentingan masyarakat bukan Melayu. Hal ini adalah kerana kerajaan British mahu memberikan peluang perundingan dengan masyarakat Melayu terlebih dahulu. Namun demikian kerajaan British menegaskan bahawa tidak akan wujud sebarang kelulusan dan pengesahan terhadap segala tindakan sehinggalah semua komuniti di Tanah Melayu dirujuki.

Walaupun tidak mempunyai sebarang perwakilan dalam jawatankuasa tersebut, masyarakat bukan Melayu tidak berada dalam kedudukan yang merugikan. Hal ini adalah kerana kepentingan dan kehendak kerajaan British yang sentiasa mengambil kira keperluan masyarakat bukan Melayu telah dinyatakan dengan begitu jelas melalui prinsip panduan jawatankuasa itu.

Prinsip panduan yang harus dipatuhi adalah seperti berikut:

Keperluan untuk mewujudkan kerajaan pusat yang kuat untuk memastikan pentadbiran yang ekonomikal dan berkesan untuk negara ini

Keperluan untuk mewujudkan kerakyatan umum untuk semua orang yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal mereka yang sebenar dan sebagai objek kesetiaan mereka

Keperluan untuk mengekalkan keindividualan setiap negeri Melayu dan Negeri Selat

Keperluan untuk menjaga kedudukan istimewa orang Melayu

Keperluan untuk menjaga kestabilan kewangan untuk negara ini (Summary 1946)

Prinsip panduan yang ditetapkan oleh kerajaan British dalam banyak segi telah menyingkirkan idea sultan semasa persidangan di Kuala Kangsar yang dianggap radikal seperti isu kewarganegaraan. Hal ini begitu jelas apabila dirujuk kepada prinsip kedua yang secara jelas menampilkan keperluan kerakyatan umum sebagai prasyarat dalam pembentukan bangsa Malayan bersatu. Prinsip ini jugalah yang menyebabkan Jawatankuasa Kerja bersetuju dengan cadangan bahawa anak warganegara akan secara automatik turut diterima sebagai warganegara. Perkara ini telah disentuh oleh memorandum Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan dengan menyatakan bahawa;

Ini akan menggalakkan pertumbuhan, dalam peredaran waktu, sekumpulan manusia, tanpa mengira bangsa atau kepercayaan yang akan menganggap kerakyatan sebagai hak kelahiran dan ikatan kesetiaan akan dapat dicipta.

Secara yang lebih khusus lagi, cadangan kerakyatan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja bertujuan menyingkirkan elemen yang tidak tetap dalam masyarakat tetapi memberi peluang kepada mereka yang bersedia untuk menerima tugas dan hak sebagai warganegara (CO 537/1531).

Tujuan utama kerajaan British memperkenalkan dasar bangsa Malayan bersatu adalah untuk memastikan hak politik di Tanah Melayu dipanjangkan kepada semua yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal mereka yang sebenarnya. Implikasinya adalah bahawa kini hak politik tidak lagi menjadi milik orang Melayu sahaja tetapi juga milik orang Cina dan India yang mempunyai semangat "Malaya" (CO 537/1549).

Penerimaan perwakilan Melayu terhadap hasrat kerajaan British mewujudkan bangsa Malayan bersatu menunjukkan bahawa mereka akhirnya akur terhadap tuntutan kerajaan British walaupun pada peringkat awal Malayan Union diperkenalkan, masyarakat Melayu pada keseluruhannya memfokuskan penentangan mereka ter-

hadap dasar tersebut. Konsep yang berkaitan seperti bangsa malayan dan kerakyatan umum adalah amat sensitif dan memberikan cabaran kepada mereka sebagai bumiputera dan kepada pegangan politik iaitu Tanah Melayu untuk orang Melayu. Namun pada peringkat ini, perwakilan Melayu dalam Jawatankuasa Kerja telah bersedia menerima konsep yang mereka tentang selama ini.

Perwakilan Melayu dalam rundingan Jawatankuasa Kerja tidak menunjukkan penentangan yang serius terhadap cadangan kerakyatan yang dikemukakan oleh kerajaan British. Dengan kata lain, pendirian mereka tidak konsisten dalam penentangan terhadap isu tersebut. Hal ini disentuh dalam sumber kerajaan British iaitu *Notes On Development In Malayan Constitution Discussion* yang membincangkan perjalanan mesyuarat Jawatankuasa Kerja. Laporan itu menjelaskan bahawa;

Pada permulaannya perwakilan Melayu tidak mahu menerima orang Cina sebagai warganegara Malayan Union sama sekali, tetapi kemudiannya mereka sanggup untuk mengubah pendirian sekiranya mereka diberikan kepastian bahawa orang Cina diberikan dahulu taraf Orang Yang Diberikan Perlindungan British (British Protected Person) (CO 537/1530)

Daripada penolakan total terhadap isu kewarganegaraan dan dasar bangsa Malayan bersatu, perwakilan Melayu mula memberi konsesi yang akhirnya membawa kepada pembentukan konsep-konsep tersebut. Perwakilan Melayu turut menyedari akan ketidakupayaan mereka untuk terus bertegas dalam isu yang penting seperti kewarganegaraan. Gent melaporkan bahawa:

Telah menjadi bukti yang berterusan bahawa ahli Melayu dalam jawatankuasa ini berpendapat bahawa dengan berkompromi terhadap pandangan kita mengenai perkara yang penting, terlalu banyak yang terpaksa dipersetujui oleh mereka (CO 537/1530).

Daripada situasi yang dihadapi oleh perwakilan Melayu di dalam siri mesyuarat Jawatankuasa Kerja, adalah tidak menghairankan apabila mereka menyatakan pendirian bahawa mereka akan bersetuju menerima masyarakat Cina (yang membawa implikasi untuk keseluruhan masyarakat bukan Melayu) dengan syarat mereka menerima taraf Orang Yang Diberikan Perlindungan British. Syarat se-

begini tidak pernah dikemukakan sebelum bermulanya rundingan Jawatankuasa Kerja. Malahan daripada segala segi, syarat sebegini bukanlah dapat melindungi kepentingan masyarakat Melayu ataupun dapat menghalang pembentukan bangsa Malayan bersatu. Bertitik tolak daripada keadaan sebegini, Gent melaporkan bahawa:

Adalah diberikan penekanan bahawa dalam merangka rancangan, Jawatankuasa Kerja telah memberikan tumpuan kepada prinsip utama iaitu menubuhkan kerajaan pusat yang kuat dan menyediakan suatu bentuk kerakyatan umum, yang akan menerima mereka yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat kediaman yang sebenar dan sebagai objek kesetiaan.

Pada tarikh yang sama, dalam suatu lagi telegram, Gent menyatakan bahawa Sultan Perak sebagai mewakili Raja Melayu yang lain dan Dato Onn telah menyatakan persetujuan terhadap perlembagaan cadangan yang dijadikan asas untuk bakal kerajaan negara ini (CO 536/1531).

Secara umum dalam rundingan Jawatankuasa Kerja, perwakilan Melayu menuntut hanya tiga perkara iaitu pembatalan perjanjian MacMichael, pemberian kuasa kepada kerajaan negeri dan penghapusan istilah Union untuk nama baru Tanah Melayu. Pembatalan Perjanjian MacMichael yang merintis kepada penubuhan Malayan Union telah disuarakan sebelum penubuhan dan perjalanan Jawatankuasa Kerja. Dalam perjumpaan Raja Melayu dengan pegawai kerajaan British seperti MacDonald dan Gent, Sultan Perak menegaskan bahawa kewujudan perjanjian itu menjadi penghalang kepada rundingan tersebut.

Dalam isu kuasa kerajaan negeri, Gent melaporkan bahawa seawal 7 dan 8 Ogos, suatu penyelesaian yang memuaskan telah dapat dilakukan mengenai senarai kuasa kerajaan negeri walaupun perwakilan Melayu mendesak agar kuasa pentadbiran diagihkan kepada kerajaan negeri dan Negeri Selat. Seperti isu lain, perwakilan Melayu gagal menuntut agar kerajaan negeri mempunyai senarai kuasa yang meluas seperti yang dituntut oleh Raja Melayu sebelum penubuhan Jawatankuasa Kerja.

Kejayaan perwakilan Melayu yang paling nyata adalah bantahan mereka dalam pemberian nama baru negara ini sebagai menggantikan Malayan Union. Mereka telah menolak nama *Malayan Federal Union* dan *Malayan Federation* seperti yang dicadangkan

oleh Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan. Menurut mereka bantahan ini adalah kerana nama-nama tersebut tidak dapat diterjemahkan dengan tepat ke dalam bahasa Melayu (CO 537/1530).

Walaupun berjaya dalam menolak dua nama yang dicadangkan untuk Tanah Melayu, mereka masih gagal menjelmakan cadangan Raja Melayu supaya negara ini dinamakan sebagai Persekutuan Negeri Melayu. Nama yang dicadangkan oleh Raja Melayu ini adalah selaras dengan pendapat mereka bahawa nama itu perlu untuk menyatakan hakikat bahawa Negeri-Negeri Melayu memperoleh entiti mereka melalui raja mereka (CO 537/1530).

Pembentukan bangsa Malayan bersatu mula menjadi sesuatu yang bersifat realiti apabila Jawatankuasa Kerja melaporkan cadangan kerakyatan. Secara umumnya mereka mencadangkan pemberian kerakyatan menerusi kaedah pemberian secara automatik dan menerusi permohonan.

Masyarakat Melayu yang dianggap sebagai rakyat sultan dan rakyat British yang dilahirkan di Negeri Selat atau Negeri Melayu serta yang telah bermastautin berterusan selama 15 tahun akan menerima kerakyatan secara automatik. Penduduk Tanah Melayu yang tidak termasuk dalam kategori itu boleh membuat permohonan sekiranya mereka dilahirkan di mana-mana negeri dalam Tanah Melayu dan telah bermastautin selama sepuluh tahun daripada 15 tahun sebelum membuat permohonan. Selain itu cadangan Jawatankuasa Kerja yang berkaitan dengan kerakyatan adalah bahawa pemohon yang tidak memenuhi syarat kelahiran juga boleh membuat permohonan sekiranya dia telah bermastautin selama 15 daripada 20 tahun sebelum membuat permohonan (CO 537/1532).

Selepas isu penting dapat disepakati oleh perwakilan Melayu dan perwakilan kerajaan British, sesi rundingan terakhir Jawatankuasa Kerja diadakan pada 18 November untuk menandatangani laporan jawatankuasa itu. Dua hari kemudian, draf Perjanjian Persekutuan serta model Perjanjian Negeri telah diluluskan oleh Persidangan Plenari yang dianggotai oleh perwakilan British, Raja Melayu dan UMNO. Pada 22 November 1946, laporan itu telah dibawa ke Whitehall untuk diadakan perbincangan dengan Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan. Pada 2 Disember 1946 pula Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan telah memberikan pengesahan kepada laporan Jawatankuasa Kerja dengan syarat "elemen" yang stabil dalam masyarakat bukan Melayu akan disertakan dan diterima. Pada

5 Disember pula Kabinet Kerajaan British telah meluluskan laporan tersebut (Lau 1991).

Perbincangan yang dilakukan menunjukkan bahawa walaupun kerajaan British bersetuju membatalkan Malayan Union dan mengadakan beberapa perubahan untuk memuaskan tuntutan masyarakat Melayu, prinsip yang ingin mereka terapkan tetap berjaya untuk dilaksanakan. Prinsip tersebut adalah penubuhan kerajaan pusat yang kuat dengan kawalan ke atas semua perkara penting dalam kebajikan dan perkembangan negara ini secara keseluruhan, kerakyatan umum dan penguasaan perundangan (CO 537/1532).

Di samping berjaya mewujudkan prinsip yang ingin ditanamkan untuk masa depan Tanah Melayu, pihak British akan mengenakan syarat-syarat tertentu untuk mengadakan perubahan atau pembatalan sesuatu perkara seperti yang dituntut oleh masyarakat Melayu. Sebagai contohnya, Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan telah menyatakan bahawa hasrat masyarakat Melayu membatalkan Perjanjian MacMichael hanya boleh diterima dan dilayan setelah mendapat jaminan bahawa mereka akan menerima prinsip kewujudan kerajaan yang kuat daripada segi perundangan (CO 537/1532). Semua ini dengan tujuan memastikan bahawa dasar bangsa Malayan bersatu dapat diwujudkan. Kepada kerajaan British, Malayan Union ataupun Persekutuan Tanah Melayu hanyalah berperanan sebagai alat untuk mencapai dasar tersebut.

### Jawatankuasa *Cheeseman* sebagai Pelindung Kepentingan Masyarakat Bukan Melayu

Walaupun Jawatankuasa Kerja merupakan perundingan antara masyarakat Melayu dan kerajaan British, ini tidaklah bermakna kepentingan masyarakat bukan Melayu terabai. Kerajaan British menegaskan bahawa:

Kerajaan British menegaskan bahawa tidak wujud persoalan mencapai keputusan muktamad mengenai sebarang perkara yang berkaitan sehinggalah semua komuniti di Tanah Melayu telah mempunyai peluang penuh untuk menzahirkan pendapat mereka (CO 537/2141).

Untuk mencapai tujuan di atas, sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan. Keahlian jawatankuasa itu adalah seperti berikut:

Pengerusi:	H.R. Cheeseman
Ahli:	S.B. Palmer
	M.C.R. Doraisamy Aiyer
	C.F. Gomes
	A. Artbutnott
	C.P.R. Menon
	Leong Yew Koh
	J.S. Goonting

Panduan rujukan untuk jawatankuasa tersebut adalah:

Untuk mendapatkan pandangan daripada komuniti dan kumpulan yang berkaitan mengenai cadangan perlembagaan yang telah diterbitkan sebagai hasil rundingan antara kerajaan dan perwakilan Melayu, untuk mengadakan sesi umum dan tertutup untuk memberikan peluang sepenuhnya untuk menzahirkan pendapat, sama ada secara lisan atau bertulis, dan untuk menilai cadangan yang dinyatakan serta melaporkannya kepada kerajaan Malayan Union untuk pertimbangan di dalam Majlis Penasihat beserta ulasan serta cadangan yang difikirkan sesuai oleh jawatankuasa ini (CO 537/2141).

Jawatankuasa ini selain daripada mengadakan rundingan sesama ahlinya turut mengadakan beberapa sesi umum. Sesi tersebut diadakan di Kuala Lumpur pada 28 Januari, 1 Mac dan 11 Mac di Pulau Pinang pada 13 Februari. Sesi umum di Melaka adalah pada 20 Februari dan di Ipoh pada 5 Mac.

Secara keseluruhannya Jawatankuasa *Cheeseman* menerima sejumlah 80 pucuk surat, memorandum dan penyampaian secara lisan. Daripada 80 surat dan memorandum, 30 adalah daripada individu, lima daripada kumpulan dan 45 ialah daripada persatuan. Sebahagian daripada memorandum persatuan-persatuan merupakan memorandum yang disokong oleh gagasan persatuan lain. Contohnya adalah seperti memorandum Dewan Perniagaan Cina Melaka yang disokong oleh 42 Persatuan Cina Melaka dan 32 persatuan Cina yang menghantar memorandum sebagai sokongan terhadap memorandum Dewan Perniagaan Cina Selangor (CO 537/2141).

Seorang penulis sejarah negara ini menggunakan istilah "rantai reaksi" (Means 1976)<sup>1</sup> untuk merujuk kepada hubungan antara kaum. Konsep rantai reaksi dapat dilihat di dalam perjalanan Ja-

watankuasa *Cheeseman*. Dua orang wakil masyarakat Cina iaitu H.S. Lee dan Leong Yew Koh telah menunjukkan reaksi serius terhadap cadangan perlembagaan yang diusulkan oleh Jawatankuasa Kerja yang mereka anggap sebagai pro-Melayu. Tumpuan utama mereka berdua ini adalah terhadap isu kewarganegaraan dan hak istimewa orang Melayu. Malahan jika dirujuk kepada laporan mengenai perjalanan Jawatankuasa *Cheeseman*, seolah-olah wujud dua kumpulan yang amat bertentangan dalam jawatankuasa ini. Di samping dua isu yang telah dinyatakan itu, dua orang wakil Cina juga menunjukkan penentangan terhadap cadangan komposisi Majlis Perundangan Persekutuan (Lau 1991). H.S. Lee dan Leong Yew Koh telah bercanggah pendapat dengan kesemua ahli yang lain kerana mereka tidak bersetuju Menteri Besar turut menjadi ahli majlis tersebut (CO 537/2141). Kehadiran sembilan orang Menteri Besar dalam Majlis Perundangan Persekutuan menandakan pertambahan wakil yang berbangsa Melayu.

Pada peringkat awal penubuhan Jawatankuasa *Cheeseman*, mereka mahukan sebuah laporan minoriti diterbitkan bersama dengan laporan akhir cadangan jawatankuasa tersebut.<sup>2</sup> Andaian yang dipegang oleh dua orang ahli ini adalah bahawa masyarakat Cina Cina mengharapkan mereka untuk mengambil peluang untuk menzahirkan rasa tidak puas hati mereka apabila diketepikan daripada jawatankuasa kerja (CO 537/2141). Justeru, pandangan yang dikemukakan oleh mereka mencerminkan reaksi berbeza daripada tujuh orang ahli lain terhadap cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja.

H.S. Lee dan Leong Yew Koh beranggapan bahawa cadangan Jawatankuasa Kerja mengenai kategori-kategori yang menerima kewarganegaraan automatik sebagai sesuatu yang "amat tidak adil" (Lau 1991). H.S. Lee dan Leong Yew Koh telah mengemukakan cadangan kerakyatan mereka sendiri seperti yang didasarkan kepada cadangan Dewan Perniagaan Cina Selangor. Cadangan dewan itu untuk mereka yang layak memperoleh kerakyatan Persekutuan adalah:

1. Rakyat sultan
2. Rakyat British atau sesiapa sahaja yang dilahirkan di Negeri Melayu yang menjadi pemastautin tetap di Negeri Selat
3. Sesiapa sahaja yang ayahnya adalah warganegara Persekutuan (CO 537/2141)



Namun demikian, kepada ahli yang lain isu kewarganegaraan bukanlah isu paling penting. Mereka beranggapan bahawa cadangan daripada Jawatankuasa Kerja adalah sesuatu yang "terpaksa mereka terima sebagai sebahagian daripada kompromi dan tidak dapat dipinda dengan sesuka hati." (CO 537/2141)

Jika dirujuk kepada cadangan kerakyatan yang dikemukakan oleh H.S. Lee dan Leong Yew Koh, terdapat persamaan dengan intipati cadangan kerakyatan Malayan Union. Cadangan (2) secara tersirat adalah idea kerakyatan *jus soli*. Malahan daripada suatu segi, cadangan yang mereka kemukakan jauh lebih longgar daripada cadangan kerakyatan Malayan Union kerana mereka tidak menetapkan syarat tempoh bermastautin.

Analisis yang dilakukan terhadap cadangan yang diterima daripada badan yang mewakili kepentingan masyarakat bukan Melayu dan daripada individu menunjukkan bahawa mereka menyokong usaha pembentukan bangsa Malayan bersatu. Namun demikian mereka juga menuntut perkara seperti persamaan antara kaum, syarat bermastautin yang relatifnya lebih pendek untuk mendapatkan kerakyatan serta pemansuhan ujian bahasa yang menjadi syarat untuk mendapatkan kerakyatan. Di samping terdapat juga tuntutan seperti penggunaan tiga bahasa rasmi seperti yang diamalkan di Switzerland untuk Tanah Melayu.

Gabungan Dewan Perniagaan Cina Tanah Melayu yang mewakili kepentingan golongan peniaga Cina dan sebagai badan yang berpengaruh dalam masyarakat Cina telah mencadangkan agar Suruhanjaya Diraja dibentuk untuk mengkaji semula persoalan kewarganegaraan yang diusulkan oleh Jawatankuasa Kerja. Secara umumnya dewan ini bersetuju dengan dasar pembentukan bangsa Malaya. Dalam suratnya kepada Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan, Lee Kong Chian selaku Presiden Gabungan Dewan Perniagaan Cina Tanah Melayu menyatakan bahawa dewan itu menentang usaha pembentukan bangsa Malayan yang tidak memberikan penekanan kepada sebarang kaum (Rajah 3.1). Penekanan yang dimaksudkan ialah keistimewaan yang diberikan kepada masyarakat Melayu. Selain daripada persoalan kewarganegaraan, Dewan Perniagaan Cina juga menyatakan bantahan mereka dengan pemisahan Singapura daripada Tanah Melayu. Pertubuhan ini menganggap pemisahan Singapura sebagai tindakan ketakutan, syak-wasangka dan tidak wujudnya perpaduan antara masyarakat Melayu dan Singapura

The  
Associated Chinese Chambers of Commerce of Malaya

811/1. 47, HILL STREET,  
SINGAPORE.

October 25, 1947.

Sir,

REVISED CONSTITUTIONAL PROPOSALS  
FOR MALAYA.

I have the honour most respectfully to refer to the telegram to you dated 25th August, 1947, despatched to me on behalf of the Associated Chinese Chambers of Commerce of Malaya, expressing strong dissatisfaction with the Revised Constitutional Proposals for Malaya on their new stand, and requesting that a Royal Commission be appointed to review this question. I have also acknowledged the receipt of a letter dated 14th October, 1947, from the Ag. Chief Secretary, Malayan Union, conveying yours and the Prime Minister's reply to the said telegram.

2. So strong is this dissatisfaction that the Associated Chinese Chambers of Commerce of Malaya yielding to popular demand of its members, had no choice but to file the 811/1. October, 1947, as a day of rest and as a token of the protests by all who are not satisfied with the present Constitutional Proposals. Coincidentally other bodies such as the Malayan Democratic Union, Malayan Indian Congress, all-Malayan Council of Joint Action, Pan Malay League, Pan-Malayan Federation of Trade Unions, etc., show the same air to observe a "Day of Rest" throughout the length and breadth of Malaya from dawn to midnight on that day. Malays, Chinese, Indians, and others participated in the same, showing that the opposition to the present Proposals is neither sectional nor communal, nor the result of simply petty demands but of the upward surge of widespread desire for a new ideal of Malayan unity in which all can work together without any communal capitals. The marked quietness of the day was significant of the genuine bitterness felt by a large number of responsible people.

3. It is easier to write and dangerous for anyone to assume and to insist that Malays are suspicious and afraid of the Chinese and vice-versa. For example, to detach Singapore from what was the Straits Settlements and segregate it from the rest of Malaya is an indication of fear, suspicion and animosity. It would have been more conducive to the prosperity of the country and the happiness of its people to sponsor a policy which does not arouse intercommunal fears and suspicions but which engenders and develops in Malays, Chinese, Indians and also Europeans in Malaya the spirit of warm friendship and close co-operation, actual trust, respect and understanding thus progressively dissipating intercommunal differences if any.

4. We advocate a more realistic concept of unity in Malaya than that embodied in the present Revised Constitutional Proposals and we therefore earnestly beseech the British Parliament now in session to consider with great care, imagination and foresight, our plea for the appointment of a Royal Commission to review the present Constitutional Proposals.

I have the honour to be,

Sir,

Your obedient servant,



(Lee Keng Chian)

President,  
Singapore Chinese Chamber of Commerce

on behalf of  
The Associated Chinese Chambers of Commerce of Malaya.

The Rt. Hon'ble The Secretary of State  
for the Colonies,  
The Colonial Office,  
Downing Street,  
LONDON, S.W. 1.

RAJAH 3.1 Surat daripada Lee Kong Chian, Presiden Dewan Perniagaan Cina Singapura bagi pihak Dewan Perniagaan Cina Tanah Melayu kepada Secretary of State for the Colonies.

(CO 537/2141). Namun demikian kebimbangan Dewan Perniagaan Cina Tanah Melayu berkisar kepada dua perkara iaitu:

1. Kuasa veto yang dimiliki oleh Raja Melayu di dalam Perlembagaan Persekutuan yang akan menghalang perkembangan yang akan menyebabkan ia tidak berubah daripada bentuk asalnya.
2. Masyarakat Melayu akan menggunakan kuasa mereka untuk mengawal dasar imigrasi yang akan tidak berlaku adil kepada orang Cina dan menghalang perkembangan ekonomi Tanah Melayu.

Persidangan Dewan Perniagaan Cina Seluruh Tanah Melayu yang diadakan pada 23 Februari 1947 telah menekankan bahawa pandangan kerakyatan daripada Jawatankuasa Kerja adalah tidak demokratik dan tidak selari dengan janji kerajaan British untuk membantu perkembangan negara ini untuk perpaduan dan matlamat akhirnya untuk berkerajaan sendiri. Dewan itu juga mendakwa bahawa pandangan kerakyatan itu bersifat diskriminasi dan direkacipta untuk menyingkirkan sejumlah besar orang Cina daripada negara ini.

Persatuan Cina Seberang Laut juga menunjukkan reaksi yang sama dengan Dewan Perniagaan Cina Tanah Melayu. Persatuan ini menggesa supaya peluang kerakyatan dibuka tanpa batasan kepada semua yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat kediaman dan objek kesetiaan mereka (CO 537/2141).

Selain isu kerakyatan yang dibincangkan dengan beberapa kontroversi, isu lain yang dibincangkan adalah seperti tempoh bermastautin juga disentuh. Terdapat beberapa persatuan mencadangkan agar tempoh bermastautin disingkat daripada yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kerja. Sebagai contohnya Persekutuan Masyarakat Ceylon SeTanah Melayu mencadangkan agar tempoh bermastautin disingkatkan kepada lima tahun bagi mereka yang memohon kerakyatan.

Keperluan menguasai bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebagai suatu syarat untuk mendapatkan kerakyatan juga telah menerima tentangan. Dr. Wu Lien-teh, sebagai salah seorang individu yang mengemukakan pendapat kepada Jawatankuasa Cheeseman telah mencadangkan penghapusan syarat tersebut walaupun beliau bersetuju dengan keperluan untuk mewujudkan bahasa umum (common language) di negara ini. Dalam memorandumnya, Dr Wu Lien-

teh telah bersetuju dengan cadangan Dewan Perniagaan Cina Singapura supaya dimansuhkan syarat penguasaan bahasa Melayu atau Inggeris sebagai prasyarat untuk mendapatkan kerakyatan (CO 537/2141).

Perkembangan Jawatankuasa Cheeseman seterusnya adalah apabila laporannya dibincangkan oleh Majlis Penasihat Malayan Union pada 10 April 1947. Walaupun tiada perdebatan atau kontroversi berlaku terutamanya dalam isu kerakyatan atau hak istimewa masyarakat Melayu, semua ahli majlis itu yang berbangsa Cina menyokong kandungan laporan minoriti yang dihasilkan oleh H.S. Lee dan Leong Yew Koh (Lau 1991).

Laporan minoriti itu juga menyebabkan Pejabat Tanah Jajahan di London memutuskan untuk mengadakan semula perbincangan dengan masyarakat Melayu melalui Jawatankuasa Kerja pada 17 April 1947 (Lau 1991).

Dalam perbincangan itu, sekali lagi konsep rantaian reaksi wujud apabila perwakilan UMNO dan Raja Melayu menentang cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Cheeseman. Persoalan penting seperti syarat-syarat kewarganegaraan, komposisi kerusi dalam Dewan Perundangan dan kawalan ke atas dasar imigrasi telah dibincangkan semula. Apabila kedua-dua kumpulan iaitu masyarakat Melayu sebagai bumiputera dan masyarakat bukan Melayu yang asalnya hanya bertujuan menjadi pemastautin sementara di Tanah Melayu dirujuk, MacDonald telah mengumumkan pada 24 November 1947 bahawa:

1. Persoalan perlembagaan Tanah Melayu dianggap telah diselesaikan dan akan beroperasi dengan secepat mungkin
2. Kerajaan British tidak akan mengambil sebarang risiko untuk merosakkan keyakinan masyarakat Melayu yang telah dibentuk semua terhadap kerajaan itu (CO 537/2141)

Beliau juga menjelaskan bahawa dua prinsip itu menjadi panduan kepada kerajaannya (CO 537/2141). Dengan kenyataan itu, tuntutan yang dikemukakan oleh H.S. Lee dan Leong Yew Koh melalui laporan minoriti ditolak. Dalam masa yang sama kerajaan British telah dapat melaksanakan dasar bangsa Malayan bersatu dan kewujudan kerajaan pusat yang kuat. Dua hasrat kerajaan British ini dapat dilaksanakan apabila pada 1 Februari 1948 Persekutuan Tanah

Melayu diwujudkan untuk menggantikan Malayan Union. Walaupun negara dan perlembagaan yang baru ini menyebabkan masyarakat Melayu secara relatifnya berpuashati jika dibandingkan dengan Malayan Union, namun yang lebih penting adalah hasrat British untuk mewujudkan bangsa Malayan selepas perang tetap terlaksana. Kenyataan MacDonald pada 24 November 1947 bahawa kerajaan British tidak akan merosakkan keyakinan masyarakat Melayu terhadap kerajaan British bukanlah bermakna bahawa berlaku pengembalian semula kepada dasar pro-Melayu. Ini adalah kerana seperti yang telah dinyatakan, hasrat British tidak akan tergugat dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

### Rumusan

Kehadiran semula British ke Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua telah disertai dengan misi yang jelas akibat daripada perancangan yang dilakukan oleh Pejabat Tanah Jajahan dan Pejabat Luar di London. Implikasi daripada perancangan rapi dan komprehensif kedua-dua pejabat itu dapat dilihat dengan pelaksanaan Malayan Union sebaik sahaja selepas tamat pentadbiran tentera British. Persoalan mengenai pengembalian semula kepada dasar pro-Melayu seperti sebelum perang merupakan idea yang tidak lagi mendapat perhatian. Idea tersebut telah digantikan dengan keinginan membentuk bangsa Malayan bersatu dan turut menjadikan negara ini milik kaum bukan Melayu. Walaupun menghadapi penentangan daripada masyarakat Melayu dan pemimpin politik kaum itu, Malayan dapat diimplimentasikan. Akibat penentangan berterusan, kerajaan British di London bersetuju mengadakan beberapa pengubahsuaian. Dalam persoalan ini cadangan yang dikemukakan oleh Gent, Gabenor Malayan Union yang pada mulanya merupakan penyokong kuat pembentukan Malayan Union telah dapat mempengaruhi pihak di London untuk mengadakan beberapa pengubahsuaian. Idea beliau turut mendapat sokongan Malcolm Macdonald yang berperanan sebagai Gabenor General Malayan Union. Namun, pengubahsuaian dasar bangsa Malayan bersatu melalui pengenalan Persekutuan Tanah Melayu yang menggantikan Malayan Union pada bulan Februari 1948 bukanlah bermakna prinsip penting yang hendak diterapkan oleh kerajaan British telah dikompromikan. Prinsip penting seperti pembentukan kerakyatan umum dan pengenalan

kerajaan pusat dengan kuasa yang kuat tidak langsung terjejas. Malahan daripada suatu segi pengubahsuaian ini dilakukan dengan motif untuk meredakan penentangan masyarakat Melayu. Pembentukan Jawatankuasa Kerja dan kemudiannya Jawatankuasa Cheeseman juga tidak berupaya merubah dua prinsip penting kerajaan British itu. Pembentukan dua jawatankuasa itu lebih berperanan menonjolkan imej kerajaan British yang sentiasa mengambil kira pandangan masyarakat tempatan dalam pelaksanaan sesuatu dasar. Justeru kecuali Leong Yew Koh dan H.S. Lee melalui Jawatankuasa Cheeseman, tidak wujud bantahan serius daripada mereka yang mengganggotai kedua-dua jawatankuasa itu.

Jika dianalisis dengan lebih mendalam ternyata bahawa kerajaan British terpaksa berada dalam keadaan sukar untuk melaksanakan dasar ini. Pada peringkat ini kerajaan British terpaksa memastikan mereka tidak berhadapan dengan risiko untuk melakukan sesuatu yang dapat merosakkan keyakinan masyarakat Melayu kepada mereka (CO 537/2141). Di satu pihak yang lain mereka terpaksa memberi jaminan bahawa kepentingan masyarakat bukan Melayu dan dasar membentuk bangsa Malayan bersatu akan terjamin. Justeru Malcolm MacDonald menerangkan kepada Lee Kong Chian bahawa Raja Melayu perlu diberikan semua kuasa. Beliau juga telah meyakinkan Lee bahawa tidak akan berlaku sebarang bentuk ketidakadilan kepada masyarakat Cina atau sebarang bentuk halangan kepada pembentukan bangsa malayan dengan pemberian tersebut. Hal ini adalah kerana mengikut MacDonald, dalam peredaran masa tidak akan berlaku sebarang bentuk kebekuan perlembagaan yang dikhawatiri oleh masyarakat bukan Melayu (CO 537/2141). Pengenalan Persekutuan Tanah Melayu 1948, walaupun sering dikritik oleh masyarakat bukan Melayu kerana secara relatifnya mengetatkan syarat kerakyatan menandakan permulaan pembentukan bangsa Malayan. Tanah Melayu kini bukan milik tunggal masyarakat Melayu.

### Rujukan

- 1 Secara umumnya, istilah ini menerangkan bahawa tindakan-tindakan sesuatu komuniti terutama yang bersifat politik akan menyebabkan berlakunya reaksi daripada komuniti yang lain di Tanah Melayu yang pada kebiasaannya juga akan bersifat tindakan-tindakan politik.
- 2 CO 537/2141 136365, Surat daripada Edward Gent, Gabenor Malayan Union kepada Creech Jones, Setiausaha Negara Untuk Tanah

Jajahan, 7 April 1947. Laporan minoriti ini berfungsi khusus untuk memaparkan pendapat-pendapat dua orang wakil masyarakat Cina. Tujuannya ialah untuk menunjukkan bahawa laporan akhir Jawatankuasa Cheeseman bukanlah merupakan keputusan yang sebulat suara. Hal ini amat penting kerana H.S. Lee dan Leong Yew Koh menganggap kehadiran mereka adalah untuk mengutarakan rasa tidak puas hati masyarakat Cina kerana tidak disertakan di dalam perundingan Jawatankuasa Kerja.

- 3 Maklumat tentang cadangan ini dapat dirujuk daripada sumber CO 537/2141 136365 yang membincangkan mengenai cadangan yang dikemukakan terhadap Jawatankuasa Cheeseman oleh beberapa badan dan orang perseorangan.

## Bab 4

---

# Jawatankuasa Hubungan antara Kaum dan Pengaruhnya terhadap Dasar Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) dan Parti Perikatan

### Pendahuluan

Perbincangan di dalam bab yang lalu memperlihatkan usaha kerajaan British memulakan inisiatif ke arah pembentukan bangsa Melayan bersatu melalui Kerakyatan Persekutuan dengan terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu pada 1948. Kerajaan British menganggap perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai;

... suatu tahap evolusi proses politik di Tanah Melayu yang membawa kepada matlamat akhir iaitu berkerajaan sendiri (CO 537/2147).

Kerajaan British sememangnya menyedari bahawa keinginan berkerajaan sendiri di Tanah Melayu adalah aliran yang tidak dapat dipatahkan lagi.<sup>1</sup> Malahan mukaddimah kepada perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menzahirkan hasrat kerajaan British dan Raja Melayu supaya wujud kemajuan yang akhirnya membawa kepada berkerajaan sendiri. Antara kandungan Kertas Kabinet kerajaan British pada bulan Ogos 1950 adalah seperti berikut:

Dengan berakhirnya perang, dasar Kerajaan Baginda di Asia Selatan dan Asia Tenggara adalah untuk menggalakkan aspirasi rakyat yang sah untuk kemerdekaan.

Idea pemberian kemerdekaan ini boleh dikaitkan dengan fenomena proses nyahkolonisasi yang mula wujud dalam pemikiran imperialisme British pada penghujung tahun 1940-an (Stockwell 1948). Dengan merujuk kepada peristiwa berkaitan dengan pencapaian kemerdekaan Indonesia, Burma dan Filipina, pegawai



British menyedari bahawa sebarang percubaan untuk membasmi corak dan aliran pemikiran tersebut di Tanah Melayu hanya akan meningkatkan lagi tekanan. Ia akan meningkatkan peluang negara ini berada di bawah penguasaan golongan ekstrim.<sup>2</sup> Kerajaan British menyedari bahawa pembentukan Kerakyatan Persekutuan sahaja belum memadai untuk mewujudkan bangsa Malayan bersatu dan seterusnya menamatkan masalah perkauman di Tanah Melayu antara masyarakat Melayu dan bukan Melayu. Dengan pemberian kewarganegaraan yang lebih liberal, terdapat risiko bahawa tindakan kerajaan British itu akan menjadi penyebab kepada perpaduan sesama kaum sahaja. Perkara ini menyebabkan berlakunya rantaian reaksi dalam hubungan antara kaum. Hal ini telah disentuh oleh K.J. Ratnam yang menjelaskan:

... sementara peraturan kewarganegaraan yang lebih liberal akan mewujudkan bangsa Malayan yang lebih besar dengan kesetiaan difokuskan kepada Persekutuan Tanah Melayu dan bukannya kepada India atau China, kewujudan komuniti yang sedemikian tidak semestinya akan mewujudkan aliranyang sama terhadap politik bukan perkauman di negara ini (Ratnam 1967).

Justeru kerajaan British mahukan rakyat negara ini sendiri memainkan peranan penting dalam menyetujui dan menggerakkan bangsa Malayan. Perkara ini secara nyata dinyatakan oleh Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan, Oliver Lyttelton dalam lawatannya ke Tanah Melayu pada bulan Disember 1951. Menurutya:

Ideal untuk dicapai oleh semua komuniti di Tanah Melayu adalah bangsa Malayan bersatu (CO 1022/81)

Mesej tersirat yang terkandung dalam ucapan Lyttelton itu adalah jelas iaitu kemerdekaan dan taraf berkerajaan sendiri akan hanya diberi oleh kerajaan British apabila bangsa Malayan yang bersatu dapat diwujudkan. Idea yang turut penting dalam ucapan itu adalah gesaan penerimaan lebih ramai masyarakat bukan Melayu sebagai warganegara. Namun demikian dua keadaan yang dituntut oleh kerajaan British pada peringkat itu belum lagi wujud sepenuhnya. Hubungan antara kaum terutamanya antara masyarakat Melayu-Cina tidak berada keadaan yang baik. Hal ini adalah kerana pada 1948

Darurat telah diisytiharkan. Peristiwa Darurat seringkali dikaitkan dengan hakikat bahawa peratusan besar dalam pasukan tentera tempatan dipenuhi oleh masyarakat Melayu dan majoriti pegganas komunis terdiri masyarakat Cina.

Satu lagi halangan kepada pembentukan bangsa Malayan bersatu, terutamanya mengikut pandangan pemimpin politik masyarakat bukan Melayu adalah syarat-syarat kewarganegaraan yang ketat akibat pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Menurut Tan Cheng Lock, perlembagaan persekutuan itu telah menyebabkan wujudnya jurang yang luas antara masyarakat (Surat Leong SP 3/A/173). Perlembagaan itu juga didakwa menyebabkan berlakunya diskriminasi dan ketidakpercayaan terhadap masyarakat Cina dan kaum bukan Melayu yang lain di negara ini yang dianggap sebagai kumpulan yang tidak diperlukan. Tan Cheng Lock juga menganggap perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah mendorong pembentukan dua kumpulan yang bermusuhan iaitu Melayu dan bukan Melayu serta didorong oleh prinsip "pecah dan perintah" (Surat Leong SP 3/3/173). Keadaan perpaduan sesama kaum adalah suatu potensi yang besar dan mempunyai asas kukuh untuk berlaku terutama dengan berlatarbelakangkan peristiwa Darurat. Sehubungan ini, perpaduan sesama kaum tentulah merupakan halangan kepada pembentukan bangsa Malayan bersatu.

### Idea Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

Kenyataan Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan berkaitan keperluan membina bangsa Malayan bersatu dibuat pada 1951. Namun demikian, sejak November 1948 kerajaan British melalui Malcolm MacDonald telah bergerak melaksanakan hasrat Lyttelton iaitu dengan melibatkan masyarakat tempatan dalam mewujudkan dasar bangsa Malayan bersatu. Secara umum kerajaan British mahukan pemimpin tempatan sendiri terlibat dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar tersebut. Penglibatan pemimpin tempatan memberi gambaran bahawa seperti pembentukan Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Cheeseman, Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum juga melibatkan golongan tersebut. Kehadiran pemimpin masyarakat Melayu amat penting kepada kerajaan British kerana ia menggambarakan persetujuan masyarakat Melayu terhadap dasar yang cuba diterapkan oleh kerajaan British.

Untuk tujuan di atas, MacDonald telah mengadakan perbincangan peribadi dengan pemimpin Melayu dan Cina sejak beliau kembali semula ke Tanah Melayu pada bulan November 1948. Antara tempat perjumpaan tersebut adalah di rumah Dato Onn dan di sebuah kelab di Pulau Pinang yang dihadiri oleh kaunselor Pulau Pinang berbangsa Cina.<sup>11</sup> Dalam pertemuan itu, persoalan ekonomi dan politik yang melibatkan masyarakat Melayu dan Cina dibincangkan dengan harapan suatu persetujuan umum tentang dua perkara yang begitu meruncing dalam hubungan antara dua kaum itu dapat dicapai. Dalam perjumpaan pemimpin Melayu dan Cina dari Tanah Melayu dan Singapura pada 9 Januari 1949, terbentuk Jawatankuasa Muhibbah Melayu-Cina (CO 717/183). Nama jawatankuasa itu kemudiannya ditukarkan kepada Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum dengan tujuan meluaskan ruang lingkup jawatankuasa itu walaupun tidak dapat dinafikan bahawa tumpuan utama masih lagi kepada hubungan dua kaum terbesar di Tanah Melayu. E.E.C. Thuraisingham telah dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa itu di atas alasan bahawa beliau adalah seorang yang "berkecuali" di dalam menghadapi reaksi wakil Melayu dan Cina.

Cogan kata yang dipilih untuk jawatankuasa ini ialah "Persamaan dan keadilan untuk semua orang di Tanah Melayu." Terdapat tiga objektif penting yang mendasari pembentukan jawatankuasa ini iaitu:

1. Untuk mengkaji hubungan antara kaum secara mendalam
2. Untuk membetulkan keadaan ekonomi, politik dan sosial supaya wujud pembahagian yang adil untuk semua komuniti di dalam negara ini
3. Untuk mewujudkan keadaan harmoni dan muhibbah di kalangan semua penduduk tetap di negara ini (Surat Leong SP 3/A/177).

Dua tumpuan utama perbincangan untuk ahli jawatankuasa ini adalah bahawa kedudukan ekonomi masyarakat Melayu dengan memberikan tumpuan kepada jenis bantuan yang boleh diberikan oleh masyarakat Cina terhadap:

1. Pengambilan yang lebih untuk orang Melayu di dalam bidang industri.

2. Penggunaan orang Melayu dalam jawatan penting dalam urusan perniagaan.

Tumpuan kedua pula adalah hubungan politik Melayu-bukan Melayu dengan memberikan pertimbangan kepada pengenalan orang bukan Melayu dalam perkhidmatan pentadbiran dan kelayakan memperoleh Kerakyatan Persekutuan (CO 717/183).

Secara khusus terdapat lima agenda yang menjadi persoalan perbincangan sepanjang perjalanan jawatankuasa tersebut iaitu:

1. Wajarkah matlamat mutakhir semua komuniti ialah pembentukan bangsa Malayan bersatu (United Malayan Nation)?
2. Apakah yang dimaksudkan dengan "kedudukan istimewa" orang Melayu?
3. Wajarkah semua warganegara Persekutuan, tanpa mengira bangsa, mempunyai persamaan status, peluang dan keutamaan?
4. Apakah kriteria yang wajar dijadikan kelayakan untuk terbentuknya bangsa Malayan?
  - (i) kesetiaan kepada Tanah Melayu?
  - (ii) kelahiran, tempoh bermastautin atau ujian yang lain?
5. Apakah yang perlu dilakukan oleh persatuan komuniti Malaya untuk mencapai matlamat bersama mereka? (CO 717/183)

Merujuk kepada lima agenda yang ditetapkan terhadap ahli jawatankuasa itu, nyata mereka tidak mempunyai banyak pilihan selain menerima asas dasar bangsa Malayan bersatu. Sehubungan dengan itu, kehadiran MacDonald dalam semua perjumpaan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum dapat memastikan semua keputusan yang diambil tidak akan menyimpang daripada batasan yang diizinkan oleh dasar kerajaan British (Khong 1984).

Sehubungan dengan lima agenda atau persoalan penting yang perlu dihadapi oleh ahli jawatankuasa itu, MacDonald mengeluarkan kenyataan yang boleh mempengaruhi keputusan yang bakal dicapai oleh jawatankuasa itu. MacDonald mengharapkan agar jawatankuasa itu bersetuju dengan persoalan-persoalan yang dikemukakan kerana menurutnya "persoalan politik dan yang lain akan menjadi lebih komplikated sehingga menyebabkan penyelesaian sukar untuk dicapai" (Surat Leong SP 3/A/173).

Anggota Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum mengikut etnik adalah enam orang untuk masyarakat Melayu, enam orang untuk masyarakat Cina, seorang wakil untuk setiap masyarakat Ceylon, Eropah, India dan Serani. Antara ahli jawatankuasa asal itu adalah seperti berikut:

**Wakil Melayu:**

Dato Onn Jaafar  
Haji Muhammad Eusoff  
Zainal Abidin  
Mohd Salleh Hakim  
Dato Wahab  
Dr Mustafa

**Wakil Cina:**

Khoo Teck Ei  
Tan Cheng Lock  
Leong Yew Koh  
Toh Eng Hoe  
Dr Ong Huck Chye

**Wakil Eropah:**

Ronald Bradell

**Wakil Ceylon:**

E.E.C. Thuraisingham

**Wakil Serani:**

Dr. J.S. Goonting

**Wakil India:**

L.R. Doraisamy Iyer (*Straits Budget* 1949)

Perkembangan yang paling penting dan memberangsangkan untuk kerajaan British dalam membentuk bangsa Malayan bersatu adalah apabila Jawatankuasa Hubungan Kaum mengeluarkan suatu kenyataan mengenai Lima Pandangan Yang Dipersetujui selepas sesi pertemuan di Johor Bharu yang berlangsung pada 14, 15 dan 16 September 1949. Lima Pandangan Yang Dipersetujui itu adalah:

1. Matlamat Persekutuan Tanah Melayu adalah berkerajaan sendiri dan negara yang berdaulat, dengan bangsa Malayan untuk warganegaranya.
2. Sebagai langkah pertama untuk mencapai matlamat di atas, persiapan perlu dilakukan untuk memperkenalkan pilihanraya di berbagai peringkat perundangan dalam Persekutuan, secepat mungkin dan bergantung kepada keadaan tempatan.
3. Supaya pengalaman pilihanraya diperoleh secara berperingkat dan bersifat progresif, perlu diadakan di kawasan perbandaran dan kemudiannya untuk negeri dan Negeri Selat apabila bersedia. Seterusnya ia perlu diperkenalkan untuk Majlis Perundangan Persekutuan. Oleh kerana persiapan untuk Undang-Undang Pilihanraya Untuk Majlis Perundangan Persekutuan akan mengambil masa yang lama, perundangan yang wujud kini perlulah memberikan pertimbangan untuk perkara tersebut.
4. Kelayakan dalam pilihanraya perlu didasari Kerakyatan Persekutuan walaupun keputusan akhir mengenai perkara ini bergantung kepada pihak lain dan bergantung kepada keadaan tempatan.
5. Bahasa Melayu dan Inggeris perlu diajar sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan (CO 717/183).

Pandangan yang dipersetujui terutama yang pertama membawa implikasi yang amat meluas dan merupakan penyataan yang amat diharapkan oleh kerajaan British. Seperti yang diharapkan, pemimpin masyarakat tempatan bukan sahaja berhasrat untuk meluaskan Kerakyatan Persekutuan tetapi pada masa yang sama mencadangkan agar taraf kerakyatan itu ditukarkan kepada suatu bangsa tunggal iaitu bangsa Malaya.

Bangsa dalam pengertian bahasa Melayu boleh ditakrifkan sebagai suatu rupa bangsa yang warganegaranya mempunyai pegangan dan komitmen kepada konsep politik-budaya yang sama terhadap bangsa Malayan (Funston 1980).

Cadangan pemberian taraf bangsa kepada semua warganegara Persekutuan Tanah Melayu ini dapat disusurgalurkan daripada idea Tan Cheng Lock yang dikemukakan dalam perjumpaan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum di Pulau Pinang pada 29, 30 dan 31 Disember 1949. Dalam perbahasan mengenai pemberian Kerakyatan

Persekutuan kepada masyarakat bukan Melayu, Tan Cheng Lock mencadangkan agar masyarakat bukan Melayu diterima menjadi Rakyat Raja. Dengan memiliki taraf sedemikian, mereka akan secara automatik menerima Kerakyatan Persekutuan. Hujah beliau adalah seperti berikut:

... rakan Melayu kita berpendapat bahawa sekiranya orang Cina bersikap jujur dan memberikan kesetiaan kepada negara ini ... orang Cina mesti membuktikan kejujuran mereka dengan sanggup juga menjadi rakyat kepada Raja Melayu

Dengan cara inilah sahaja apabila orang Cina rela menjadi rakyat Raja Melayu seperti yang tertera melalui syarat Rang Undang-Undang Bangsa Johor 1949 melalui cadangan Dato Onn, barulah prinsip *jus soli* boleh terpakai kepada mereka.

Cadangan Tan Cheng Lock telah diterima oleh ahli Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum dengan sebulat suara iaitu prinsip kerakyatan *jus soli* perlu diperkenalkan dengan secepat mungkin di setiap negeri Melayu supaya semua orang yang berketurunan Asia atau Eurasian yang dilahirkan di negeri tersebut menjadi Rakyat Raja dan dengan yang demikian membolehkan mereka menjadi Rakyat Persekutuan pada masa yang sama (Surat Tan SP 13/A/19).

Di samping mengemukakan cadangan konsep bangsa untuk kali pertama, Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum juga telah mengemukakan beberapa cadangan berkaitan dengan kerakyatan. Ahli jawatankuasa ini termasuk wakil Melayu bersetuju bahawa peruntukan kerakyatan dalam Perlembagaan 1948 memerlukan penelitian semula supaya akan dapat menerima yang pada masa itu tidak menerima kerakyatan negara ini. Antara kesimpulan belum muktamad yang mereka capai adalah seperti berikut:

1. Perlu ada dua jenis kewarganegaraan iaitu melalui undang-undang dan melalui pendaftaran
2. Ujian untuk kewarganegaraan melalui undang-undang mestilah ujian yang mudah. Sesiapa yang dilahirkan di Persekutuan layak menerima Kerakyatan Persekutuan
3. Kerakyatan melalui pendaftaran boleh dipohon oleh sesiapa sahaja dengan 15 tahun bermastautin dalam Persekutuan. Me-

reka mestilah mempunyai watak yang baik, mereka mesti mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai sama ada bahasa Melayu atau Inggeris dan perlu membuat pengisytiharan kesetiaan terhadap Persekutuan.

Di samping itu, Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum juga mengemukakan beberapa prinsip umum dalam menentukan kelayakan untuk menerima Kerakyatan Persekutuan iaitu:

1. Hanya mereka yang memberikan kesetiaan kepada Tanah Melayu dan menganggap Tanah Melayu sebagai tempat kediaman mereka yang kekal sahaja yang layak menerima kerakyatan
2. Konsep "kesetiaan yang tidak berbelah bagi" perlu dijadikan panduan dalam menimbangkan permohonan seseorang (CO 717/183).

Kelonggaran syarat dan kekaburan konsep seperti "kesetiaan yang tidak berbelah bagi" yang dicadangkan oleh jawatankuasa tersebut dalam pemberian Kerakyatan Persekutuan boleh difahami jika dirujuk kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum iaitu:

Yang ingin kami lakukan adalah untuk membawa orang yang akan membentuk bangsa Malayan ke dalam kelompok Kerakyatan Persekutuan, dan semakin ramai mereka ini, semakin baik (CO 717/183).

Pernyataan bahawa ahli jawatankuasa ini mengharapkan pembentukan bangsa Malayan dengan jumlah yang seramai mungkin dapat disusurgalurkan daripada pendirian ahli berbangsa Melayu terutamanya Dato Onn bahawa mereka dan masyarakat Melayu dapat menerima hakikat bahawa terdapat ramai orang bukan Melayu yang kesetiaan mereka adalah sepenuhnya kepada negara ini dan bukan kepada negara lain (Surat Leong SP 3/A/173). Pendirian sebegini tentulah memudahkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum mematuhi agenda dan garis panduan yang ditetapkan kepada mereka dan pada masa yang sama mematuhi kehendak MacDonal.

Dalam perbincangan mengenai kedudukan orang Melayu dalam negara ini, Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum bersetuju dengan sebulat suara bahawa mereka wajar mempunyai kedudukan



istimewa. Hakikat ini adalah kerana Tanah Melayu adalah satu-satunya "rumah" untuk masyarakat Melayu. Raja Melayu juga diiktiraf di peringkat antarabangsa. Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum menegaskan bahawa kedudukan istimewa orang Melayu perlu dijaga supaya mereka tidak didominasi secara politik. Dalam persoalan hak istimewa masyarakat Melayu, dua orang individu yang paling menonjolkan prinsip tersebut adalah Dato Onn dan MacDonald. Menurut MacDonald, tuntutan hak istimewa masyarakat Melayu adalah didasarkan kepada hakikat bahawa mereka merupakan kumpulan pertama yang tiba dan menetap di negara ini sebelum kedatangan kaum lain. Sembilan orang Raja Melayu pula telah diiktiraf sebagai raja yang berdaulat. Selain daripada alasan itu, beliau menegaskan bahawa masyarakat Melayu hanya mempunyai negara ini sahaja sebagai kediaman mereka berbanding dengan imigran yang masih mempunyai negara asal. Dato Onn pula menegaskan bahawa tuntutan hak istimewa masyarakat Melayu tidak boleh didasarkan kepada jumlah lamanya mereka bermastautin di negara ini seperti yang diutarakan oleh MacDonald. Tegas beliau, Tanah Melayu sememangnya milik masyarakat Melayu secara *de facto* dan *de jure* (Surat Leong SP 3/A/173).<sup>2</sup>

Namun dalam kenyataan yang sama Jawatan Kuasa Hubungan Antara Kaum secara tidak langsung menjelaskan bahawa prinsip hak istimewa masyarakat Melayu itu tidak boleh mengatasi kepentingan membentuk sebuah masyarakat yang adil dan saksama. Ini kerana semua Rakyat Persekutuan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum untuk menerima taraf bangsa Malayan akan menikmati status, keutamaan dan peluang yang sama di dalam Persekutuan tanpa mengira bangsa mereka.

Dalam merasionalkan cadangan persamaan peluang antara kaum dan pemberian kerakyatan dengan cara yang longgar, Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum telah mengeluarkan satu kenyataan iaitu:

Adalah begitu meragukan bahawa orang Cina di Negeri Melayu mempunyai pemikiran politik. Pengalaman di Singapura menunjukkan bahawa pembinaan institusi demokratik dan penerapan pemikiran demokratik akan merupakan suatu proses yang lambat. Justeru orang Melayu tidak perlu mempunyai kekhuatiran dari segi politik dan sekiranya dengan peredaran waktu, orang Cina akan mempunyai pemikiran Malaya, kekhuatiran itu akan semakin berkurangan (CO 717/183).

Cadangan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum mengenai pembentukan bangsa adalah sesuatu yang bersifat radikal dan belum pernah dilaksanakan oleh kerajaan British. Malahan di dalam Perjanjian Persekutuan 1948 telah dinyatakan bahawa Kerakyatan Persekutuan bukanlah suatu bangsa dan tidak boleh dikembangkan menjadi bangsa (Sinnadurai 1990).

Seperti yang dijangkakan, cadangan bangsa tunggal untuk semua Rakyat Persekutuan diterima dengan baik oleh kerajaan British. Menurut Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan di Britain, kenyataan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum tidaklah membentuk konsep baru tetapi ia adalah penerimaan asas dasar Kerajaan British di Tanah Melayu yang mula dirangka pada 1946 dan seperti yang terkandung dalam *Perlembagaan Persekutuan 1948*.<sup>31</sup>

MacDonald telah menilai kelebihan dan kepentingan konsep bangsa. Menurutnyanya:

Perbincangan tentang bangsa mencerminkan hasrat yang begitu dihargai untuk sesuatu yang lebih penting daripada pengertian "warganegara" itu sendiri (CO 717/183)

MacDonald juga beranggapan bahawa kenyataan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum membayangkan bahawa pemimpin yang terlibat dapat mengatasi banyak masalah yang membelengui kerajaan British selama empat tahun yang lalu (CO 717/183).

### Undang-Undang Perjanjian Persekutuan (Pindaan) 1952

Walaupun cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum amat bersesuaian dengan dasar Kerajaan British, namun syarat kewarganegaraan yang terdapat di dalam Perjanjian Persekutuan 1948 masih merupakan penghalang kepada dasar kewarganegaraan liberal dan longgar kepada kaum bukan Melayu. Hakikat ini adalah kerana melalui Perlembagaan Persekutuan 1948, seramai 2 294 000 orang Melayu telah secara automatik diterima sebagai Rakyat Persekutuan. Namun demikian hanya 320 000 daripada 2 011 000 orang bukan Melayu diterima sebagai warganegara. Perangkaan ini menyebabkan masyarakat bukan Melayu tidak berpuas hati terhadap Perlembagaan Persekutuan. Justeru kerajaan

British memperkenalkan *Undang-Undang Perjanjian Persekutuan (Pindaan) pada 1952 (CO 1022/174)*.

Undang-undang ini seperti yang telah dinyatakan, boleh dijejaki daripada idea Tan Cheng Lock yang mencadangkan agar masyarakat bukan Melayu diterima sebagai Rakyat Raja. Penerimaan taraf ini akan merintis jalan untuk masyarakat bukan Melayu menjadi Rakyat Persekutuan secara automatik. Undang-undang baru ini memperkenalkan kerakyatan negeri. Berikut adalah mereka yang layak menerima kerakyatan negeri;

1. Sesiapa sahaja yang menjadi anggota mana-mana suku kaum masyarakat Asli di negara ini dan menetap di negara ini.
2. Sesiapa sahaja orang Melayu yang dilahirkan di negeri itu.
3. Sesiapa sahaja yang dilahirkan di negeri itu dan salah seorang daripada ibu bapanya telah dilahirkan dalam Persekutuan.
4. Sesiapa sahaja yang bukan warga negara Great Britain atau jajahannya, yang dilahirkan di negeri itu dan yang sudah menjadi warga negara Persekutuan mengikut syarat *Perjanjian Persekutuan 1948*.
5. Sesiapa sahaja yang dilahirkan di mana sahaja tetapi ayahnya sama ada dilahirkan di negeri itu atau telah menjadi Rakyat Raja (CO 1022/174).

Kerakyatan Negeri juga boleh diperoleh secara pendaftaran sekiranya dia dapat:

1. Meyakinkan Raja bahawa dia boleh bertutur dalam bahasa Melayu atau Inggeris dengan kefasihan yang baik.
2. Meyakinkan Raja bahawa dia mempunyai watak yang baik.
3. Telah mengangkat sumpah kesetiaan (CO 1022/174).

Selaras dengan pengenalan Kerakyatan Negeri, syarat untuk menjadi Rakyat Persekutuan adalah seperti yang berikut:

1. Rakyat Raja mana-mana juga negeri.
2. Warganegara British dan tanah jajahannya yang dilahirkan di Negeri Selat.
3. Warganegara Persekutuan dan tanah jajahannya yang dilahir-

- kan di Persekutuan dan salah seorang daripada ibu bapanya juga dilahirkan di Persekutuan.
4. Warganegara British dan tanah jajahannya di mana juga dilahirkan
    - (i) jika dia dilahirkan sebelum rang undang-undang ini dikuatkuasakan dan ayahnya dilahirkan di mana-mana juga tempat di Negeri Selat dan pada waktu kelahiran orang itu, ayahnya telah melengkapkan tempoh 15 tahun bermastautin di Persekutuan Tanah Melayu
    - (ii) jika dia dilahirkan pada atau selepas hari rang undang-undang ini dikuatkuasakan dan ayahnya sendiri warga negara Persekutuan
  5. Seseorang yang secara naturalisasi menjadi warga negara British menurut Undang-Undang Persekutuan 1948, yang telah tinggal di Negeri Selat selama 10 daripada 12 tahun secara tetap sebelum membuat permohonan (Ramlah 1993).

Pengenalan kepada *Undang-Undang Persekutuan (Pindaan) 1952* wajar dilihat sebagai suatu manifestasi dasar bangsa Malayan bersatu dan penerusan kepada cadangan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum. Di dalam mengutarakan kepentingan cadangan ini dalam pembinaan bangsa Malayan bersatu, kerajaan British telah menyatakan bahawa:

... perundangan baru ini secara keseluruhannya tidaklah seliberal seperti yang diharapkan (seperti cadangan Malayan Union), namun ia mewakili satu langkah penting ke hadapan dan merupakan pencapaian penting antara pandangan yang berbeza (CO 1022/174).

Bukan sahaja undang-undang ini merupakan "kompromi antara pandangan yang berbeza" tetapi sebaliknya merupakan perluasan terhadap pemberian Kerakyatan Persekutuan khusus untuk masyarakat bukan Melayu. Kesan pemberian kerakyatan yang longgar semula ini dapat dilihat apabila 55 peratus penduduk Cina diterima menjadi warganegara selepas perlembagaan persekutuan dipinda pada Mei 1952.<sup>3</sup> Kerajaan British juga telah menganggarkan seramai 250 000 orang bukan Melayu yang dilahirkan di Negeri Melayu akan menerima Kerakyatan Persekutuan khususnya untuk generasi yang kedua. Dijangkakan juga berlaku pertambahan di dalam angka-

angka orang bukan Melayu yang mendapat kerakyatan menerusi cara kuat kuasa undang-undang dan dengan cara permohonan (CO 1022/174).

## Pengaruh Idea Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum Terhadap Penubuhan IMP

Idea yang diutarakan oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum tidaklah berakhir begitu sahaja. Terdapat dua buah parti politik yang sama ada secara langsung ataupun tidak langsung telah cuba untuk menerapkan idea tersebut ke dalam dasar parti masing-masing. Perkaitan secara langsung dapat dilihat antara idea jawatankuasa tersebut dan parti yang dipimpin oleh Dato Onn iaitu Parti Malaya Merdeka (IMP). Perkaitan secara tidak langsung pula dapat dilihat daripada dua buah parti yang berasaskan kaum iaitu UMNO dan MCA apabila kedua-dua parti itu mengadakan perikatan untuk menghadapi pilihanraya bandaran Kuala Lumpur. Walaupun terdapat beberapa perbezaan, kedua-duanya, iaitu IMP dan perikatan UMNO-MCA, secara umum mula menyesuaikan dasar parti masing-masing supaya bersesuaian dengan dasar bangsa Malayan bersatu.

Daripada beberapa segi, penubuhan IMP adalah akibat langsung daripada perbincangan dan hasrat Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum. Walaupun jawatankuasa itu semakin "pudar" pada 1950, ideanya telah muncul kembali dalam bentuk IMP. Hubungan kait antara Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum dengan IMP boleh dilihat daripada hakikat bahawa hampir semua ahli jawatankuasa itu (kecuali S.B. Palmer) bertanggungjawab dalam pembentukan parti baru itu yang terbentuk pada 16 September 1951 (Khong 1984).

Menurut MacDonald idea "Malaya" Dato Onn dapat dikesan sejak penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Sebelum itu beliau sering bercakap di atas platform pemimpin Melayu dan mempunyai sudut pandang yang bersifat kemelayuan. Tetapi apabila terbentuknya Persekutuan dengan kedudukan masyarakat Melayu menjadi lebih terjamin, beliau telah menjadi "pemimpin Malaya". Wawasannya semakin meluas dan tuturkatanya menzahirkan kepentingan idea Malaya pada keseluruhan, sama ada masyarakat pendatang atau orang Melayu.

Dato Onn juga dikatakan berjanji secara rahsia dan secara umum untuk mengadakan kerjasama antara orang Melayu dan Cina. Pada

tahap ini kerajaan British beranggapan tidak ada pemimpin Melayu ataupun bukan Melayu di dalam Persekutuan yang mempunyai kewibawaan dan hikmah pemikiran yang luas seperti Dato Onn (CO 537/3756).

Asas pemikiran Malaya dalam diri Dato Onn yang bermula dengan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu telah diperkukuhkan dengan siri perundingan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum. Jawatankuasa ini telah memberi peluang kepada Dato Onn untuk berinteraksi dan memahami pemikiran pemimpin bukan Melayu dalam membentuk masa depan Tanah Melayu. Pada 25 dan 26 Ogos 1951 dalam Persidangan Agung Tahunan UMNO, Dato Onn dalam ucapan terakhirnya sebagai presiden parti itu telah amaran kepada orang Melayu bahawa era pemilikan keistimewaan telah berakhir dan mereka tidak boleh mengelirukan pemikiran mereka untuk mempercayai bahawa kemerdekaan boleh dicapai oleh satu kaum atau kumpulan sahaja.

Sebelum itu, pada Ogos 1949, iaitu semasa siri Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum berlangsung, Dato Onn telah menyentuh tentang keperluan memberi taraf kebangsaan atau kerakyatan kepada orang bukan Melayu dalam Perhimpunan Agung UMNO. Menurutnya:

Kita mesti menerima mereka yang sanggup memberikan segala-galanya kepada negara ini dengan taraf kebangsaan. Mereka ini perlu diberikan pertimbangan sekiranya kita bercita-cita untuk mencapai kemerdekaan (CO 717/182).

Usaha Dato Onn untuk membuka parti UMNO kepada masyarakat bukan Melayu bermula pada bulan Mei 1949 dengan menerima mereka sebagai ahli bersekutu yang terbukti menerima bantahan kuat dengan undi 14-8 dalam Perhimpunan Agung UMNO Mei 1949. Namun demikian cadangan beliau untuk membuka UMNO sepenuhnya kepada orang bukan Melayu jelas tidak akan diterima oleh parti itu. Pada 18 Jun, Dato Onn mengumumkan bahawa beliau akan berundur daripada UMNO dan akan menubuhkan parti yang baru (Funston 1980). Selain menerapkan idea Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum, terdapat beberapa pendapat yang berbeza tentang faktor yang menyebabkan Dato Onn cuba menjadikan UMNO sebagai parti berbilang kaum. Antaranya adalah seperti yang diutarakan oleh

Zainal Abidin Abdul Wahid yang menganggap kebimbangan terhadap Parti Progresif, sebuah parti bukan perkauman di Singapura yang akan meembangkan pengaruhnya di Tanah Melayu menyebabkan Dato Onn terpaksa merubah UMNO. Dato Onn percaya Parti Progresif tidak wajar dibiarkan mengambil inisiatif membentuk parti berbilang kaum di Tanah Melayu (Zainal Abidin 1970).

Ishak Tadin pula beranggapan bahawa perkembangan MCA menyebabkan kekhuatiran Dato Onn bahawa beliau akan menjadi cukup kuat untuk menjadi saingan UMNO. Justeru tujuan Dato Onn membuka UMNO kepada semua kaum adalah untuk menjauhkan orang Cina daripada MCA dan menjadikan UMNO yang baru ini sebagai organisasi kebangsaan yang mewakili semua kumpulan kaum.

Khong Kim Hoong pula menyatakan bahawa pengalaman menjadi penyebab Dato Onn berbuat demikian. Dato Onn sedar bahawa situasi politik 1951 menghadapi masalah ancaman komunis yang penyelesaiannya masih belum diperolehi, memerlukan kerjasama masyarakat Cina. Justeru kerajaan British mula berfikir dalam kerangka kumpulan berbagai kaum untuk kestabilan politik dan tidak lagi berurusan dengan organisasi yang berasaskan satu kaum, khususnya UMNO seperti yang dilakukan oleh kerajaan British pada 1946-1947 (Khong 1984).

Biar apapun perbezaan pendapat mengenai motif penubuhan IMP, namun yang jelas adalah bahawa kerajaan British sememangnya mengharapakan akan muncul parti politik yang selaras dasar dan perjalanannya dengan dasar bangsa Malayan bersatu. Sehubungan dengan pembentukan parti politik berbilang kaum, Sir Henry Gurney semasa menjadi Pesuruhjaya Tinggi British pernah menyatakan:

... selama ini saya tidak pernah merahsiakan hakikat bahawa parti bersatu (iaitu parti berbilang kaum) bergerak dalam arah yang betul, menjauhi politik perkauman (Stockwell 1948).

Walaupun menyokong penubuhan IMP, kerajaan British tidak menunjukkan sokongan secara terbuka kepada parti itu. Sebaliknya sebarang sokongan itu perlu diberikan dengan penuh kerahsiaan daripada pengetahuan umum bahawa kerajaan British menaja sebuah pergerakan bagi mencapai kemerdekaan (Foreign Service Despatch 1951). Ini adalah kerana dengan diketahui oleh orang ra-

mai, sesebuah parti atau organisasi itu akan kehilangan pengaruh memandangkan tahun 1950-an memperlihatkan munculnya keinginan dan keyakinan terhadap usaha kemerdekaan. Parti yang dilihat sebagai disokong oleh kerajaan ataupun hasil daripada dasar kerajaan British dijangkakan tidak akan mendapat sokongan rakyat.

Hubung kait di antara Henry Gurney dan IMP telah disentuh oleh akhbar *Singapore Standard* 19 Jun 1951. Menurut akhbar itu;

Pemikiran Henry Gurney ... memahami cadangan Parti Malaya Merdeka yang bersifat bukan perkauman. Rancangan ini (penubuhan IMP) mencerminkan konsepsi Pesuruhjaya Tinggi sendiri tentang cara Tanah Melayu perlu ditadbir daripada permusuhan-permusuhan kaum kepada negara yang bersifat *supra* komunal (Foreign Service 1951).

S.G. Ramachandran, Agen Kerajaan India di Kuala Lumpur mendakwa bahawa sehari selepas kenyataan tentang penubuhan IMP oleh Dato Onn pada 6 Jun 1951, MacDonald telah berada di Kuala Lumpur dan mengadakan pertemuan dengan Dato Onn selama enam jam. Kehadiran MacDonald di Kuala Lumpur yang telah disahkan oleh sumber kerajaan membayangkan besar kemungkinannya persoalan penubuhan IMP telah dibincangkan dengan mendalam. Pada 12 Jun selepas mengadakan perbincangan dengan pegawai British, Dato Onn mengumumkan bahawa ia pasti akan menubuhkan IMP. Kenyataan ini oleh Dato Onn daripada suatu segi merupakan sesuatu yang bercanggahan daripada cadangan asalnya bahawa ia akan hanya menubuhkan parti yang baru sekiranya ia tidak dapat mencapai cita-citanya menerusi jentera UMNO (Foreign Service 1951). Selain mendapatkan kerjasama dan persetujuan daripada para pentadbir kerajaan British, Dato Onn juga dikatakan mendapat persetujuan daripada Tan Cheng Lock untuk kerjasama daripada masyarakat Cina (Ramlah 1987). Pada peringkat ini, keyakinan Dato Onn dalam memperjuangkan bangsa Malayan bersatu berada pada tahap yang tinggi. Ini adalah kerana dua komponen penting dalam menjelmakan dasar tersebut, iaitu persetujuan dan restu kerajaan British serta sokongan terbuka Tan Cheng Lock telah diterima. Sokongan kerajaan British dan janji Tan Cheng Lock membawa maksud pengiktirafan daripada kerajaan walaupun tidak dinyatakan secara rasmi dan persetujuan daripada organisasi yang mewakili masyarakat Cina yang merupakan kumpulan etnik kedua terbesar di Tanah Melayu. Perse-



tujuan komponen inilah yang menjadi latar belakang sosiopolitik penubuhan IMP pada 16 September 1951 bertempat di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Matlamat parti baru ini adalah seperti berikut:

1. Pembentukan kerajaan dan negara merdeka dalam lingkungan Komanwel, berasaskan keadilan, persamaan dan demokrasi, dan penyingkiran fahaman perkauman dan prejudis kelas supaya kemajuan dalam kebajikan rakyat dapat dilakukan untuk semua.
2. Pengiktirafan hak perdagangan bebas dan kemudahan untuk semua serta perlindungan untuk pelabur tetapi tertakluk kepada kepentingan dan keselamatan negara.
3. Persamaan peluang dan ganjaran tanpa mengira jantina dan peluang yang sama untuk perkembangan mental dan fizikal untuk golongan muda.
4. Kerakyatan umum dan hak mengundi untuk orang dewasa.
5. Hasilan yang terbaik daripada demokrasi dan kebebasan asasi serta suasana kehidupan yang menjadikan hidup lebih penting dan produktif.
6. Mengutamakan keselamatan dan keamanan negara, pengekalan hubungan yang adil dan dihormati antara negara, menghormati undang-undang antarabangsa dan obligasi perjanjian (CO 1022/182).

Apabila IMP mengemukakan matlamat (1) dan (2) sebagai dasar yang diperjuangkan, hasrat kerajaan British untuk melihat parti politik di Tanah Melayu bergerak atas landasan bangsa Malayan bersatu telah mula dapat dilihat. Dalam Program Lapan Perkara IMP, terdapat dua perkara yang meneguhkan pegangan parti ini terhadap dasar tersebut iaitu:

1. Memalayakan perkhidmatan awam dan pembentukan Perkhidmatan Malaya sebagai gantian terhadap Perkhidmatan Kolonial.
2. Reformasi sistem feodal di Negeri Melayu (Foreign Service 1951).

Memalayakan perkhidmatan awam membawa pengertian bahawa perkhidmatan ini terbuka kepada semua kaum dan tidak hanya

dikhususkan kepada orang Melayu sahaja. Cadangan seperti ini telah lama dibuat oleh masyarakat bukan Melayu dan bermula sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Cadangan yang lebih jelas telah dibuat oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum sebelum IMP ditubuhkan. Saranan untuk mereformasikan sistem feodal pula bermakna suatu institusi sosio-politik akan diminimumkan pengaruhnya selaras dengan pembentukan pentadbiran birokrasi moden Tanah Melayu. Dengan memperbaharui sistem feodal, kepentingan masyarakat bukan Melayu mula dapat diketengahkan dalam bidang pentadbiran. Ini adalah kerana elemen pentadbiran negara yang berteraskan rupa bangsa masyarakat Melayu dapat diminimumkan. Jelasnya semua ini menjurus kepada kerangka bangsa Malayan bersatu. Malahan dalam banyak hal, dasar yang dianjurkan oleh kerajaan British ini sama dengan slogan IMP iaitu Bersatu, Kebebasan, Keadilan dan Persamaan Untuk Semua (CO 1022/183).

Dato Onn sebenarnya ingin menjadikan IMP sebagai sebuah badan yang bersifat penaung yang di bawahnya terdapat sejumlah organisasi politik yang bersatu dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan. Tetapi pada masa yang sama, organisasi itu mengekalkan identiti sebagai entiti politik yang terasing untuk mencapai matlamat masing-masing sebaik sahaja IMP mencapai matlamat utamanya (Foreign Service 1951).

Berikut adalah senarai Jawatankuasa Penganjur IMP sewaktu parti itu ditubuhkan:

1. Dato Onn Jaafar (Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri - Sistem Ahli)
2. Tan Cheng Lock (Presiden MCA)
3. Dato E.E.C. Thuraisingham (Ahli Untuk Pendidikan - Sistem Ahli)
4. Khoo Teck Ee (Ahli Majlis perundangan Persekutuan)
5. Abdul Aziz Ishak (Ahli Majlis Perundangan Persekutuan)
6. Yong Shook Lin (Setiausaha Agung MCA)
7. L.C. Hoffman (Wakil akhbar Straits Times di Kuala Lumpur)
8. P.P. Narayanan (Ahli Majlis Perundangan Persekutuan dan Presiden MTUC)
9. Salehan Mohd Ali (Pegawai Kebajikan Masyarakat dan Ahli Majlis Dewan Negeri Selangor)
10. Mohd Sopiee (Bekas editor "Suara Merdeka") (CO 1022/182) (Rajah 4.1)

16. Abdul Asis bin Isahak - Ex- President of the Malayan Press Club, Federal Legislative Councillor;
17. Salleha binti Mohamed Ali - Selangor State Welfare Officer (female);
18. Mohamed Sophee - Officer in State Welfare Department and Prominent Malay Youth Leader, former Vice Chairman Penang Branch of UMNO;
19. Ismail bin Fakeh Matak - Prominent Taiping Resident;
20. Dato Zainal Abidin bin Haji Abbas - Husband of Datin Puteh Mariah, Vice Chairman Rural and Industrial Authority;
21. Hussein bin Onn - Son of Dato Onn and former Secretary of UMNO, Probable Secretary of DGP;
22. Salleh Hakim - Federal Legislative Councillor, President of Malay Smallholders Association;
23. Masaruddin bin Abdul Kala - Member of the Executive Committee of UMNO, Federal Legislative Councillor, President of the Perak Branch of UMNO;
24. G. M. Yusoff - Vice President, UMNO.

In addition to the above, there is an unknown number of Malays who sympathise with Dato Onn's aims but who may not desire to break with UMNO. It should be emphasized, however, that their number is still but a small minority of the entire politically conscious Malay population.

Among the prominent members of the other racial communities who have announced their support of DGP are the following:

1. Thio Chan Bee - Singapore Legislative Councillor;
2. Khoo Teik Ee - Federal Legislative Councillor, One of the most prominent Chinese leaders in the Federation, and Treasurer of MEA;
3. Tob Eng Hoe - Federal Legislative Councillor, Well-known Chinese, President of the Taiping Branch of the Malayan-Chinese Association;
4. Yeoh Cheong Kang - Perak resident and Federal Legislative Councillor;
5. Leong Yew Koh - Perak resident and Federal Legislative Councillor;
6. Koh Sang Hook - Penang resident and Federal Legislative Councillor;
7. M. P. Rajagopal - Treasurer of the Malayan Trade Union Council, Federal Legislative Councillor, President of the Railroad Workers Union;
8. S. O. K. Dhaidullah - Federal Legislative Councillor, Chairman of the Kuala Lumpur Indian Chamber of Commerce;
9. G. Shelley - President of the Eurasian Union of Malaya, Federal Legislative Councillor;
10. Jagjit Singh - Former Deputy Chairman of the Penang Labor Party;
11. H. S. Lee - Federal Executive Councillor, Federal Legislative Councillor, President of the Chinese Miners Association;
12. Tan Cheng Lock - President of the Malayan Chinese Association and generally considered to be the most prominent Chinese in the Federation of Malaya;

CONFIDENTIAL

RAJAH 4.1 Senarai mereka yang memberikan sokongan kepada Parti Kemerdekaan Tanah Melayu

13. Dato E. E. C. Thuraiasingham - Member for Education, President of the Ceylon Federation, prominent rubber producer;
14. Yong Shook Lin - Secretary of MCA, Federal Legislative Councilor;
15. P. P. Marayanan - Federal Legislative Councilor, President of the Malayan Trade Union Council, President of the Rubber Estate Workers Union;
16. F. C. Arulananda - Social Welfare Department Officer, Malayan Youth Leader;
17. R. Ramani - Prominent Indian lawyer, leading member of the Indian Community, Federal Legislative Councilor;
18. G. V. Thayer - President of the Malayan Indian Association;
19. Mehar Singh - Prominent Sikh, resident of Seremban;
20. J. Samuel - President of the Federation of Indian Organizations;
21. J. N. Mollugh - Director of Information Services;
22. Lee Kong Chian - Singapore Rubber magnate;
23. Yap Nian Tatt - Secretary of the Negri Sembilan Branch of M.C.A.;
24. Lee Fook Yee - Member of the Negri Sembilan State Council;
25. E. H. Yen - Member of the Negri Sembilan State Council;
26. Lee Tee Siang - Member of the Negri Sembilan State Council;
27. Lee Siow Joo - President of the Negri Sembilan Chinese Chamber of Commerce, Treasurer of the Negri Sembilan Branch of M.C.A.;
28. Leang Cheung Iing - Federal Legislative Councilor, Vice President of the Selangor Branch of M.C.A.;
29. F. N. Steel - European, described as a well-known Penang sportsman;
30. A. K. Nair - President of the Malacca Labor Party and member of the Malacca Settlement Council;
31. Jagat Singh - President of Khales Durvan of Malaya;
32. C. T. M. Subramaniam Chettiar - Secretary of the all-Malayan Mattakkattal Chettiar's Chamber of Commerce;
33. I. F. Gomes - Member of the Malacca Settlement Council;
34. Seah Joo Seang - Well-known wealthy Chinese resident of Penang;
35. M. P. Mathew - Penang Settlement Councilor;
36. I. E. Nathan - General Secretary of Malayan Trade Union Council;
37. J. V. Morais - Perak State Councilor, President of the Kinta Indian Association;
38. Lim Yew Hock - President of the Singapore Labor Party;
39. E. L. Devnair - President of Malayan Indian Congress;
40. V. M. N. Menon - Trade Union Leader, Federal Legislative Councilor;
41. L. C. Hoffman - Kuala Lumpur representative of the STRAITS TIMES.

It is being assumed that most prominent Chinese and Indians will lend some degree of support to ILO. The only exceptions seem to be those members of the labor group who are seeking the immediate establishment of a Federation-wide labor party.

Merujuk kepada senarai di atas, adalah jelas komposisi kaum dalam jawatankuasa itu seimbang. Penyertaan Tan Cheng Lock, E.E.C. Thuraisingham, Yong Shook Ling dan P.P. Narayanan menunjukkan bahawa pemimpin penting masyarakat bukan Melayu akan turut serta dalam perjuangan IMP. Namun demikian, IMP sebenarnya hanya mendapat perhatian mereka setakat peringkat penubuhan. Selepas itu IMP gagal dalam arena politik Tanah Melayu. Kewujudan parti ini walaupun telah mengubahsuai arah politik negara, tetapi sebenarnya telah menandakan titik terakhir dalam politik bukan perkauman dan bukannya mengukuhkannya (Means 1970).

Jika dianalisis dengan lebih mendalam, IMP hanya mendapat sokongan daripada masyarakat India dan kumpulan-kumpulan buruh. (Gullick 1969) Sebagai kumpulan etnik yang secara relatifnya mempunyai kesedaran politik yang lebih berbanding dengan kumpulan etnik lain, pemimpin masyarakat India menyedari bahawa dengan menyertai IMP yang ditaja oleh pemimpin Melayu, mereka akan mempunyai peluang untuk memperoleh kuasa politik. Kuasa politik ini boleh diperolehi berbanding dengan jumlah keseluruhan masyarakat ini di Tanah Melayu. Pemimpin buruh daripada masyarakat India telah menyatakan bahawa mereka sanggup membatalkan hasrat mereka untuk membentuk suatu parti buruh demi kepentingan melihat kemajuan IMP dengan syarat IMP akan menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk kepentingan kelas buruh. Sekiranya tuntutan ini tidak dapat dipenuhi, mereka akan berada dalam keadaan bebas untuk menubuhkan parti buruh mereka (Foreign Service 1951). Hakikat bahawa IMP merupakan parti yang mendapat lebih sokongan kumpulan buruh India boleh dirujuk daripada mesyuarat penubuhan IMP cawangan Kuala Lumpur pada 27 Oktober 1951. Majoriti yang hadir iaitu seramai 320 orang terdiri daripada ahli yang berbangsa India berbanding ahli Cina atau Melayu (Foreign Service 1951). Kebanyakan daripada mereka pula mempunyai latar belakang yang berkaitan dengan aktiviti kesatuan buruh.

Secara lumrahnya, masyarakat Melayu memberikan reaksi negatif terhadap dasar IMP. Kepada mereka, IMP bukan sahaja menjelmakan idea Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum tetapi juga merupakan suatu pengembalian kepada Malayan Union kerana salah satu matlamat IMP ialah pembentukan kerakyatan umum. Idea seperti kerakyatan umum dan yang paling penting sekali adalah pem-

bentukan kerakyatan Malaya tidak dapat diterima oleh mereka. Petanda awal yang menunjukkan bahawa mereka tidak dapat menerima idea Dato Onn adalah apabila hanya segelintir daripada ahli UMNO menyertai beliau di dalam IMP. Pada hakikatnya, kebanyakan orang Melayu meyakini kejujuran dan dedikasi Dato Onn tetapi mereka tidak tertarik kepada hakikat bahawa mereka akan menerima faedah daripada penyatuan politik dengan komuniti lain. Mereka khawatir keistimewaan politik dan ekonomi yang diperoleh menerusi Perjanjian Persekutuan 1948 akan terancam kembali (Means 1976). Majoriti masyarakat Melayu pada masa itu berpendapat bahawa kemerdekaan dengan disertai persamaan hak dengan masyarakat bukan Melayu merupakan matlamat yang tidak dapat diterima sehinggalah tahap ekonomi dan pendidikan mereka berada pada tahap yang sama dengan masyarakat bukan Melayu. Kebanyakan mereka khawatir bahawa hak mereka yang masih ada terpaksa dikorbankan dan mereka dikuasai oleh masyarakat Cina yang lebih maju (Foreign Service 1951).

Kumpulan orang Melayu yang bersikap konservatif berasa kecewa dengan tindakan Dato Onn yang dianggap menjual kepentingan masyarakat Melayu kepada komuniti lain. Kepada kumpulan intelektual Melayu pula, IMP adalah suatu tindakan politik yang baik. Tetapi mereka berasa khawatir kerana segalanya bergantung kepada Dato Onn dan apabila ia tidak lagi menjadi pemimpin, orang Melayu akan "ditenggelami" oleh bangsa yang lain (CO 1022/182). Malahan kewujudan IMP yang memperlihatkan kebimbangan masyarakat Melayu telah menyebabkan bertambahnya sokongan terhadap UMNO dan presiden barunya iaitu Tunku Abdul Rahman. Presiden UMNO yang baru ini dianggap sebagai seorang nasionalis Melayu yang kuat dan berpegang kepada idea bahawa orang Melayulah yang perlu mentadbir negara ini dan pemberian hak tambahan yang minimum kepada orang Cina dan India (Foreign Service 1951). Berlatarbelakangkan penubuhan IMP, sebagai reaksinya Menteri-Menteri Besar yang menjadi pemimpin masyarakat Melayu telah mengadakan suatu perjumpaan rahsia dengan dipengerusikan oleh Menteri Besar Perak. Semua yang hadir bersependapat dalam bantahan terhadap pembentukan dan matlamat IMP. Sebagai tanda ketidaksetujuan, mereka bersetuju untuk menjadi ahli UMNO (CO 1022/182). Langkah pertama yang diambil oleh Tunku Abdul Rahman adalah menyingkir ahli UMNO yang mempunyai dua keahlian bersama de-

ngan IMP. Langkah ini menggagalkan hasrat Dato Onn yang ingin melihat IMP mempunyai ahli daripada parti lain seperti UMNO dan MCA (Gullick 1969).

Pemimpin Cina pula dianggap sebagai mengamalkan sikap tidak tegas sehubungan dengan sokongan terhadap IMP. Walaupun Tan Cheng Lock, Yong Shook Li dan beberapa orang yang lain menyatakan sokongan mereka terhadap IMP, mereka pada masa yang sama menegaskan bahawa mereka akan meneruskan keahlian dalam MCA. MCA pula akan terus wujud sebagai sebuah pertubuhan politik. Mereka juga mengadakan rancangan untuk mengukuhkan lagi MCA serta membuat pengambilan ahli baru (Foreign Service 1951). Rancangan IMP untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu dalam tempoh sepuluh tahun juga bukanlah suatu tarikan kepada masyarakat Cina terutama di kalangan peniaga. Kepada golongan ini sebarang bentuk pertukaran sistem pentadbiran terutama daripada kerajaan British kepada ahli politik tempatan yang berkemungkinan besar dikuasai oleh masyarakat Melayu tetap merupakan suatu bentuk risiko terhadap kegiatan ekonomi. Golongan ini mengharapkan agar kemerdekaan tidak akan diperoleh dalam jangka masa 25 tahun yang dianggap sebagai tempoh sesuai untuk melatih pengganti pegawai kerajaan British.

Pengekalan perdagangan bebas juga dikatakan sebagai satu daripada syarat yang dikenakan dalam mendapatkan sokongan masyarakat Cina. Kewujudan MCA yang telah bergerak selama beberapa tahun juga menjadi penyebab untuk masyarakat Cina menolak IMP. Peranan Tan Cheng Lock juga telah menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat Cina untuk sama ada menyertai IMP atau sebaliknya. Walaupun terlibat dalam jawatankuasa penubuhan, Tan Cheng Lock tidak memegang sebarang jawatan dalam Jawatankuasa Kerja IMP. Ibu pejabat MCA juga tidak memberikan panduan kepada cawangan MCA mengenai persoalan membubarkan cawangan tersebut untuk menyertai IMP atau sebaliknya. Kesamaran peranan Tan Cheng Lock juga menyumbang kepada kegagalan IMP untuk mendapatkan sokongan masyarakat Cina (Zainal Abidin 1970). Dengan pengenalan pilihanraya-pilihanraya bandaran pada 1952, pemimpin Cina di kalangan IMP terutamanya Tan Cheng Lock telah dengan tergesa-gesa kembali kepada MCA. Mereka menyedari bahawa pilihanraya pada masa tersebut perlu ditandingi dan dimenangi di atas platform perkauman (Ratnam 1967).

Tanda keretakan hubungan IMP dengan masyarakat boleh dilihat apabila parti itu hanya meletakkan empat orang calon berbangsa Cina dalam pilihanraya bandaran Kuala Lumpur berbanding dengan enam orang calon berbangsa India dan dua orang calon berbangsa Melayu di kawasan yang majoritinya orang Cina (Foreign Service 1952). Sebelum itu, Dato Onn cuba berunding dengan ketua MCA Selangor, H.S. Lee untuk bekerjasama dalam pilihanraya bandaran itu. Namun kerjasama yang diharapkan oleh Dato Onn tidak dapat diadakan (Ramlah 1987).

Kekalahan IMP dalam pilihanraya tersebut menandakan berakhirnya karier Dato Onn di dalam bidang politik berbilang kaum (Stockwell 1958). Kekalahan tersebut juga menandakan berakhirnya parti IMP (Gullick 1969). Pilihanraya bandaran Kuala Lumpur juga menjelaskan bahawa masyarakat negara ini masih belum dapat menerima aliran politik berbagai kaum. Para pengundi masih lagi memerlukan calon daripada bangsa yang sama walaupun tidak dapat dinafikan bentuk dan ideologi IMP amat sesuai untuk masyarakat berbilang kaum. Tanpa memberikan penekanan kepada mana-mana kaum yang tertentu, IMP gagal mendapatkan sokongan pengundi. Faktor kaum masih lagi menjadi perkara dan kriteria penting dalam pilihanraya.

### Perikatan UMNO-MCA ke Arah Penerimaan Dasar Bangsa Malayan Bersatu

UMNO dan MCA adalah dua buah parti berasaskan kaum yang mewakili dua kaum utama di negara ini iaitu masyarakat Melayu dan Cina. Dalam membincangkan perikatan UMNO-MCA secara keseluruhan, pemerhatian terhadap dua buah parti politik itu perlu dilakukan secara berasingan demi memperlihatkan perubahan dasar yang berlaku. Hal ini begitu nyata dalam kes UMNO. Sebelum terbentuknya perikatan UMNO-MCA, parti ini memperjuangkan kepentingan masyarakat Melayu seperti yang diperlihatkan dalam penentangan terhadap Malayan Union. Parti ini juga menentang sebarang usaha berkaitan dengan usaha melaksanakan konsep Malayan. Tunku Abdul Rahman pernah menegaskan:

Sepanjang yang kami sedari, kami tidak bersedia untuk dipanggil sebagai Malayan (Funston 1980)



Suatu lagi ucapan Tunku Abdul Rahman dengan tema penolak-an terhadap konsep Malaya adialah seperti yang berikut:

UMNO adalah pertubuhan kebangsaan Melayu dengan matlamat untuk memelihara bangsa Melayu dan tanah Melayu. Negara ini milik orang Melayu dan masyarakat Melayu perlu diberikan hak istimewa. Terdapat cadangan supaya kemerdekaan diberikan kepada kepada bangsa Malaya. Siapakah bangsa Malayan ini? Daripada bangsa Melayu tanah ini diambil dan kepada bangsa Melayulah tanah ini perlu dipulangkan. Biarkan bangsa Melayu sendiri yang menentukan mengenai bangsa Malayan ini. Kita mestilah dengan tegasnya mematuhi semangat kemelayuan dan kita mesti menuntut mereka (kerajaan British) menyerahkan kedaulatan negara ini kepada kita (Cham 19710).

Pendirian UMNO berkaitan dengan konsep Malayan ini membabitkan kekhuatiran masyarakat Melayu terhadap konsep tersebut. Orang Melayu menyedari bahawa dalam masyarakat yang "benar-benar Malayan", perkataan Melayu itu sendiri tidak lagi penting daripada segi politik. Status Melayu akan turun daripada bangsa kepada hanya bertaraf komuniti sahaja. Orang bukan Melayu dianggap sebagai ancaman yang kuat terhadap kedudukan istimewa masyarakat Melayu. Mereka juga mendapati bahawa orang bukan Melayu berkembang maju sementara mereka sendiri tertinggal dan daripada segi budayanya orang Melayu mendapati masyarakat bukan Melayu kebanyakannya sukar untuk berasimilasi (Ratnam 1967).

Justeru itu prospek untuk penerimaan konsep bangsa Malayan bersatu oleh masyarakat Melayu dan seterusnya UMNO adalah begitu kecil sekali. Tunku Abdul Rahman juga menolak konsep nasionaliti seperti yang diperjuangkan oleh AMCJA-PUTERA dan kemudiannya oleh IMP. Kepada beliau, nasionaliti tidak boleh dijadikan asas untuk kerakyatan dan untuk selama beberapa tahun enggan untuk membincangkan konsep bangsa. Hal ini adalah kerana Tunku Abdul Rahman berasa khuatir bahawa perbincangan tersebut akan merintis jalan untuk persamaan taraf antara orang Melayu dan bukan Melayu (Funston 1980). Sehubungan dengan ini, akhbar parti itu, *Suara UMNO* keluaran 1 Disember 1951 menyuarakan keraguan terhadap pembentukan bangsa untuk diberikan kepada orang bukan Melayu (CO 1022/183). Bantahan tersebut adalah reaksi kepada

pengumuman matlamat IMP yang dibuat tidak lama sebelum itu berkaitan dengan konsep tersebut.

Dalam persoalan ini, UMNO berpegang kepada hakikat bahawa masyarakat Melayu adalah pemilik negara ini dan UMNO akan memperjuangkan hak, kedaulatan dan keistimewaan orang Melayu. Jika dianalisis dengan lebih dalam ternyata bahawa dasar dan pendirian UMNO yang telah dinyatakan di atas dipegang sejak penubuhannya sehingga terbentuknya perikatan UMNO-MCA dengan sedikit pengecualian. Pengecualian yang dimaksudkan adalah tempoh 1949-1951 apabila Dato Onn sebagai Presiden UMNO mencadangkan pemberian kerakyatan dan membuka keahlian UMNO kepada masyarakat bukan Melayu (Funston 1980). Penolakan cadangan presiden parti oleh ahli UMNO menunjukkan kekuatan pegangan ahli UMNO. Suatu contoh yang jelas menunjukkan kekuatan pegangan dan pendirian ahli UMNO boleh dirujuk kepada usul yang telah dikemukakan oleh cawangan UMNO Seberang Prai yang meminta supaya nama negara ini ditukar kepada Semenanjung Melayu dan bukannya Malaya (CO 1022/183).

Berbanding UMNO, MCA sememangnya mempunyai unsur matlamat ke arah konsep Malayan sejak awal penubuhannya. Sebagai komponen dalam perikatan, MCA sejak awal penubuhannya telah memperlihatkan dasar pembentukan masyarakat Malayan. Dasar ini begitu berbeza daripada dasar sebuah lagi parti masyarakat Cina iaitu Parti Kuomintang (KMT) yang dasar serta orientasinya adalah kepada negara asal. MCA telah ditubuhkan pada 27 Februari 1949 di bawah kepimpinan Tan Cheng Lock, Leong Yew Koh dan T.H. Tan (Means 1976). Penubuhan MCA dalam banyak hal dapat dikaitkan dengan usaha dan harapan Tan Cheng Lock. Idea Malaya ini memang telah lama wujud dalam dirinya apabila ia memulakan karier politiknya. Sehubungan dengan pendiriannya, Tan Cheng Lock menggesa supaya proses Malayanisasi dilakukan terhadap perkhidmatan awam negara ini. Untuk pertama kalinya pada 1926 beliau menggesa supaya dibentuk bangsa Malayan bersatu dan berkerajaan sendiri (Tregonning 1964).

Pada awal 1948, Tan Cheng Lock cuba membentuk *Malayan Chinese League*. Dalam masa yang sama beliau mencadangkan *Malay League* dan *Indian League* dibentuk. Di samping itu ia mencadangkan sesudah terbentuknya ketiga-tiga liga ini, sebuah *Liga Perpaduan Kebangsaan Malayan* dibentuk untuk merangkumi ke-

tiga-tiga organisasi tersebut (Zainal Abidin 1970). Jelasnya Tan Cheng Lock sememangnya sejak awal lagi telah berpegang kepada keperluan menerapkan konsep Malaya dalam dasar parti politik.

MCA sering dianggap sebagai parti yang secara tidak langsung dibentuk oleh kerajaan British sebagai suatu alternatif kepada PKM dalam mendapatkan sokongan masyarakat Cina semasa darurat. Hal ini mempunyai kebenarannya apabila dirujuk kepada usaha Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British. Semasa suatu jamuan makan malam di rumah salah seorang ahli Majlis Perundangan Persekutuan, beliau menyeru 15 ahli Majlis Perundangan Persekutuan yang berbangsa Cina supaya dibentuk sebuah organisasi yang mewakili masyarakat Cina sebagai alternatif kepada PKM dan yang setanding dengan UMNO. Gurney mahukan MCA menjadi lebih kuat daripada PKM dan menyediakan masyarakat Cina dengan suatu alternatif kepada fahaman komunis.

Perkaitan yang rapat antara MCA dan kerajaan British boleh dilihat menerusi perlembagaan pertubuhan itu yang menyatakan bahawa ahli Cina dalam Majlis Perundangan Persekutuan Majlis Eksekutif secara automatik akan menjadi ahli MCA. Peraturan ini memastikan agar kerajaan mempunyai pengaruh langsung terhadap proses pembuatan keputusan pertubuhan itu (Khong 1984).

Suatu lagi contoh pembabitan yang rapat antara MCA dan kerajaan British dapat dilihat menerusi proses penyusunan semula pertubuhan itu untuk menjadi sebuah parti politik. Proses penyusunan semula MCA telah diluluskan pada 13 Januari 1952 (Surat Tan SP 13/A/16).

Sekali lagi idea Gurney menyebabkan MCA disusun semula. Pada 3 September 1951, sebelum Mesyuarat Perang Persekutuan, Gurney meminta Tan Cheng Lock mengemukakan cara mendapatkan kerjasama masyarakat Cina yang berkesan semasa Darurat. Sebagai reaksi kepada permintaan itu, Tan Cheng Lock telah mengemukakan suatu skim penyusunan semula MCA untuk menjadikannya sebuah badan yang kuat yang berupaya mencapai matlamatnya dalam setiap aspek. Pada 4 September 1951, Tan Cheng Lock berserta pemimpin MCA yang lain mengadakan suatu perjumpaan dengan Gurney berkaitan perkara tersebut. Dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja MCA pada 16 September 1951 di Kuala Lumpur, usul yang memberi kuasa kepada Tan Cheng Lock untuk membentuk sebuah

jawatankuasa untuk menyusun semula pertubuhan itu telah diluluskan (Foreign Service 1951).

Selepas disusun semula sebagai sebuah parti politik, MCA mempunyai sebuah "kabinet" yang merupakan kumpulan terpenting yang membentuk dan menentukan dasar parti itu. Kabinet itu terdiri daripada Yong Shook Lin, Khoo Teik Ee, H.S. Lee, Leong Yew Koh dan Quek Kai Kee. Yong Shook Lin dan Khoo Teik Ee adalah ahli Majlis Perundangan Persekutuan. H.S. Lee dan Leong Yew Koh adalah ahli Majlis Eksekutif Persekutuan. Quek Kai Kee pula walaupun tidak terkenal telah banyak membantu kerajaan British dalam usaha penyerahan diri pengganas komunis (CO 1022/176). Merujuk kepada kenyataan ini adalah jelas bahawa sebelum dan selepas disusun semula sebagai parti politik, MCA sememangnya mempunyai perkaitan yang rapat dengan kerajaan British terutamanya dengan Henry Gurney. Hubungan rapat ini telah membawa kepada perjuangan dasar yang sama iaitu keperluan untuk membentuk bangsa Malayan bersatu. Justeru persamaan dasar, MCA telah mengumumkan bahawa:

Skim Malayan Union mewakili satu usaha kerajaan British yang jujur di dalam memelopor kerakyatan luas yang merangkumi bangsa, agama dan kelas (Foreign Service 1951)

Pegangan MCA terhadap dasar bangsa Malayan bersatu yang cuba diterapkan oleh kerajaan British adalah kerana suatu jukuk dasar itu adalah kewarganegaraan *jus soli* yang diperjuangkan oleh parti tersebut. Antara kenyataan MCA berkaitan dengan dasar itu adalah seperti berikut:

Kami mempercayai bahawa prinsip *jus soli* perlu digunakan tanpa syarat (Foreitgn Service 1951)

Apabila orang asing dilayan sebagai warganegara, mereka akan menjadi warganegara ... tanpa mengira agama atau bangsa (Foreign Service 1951)

Penerimaan dasar tersebut adalah penting untuk kesinambungan MCA sebagai sebuah parti politik untuk masyarakat Cina. Hal ini diakui oleh pemimpin pertubuhan itu yang menyedari bahawa kelemahan utamanya adalah ketiadaan sokongan akar umbi yang kuat. Tambahan pula dengan penyusunan semula MCA sebagai

sebuah parti politik, ia memerlukan isu *jus soli* untuk mendapatkan sokongan masyarakat Cina. Sehubungan ini, MCA mengandaikan bahawa selepas semua tuntutan masyarakat Cina dipenuhi barulah masyarakat itu menunjukkan kesetiaan dan ketaatan mereka (Foreign Service 1952).

Jika dibandingkan antara perikatan UMNO-MCA dengan perikatan IMP, ternyatalah bahawa pada peringkat awal perikatan itu tidak mempamerkan sebarang bentuk penerimaan terhadap dasar bangsa Malayan bersatu lantaran sikap dan pendirian politik UMNO seperti yang telah dijelaskan. Malahan dalam banyak hal, perikatan ini hanyalah merupakan suatu strategi pilihanraya sahaja. Tujuannya adalah untuk mengalahkan parti IMP dalam pilihanraya bandaran Kuala Lumpur. Asas kepada kerjasama UMNO dan MCA adalah kekhawatiran kepada parti IMP yang bertanding atas platform politik tanpa perkauman yang dianggap sebagai berpotensi mencapai kemenangan dalam pilihanraya itu. Juga boleh dibuat kesimpulan bahawa faktor anti-Dato Onn oleh pemimpin UMNO dan MCA menjadi suatu pendorong untuk pembentukan perikatan dua parti itu (CO 1022/182).

Daripada segi sejarah pula, pembentukan perikatan UMNO-MCA adalah secara spontan dan tidak dirancang dengan mendalam. Peristiwa penting ini bermula apabila Dato Onn menghubungi H.S. Lee dengan tujuan mengadakan kerjasama IMP dan MCA dalam pilihanraya bandaran Kuala Lumpur. H.S. Lee mendakwa Dato Onn telah mendesak beliau supaya semua ahli MCA yang ingin bertanding perlu berbuat demikian dengan menggunakan tiket IMP. Hal ini tidak disenangi oleh H.S. Lee dengan alasan ahlinya ingin bertanding dalam pilihanraya itu sebagai ahli MCA dan bukannya kepada parti yang lain (Foreign Service 1952). Justeru MCA menerusi H.S. Lee menolak cadangan kerjasama daripada Dato Onn. Selepas itu MCA mengeluarkan kenyataan berkaitan dengan pilihanraya termasuk tawaran menyokong calon-calon daripada kaum yang lain. Dengan tawaran inilah, mengikut H.S. Lee, Dato Yahya selaku Pengerusi Jawatankuasa Pilihanraya UMNO Kuala Lumpur telah berjumpa beliau bersama cadangan untuk bekerjasama. Di samping penolakan H.S. Lee, Tan Cheng Lock juga memainkan peranan dalam memungkinkan pembentukan perikatan UMNO-MCA. Walaupun terlibat dan menyokong idea IMP, Tan Cheng Lock sebagai Presiden MCA tidak menunjukkan sebarang reaksi terhadap penolakan tawaran

kerjasama daripada IMP. Alasan yang diberikan oleh beliau adalah bahawa keputusan yang diambil oleh MCA Selangor adalah urusan cawangan parti sendiri sahaja (Foreign Service 1952). 100 Sikap Tan Cheng Lock boleh dikaitkan dengan pendirian beliau yang walaupun menyokong parti politik bukan perkauman tetapi tidak akan memberikan Dato Onn suatu kedudukan hadapan dalam politik Tanah Melayu (Means 1976). Kemenangan perikatan UMNO-MCA dalam pilihanraya bandaran Kuala Lumpur telah merubah sifat *ad-hoc* perikatan itu kepada perikatan yang kekal hingga hari ini walaupun telah mengalami beberapa perubahan daripada segi struktur atau keahliannya selepas peristiwa 1 Mei 1969. Dengan semakin kukuhnya kekuatan perikatan itu, perubahan penting berlaku dalam dasar UMNO. Kini secara tidak langsung dan beransur-ansur, UMNO menerima dasar bangsa Malayan bersatu yang merupakan sesuatu yang tidak diterima oleh parti itu sebelum terbentuknya perikatan UMNO-MCA. UMNO atas nama Parti Perikatan mula menyatakan kepentingan pembentukan bangsa Malayan.

Kenyataan UMNO menjelaskan:

Tujuan perikatan UMNO-MCA adalah untuk melipatkan usaha orang Melayu dan Cina di Malaya bagi membina sebuah masyarakat dalam negara ini supaya orang yang duduk dalamnya mengecap nikmat keamanan dan kebebasan serta kemakmuran dan kesejahteraan

UMNO dan MCA setuju dengan sepenuhnya atas pendapat yang menyatakan bahawa tujuan itu hanya boleh dilaksanakan dengan hidupnya sebuah bangsa Malaya, yang warganegaranya daripada pelbagai kaum hidup dalam keadaan saling mengerti dan hormat menghormati antara satu dengan yang lain dan menumpukan taat setia yang satu kepada negara ini (UMNO/SG 35/53).

Kemuncak pegangan dasar bangsa Malayan bersatu ini boleh dilihat daripada usul yang diluluskan dalam Konvensyen Kebangsaan pertama iaitu pada 23 Ogos dan yang keduanya pada 11 Oktober 1953 yang ditaja oleh Perikatan UMNO-MCA. Persidangan ini turut disertai perwakilan daripada *Partai Islam Setengah Melayu* (PAS) dan *Persatuan Melayu Malaya Kelantan* (PMMK). Persidangan ini memberi peluang kepada pucuk pimpinan parti untuk berkumpul dan bertukar fikiran tentang masa depan Tanah Melayu (Nik Annuar 1992).

Konvensyen ini telah membentuk sebuah jawatankuasa khas yang terdiri daripada:

Wakil UMNO

Tunku Abdul Rahman  
Dr Ismail Abd Rahman  
Mohd Yassin Dato Abd Rahman  
Mohd Daud Haji Salleh  
Ahmad Haji Abdul Rahim

Wakil MCA

Kolonel H.S. Lee  
Leong Yew Koh  
S.M. Yong  
Tun Siew Sin  
Ong Yoke Lin (CO 1022/191)

Jawatankuasa ini yang terdiri daripada pemimpin tertinggi daripada kedua-dua parti telah mengemukakan beberapa cadangan mengenai pilihanraya di Tanah Melayu. Namun yang lebih penting adalah jawatankuasa itu mencadangkan bahawa sekurang-kurangnya untuk tujuan pilihanraya, prinsip kerakyatan *jus soli* perlu diikuti dan mereka yang dicadangkan boleh menjadi pengundi ialah:

1. Rakyat Raja
2. Rakyat Persekutuan
3. Sesiapa sahaja yang dilahirkan dalam Persekutuan dan menetap di Tanah Melayu lima tahun sebelum pilihanraya
4. Rakyat British, yang dilahirkan di Singapura dan menetap di Tanah Melayu selama lima tahun sebelum pilihanraya (*Straits Budget* 1953)

Jawatankuasa itu mengaskan bahawa cadangan mereka adalah adil bagi mereka yang dilahirkan di negara ini untuk mempunyai hak mengundi dalam merasionalkan keputusan mereka untuk menjadikan prinsip kerakyatan *jus soli* sebagai asas penentuan kelayakan mengundi. Di samping itu jawatankuasa khas ini menegaskan bahawa:

Setiap kerajaan demokratik mengiktiraf prinsip *jus soli* yang memberi hak

warganegara kepada mereka yang dilahirkan dalam negara ini, dan pada masa yang sama mengenakan tanggungjawab

Adalah perlu dielakkan untuk mengasingkan sejumlah penduduk dan menyebabkan mereka berpendapat bahawa mereka tidak mempunyai hak untuk melibatkan diri secara tidak langsung dalam pentadbiran masyarakat tempat kelahiran mereka. Kumpulan yang sebegini akan menjadi sumber bahaya kepada negara semasa berlakunya krisis

Sebaliknya dengan memberi hak mengundi kepada kumpulan ini, mereka akan merasakan diri digalakkan untuk mempercayai bahawa mereka mempunyai peranan dalam negara ini. Adalah menjadi hasrat kami untuk menggalakkan orang seperti ini menjadi warganegara yang taat dengan cara permohonan

Penjelasan di atas mempunyai tema yang sama dengan hujah yang dikemukakan oleh kerajaan British sewaktu mereka memperkenalkan Malayan Union. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa tujuan terpenting perikatan UMNO-MCA mencadangkan penggunaan kewarganegaraan *jus soli* sebagai asas penentuan syarat mengundi adalah sebagai strategi memenangi pilihanraya kerana merasakan mereka akan mengundi Parti Perikatan, namun Parti Perikatan dan khususnya UMNO pasti menyedari implikasi keputusan jawatankuasa itu dalam penentuan bentuk kewarganegaraan Tanah Melayu. Dengan semakin progresifnya perkembangan perikatan, pendirian "Tanah Melayu untuk orang Melayu" telah mula luntur. Dengan persetujuan cadangan jawatankuasa itu, UMNO telah memberikan suatu konsesi besar kepada masyarakat bukan Melayu (CO 1022/191). Malah jika dianalisis dengan lebih mendalam sejak UMNO ditubuhkan, inilah konsesi terbesar dan yang tidak dapat dijangkakan memandangkan sikap dan pendirian parti itu dalam menangani isu Malayan Union dan politik bukan perkauman IMP. Sehubungan dengan pertukaran dasar ini, golongan yang mengharapkan dasar mengutamakan kepentingan masyarakat Melayu dengan lebih radikal selepas Dato Onn meletakkan jawatan setelah berasa kecewa kerana selepas beberapa tahun, UMNO yang berada di dalam Parti Perikatan secara tidak langsung menampakkan ciri dan idea yang diperjuangkan oleh bekas presidennya.

Pendirian UMNO dalam persoalan ini boleh difahami jika dirujuk kepada usaha parti itu untuk mencapai kemerdekaan Tanah



Melayu. Seperti pemikiran Dato Onn, UMNO kini menyedari tuntutan ke arah kemerdekaan tidak akan dilayan oleh kerajaan British sekiranya perjuangan parti itu tidak selari dengan dasar bangsa Malayan bersatu. Tindakan UMNO ini bersesuaian dengan kenyataan parti itu yang menganggap rundingan dengan MCA mempunyai satu tujuan sahaja iaitu "semata-mata menuju kepada kemerdekaan" (UMNO/SG No. 2/1953).

Dalam persoalan ini UMNO menunjukkan sikap praktikal supaya perjuangan mereka diterima oleh kerajaan British. Sikap yang sama juga ditunjukkan oleh MCA seperti yang boleh dirujuk daripada kenyataan yang pernah dibuat oleh Tan Cheng Lock iaitu:

Orang Cina di Tanah Melayu mestilah secara politik bersatu dengan masyarakat lain, tetapi daripada segi kebudayaan, intelek dan spiritual, mereka mestilah bebas sebagai orang Cina (*Manchester Guardian* 1952)

#### Perbezaan Perikatan UMNO-MCA dan IMP

Terdapat beberapa perbezaan penting antara Perikatan UMNO-MCA dan IMP. Tidak dapat dinafikan bahawa IMP mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan idea penting Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum. Malahan IMP merupakan ideal yang mahu dicapai oleh kerajaan British atau sekurang-kurangnya oleh Henry Gurney dalam persoalan ciri sebuah parti politik dalam sebuah bangsa Malayan bersatu. IMP merupakan sebuah parti politik berbilang kaum yang keanggotaannya terbuka kepada semua kaum. Dalam sesebuah parti yang sebegini, kriteria kaum bukan merupakan sesuatu yang penting. Sebagai implikasinya perjuangan parti ini dihalakan ke arah pembentukan dan peneguhan bangsa Malayan bersatu.

Pengiktirafan dalam bentuk "tidak langsung atau tersembunyi" oleh kerajaan British tidaklah membawa pengertian bahawa parti tersebut akan diterima oleh penduduk negara ini atau oleh para pengundi. Dato Onn sebagai ahli politik sentiasa dicurigai oleh pengundi bukan Melayu. Pilihanraya bandaran Kuala Lumpur jelas menunjukkan pola pegundian masih didasarkan kepada kriteria kaum. Para pengundi lebih berkeyakinan untuk mengundi parti politik yang berdasarkan kepada kepentingan kaum masing-masing. Dengan yang demikian UMNO dan MCA lebih berjaya jika dibandingkan IMP. Kurang keyakinan kepada parti yang bersifat berbilang

kaum boleh dilihat daripada tindakan Tan Cheng Lock juga merupakan salah seorang daripada ahli jawatankuasa penubuhan IMP tetapi kemudiannya tidak mengambil sebarang tindakan yang konkrit untuk mengadakan sebarang bentuk kerjasama antara MCA dan IMP. Jelasnya pendekatan parti berbilang kaum di dalam bentuk IMP gagal diterima oleh masyarakat pada masa itu.

UMNO dan MCA memulakan kerjasama mereka dalam bentuk *ad-hoc* dan sebagai suatu bentuk strategi menghadapi IMP yang dijangkakan akan berjaya mendapatkan sokongan majoriti. Kemenangan dalam pilihanraya bandaran Kuala Lumpur menyebabkan kerjasama itu diteruskan kerana pendekatan mengekalkan parti yang berasaskan kaum merupakan pendekatan yang diterima oleh para pengundi. Di sinilah berlakunya perbezaan antara perikatan ini dan IMP. IMP telah menghapuskan sebarang bentuk penekanan kepada kepentingan sesuatu kaum yang khusus. UMNO dan MCA pula di samping mengekalkan ciri parti masing-masing hanya melakukan perikatan di peringkat tertinggi sahaja. Dengan perikatan peringkat tersebut, idea Malaya tidak begitu dirasakan oleh ahli di peringkat bawahan yang dalam beberapa hal tidak menyetujui perikatan dua buah parti yang berasaskan kepada kepentingan kaum. Walaupun berlakunya perbezaan pendekatan, matlamat yang ingin dicapai oleh perikatan UMNO-MCA dan IMP adalah sama sahaja iaitu membentuk bangsa Malayan bersatu dan kedua-dua parti tersebut menyedari bahawa kerjasama antara kaum merupakan syarat terpenting yang dikenakan oleh kerajaan British untuk kemerdekaan Tanah Melayu.

### Rumusan

Terdapat beberapa perkara penting yang dapat digarap di dalam bab ini. Yang utama adalah hakikat bahawa idea penting Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum telah dijadikan garis panduan kepada parti politik yang menjadikan hasrat memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu sebagai prioriti parti. Dengan kata lain, kerajaan Inggeris telah menyediakan landasan yang perlu dilalui oleh parti politik Tanah Melayu. Kepada kerajaan British, persoalan pemberian kemerdekaan kini bersifat sekunder dan sesuatu yang pasti akan diberikan. Tambahan pula era selepas Perang Dunia Kedua memperlihatkan tanah jajahan mula mendapatkan kemerdekaan melalui proses nyahjajahan. Yang lebih utama adalah parti yang bakal mewarisi

pentadbiran mestilah meneruskan dasar bangsa Malayan bersatu. Dengan dasar yang sebegini, hak dan kepentingan masyarakat bukan Melayu akan dapat dijamin.

Terdapat perkaitan rapat antara idea Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum dengan IMP. Disebabkan idea tersebutlah, Dato Onn meninggalkan UMNO dan menubuhkan IMP. IMP dianggap sebagai suatu bentuk ideal parti politik yang mahu dicapai oleh Henry Gurney. Penglibatan pengasas parti ini iaitu Dato Onn dalam Jawatankuasa Antara Kaum telah memudahkan IMP menetapkan hala tujunya supaya selari dengan dasar kerajaan British.

Kerana bersikap praktikal, kerajaan British mula memberi perhatian kepada Perikatan UMNO-MCA yang terbukti dapat diterima oleh para pengundi. Walaupun siri pilihanraya Majlis Bandaran itu dapat dikategorikan sebagai berskala kecil dalam perjalanan ke arah berkerajaan sendiri, ia merupakan suatu bentuk indikasi yang penting kepada kerajaan British tentang pendekatan politik yang dapat diterima oleh para pengundi. Perkembangan penting kepada kerajaan British adalah apabila mekanisma dalaman perikatan dengan sendirinya mula bergerak ke arah penerimaan bangsa Malayan bersatu, sesuatu yang tidak dapat diterima oleh UMNO sebelum ini. Bukti yang jelas mengenai keakuran perikatan itu terhadap dasar British ini boleh dirujuk daripada usul yang dikemukakan menerusi Konvensyen Kebangsaan. Oleh yang demikian, hasrat kerajaan British untuk melihat Tanah Melayu merdeka dengan jaminan hak dan kepentingan masyarakat bukan Melayu terjamin akan dapat direalisasikan. Perkembangan yang berlaku ini tentulah dapat dijejaki daripada idea yang dibicangkan menerusi Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum. Jawatankuasa tersebut merupakan suatu bentuk forum penting yang digunakan oleh kerajaan British dan pemimpin masyarakat untuk menyuarakan tuntutan mereka. Kesan penting daripada jawatankuasa itu adalah keperluan untuk membentuk bangsa Malayan bersatu dan dasar inilah yang dijadikan panduan oleh IMP dan Perikatan UMNO-MCA di dalam perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan.

## Rujukan

- 1 Foreign Service Despatch, Despatch no 6, Surat daripada American Consulate (AMCONSUL) kepada Department Of State, Washington,

- Further development concerning Dato Onn's proposed Independence of Malaya Party, 11 Julai 1951.
- 2 Foreign Service Despatch, Despatch no 6, Surat daripada Konsulat Amerika Syarikat (AMCONSUL) kepada Department Of State, Washington, Futher development concerning Dato Onn's proposed Independence of Malaya Party, 11 Julai 1951.
  - 3 Lim Siew Lay, Pandangan masyarakat Cina terhadap pembentukan negara bangsa Malaysia: Satu tinjauan terhadap pandangan parti-parti politik Malayan Chinese Association, Democratic Action Party dan Parti Gerakan Rakyat Malaysia (1949-1990-an), Latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993, hlm 28.

## Bab 5

# Pilihan Raya 1955 sebagai Asas Dasar Bangsa Malayan Bersatu untuk Parti Perikatan

### Pendahuluan

Parti Perikatan memenangi pilihan raya 1955 dengan kejayaan yang begitu besar. Parti itu memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Undi yang diperoleh oleh Parti Perikatan adalah 81.7 peratus daripada keseluruhan jumlah undi (Means 1970). Secara keseluruhannya Parti Perikatan memperoleh 818 013 undi daripada jumlah keseluruhan iaitu 1 001 527. Daripada 77 calon yang menentang Parti Perikatan, 43 kehilangan wang pertaruhan mereka (CO 1022/245). Selain daripada menganggap kemenangan mereka sebagai sokongan padu rakyat terhadap Parti Perikatan, pemimpin UMNO, MCA dan MIC terpaksa merombak dasar dan mekanisme parti masing-masing supaya sesuai dengan dasar bangsa Malayan bersatu yang dijadikan suatu platform dalam memenangi pilihan raya tersebut. Pemimpin tiga parti politik itu kini tidak lagi boleh mengajukan kepentingan kaum masing-masing tanpa menyedari akan implikasi yang timbul terhadap sensitiviti kaum yang lain. Dengan perkataan yang lain kepentingan kaum yang lain terpaksa diambil kira supaya konflik kepentingan kaum tidak berlaku. Hal ini tentulah berbeza daripada keadaan sebelum terbentuknya Parti Perikatan iaitu perjuangan parti yang terbabit lebih sempit dan selalunya berkisar kepada kepentingan yang berbeza sesama mereka terutama dalam persoalan politik seperti pemberian kerakyatan, bahasa dan politik mengenai hak istimewa masyarakat Melayu. Pendirian 'baru' pemimpin UMNO, MCA dan MIC telah menyebabkan parti itu kini memasuki fasa baru iaitu daripada parti yang berasaskan kaum kepada parti yang memperjuangkan 'politik antara kaum' walaupun ciri perkauman ketiga-tiga parti itu masih dikekalkan dan terus diperjuangkan terutama oleh pemimpin peringkat bawahan. Di

peringkat atasan, pemimpin tersebut secara umum bersedia untuk berkompromi dalam pendirian politik mereka untuk mengekalkan perpaduan Parti Perikatan. Jelasnya walaupun berlaku ketegangan dalam mekanisme politik Parti Perikatan, tetapi apabila dasar itu telah dipersetujui dan ditetapkan, ia akan dipertahankan dan dianggap sebagai suatu pendekatan yang bukan perkauman dalam menghadapi isu negara (Means 1970). Pendirian baru itu boleh dirujuk menerusi perlembagaan Parti Perikatan yang mengutarakan enam matlamat penting yang perlu dicapai iaitu:

- Mewujudkan, melindungi dan menjunjung prinsip Demokrasi Berparlimen di Tanah Melayu
- Mempertahankan kedudukan Raja Negeri Melayu sebagai ketua perlembagaan di negeri masing-masing
- Memajukan dan mengekalkan keharmonian dan perasaan muhibbah antara kaum dan melindungi hak golongan minoriti
- Untuk mewujudkan dan mengekalkan dasar Bangsa Malayan bersatu
- Untuk membaiki keadaan hidup dan kebajikan penduduk Tanah Melayu
- Untuk mencapai matlamat lain dari semasa ke semasa yang akan mengusahakan kepentingan penduduk dan negara secara keseluruhan (UMNO/SUA 154/56).

Merujuk kepada matlamat Parti Perikatan, dasar bangsa Malayan bersatu yang menjadi keutamaan kerajaan British sebagai syarat untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu telah dinyatakan oleh parti tersebut secara jelas dan nyata. Kini terdapat persamaan antara hak dan pra syarat kerajaan British dan dasar yang dipegang oleh Parti Perikatan sebagai parti yang terpenting selepas memenangi pilihanraya 1955. Seperti yang dicadangkan menerusi namanya, Parti Perikatan wujud bukan sebagai suatu parti politik tunggal. Ianya merupakan perikatan tiga parti yang berasaskan kaum. Pada bulan September 1957, Parti Perikatan telah didaftarkan sebagai sebuah parti politik yang bebas daripada parti ahlinya (Means 1970). Malahan daripada suatu segi, Parti Perikatan tidak disatukan oleh sesuatu program yang tertentu. Ia dianggap sebagai:

gabungan longgar terikat oleh setiakawan yang wujud antara pemimpin tertinggi ketiga-tiga parti terbabit (Chopra 1974)

Gambaran mengenai gabungan longgar itu boleh dirujuk daripada gambarajah organisasi gabungan UMNO-MCA (sebelum penyertaan MIC) yang bermula daripada peringkat persekutuan, negeri, daerah, bandar hinggalah ke peringkat luar bandar. Pada setiap peringkat itu, UMNO dan MCA akan menjadi anggotanya tetapi diwakili secara terpisah. Kedua-dua parti tersebut tetap mengekalkan kewujudan organisasi masing-masing (Rajah 5.1).

Menyedari akan ancaman perkauman, pemimpin Parti Perikatan mengamalkan kesederhanaan dan menghindar keinginan untuk dasar radikal (Freedman 1960). Mereka kini mengamalkan kompromi politik. Contoh kompromi politik ini boleh dilihat daripada dasar pendidikan yang dibentuk oleh pemimpin Perikatan. Bahasa Melayu tetap berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan diajar di semua sekolah. Namun kewujudan sekolah Cina dan Tamil tetap terpelihara walaupun kurikulumnya "dimalayakan". Tidak juga terdapat usaha untuk mengasimilasikan masyarakat bukan Melayu dengan masyarakat Melayu. Di samping itu, walaupun diberikan penekanan kepada suatu bahasa kebangsaan yang tunggal, kewujudan bahasa lain tidak dihindarkan. Kompromi politik Parti Perikatan akan terus berjalan selagi pemimpinnya masih berada dalam batas kesedaran ke atas prinsip yang mereka jadikan asas (Freedman 1960). Suatu lagi asas Parti Perikatan adalah keharmonian antara kaum dibentuk dengan membiarkan penguasaan politik oleh orang Melayu dan bidang ekonomi pula dikuasai oleh orang Cina (Rodgers 1969).

Dalam mewujudkan keharmonian antara kaum, formula Parti Perikatan adalah masyarakat majmuk yang merangcumi tiga kumpulan etnik yang penting oleh organisasi antara kaum. Akibatnya, wujudlah organisasi tiga penjuru Parti Perikatan dengan penyatuan yang secara umumnya berlaku di peringkat atasan terutama di kalangan pemimpin yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris atau mereka yang berpendidikan dalam bahasa tersebut.

Dalam suasana masyarakat majmuk, tuntutan masyarakat Melayu, Cina dan India yang tidak bertindan akan dapat dilayan dengan baik. Sebagai contoh, masyarakat Melayu mahukan jaminan bahawa tuntutan mereka dalam bidang pengambilan pekerja perkhidmatan awam, agama dan kerakyatan akan terus dikekalkan dan janji men-

PCR ALLIANCE ROUNDTABLE-DISCUSSION AT NEXT MEETING  
MEMORANDUM

(as amended by Special Elections Platform Sub-Committee  
at meeting in Kuala Lumpur on 25th December, 1954)


On Alliance Organization, Elections Machinery and  
Finance

The UMNO-MCA Alliance is the instrument for welding together the Malays and the Chinese in Malaya as the rock foundation for national unity. The success of this welding depends on liaison, among other things.

To ensure such liaison, it is vital that the Alliance National Council and Liaison Committees at various levels should be set up with all possible speed.

The suggestions contained in this short Memorandum are the result of experience gained so far, especially during elections held in the Federation.

Here is a sketch giving an idea of the suggested organisation of the Alliance:-



RAJAH 5.1 Gambarajah jawatankuasa hubungan perikatan UMNO-MCA pada setiap peringkat



daulatkan bahasa Melayu ditunaikan. Masyarakat Cina dan India pula telah menunjukkan toleransi terhadap hak orang Melayu selagi identiti kebudayaan mereka dikekalkan dan peluang perniagaan tidak dihadkan.

Dengan sifat Parti Perikatan seperti yang telah dinyatakan, pemimpinnya terpaksa mempunyai peranan yang agak bertentangan. Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Khir Johari, Tan Siew Sin, Manikavasagam dan pemimpin lain terpaksa pada masa yang sama berperanan sebagai jurucakap negara, wakil kaum mereka dan juga pihak yang menyulamkan idea-idea sosiopolitik Barat ke dalam masyarakat mereka (Enleo 1968). Jelasnya, pemimpin Parti Perikatan menghadapi dilema politik dalam menyelaraskan tuntutan daripada parti mereka dengan kompromi politik yang diamalkan oleh Parti Perikatan. Hal ini boleh dilihat menerusi kenyataan yang dibuat oleh Tunku Abdul Rahman sendiri. Menurutny:

Apabila saya hanya sebagai Presiden UMNO, saya hanya perlu mengambilkira mengenai masyarakat Melayu sahaja. Tetapi apabila diakui sebagai 'pemimpin Parti Perikatan, saya perlu juga mengambilkira mengenai orang Cina, India dan semua bangsa di Tanah Melayu (Tunku Abdul Rahman 1984).

Usaha yang telah dijalankan oleh Tunku Abdul Rahman berkait rapat dengan penerusan dan kejayaan Parti Perikatan. Beliau begitu menyedari akan keperluan untuk kerjasama antara parti yang membentuk Parti Perikatan. Secara berhati-hati, Tunku Abdul Rahman telah merintis jalan kompromi tersebut walaupun menghadapi kritikan daripada partinya sendiri iaitu UMNO yang menuduhnya keterlaluan dalam pemberian kepada rakan bukan Melayu. Beliau berusaha menghadapi tentangan kuat untuk terus mengekalkan kewujudan Parti Perikatan daripada sekumpulan ahli UMNO yang dianggap cuba mengembalikan dasar UMNO sebelum terbentuknya Parti Perikatan iaitu dasar Tanah Melayu untuk orang Melayu (Khoo 1977).

### Mekanisme UMNO dalam Merealisasikan Dasar Bangsa Malayan Bersatu

Seperti yang diketahui Parti Perikatan terbentuk daripada perikatan parti yang berasaskan kaum. Dengan lain perkataan, sukar untuk merealisasikan dasar bangsa Malayan bersatu kerana kepentingan

kaum yang berbeza. Ini juga bermakna kompromi politik amat diperlukan. Sehubungan dengan ini, jika dianalisis dengan mendalam dan jika diadakan perbandingan dengan dasar sebelum pembentukan Parti Perikatan, nyata wujud perubahan pendirian politik. Demi mewujudkan bangsa Malayan, UMNO bersetuju dengan manifesto Parti Perikatan iaitu akan memohon supaya ditubuhkan sebuah suruhanjaya khas bebas untuk memberi cadangan tentang reformasi perlembagaan supaya dapat dicapai taraf berkerajaan sendiri. Ahli suruhanjaya ini akan dilantik dari luar Tanah Melayu. Selain daripada tugas yang telah dinyatakan, ahli suruhanjaya itu juga akan mengkaji masalah kerakyatan iaitu wujudnya sejumlah besar penduduk asing akibat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 (CO 1022/245). Walaupun manifesto itu dikeluarkan atas nama Parti Perikatan, penglibatan dan persetujuan UMNO tidak dapat dinafikan kerana pemimpin UMNO sendiri iaitu Dr. Ismail bersama dengan wakil MCA iaitu Kolonel H.S. Lee adalah orang yang bertanggungjawab dalam menyediakan draf manifesto tersebut. Dengan mengakui bahawa pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948 telah menimbulkan masalah kepada masyarakat bukan Melayu. UMNO kini mula bersedia untuk berkompromi dalam soal kerakyatan yang akhirnya membawa kepada persetujuan kepada kerakyatan yang berasaskan prinsip *jus soli*.

### Peruntukan Kerusi Pilihan Raya dan Kabinet Perikatan

Satu lagi kompromi yang ditunjukkan oleh UMNO terhadap MCA dan MIC ialah semasa memperuntukkan jumlah kerusi yang akan ditinggikan. Berikut adalah jadual lengkap yang menunjukkan pembahagian kerusi di kalangan parti yang bertanding.

Dalam pilihan raya tersebut, pengundi Melayu membentuk 84.2% manakala peratusan pengundi Cina adalah 11.2 peratus dan pengundi India tidak sampai 5 peratus daripada. Hanya di George Town dan Ipoh sahaja menunjukkan jumlah pengundi Cina melebihi jumlah pengundi Melayu. Pengundi Melayu pula melebihi dengan sebanyak 75 peratus di 37 kawasan mengundi yang lain.<sup>1</sup>

Tindakan meletakkan 17 calon bukan Melayu merupakan suatu manifestasi kompromi pada tahap yang tinggi kerana peratusan pengundi bukan Melayu adalah begitu rendah. Hal ini disedari oleh parti lain yang secara keseluruhannya meletakkan sembilan calon

JADUAL 5.1 Pembahagian kerusi mengikut kaum di kalangan parti dan calon bebas Pilihan raya 1955

Parti	Melayu	Cina	India	Jumlah
Perikatan	35	15	2	52
Negara	29	1	-	30
PAS	11	-	-	11
Kebangsaan				
Perak	8	1	-	9
Buruh	-	2	2	4
Liga Melayu				
Perak	3	-	-	3
Progresif				
Perak	1	-	1	2
Bebas	16	1	1	18

*Sumber: C.O. 1022/245 076 Savingram daripada Officer Administering The Government Of Malaya kepada Secretary Of State for the Colonies, Monthly Political Report for June 1955, 8 Julai 1955*

bukan Melayu sahaja. Perangkaan yang dipamerkan itu telah dijadikan alasan oleh fundamentalis UMNO yang tidak mahu berkompromi dengan cara pembahagian kerusi tersebut. Mereka mahukan calon UMNO bertanding untuk 90% kerusi yang dipertandingkan. Justeru di dalam Persidangan Setengah Tahun UMNO menjelang pilihanraya umum itu, Tunku Abdul Rahman membayangkan bahawa beliau akan meletak jawatan sekiranya tuntutan 90 peratus calon Melayu itu diteruskan. Dalam persidangan itu juga, Tunku menyarankan:

Suatu pra-syarat untuk kemerdekaan adalah kesanggupan melakukan pengorbanan. Di Tanah Melayu, kita tidak perlu mengorbankan nyawa untuk matlamat itu. Perjuangan kita adalah perjuangan perlembagaan dan ia hanya memerlukan pengorbanan kepentingan kaum (Yusuf 1991).

Selepas pilihanraya itu, Kabinet Tanah Melayu telah dibentuk. Berikut adalah senarai lengkap kabinet tersebut.

JADUAL 5.2 Senarai menteri kabinet parti Perikatan

Nama Menteri	Jawatan
Tunku Abdul Rahman	Ketua Menteri dan Menteri Dalam Negeri
Kolonel H.S. Lee	Menteri Pengangkutan
Dr Ismail b Dato Abd Rahman	Menteri Sumber Asli
Dato Abd Razak b Dato Hussain	Menteri Pelajaran
Leong Yew Koh	Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat
V.T. Sambanthan	Menteri Buruh
Sulaiman b Dato Abd Rahman	Menteri Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar
Abd Aziz b Ishak	Menteri Pertanian
Sardon b Jubir	Menteri Kerja Raya
Ong Yoke Lin	Menteri Pos dan Telekomunikasi

*Sumber:* CO 1022/245 no 076, Surat daripada *High Commissioner for The Federation of Malaya* kepada *Secretary of State for the Colonies*, *monthly political report for July 1955*, 11 Ogos 1955.

Pembentukan kabinet yang pertama itu turut menunjukkan wujudnya kompromi dalam Parti Perikatan. Daripada keseluruhan 10 jawatan, terdapat empat jawatan Menteri yang diberikan kepada parti MCA dan MIC. Sekali lagi pembahagian tersebut tidak didasarkan kepada jumlah pengundi pilihanraya. Yang jelas adalah bahawa pemimpin UMNO sanggup menerima risiko bahawa mereka akan kehilangan beberapa buah kerusi kepada calon Melayu yang menentang calon MCA. Dalam membuat keputusan yang sedemikian, mereka mengambil kira kepentingan jangka panjang iaitu perpaduan antara masyarakat Melayu dan Cina yang menjadi suatu keperluan dalam mencapai kemerdekaan.<sup>19</sup>

Keputusan memberikan 15 kerusi kepada MCA juga adalah disebabkan disiplin dan organisasi ahli UMNO yang begitu berkesan

sehinggakan pengundi Melayu akan mengundi calon berbangsa Cina walaupun terdapat calon bangsa mereka sendiri daripada parti lain yang bertanding di dalam kawasan yang sama. Keputusan tersebut juga ditafsir sebagai suatu kejayaan kepada pemimpin "sayap kanan" terutama Tunku Abdul Rahman, Dato Abd Razak dan Dr. Ismail yang terpaksa berhadapan dengan elemen nasionalis sayap kiri parti itu (CO 1022/245).

Kompromi UMNO ini selain daripada menimbulkan rasa tidak puas hati ahlinya, juga telah menyebabkan Parti Negara di bawah pimpinan Dato Onn dapat memberikan gambaran kepada masyarakat Melayu bahawa UMNO kini telah tidak lagi memberikan keutamaan kepada kepentingan masyarakat Melayu berbanding usaha membentuk bangsa Malayan bersatu. Menurut Dato Onn:

Perlulah difahamkan oleh kita semua sekarang sebelum ia menjadi terlalu lewat bahawa sekiranya Parti Perikatan menang, Tanah Melayu akan menjadi Republik China.

Umno adalah boneka kepada MCA yang akan menjual hak orang Melayu dan akan merendahkan martabat dan kuasa Raja Melayu (CO 1022/248).

Kini UMNO berada dalam situasi yang membolehkan parti itu dibandingkan dengan parti politik lain yang memperjuangkan kepentingan masyarakat Melayu seperti Parti Negara. Apabila perbandingan dilakukan, adalah lebih jelas bahawa UMNO kini mempunyai program dan agenda politik yang lebih meluas dan tidak berkisar kepada kepentingan masyarakat Melayu sahaja kerana parti itu kini bergerak dalam kerangka pembentukan bangsa Malayan untuk Tanah Melayu yang merdeka. Senario sebegini secara jelas berlaku dalam dua Konvensyen Kebangsaan seperti yang dibincangkan dalam bab yang terdahulu. Dalam persidangan tersebut, PAS dan Persatuan Melayu Semenanjung dilihat sebagai organisasi yang memperjuangkan kepentingan masyarakat Melayu melalui cadangan yang dikemukakan.

### Persidangan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

Selepas kemenangan besar Parti Perikatan dalam Pilihanraya 1955, ia mempunyai suara yang besar dalam penentuan corak perlemba-

gaan Tanah Melayu yang bakal merdeka. Langkah pertama Parti Perikatan adalah menyertai Persidangan Januari dan berakhir pada 6 Februari 1956. Antara perkara yang dibincangkan di dalam persidangan itu ialah pertahanan dan keselamatan dalam negeri, ekonomi dan kewangan, pindaan perlembagaan, perkhidmatan awam dan pembentukan suruhanjaya perlembagaan untuk menggubal perlembagaan Tanah Melayu yang merdeka. Persidangan itu telah mencadangkan keahlian suruhanjaya sebagai terdiri daripada pengerusi yang berasal dari Britain dan lima ahlinya daripada United Kingdom, Kanada, Australia, India dan Pakistan. Keahlian Suruhanjaya Perlembagaan yang lebih dikenali sebagai Suruhanjaya Reid itu adalah seperti berikut:

1. Lord Reid (Pengerusi)
2. Sir William Mckell
3. Ketua Hakim, B. Malik
4. Hakim Hamid
5. Sir Ivor Jennings
6. H.P. Hall (Setiausaha)
7. K.J. Henderson (Penolong Setiausaha)

Terma rujukan suruhanjaya itu di dalam menjalankan tugas adalah seperti berikut:

Untuk memeriksa aturan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu, mengambilkira kedudukan dan martabat (United Kingdom) dan Raja Melayu

dan

Untuk memberikan cadangan terhadap perlembagaan berbentuk persekutuan untuk seluruh negara sebagai unit yang tunggal, bebas dan berkerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel berdasarkan demokrasi berparlimen dengan dua dewan perundangan yang turut merangkumi peruntukan:

1. Penubuhan kerajaan pusat yang kuat dengan negeri dan tanah jajahan (NS) mempunyai sejumlah kebebasan
2. Memelihara kedudukan dan martabat Raja sebagai Raja Berperlembagaan di negeri masing-masing

3. Seorang Yang di-Pertuan Besar (Yang di-Pertuan Agong) untuk persekutuan akan dipilih daripada Raja
4. Bangsa tunggal untuk seluruh persekutuan
5. Menjaga kedudukan istimewa masyarakat Melayu dan kepentingan masyarakat yang sah (CO 1022/248).

Panduan tugas terutamanya bahagian (4) menunjukkan usaha terakhir kerajaan British untuk memastikan kewujudan dasar bangsa Malayan bersatu terjelma menerusi pengenalan bangsa tunggal. Di samping itu, walaupun mengakui bahawa kedudukan hak istimewa masyarakat Melayu perlu dijaga, kepentingan masyarakat bukan Melayu tetap terpelihara. Walaupun panduan tugas Persidangan Perlembagaan Tanah Melayu disediakan semasa persidangan itu berlangsung terutamanya oleh pegawai kerajaan British, namun wujud persamaan idea antara kehendak persidangan itu dan pendirian politik Parti Perikatan khususnya UMNO. Menurut Tunku Abdul Rahman, sebelum sebarang misi dari Tanah Melayu berkemungkinan menyertai perbincangan mengenai kemerdekaan, mereka perlu mempunyai pendirian tetap iaitu hak istimewa orang Melayu perlu dipelihara. Perkara yang kedua adalah sebagai balasan (terhadap hak istimewa orang Melayu), mereka telah bersetuju bahawa kaum lain perlu mempunyai hak kerakyatan yang didasarkan di atas prinsip *jus soli* dan jaminan lain untuk kepentingan mereka (Tunku 1977).

Pendirian yang diambil oleh pemimpin tertinggi UMNO dalam persetujuan terhadap kerakyatan prinsip *jus soli* nyata bertentangan dengan kehendak ahli parti. Hal ini boleh dirujuk daripada usul yang diluluskan oleh Kongres Pemuda Melayu pada awal April 1955. Antara usul tersebut adalah:

1. Pembentukan barisan kebangsaan Melayu yang berdasarkan kepada konsep satu negara, bahasa dan bangsa
2. Bantahan terhadap prinsip kerakyatan *jus soli*

Walaupun kongres ini dianjurkan oleh golongan nasionalis kiri termasuk Dr. Burhannuddin Helmi dan Ishak Hj. Muhammad, namun ia dapat memberi gambaran tentang pendirian ahli UMNO kerana separuh daripada 700 peserta yang menghadiri kongres tersebut merupakan ahli UMNO yang mengabaikan larangan Tunku Abdul Rahman supaya memboikot Kongres Pemuda Melayu (CO 1022/248):

## Memorandum Parti Perikatan Kepada Suruhanjaya Reid

Kehadiran Suruhanjaya Reid di Tanah Melayu untuk menggubal perlembagaan Tanah Melayu telah mendorong berbagai pihak untuk turut menyuarakan pandangan mereka terhadap perkara tersebut. Sebagai parti yang dianggap mewakili pengundi, Parti Perikatan turut menyuarakan pandangan mereka melalui memorandum yang dinamakan Testament Amanah Politik Perikatan (Rajah 5.2). Dalam menyediakan memorandum ini, perkara yang terus menjadi titik perbezaan antara UMNO, MCA dan MIC adalah mengenai isu *jus soli*. Akhirnya, diterima oleh parti tersebut terutamanya antara UMNO dan MCA bahawa sekiranya tiada persetujuan mengenai isu tersebut, pemimpin UMNO bersetuju membenarkan MCA mengemukakan memorandum berasingan kepada Suruhanjaya Reid. Tindakan ini dilakukan untuk mengelak perpecahan dalam Parti Perikatan. Pemimpin UMNO sebenarnya bersikap realistik kerana menyedari bahawa MCA sebenarnya memerlukan konsesi yang sebegini untuk menjaga maruah parti itu dan meneruskan kepemimpinan mereka di dalam masyarakat Cina.

Akhirnya kedua-dua parti itu telah mencapai suatu formula penyelesaian iaitu mereka akan bekerjasama untuk menyediakan memorandum bersama kepada Suruhanjaya Reid tetapi memorandum itu akan memperlihatkan pandangan parti yang terlibat dalam sesuatu isu. Dengan demikian terpulanglah kepada suruhanjaya itu untuk membuat keputusan mereka (CO 1022/245). Halangan terbesar dalam mewujudkan bangsa Malayan bersatu dapat di atas apabila pada Jun 1956, Jawatankuasa Kecil Politik parti UMNO yang dipengerusikan oleh Abdul Razak telah menyediakan draf memorandum mengenai cadangan perlembagaan. Jawatankuasa tersebut telah mengemukakan enam cadangan penting seperti bentuk kerajaan, kelayakan untuk menjadi warganegara dan hak istimewa orang Melayu. Namun yang terpenting adalah cadangan jawatankuasa itu untuk menerima prinsip kerakyatan *jus soli* yang dicadangkan supaya berkuatkuasa apabila perlembagaan baru digunakan iaitu pada tarikh kemerdekaan (1022/245) (Rajah 5.3). Salah satu faktor yang menyebabkan Parti Perikatan terutamanya UMNO bersetuju terhadap keputusan penting itu adalah untuk menunaikan manifesto pilihanraya mereka (*Straits Times*, 1956). Keputusan yang diambil oleh jawatankuasa tersebut sebenarnya merupakan tindakan yang amat signifikan dan secara



### TESTAMENT "AMANKAN" POLITIK PERIKATAN

Kami pehak Perikatan ada-lah mengandongi Tiga Buah Party Siaas yang terbesar di-dalam Persekutuan Tanah Melayu, ia-itu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, Persatuan China Malaya dan Malayan Indian Congress yang telah borchantom di-dalam satu pergerakan yang mempunyai'1 tujuan yang suci ia-itu kerana menchapai Kemerdekaan Negeri ini. Dengan mempunyai'1 tujuan atau janji yang utama di-dalam Manifesto kerana hen'akkan "Merdoka di-dalam tempoh 4 tahun" maka kami telah di-pilih untuk memegang kuasa oleh pemilih2 di-dalam segala peringkat ia-itu daripada Majlis2 tempatan sehingga-lah kepada Majlis Mesuarat Undangan dengan kejayaan yang belum pernah berlaku di-mana2 pon. Oleh yang demikian kami ada-lah mewakili bilangan yang terbesar sekali daripada penduduk2 Persekutuan Tanah Melayu.

Ada-pun (Testament) yang kami nyatakan di-bawah ini ada-lah membayangkan kehendak yang tegoh daripada bilangan yang terbesar daripada penduduk2 negeri ini untuk menubuhkan satu chorak Kerajaan yang akan menjamin kebebasan, persatuan dan kesatuan bangsa yang baharu. Oleh yang demikian kami berhajat supaya perlembagaan yang akan datang bagi negeri ini mesti-lah mengadakan syarat bagi penubuhan sebuah negara yang ber-daulat lagi Merdoka penuh yang membolehkan penduduk2-nya menikmati chara hidup yang bebas dan sama-rata. Perlembagaan ini mesti-lah juga meng'akan syarat bagi mewujudkan sebuah Kerajaan yang tegoh dan menjamin ke-amanan dan keadaan berbaik2 di-antara kesemua penduduk2-nya.

#### SUSUNAN NEGARA BAHARU.

Maka negara yang berdaulat lagi Merdoka penuh itu hendaklah terdiri daripada Persekutuan wilayah2 daripada negeri2 Johore, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Kelantan, Pahang dan Trengganu, dan Negeri2 Selat Pulau Pinang dan Melaka. Dengan sebab itu mustahak-lah Yang Maha Mulia Queen menyuruhkan hak2-nya di-atas Pulau Pinang dan Melaka, dan mustahak-lah juga Dul2 Yang Maha Mulia Raja2 melepaskan setengah2 daripada kuasa2 mereka itu di-atas wilayah masing2 untuk membolehkan tertubuh-nya Persekutuan itu.

Tiap2 satu anggota Persekutuan itu patut-lah di-panggil Negeri (State), dan perlombagaan itu patut-lah mengadakan syarat untuk membolehkan komsokkan wilayah atau wilayah2 yang lain mengikut syarat2 dan keadaan2 yang di-persetujukan oleh Majlis Undangan Federal.

#### NAMA DULI NEGARA BAHARU.

UMNO berkahendakkan supaya negara yang baharu itu patut-lah di-panggil Malaysia; M.C.A. lebih suka supaya di-kekalkan nama Malaya itu.

#### KETUA NEGARA.

Untuk memandarkan dengan taraf dan darjah sebuah negara yang berdaulat dan Merdoka penuh, maka patut-lah Malaysia mempunyai'1 sa-orang Ketua Negara yang bergelar Yang Di-Pertuan Besar, yang di-pilih oleh Dul2 Yang Maha Mulia Raja2 daripada kalangan mereka itu sendiri dan hendak-lah memegang jawatan itu bagi selama tempoh yang tidak kurang daripada tiga tahun. Maka Yang Di-Pertuan Besar itu hendak-lah menjadi Ketua Malaysia yang perberlembagaan.

Hendak-lah juga di-lentek oleh persidangan Raja2 akan sa-orang ganti Yang Di-Pertuan Besar yang di-gelar Yang Di-Pertuan Muda yang akan mengganti tempat Ketua Negara itu toteknya Yang Di-Pertuan Besar itu diangkat.

## SAVINGRAM

From : High Commissioner for the Federation of Malaya.

To : Secretary of State for the Colonies.

No. 777/56.

Date 8th June, 1956.

~~TOP SECRET~~

### FEDERATION OF MALAYA

#### MONTHLY POLITICAL REPORT FOR MAY, 1956.

My immediately preceding Savingram.

#### The future Constitution.

It is reported that the UMNO Political Sub-Committee, of which Abdul Razak is Chairman, has completed a draft memorandum on the future Constitution of Malaya. The main recommendations of the memorandum, which is to be presented to UMNO Central Executive Committee, are that -

- (a) there should be a strong central Government with States/Settlements holding residual powers;
- (b) the Head of State, who is to be chosen from among the Sultans, should appoint a Governor for the Settlements of Penang and Malacca;
- (c) there should be a bicameral legislature consisting of a House of Representatives and a House of Congress; all members of both Houses will be elected;
- (d) "jus soli" should be accepted from the date of commencement of the new Constitution;
- (e) the residential qualification for Federal citizenship should be 10 years;
- (f) the Malays, who now have special privileges in respect of appointment to the Civil Service and in holding of land in rural areas, should be given special privileges in the field of Commerce and in holding of land in town areas.

In view of last month's "jus soli" crisis it is very much open to doubt whether the Malays as a race will, at this stage, accept (d) or whether UMNO's political leaders will dare to voice this proposal publicly.

langsung merubah pendirian UMNO selama ini yang menuntut supaya syarat kewarganegaraan diperketatkan seperti yang termaktub melalui pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Pendirian UMNO ini merintis jalan kepada pembentukan bangsa Malayan apabila kemerdekaan tercapai pada 1957.

Selain terpaksa memberi komitmen kepada manifesto pilihanraya, faktor Darurat turut perlu dianalisis schubungan dengan persetujuan UMNO terhadap prinsip *jus soli* walaupun perkaitan antara peristiwa Darurat dan penerimaan terhadap konsep tersebut bukanlah bersifat langsung. Pemimpin UMNO menyedari bahawa penerimaan parti itu terhadap prinsip *jus soli* akan memudahkan kerajaan British memberikan kemerdekaan. UMNO dan Perikatan kini mula menghadapi saingan daripada usaha pihak komunis untuk membentuk perikatan parti politik yang turut memperjuangkan kemerdekaan. Pada persidangan Parti Komunis dan Pekerja Kedua di London pada bulan April 1954, suatu laporan yang bertajuk "Tanah Melayu Memperjuangkan Kemerdekaan" (*Malaya Fights For Freedom*) oleh Lim Hong Bee mencadangkan perikatan kerajaan Rakyat dibentuk oleh semua pihak yang patriotik untuk memperjuangkan kemerdekaan negara sepenuhnya.

Selain bertujuan menghindarkan kewujudan alternatif daripada pihak komunis, Tunku Abdul Rahman beranggapan bahawa kerajaan Perikatan yang kuat boleh menyebabkan pengaruh komunis terkawal. Tetapi kerajaan tersebut tidak akan menjadi kuat sekiranya tidak meningkat maju ke arah kemerdekaan (Nik Anuar 1998). Jelasnya usaha ke arah kemerdekaan merupakan prioriti UMNO dan Parti Perikatan.

Seperti yang dinyatakan Testamen Amanah Politik Perikatan walaupun diserahkan kepada Suruhanjaya Reid sebagai memorandum bersama Parti Perikatan, namun kandungannya jelas menunjukkan beberapa perbezaan pendapat antara UMNO, MCA dan MIC walaupun perbezaan terbesar iaitu isu *jus soli* telah diterima oleh ketiga-tiga pihak terutamanya UMNO. Sebagai contoh terdapat perbezaan pendapat nama negara baru ini. UMNO mahukan istilah Malaysia digunakan tetapi MCA lebih suka nama Malaya dikekalkan.

Secara nyata, memorandum ini menyentuh tentang bangsa tunggal yang akan mewujudkan bangsa Malayan bersatu. Menurut memorandum itu:

Perlembagaan itu patutlah mengadakan syarat berkenaan dengan undang-undang taraf kebangsaan yang akan dapat membina sebuah negara persekutuan merdeka yang aman dan teguh.<sup>35</sup>

Tanpa menyentuh isu *jus soli*, memorandum Parti Perikatan telah menyatakan:

Untuk menjamin satu kebangsaan yang tunggal, maka kami berkehendakkan supaya perlembagaan itu mengadakan syarat iaitu mereka yang dilahirkan di Tanah Melayu pada dan kemudian daripada Pengisytiharan Kemerdekaan patut menjadi warganegara Malaysia (UMNO/SUA No. 28A/1957).

UMNO melalui memorandum tersebut telah mencadangkan bahawa mereka yang dilahirkan di Tanah Melayu selepas kemerdekaan tetapi mempunyai ibu bapa yang bukan warganegara supaya mengambil ikrar taat setia kepada negara apabila mereka mencapai usia 21 tahun. Namun demikian, MCA dan MIC tidak bersetuju dengan syarat tersebut.

Selain daripada menunjukkan kelonggaran syarat kerakyatan melalui prinsip *jus soli*, Parti Perikatan bersetuju melonggarkan syarat memperoleh kerakyatan untuk mereka yang dilahirkan di negara ini sebelum kemerdekaan. Alasan yang dikemukakan oleh Parti Perikatan adalah:

... adalah amat penting menyelesaikan masalah penduduk asing di negara kita ini dan untuk kepentingan perpaduan bangsa iaitu orang dagang yang ada sekarang ini patut diberi syarat kelayakan yang longgar sedikit (UMNO/SUA No. 28A/1957).

Syarat kerakyatan yang dicadangkan oleh Parti Perikatan dalam masa peralihan adalah seperti berikut:

- Telah dilahirkan di sini dan berumur 18 tahun atau lebih
- Berkelakuan baik
- Mengangkat sumpah taat setia dan melucutkan taat setia kepada mana-mana negara atau bangsa
- Membuat ikrar yang mereka berniat hendak menetap di sini dengan kekal

- Telah bermastautin di negara ini selama lima tahun daripada tujuh tahun yang terdahulu sebelum daripada permohonan mereka
- Mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang mudah

Memorandum Parti Perikatan juga bersetuju supaya syarat kebolehan berbahasa itu dikecualikan selepas kemerdekaan walaupun MIC mencadangkan tempoh itu dipanjangkan kepada dua tahun. Sehubungan dengan hak istimewa orang Melayu, memorandum Parti Perikatan menyatakan bahawa:

Orang Melayu itu ialah anak watan yang asli dan bahawa mereka itu mempunyai kedudukan khas terbit daripada keadaan tersebut, dan juga dengan kuatkuasa perjanjian yang dibuat antara kerajaan British dengan Negeri Melayu berdaulat (UMNO/SUA No. 28A/1957).

Walaupun kepentingan mengekalkan hak istimewa orang Melayu dinyatakan rasionalnya dengan bidang yang terlibat, memorandum tersebut turut secara jelas menyentuh tentang keperluan menjaga kepentingan masyarakat bukan Melayu. Menurut memorandum itu:

Perlembagaan itu patut menyediakan syarat bahawa sebarang perbuatan kerana menjalankan kuasa tersebut (kuasa melaksanakan hak istimewa masyarakat Melayu) maka tidak patutlah perbuatan itu melanggar kepentingan yang halal bagi kaum lain (UMNO/SUA No. 28A/1957).

Walaupun memorandum Parti Perikatan mengusulkan keperluan mengekalkan hak istimewa masyarakat Melayu, namun keistimewaan tersebut diimbangi oleh jaminan bahawa kepentingan masyarakat bukan Melayu tidak akan terjejas. Imbangan sebegini merupakan bukti bahawa Parti Perikatan pada tahap penyediaan memorandum amat mementingkan kompromi antara kaum. Mesej yang tersirat daripada kompromi ini adalah supaya tiada kumpulan kaum yang merasakan kumpulan mereka menerima kerugian yang besar akibat pembentukan perlembagaan baru Tanah Melayu. Kompromi sebegini juga dapat dilihat daripada usul-usul memorandum ini berkaitan dengan aspek bahasa dan agama. Supaya selari dengan pengekalan hak istimewa masyarakat Melayu, memorandum ini bersetuju supaya bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi manakala agama Islam adalah "agama bagi Malaysia".

Namun demikian dalam masa yang sama memorandum Parti Perikatan menegaskan bahawa syor mengenai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tidak boleh mencatitkan dasar Parti Perikatan yang hendak menjaga dan mengekalkan bahasa lain dalam dasar pelajaran negara. Walaupun Islam dianggap sebagai "agama bagi Malaysia", Testamen Amanah Politik Perikatan menegaskan bahawa;

Pengakuan dasar ini tidak akan mengenakan sebarang tegahan ke atas warganegara yang bukan Islam untuk menganut dan beribadat mengikut agama masing-masing dan tidaklah akan membawa pengertian bahawa negara ini bukan sebuah negara keduniaan sekular (UMNO/SUA No. 18A/1957).

Melalui kenyataan itu, jelaslah bahawa Parti Perikatan ingin menyediakan Tanah Melayu yang bersedia menerima dasar bangsa Malayan bersatu selepas kemerdekaan. Parti Perikatan secara jelas telah menyatakan keinginan mewujudkan negara sekular walaupun parti itu mahukan Islam menjadi "agama bagi Malaysia". Malahan daripada suatu segi, konotasi "Islam sebagai agama bagi Malaysia" membawa pengertian yang kabur dan tidak juga dinyatakan secara yang spesifik atau merangkumi aspek perundangan. Yang paling nyata adalah bahawa perkara yang berkaitan dengan agama Islam, hak istimewa masyarakat Melayu dan bahasa Melayu berperanan sebagai pengimbang kepada isu *jus soli* yang telah diterima oleh UMNO dan Parti Perikatan. Hal ini amat penting untuk pemimpin UMNO berhadapan dengan ahli parti dan masyarakat Melayu yang secara keseluruhannya menentang pemberian taraf kerakyatan kepada masyarakat bukan Melayu menerusi prinsip *jus soli*.

### Penyata Razak dalam Kerangka Pembentukan Bangsa Malayan Bersatu

Oleh sebab platform manifesto Parti Perikatan didasarkan kepada hasrat merealisasikan dasar bangsa Malayan bersatu, Parti Perikatan berjanji untuk menyediakan sistem pendidikan yang lebih adil kepada semua kaum (Paul 1973). Untuk tujuan itu, Abd Razak selaku Menteri Pelajaran diarahkan membentuk sebuah jawatankuasa yang dianggotai seramai 15 ahli Majlis Perundangan Persekutuan.

Namun sebelum dihalusi aspek penting yang terkandung dalam laporan itu yang kemudiannya dikenali sebagai Penyata Razak, adalah perlu untuk meninjau idea atau tuntutan daripada beberapa pihak agar dasar pendidikan negara ini bersifat liberal terhadap semua jenis pendidikan yang wujud di negara ini semasa pentadbiran kerajaan British. Sebagai contoh, memorandum daripada MCA yang dikemukakan oleh Leung Cheung Ling pada 11 November 1954 menuntut supaya semua sekolah yang ada, sama ada di dalam aliran bahasa Inggeris atau aliran vernakular diteruskan. Memorandum ini juga menuntut supaya segala kemudahan dan peluang yang ada disalurkan kepada pendidikan bahasa ibunda untuk berkembang selaras dengan kehendak orang ramai. Leung Cheung Ling juga mencadangkan supaya semua sekolah kebangsaan merangkumi penggunaan bahasa Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil (Surat Leong AP 3/A/99) (Rajah 5.4). Di samping itu terdapat juga memorandum dasar Parti Perikatan mengenai pendidikan yang turut disediakan oleh Leung Cheung Ling. Memorandum ini merupakan draf semula selepas mesyuarat jawatankuasa kecil parti itu pada 3 Februari 1955. Memorandum ini telah menggariskan beberapa dasar Parti Perikatan mengenai pendidikan. Antara dua dasar yang terpenting adalah:

1. Untuk mengarahkan pendidikan kepada yang berbentuk Malaya
2. Tidak akan menghapuskan sekolah, bahasa atau budaya sebarang kaum yang menetap di negara ini.

Memorandum Parti Perikatan mengenai pendidikan ini seperti memorandum yang pertama mencadangkan supaya sekolah kebangsaan melibatkan penggunaan bahasa Melayu dan Inggeris. Kerana mementingkan rupa bentuk Malaya yang menjadi dasar Parti Perikatan, memorandum ini mencadangkan supaya bahasa Cina dan Tamil turut dijadikan mata pelajaran sekiranya terdapat lebih 15 orang pelajar yang ingin mempelajari bahasa tersebut (Surat Leong SP 3/A/99).

Jawatankuasa ini mula bersidang pada penghujung September 1955 dan pada awal Mei 1956, cadangan Penyata Razak dibentangkan untuk penerimaan di Majlis Perundangan Persekutuan (Shaw 1976). Terma rujukan yang diberikan kepada jawatankuasa itu adalah seperti berikut:

Drafted

ALLIANCE POLICY MEMORANDUM ON  
EDUCATION

By Mr. Leung Cheung Ling

(Re-drafted after Alliance Platform Sub-Committee meeting on  
3rd Feb. 1955).

The object of the Alliance is to increase the rate of literacy by all means including social education, adult classes, museums, libraries, etc., and to attain this, the Alliance will give high priority to Education.

The Alliance will endeavour to provide more facilities for education, including the building of schools of an austerity rather than luxurious type and the introduction of morning and afternoon sessions in schools. More teachers will be trained, and the Alliance proposes to revert, temporarily, to the former system of Normal training.

Every encouragement will be given to private schools.

The Alliance policy in regard to Education, briefly, will be:-

- (1) To increase the rate of literacy;
- (2) To increase educational facilities;
- (3) To give high priority to Education;
- (4) To orientate Education to a Malayan outlook;
- (5) Not to destroy the schools, language or culture of any race living in the country;
- (6) To re-examine the Education Ordinance 1952 and the White Paper on Education;
- (7) To repeal the Business Licensing and Registration Ordinance which was enacted to finance Education.

NATIONAL SCHOOLS

The Alliance view in regard to National Schools is that they should be established only on an experimental



basis, in the first instance, to find out if they will be generally accepted.

But the Alliance is convinced that the National-type classes are not wanted by the people.

The National School, envisaged by the Special Committee appointed by Resolution of the Federal Legislative Council to recommend legislation to cover all aspects of education policy for the Federation of Malaya, is a multi-racial school whose medium of instruction is either English or Malay.

Thus the National School will be of two types:

- (1) Using Malay as the medium of instruction and English would be taught from the commencement of the first year;
- (2) Using English as the medium of instruction, and Malay would be taught from the commencement of the third year.

In both cases, facilities would be provided for the teaching of Kuo Yu and Tamil to those children whose parents so desire where there are at least 15 pupils in any standard who wish to take advantage of such facilities.

Having found it impossible to raise money to finance the opening of National Schools, the present Federal Government is resorting to the alternative of introducing National-type classes which were never envisaged or recommended by the Special Committee above referred to.

The Alliance proposes to stop forcing National-type classes on schools, and instead will experiment with National Schools with a view of ascertaining, first of all, whether they will be generally accepted by the people. This experiment will be carried out without prejudice to the

Untuk memeriksa dasar pelajaran Persekutuan Tanah Melayu dan mencadangkan pengubahsuaian atau penyesuaian yang sesuai dengan keinginan untuk menubuhkan sistem pendidikan kebangsaan, yang dapat diterima oleh penduduk Persekutuan secara menyeluruh dan memuaskan keinginan serta menggalakkan perkembangan budaya, sosial, ekonomi dan politik sebagai sebuah bangsa. Ini dicapai dengan hasrat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sementara mengekal dan meneruskan perkembangan bahasa dan budaya komuniti lain yang menetap di Tanah Melayu (Paul 1973).

Untuk melihat elemen kompromi antara kaum dalam Penyata Razak, adalah perlu untuk diadakan perbandingan dengan cadangan jawatankuasa yang mengkaji sistem pendidikan Tanah Melayu terdahulu seperti Penyata Barnes dan Penyata Fenn-Wu. Secara logiknya, cadangan yang dikemukakan oleh Penyata Barnes adalah paling sesuai untuk dilaksanakan di Tanah Melayu kerana ia mencadangkan semua sekolah ditukarkan kepada sekolah kebangsaan yang kanak-kanak daripada semua kaum akan diajar menerusi bahasa pengantar Melayu dan Inggeris. Bahasa Cina dan Tamil akan diajar sebagai matapelajaran sahaja. Prinsip yang mendasari cadangan ini adalah bahawa selagi kanak-kanak daripada mana-mana kaum yang berlainan dididik di sekolah yang berasingan, wujud harapan yang tipis untuk mencapai intergrasi sosial dan kesatuan kebangsaan (Paul 1973).

Penyata Barnes mencadangkan wujudnya satu sahaja jenis sekolah iaitu sekolah dan demi penyatuan masyarakat, hanya bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja dijadikan bahasa pengantar. Pastinya idea sebegini mendapat penentangan daripada masyarakat bukan Melayu terutamanya masyarakat Cina. Reaksi masyarakat Cina mendorong kerajaan British mengundang Dr William P. Fenn dari Amerika Syarikat dan Teh Yau Wu dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mendapatkan pandangan yang berlainan terutamanya mengenai sistem pendidikan vernakular. Intipati daripada Penyata Fenn-Wu adalah penolakan sistem pendidikan kebangsaan yang berteraskan bahasa Melayu atau sebarang usaha memansuhkan sistem pendidikan vernakular dengan alasan:

Kami telah menimbangkan dengan panjang lebar mengenai persoalan budaya kerana terlaui banyak istilah Malayanisasi yang digunakan tanpa

pertimbangan. Kepada kebanyakan orang Cina di Tanah Melayu, istilah Malayanisasi merupakan sesuatu yang tidak dipersetujui. Dengan ketiadaan suatu budaya atau masyarakat yang boleh dinamakan Malaya, ia ditafsirkan sebagai usaha memelayukan dan bukannya Malayan (Paul 1973)

Cadangan jawatankuasa pendidikan yang terdahulu menunjukkan dua ekstrim yang berbeza. Penyata Barnes menekankan kewujudan sekolah kebangsaan yang mementingkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja, manakala Penyata Fenn-Wu pula amat mementingkan pendidikan vernakular terutama sekali sekolah Cina. Ia juga menggambarkan sensitiviti masyarakat bukan Melayu terhadap bahasa mereka.

Kesederhanaan cadangan Penyata Razak berbanding dengan cadangan yang terdahulu dapat dilihat daripada panduan tugas yang terpaksa dipatuhi iaitu mengekal dan meneruskan perkembangan bahasa dan budaya komuniti lain yang menetap di Tanah Melayu.

Dengan yang demikian, Penyata Razak memperlihatkan kompromi antara kaum dengan mewujudkan sekolah umum yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan sekolah jenis umum yang menggunakan bahasa lain sebagai bahasa pengantar. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sekiranya tidak dijadikan sebagai bahasa pengantar akan dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah rendah dan menengah. Yang lebih dipentingkan oleh Penyata Razak adalah keperluan mewujudkan pendidikan berorientasikan negara ini dengan menggunakan kurikulum yang sama (Paul 1973). Secara tidak langsung juga, Penyata Razak mengharapkan agar kerajaan dapat mengawal pendidikan Cina dan membawanya supaya selaras dengan dasar kebangsaan (Eddy 1972). Suatu lagi aspek pendidikan yang bercirikan bangsa Malayan. Hal ini seperti yang telah dinyatakan merupakan suatu bentuk kesinambungan daripada tuntutan yang dikemukakan menerusi Parti Perikatan agar pendidikan negara ini bersifat liberal terhadap penggunaan bahasa ibunda yang berlainan di negara ini.

Pemimpin MCA sememangnya menyedari bahawa masyarakat Cina secara keseluruhannya pada peringkat itu tidak bersedia untuk menerima campur tangan kerajaan dalam bidang pendidikan mereka. Sebarang usaha untuk mengadun sistem pendidikan dengan unsur tempatan sukar untuk diterima seperti yang dapat dilihat daripada

reaksi masyarakat terhadap cadangan Penyata Barnes. Namun demikian oleh kerana Penyata Razak adalah sebahagian daripada kompromi dengan penerimaan prinsip kerakyatan *jus soli* ke dalam perlembagaan, maka pemimpin MCA tidak mengkritiknya. Dalam Dewan Perundangan Persekutuan, Penyata Razak diterima tanpa sebarang undi bantahan (Means 1976).

### Reaksi Ahli Parti Mengenai Penerimaan UMNO Terhadap Bangsa Malayan Bersatu

Pelaksanaan dasar bangsa Malayan bersatu memerlukan banyak pengorbanan daripada parti UMNO. Secara umum dengan pelaksanaan dasar ini kaum Melayu yang selama ini menjadi bangsa pemilik negara kini telah hanya menjadi salah sebuah komuniti di Tanah Melayu yang merdeka. Koneksi terbesar yang terpaksa diberikan oleh masyarakat Melayu melalui UMNO adalah pemberian kerakyatan yang berdasarkan prinsip *jus soli* kepada semua orang yang dilahirkan di Tanah Melayu selepas kemerdekaan tanpa mengira kaum. Sama ada mendapat persetujuan daripada mereka atau sebaliknya, generasi Malaya telah bermula pada 31 Ogos 1957.

Oleh kerana UMNO ditubuhkan dengan berlatar belakangkan kegelisahan masyarakat Melayu apabila berhadapan dengan ancaman Malayan Union dan kerakyatan *jus soli*, secara lumrahnya reaksi ahli kepada penerimaan UMNO terhadap dasar bangsa Malayan bersatu adalah negatif. Perubahan idea dan pemikiran yang berlaku di peringkat atasan parti itu tidak berlaku di peringkat bawahan. Penerimaan pemimpin UMNO terhadap dasar tersebut boleh dikaitkan dengan latar belakang sosial mereka yang dianggap sebagai kumpulan dalam masyarakat Melayu yang "lebih moden, lebih bertoleransi dan kurang dikuasai adat" Hal ini boleh dijelaskan melalui hakikat bahawa pemimpin elit Melayu tradisional di peringkat negeri merupakan sebahagian daripada "kitaran istana." Kebanyakan mereka ini menerima pendidikan Inggeris yang selalunya diikuti dengan pengajian ke luar negara. Dengan yang demikian, pemimpin ini lebih terdedah kepada dunia moden yang lebih bersifat kosmopolitan. Mereka juga lebih berpendirian kebaratan serta progresif (Means 1976) berbanding kumpulan yang lain.

Penerangan di atas yang mengutarakan pengaruh sistem pendidikan Inggeris boleh digunakan untuk menerangkan penerimaan

pemimpin tertinggi UMNO pada masa itu terhadap dasar bangsa Malayan bersatu yang pada masa yang sama sukar diterima oleh masyarakat Melayu yang berada di peringkat bawahan. Di samping kumpulan elit tradisional, wujud juga satu segmen kecil kumpulan haluan kiri yang radikal yang di dalam beberapa perkara terpengaruh dengan aliran politik di Indonesia. Kumpulan ini berharap agar mereka dapat menetengahkan dan melindungi kepentingan masyarakat Melayu menerusi dasar yang akan memberikan masyarakat Melayu kedudukan istimewa dalam bidang ekonomi dan politik di negara ini (Means 1976). Perbezaan antara kumpulan pemimpin tertinggi UMNO dan ahli parti yang terdiri daripada pelbagai aliran politik memperlihatkan parti itu sering dikritik semasa UMNO terlibat dalam merangka perlembagaan untuk Tanah Melayu.

Isu yang paling menerima tentangan daripada ahli UMNO ialah penerimaan prinsip kerakyatan *jus soli*. Kepada golongan ini, perubahan dasar UMNO meletakkan kembali parti itu ke dalam era percubaan Dato Onn dengan politik berbilang kaum yang tidak dapat diterima oleh mereka. Daripada segi sejarah, tuntutan *jus soli* timbul selepas persidangan di London. Tuntutan yang menyebabkan berlakunya krisis ini adalah apabila sejumlah persatuan Cina yang berpengaruh menyatakan hasrat untuk menyediakan satu memorandum kepada Suruhanjaya Reid. Mereka menyatakan dengan jelas bahawa tujuan utama memorandum itu adalah untuk memujuk Suruhanjaya Reid supaya memberikan kelonggaran kepada syarat kerakyatan dan menjadikan undang-undang bangsa lebih adil (CO 1022/248)<sup>3</sup>

Reaksi pertama masyarakat Melayu dan UMNO khususnya terhadap cadangan memorandum pertubuhan Cina yang mengusulkan prinsip kerakyatan *jus soli* adalah bahawa mereka juga menegaskan bahawa sebagai penduduk asal negara ini, mereka mempunyai hak untuk memiliki suara yang besar dalam perbincangan tentang perlembagaan Tanah Melayu.

Sumber politik dan keselamatan British menegaskan bahawa pada bulan April 1956, ketegangan akibat isu *jus soli* telah bermula. Berlatarbelakangkan keadaan sedemikian, Tunku Abdul Rahman mengarahkan semua cawangan UMNO untuk tidak membincangkan persoalan prinsip *jus soli* secara terbuka (CO 1022/248). Sebaliknya ahli UMNO diminta memberikan kepercayaan kepada pemimpin mereka. Di sebalik bantahan yang ditimbulkan, ahli UMNO bersedia untuk menerima arahan tersebut (CO 1022/245). Ketaatan cawangan

UMNO terhadap arahan Tunku Abdul Rahman telah dinyatakan oleh sumber politik British sebagai:

Disiplin orang Melayu berhubung ketaatan kepada arahan Ibu Pejabat UMNO adalah amat nyata. (CO 1022/245)

Oleh sebab tidaklah diizinkan untuk menyatakan pendirian mereka secara terbuka mengenai persetujuan UMNO terhadap dasar bangsa Malayan bersatu. Cawangan dan bahagian UMNO telah menggunakan saluran formal apabila diberi peluang oleh Ibu Pejabat UMNO setelah Suruhanjaya Reid mengeluarkan kenyataan mereka pada 28 Mac 1957. Pada waktu itulah bantahan yang keras dinyatakan. Menurut Norma Mahmood:

Perasaan perkauman dirangsangkan oleh proses penciptaan organisasi dan kewarganegaraan yang baru. Perubahan daripada penduduk kepada warganegara, penglibatan organisasi masyarakat dalam proses politik yang pada peringkat sebelumnya masyarakat dihindarkan daripada proses politik, akan membawa kepada tuntutan yang baru dan hebat (1994).

Kenyataan di atas adalah benar apabila dirujuk kepada memorandum dan surat yang dihantar ke Ibu Pejabat UMNO. Secara umumnya bantahan mereka berfokuskan kepada "kewarganegaraan baru" iaitu yang berdasarkan kepada prinsip *jus soli*. Hal ini boleh dirujuk daripada memorandum UMNO Bahagian Pulau Pinang yang menyeru supaya cadangan Suruhanjaya Reid ditolak. Di samping itu, bahagian ini mencadangkan supaya diadakan pengembalian kepada bentuk kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu.<sup>62</sup> Pengembalian kepada perlembagaan tahun 1948 bererti memperketatkan syarat kewarganegaraan kepada masyarakat bukan Melayu. Memorandum yang sama mencadangkan nama negara ini dirubah kepada *Melayunesia* dengan alasan bahawa:

Perkataan ini adalah mentakrifkan adanya bangsa Melayu di Nusantara ini (UMNO/SUA No. 284/1957) (Rajah 5.5).

UMNO Negeri Terengganu juga mengemukakan pandangan mereka terhadap laporan Suruhanjaya Reid. Secara umum UMNO Terengganu mengemukakan pendapat seperti yang berikut:

PEJABAT SETIA USAHA  
UMNO NEGERI SENJILAN,  
No. 63, Rambah Road,  
Seremban, 12 March, 1957Kepada: Semua Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri,  
Semua Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian dan  
Semua Setia Usaha UMNO Negeri,

Saudara2,

**PENTING: UNTUK AHLIA PERGERAKAN PERUDA UMNO.**

Sebagai yang saudara2 sedia ketahui, Perhimpunan Agung Khas UMNO Malaya bagi membahaskan aher Suruhan Jaya Reid mengenai perlembagaan Malaya akan di-adakan pada 28.3.1957 akan datang di-Ibu Pejabat UMNO Malaya Kuala Lumpur.

2. Dalam perkara ini kami Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Sabilan menganggap amat penting dari segala yang penting pernah kita bahaskan dalam Perhimpunan Agung di-masa2 yang sudah.

3. Apa-kan sikap saudara2 dalam soal yang saya pusing ini? Kita Pergerakan Pemuda Pemuda UMNO seluruh Malaya wajib menentukan sikap kita dengan tegas dalam soal ini sebelum Perhimpunan Agung Khas UMNO Malaya berstart.

4. Oleh itu satu Perhimpunan Agung Khas Pergerakan Pemuda UMNO Malaya hendak-lah di-adakan untuk kita bagi mengambil kesimpulan yang tegas dan joto supaya suara kita bulat dalam Perhimpunan Agung Kuala.

5. Dalam soal ini, kami harap jangan-lah ada hendak-nya saudara2 menganggap soal ini ta' penting atau sebil lewa sahaja.

Sekian harapan kami dari Pergerakan Pemuda UMNO Negeri, bersama2 ini di-kirinkan keputusan yang telah kami ambil berama2.



PERUDA  
  
 KETUA PERGERAKAN  
 PERUDA UMNO NEGERI SENJILAN  
 (Abdul Samad bin Idris)

PERUDA  
  
 SETIA USAHA UMNO NEGERI  
 (H. Haniffah)

SALINAN KAPA MA: Tuan Setia Usaha Agung UMNO Malaya  
 Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaya  
 Jawatan Kuasa Pengelola P. Pemuda UMNO Malaya  
 Jawatan Kuasa Pengelola P. Pemuda UMNO N.S.  
 Setia Usaha2 Pergerakan Pemuda Bahagian2 (M.S.)  
 Jawatan Kuasa UMNO Negeri Sabilan.

*dua Seal*

Chadangan daripada Pergerakan Pemuda UMNO/M.S. yang telah di-sampaikan ke-Ibu Pejabat UMNO Malaya untuk di-bahath dalam Perhimpunan Agung Khas UMNO/Malaya pada 28.3.1957:-

1. a) \*Rahwa Majlis Perhimpunan Agung Khas UMNO Malaya yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan bersetuju supaya Penyerta Suruhan Jaya Reid yang di-kutusi oleh Lord Reid itu tiak di-bahath, di-bincang dan di-putuskan di-dalam Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Malaya se-belum Malaya Merdeka dan hendak-lah di-bahath, di-bentang dan di-putuskan se-sudah Malaya Merdeka (31/8/1957), oleh kerana Ahli2 yang cukup dalam Majlis Mesyuarat Undangan yang ada pada hari ini bala: 100% di-pilih\*.
- b) \*Pilihan Raya bagi memilih semua Ahli2 Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Malaya (100%) hendak-lah di-adakan dengan serta merta se-lupas Merdeka\*.

4. KERAYATAN NEGARA: Adalah di-fikirkan dengan sa-dala2 nya bagi menjaga un-tung nasib bangsa Melayu yang akan datang dan Negara Melayu yang akan datang maka kita tidak-lah dapat hendak meneri-a-ma2 lain cha'tangan atau shur -elainkan apa yang terkandung dala- Perle-bagaan Tanah Melayu 1948 Bahgian 12 dari Bilangan 124 hingga 126. Maka Jawatan Kuasa Kerja men-cha'tangkan Kera'yatan Persokutuan Bab 12 dari bilangan 124 hingga 126 itu di-jadikan Kera'yatan Negara.

5. Bahasa Negara: Menilik kepada berbagai puncha yang boleh menjadi penyunki kepada Negara ini maka wajib-lah kedudukan Bahasa Negara ini di-perkuat dan perke-askan di-sisi Perle-bagaan Negara. Sa-benar-nya tidak-lah menjadi halangan akan kewajuan dan ata-nya bahasa asing di-negara ini tetapi tidak-lah wajib Bahasa asing itu menduduki tempat yang hak Negara ini tentukan. Bahasa Melayu ada-lah Bahasa yang ter-aku Bahasa Negara dari zaman berabad lagi. Jika Negara asing dari abad berabad dengan Bahasa-nya maka begitu juga Bahasa Melayu dari abad berabad dengan Bahasa-nya. Jika bangsa asing di-negeri-nya menghormati bahasa-nya maka kita menyamakan bahasa Melayu dengan mana2 bahasa. Jika negeri2 asing tidak memberi tempat Bahasa Melayu atau Bahasa asing di-dalam Perle-bagaan Negara-nya, maka elok Negara kita mengkatuk-kan bahasa asing menjadi bahasa2 pergumusan di-sisi undang2 Negara ini. Oleh yang demikian kita mencha'tangkan untuk menggantikan mana2 shur atau cha'tangan ata-lah demikian:-

Bahasa Negara ini ia-lah Bahasa Melayu. Perbinchangan dalam Majlis Mashuarat Kerajaan hendak-lah dalam bahasa Melayu sahaja kecuali dalam tempoh 6 tahun dari tarikh kemerdekaan Negara ini boleh-lah di-gunakan bahasa Inggeris jika mustahak dalam Majlis2 Mashuarat, Jabatan2 Kerja dan urusan2 Kerajaan dengan shara' di-ansor pengurangan penakalan bahasa Inggeris itu.

6. SUMPAH TAAT SETIA: Jawatan Kuasa Kerja berpendapat ada-lah kandungan bunyi perkataan dalam shur Suruhan Jaya Bebas itu beritakkan kedudukan Yang Di-Portuan Agong kerana tidak ada perkataan yang di-sedukan tan se'ria kepada Yang Di-Portuan Agong itu, sa-bagai tonggak negara. Oleh yang demikian hendak-lah dala- Perle-bagaan baharu ini di-sebutkan taat setia itu terhadap Perle-bagaan dan Negara serta Yang Di-Portuan Agong dengan penggantian2 nya sekalian.



PERTUJUAN KEMAJMUKAN MELAYU BERSAMA  
NEGRI SEMPILAN

PEJAJAT SETIA USANA  
UMNO NEGRI SEMPILAN,  
No.67, Beach Road,  
Seremban, 12 March, 1957

Kepada: Semua Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri,  
Semua Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian2 dan  
Semua Setia Usaha UMNO Negeri2.

Saudara2,

PEMINTA: UNTUK AHLI2 PERGERAKAN PEMUDA UMNO.

Sebagai yang saudara2 sedia ketahui, Perhimpunan Agung  
Khas UMNO Malaya bagi membahaskan sifar Suruhan Jaya Reid  
dengan perlembagan Malaya akan diadakan pada 28.3.1957 akan  
datang di-Ibu Pejabat UMNO Malaya Kuala Lumpur.

2. Dalam perkara ini kami Pergerakan Pemuda UMNO Negeri  
Sembilan menganggap amat penting dari segala yang penting pernah  
kita bahaskan dalam Perhimpunan Agung di-masa2 yang sudah.

3. Apa-kah sikap saudara2 dalam soal yang saba penting  
ini? Kita Pergerakan Pemuda UMNO seluruh Malaya wajib  
menentukan sikap kita dengan tegas dalam soal ini sebelum  
Perhimpunan Agung Khas UMNO Malaya berai'ang.

4. Ulah itu satu Perhimpunan Agung Khas Pergerakan  
Pemuda UMNO Malaya hendak-lah di-adakan untuk kita bagi mengambil  
kesimpulan yang tegas dan joto supaya suara kita bulat dalam  
Perhimpunan Agung kelak.

5. Dalam soal ini, kami harap jangan-lah ada hendak-nya  
saudara2 menganggap soal ini to' penting atau secebil lewa sahaja.

Sekian harapan kami dari Pergerakan Pemuda UMNO Negeri,  
bersama2 ini di-kiriskan keputusan yang telah kami ambil bersama2.



PERIKAT  
NETUA PERGERAKAN  
PEMUDA UMNO NEGRI SEMPILAN  
(Abdul Samad bin Idris)

PERIKAT  
SETIA USANA UMNO NEGRI  
(Late' K. Hanitch)

SALINAN KEPADA: Tuan Setia Usaha Agung UMNO Malaya  
Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaya  
Jawatan Kanan Pengusaha P. Pemuda UMNO Malaya  
Jawatan Kanan Pengusaha P. Pemuda UMNO M.S.  
Setia Usaha2 Pergerakan Pemuda Bahagian2 (M.S.)  
Jawatan Kanan UMNO Negeri Sembilan.

*dua Sebel*

Chadanan daripada Pergerakan Pemuda UMNO/M.S. yang telah di-  
serpahkan ke-Ibu Pejabat UMNO Malaya untuk di-bahath dalam Perhimpunan  
Agung Khas UMNO/Malaya pada 28.3.1957:-

1. a) Bahawa Majlis Perhimpunan Agung Khas UMNO Malaya yang bersidang  
pada hari ini mengambil ketetapan bersejaja supaya Penyata  
Suruhan Jaya Lubis yang di-kutusi oleh Lord Reid itu tidak di-  
bahath, di-bincangkan dan di-putuskan di-Calon Majlis Mesyuarat  
Undangan Persekutuan Tanah Melayu sebelum Malaya Merdeka dan  
hanya-lah di-bahath, di-bahaskan dan di-putuskan sesudah Malaya  
Merdeka (31/8/1957), oleh kerana Ahli2 yang duduk dalam Majlis  
Mesyuarat Undangan yang ada pada hari ini bulat 100% di-pilih\*.
- b) Pilihan Raya bagi outilih semua Ahli2 Majlis Mesyuarat Undangan  
Persekutuan Tanah Melayu (1957) hendak-lah di-adakan dengan  
serta surat so-Lulus Merdeka\*.

Patut-leh di-ndakan juga syarat bagi melantek sa-orang ganti di-delen tempoh 24 jrn apakala berlaku konangkatan Yang Di-Pertuan Besar dan Yang Di-Pertuan Muda kedua2-nya sekali. Sekira-nya tidak di-lantek sa-orang ganti di-delen tempoh 24 jrn maka patut-leh di-buat syarat bagi Juma'ah Mentori melantokkan sebuah Majlis Pemangku Raja daripada kalangan Raja2 itu.

#### DULI2 YANG MAHA MULIA RAJA2.

Menurut syarat2<sup>tugas</sup> bagi Surohanjaya Reid, maka Duli2 Yang Maha Mulia Raja2 itu patut-leh terus menjadi Raja2 yang perbolombegah bagi negeri masing2.

itu  
Yang Di-Pertuan Besar/patut-leh juga menjadi Ketua yang per'krim-baga'an bagi tiap2 sebuah negeri Pulau Pinang dan Melaka. Sunggoh-pon begitu patut-leh dia melantokkan sa-orang wakil (yang di-panggil Pesuruhjaya) menurut nasihat PerdanaMentori selepas daripada berunding dengan Majlis2 Kerja bagi sa-sabuaah negeri itu, untuk melaksanakan kerja2 bagi pihak-nya di-dalari tiap2 sebuah daripada negeri2 ini. Maka wakil2 itu patut-leh memegang jawatan-nya selama masa yang di-perkenankan oleh Yang Di-Pertuan Besar.

#### PERSIDANGAN RAJA2.

Patut-leh ada sebuah persidangan Raja2 yang di-ketuakan Yang Di-Pertuan Besar.

#### MAJLIS UNDANGAN.

Majlis Undangan Malaysia itu patut-leh mempunya'i dua Dewan yang mengandongi sebuah Dewan Tinggi yang di-panggil Dewan Negara dan sebuah Dewan Rendah yang di-panggil Dewan Ra'ayat.

#### DEWAN NEGARA.

Dewan Negara itu akan mempunya'i 45 orang ahli. Tiap2 sebuah daripada 11 buah negeri itu patut-leh mempunya'i dua orang wakil yang di-pilih, dan 22 orang2 yang ternama patut-leh di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Besar dengan menurut sber dan akuan Keraja'an dengan tujuan supaya seberapa boleh dapat menjamin yang mereka itu membayungkan chorak kebangsa'an, kehidupan di-dalari negeri ini dan termasuk-leh di-dalari-nya kaum2 kecil. Yang Di-Pertuan yang akan mengetus'i persidangan2 Dewan Negara itu akan di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Besar.

Tempoh jawatan bagi Dewan Negara itu patut-leh lima tahun. Ahli2 Dewan Negara itu mesti-leh daripada warga-negara Malaysia dan berumur sekurang2-nya 35 tahun.

#### DEWAN RA'AYAT.

Dewan Ra'ayat itu patut-leh mempunya'i ahli2 yang kosomua-nya di-pilih dengan mempunya'i sa-orang Speaker yang di-panggil Yang Di-Pertuan Besar, ia-itu yang akan di-pilih daripada kalangan ahli2 Dewan itu sendiri. Sunggoh-pon begitu kami mengesorkan ia-itu bagi tempoh hayat yang pertama Dewan Ra'ayat itu, maka Speaker itu patut-leh di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Besar.

Lebih-nyan tempoh yang sahabat lama sekali bagi Dewan Ra'ayat itu ia-leh Lima tahun, tetapi boleh-leh Yang Di-Pertuan Besar itu menggunakan hak2 kodulatan-nya pada menangguhkan tempoh mesuarat, membubarkan dan melanjutkan tempoh Dewan Ra'ayat itu manakala berlaku kegentingan (crisis) kebangsa'an.

Ahli2 Dewan Ra'ayat itu mesti-leh daripada warga-negara Malaysia dan berumur sekurang2-nya 21 tahun.

Kami berpendapat iaitu setelah mengkaji lunas besar dalam Penyata dan Rang Perlembagaan itu maka sebagaimana yang disyorkan oleh Suruhanjaya Reid hak yang sedang dimiliki oleh orang Melayu pada masa sekarang tidak akan bertambah ataupun terjamin kedudukannya, bahkan sebaliknya atau berkurangan dan akan menempuh ancaman yang berat

Memorandum UMNO Negeri Terengganu juga memberikan pendapat tentang akibat kelonggaran syarat kewarganegaraan. Menurut memorandum itu:

Kelonggaran syarat untuk seseorang asing mendapat taraf menjadi warganegara Malaysia di Tanah Melayu yang merdeka kelak, diikuti pula dengan corak pemerintahan demokrasi yang menjadi asas atau rangka Perlembagaan itulah yang menimbulkan keadaan yang tidak diinginkan oleh orang Melayu (UMNO/SUA No. 28A/1957).

Di Tanah Melayu yang mengamalkan dasar bangsa Malayan bersatu, proses demokrasi dan pilihanraya memainkan peranan penting untuk pembentukan kerajaan yang akan menjalankan pentadbiran negara. Menyedari hakikat tersebut, UMNO Terengganu menyatakan bahawa:

Kami tidak menafikan bahawa corak pemerintahan demokrasilah sistem yang terbaik sekali untuk rakyat tetapi kami rasa berat hendak melennya bulat-bulat. Oleh itu, apabila kami memikirkan bahawa keadaan yang ada di tanah air kita sekarang maka sistem pemerintahan yang sangat baik itu jika dijalankan terus meneruskan akan menjahanamkan bangsa kami (UMNO/SUA No. 28A/1957).

Sebelum dianalisis dengan lebih mendalam bentuk penentangan terhadap cadangan Suruhanjaya Reid, adalah perlu untuk diketengahkan kenyataan dan cadangan yang tidak dapat diterima oleh masyarakat Melayu. Antara kenyataan tersebut adalah:

Masyarakat Melayu akan berada dalam keadaan ketidakadilan yang serius sekiranya hak istimewa mereka dimansuhkan secara tiba-tiba. Tetapi dengan integrasi berbagai komuniti terhadap bangsa tunggal yang kami percaya akan wujud secara perlahan-lahan, keperluan untuk kelebihan ini akan hilang beransur-ansur.

Cadangan kami ... orang Melayu perlu diberi jaminan bahawa kedudukan kini (hak istimewa) akan diteruskan untuk satu jangkawaktu yang mencukupi, tetapi dalam peredaran waktu, kedudukan ini akan dikurangkan dan akhirnya dimansuhkan supaya tidak wujud diskriminasi antara komuniti atau kaum (*Malay Mail* 1957).

Cadangan Suruhanjaya Reid mengenai perkara di atas sebenarnya dipengaruhi oleh gesaan Parti Perikatan sendiri. Parti itu mencadangkan agar di Tanah Melayu yang merdeka, semua rakyat diberikan layanan yang sama daripada segi hak, keistimewaan dan peluang. Ditegaskan juga supaya tidak wujud diskriminasi berasaskan bangsa atau kepercayaan.

Selain daripada hak istimewa orang Melayu, Suruhanjaya Reid turut menyentuh mengenai kedudukan Islam dalam perlembagaan. Kecuali Hakim Abdul Hamid dari Pakistan, ahli Suruhanjaya Reid mencadangkan agar Islam tidak dicatatkan dalam perlembagaan sebagai "agama negara". Selain dipengaruhi oleh memorandum Parti Perikatan, Suruhanjaya Reid menegaskan bahawa keputusan yang mereka ambil itu didasarkan kepada kehendak Raja Melayu yang dinyatakan menerusi memorandum mereka. Menurut laporan Suruhanjaya Reid:

Adalah menjadi pandangan Raja Melayu bahawa tidak diingini untuk disisipkan sebarang pernyataan seperti yang dicadangkan iaitu kepercayaan Islam dijadikan agama untuk Persekutuan (*Malay Mail* 1957).

Perkara yang dinyatakan di atas dan cadangan prinsip kerakyatan *jus soli* dimulakan selepas kemerdekaan adalah perkara asas yang mendapat penentangan UMNO Terengganu. Sebagai reaksi terhadap laporan Suruhanjaya Reid, UMNO negeri itu telah mengemukakan "empat perkara asas" yang perlu wujud untuk Tanah Melayu yang merdeka. Asas yang dikemukakan adalah:

1. Agama Islam mestilah diakui di dalam perlembagaan sebagai agama rasmi bagi negara yang merdeka itu.
2. Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi ... terkecuali bahasa Inggeris yang akan digunakan pada masa yang tidak lebih daripada lapan tahun daripada tarikh kemerdekaan. Tidak boleh dipakai bahasa lain dalam tempoh

- itu sekalipun untuk berucap di Dewan Rendah dan Senat dan Perhimpunan Undangan Negeri.
3. Satu bangsa tunggal yang akan ada dalam negara merdeka tersebut.
  4. Hak istimewa orang Melayu tidaklah patut dihadkan masanya dan hak itu hendaklah ditetapkan selama-lamanya

Satu perkara menarik yang dicadangkan oleh memorandum UMNO Terengganu adalah supaya diwujudkan suatu taraf bangsa tunggal yang dinamakan "Melayu atau bangsa Malaysia" (UMNO/SUA No. 28A/1957). Idea ini mempunyai persamaan yang besar dengan idea PKMM yang dikemukakan menerusi Perlembagaan Rakyat yang menegaskan bahawa status bangsa yang baru perlu berdasarkan kepada nama penduduk asal negara ini. Namun demikian "bangsa Malaysia" seperti yang dicadangkan oleh UMNO Terengganu ini tidak boleh dianggap sebagai persetujuan terhadap usaha membentuk bangsa Melayan. Menurut UMNO Terengganu, tanpa taraf bangsa:

Tanah Melayu ini sebagai tempat tumpuan orang asing datang membuat dan mengecap nikmat kekayaan negara ini dan cabut lari tatkala sudah habis akan madunya. Mutu kerakyatan Tanah Melayu itu kelak sangatlah rendah

UMNO Negeri Sembilan pula mengambil pendirian yang berbeza jika dibandingkan dengan usul yang dikemukakan terhadap Ibu Pejabat UMNO. Dalam surat yang ditandatangani oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Sembilan, En Abd. Samad Idris dan Setiausaha Agung UMNO Negeri Sembilan iaitu Dato Hanifah, mereka menggesa supaya cadangan Suruhanjaya Reid hanya boleh dibincangkan selepas Tanah Melayu merdeka. Alasan yang dikemukakan adalah bahawa ahli yang berada dalam Majlis Perundangan Persekutuan belum lagi sepenuhnya dipilih oleh rakyat menerusi pilihanraya (UMNO/SUA No 28A/1957).

Pendirian ini menunjukkan UMNO Negeri Sembilan membuat penolakan secara total mengenai sebarang perbincangan terhadap cadangan Suruhanjaya Reid sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan walaupun langkah ini membawa implikasi bahawa Tanah Melayu akan merdeka dengan ketiadaan sebarang bentuk per-

lembagaan sebagai undang-undang dasar. Dengan pengertian lain, cadangan UMNO Negeri Sembilan akan merintis kepada penglibatan besar wakil Parti Perikatan dalam penentuan bentuk perlembagaan Tanah Melayu. Namun yang lebih penting, UMNO sebagai tunggak kepada Parti Perikatan akan dapat memainkan peranan penting untuk menjamin kepentingan masyarakat Melayu berterusan.

Persidangan pada 28 Mac 1957 juga memperlihatkan cadangan yang mengutarakan kepentingan masyarakat Melayu seperti jawatan Perdana Menteri perlu dikhaskan untuk orang Melayu buat selama-lamanya. Syarat ini dianggap sebahagian daripada peruntukan hak istimewa masyarakat Melayu. Atas alasan yang sama juga, jawatan Menteri Besar dan Gabenor Negeri Selat juga perlu dikhaskan kepada masyarakat Melayu (UMNO/SUA No. 28A/1957).

Cadangan Suruhanjaya Reid berkaitan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan turut menerima kritikan UMNO Terengganu. Menurut pertubuhan itu, terdapat perbezaan daripada segi implikasi antara bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. UMNO Terengganu berpendapat adalah tidak memadai dengan semata-mata diisytiharkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kerana ia tidak membawa sebarang "tindakan" yang tepat untuk menggunakan bahasa itu dengan sebenar-benarnya sebagai bahasa rasmi. UMNO Terengganu mencadangkan supaya fasal 145 (i) dalam cadangan Suruhanjaya Reid dipinda supaya berbunyi:

Bahasa Melayu hendaklah dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi (UMNO/SUA No. 28/1957).

Kritikan dan bantahan terhadap cadangan Suruhanjaya Reid sebenarnya adalah manifestasi bantahan terhadap pemimpin tertinggi UMNO secara tidak langsung. Ini adalah kerana dalam banyak hal Suruhanjaya Reid telah akur kepada cadangan yang dikemukakan oleh Parti Perikatan (*Malay Mail* 1957) Sebagai tanda penghormatan terhadap para pemimpin tertinggi UMNO, kebanyakan kritikan disampaikan secara tidak langsung iaitu dengan memfokuskan bantahan terhadap cadangan Suruhanjaya Reid walaupun mereka menyedari akan pengaruh besar UMNO dan Parti Perikatan terhadap cadangan Suruhanjaya Reid. Namun demikian terdapat juga bantahan yang ditujukan secara langsung terhadap pemimpin tertinggi UMNO berikutan dengan persetujuan terhadap dasar membina bangsa

Malayan bersatu. Pada 5 Mac 1956 UMNO cawangan Sg Tengar/Sg Air Tawar telah mengisytiharkan bahawa organisasi mereka tidak dapat menerima ucapan pemimpin UMNO berkaitan dengan pembinaan bangsa Malayan. Cawangan itu menegaskan:

... kerana di Malaya ini akan dibangunkan satu rupa bangsa Malayan, sudah barang tentu Melayu hapus di tanah air sendiri (UMNO/SUA No. 1/56).

Kekhuatiran mengenai perkaitan kekuatan UMNO dan syarat kerakyatan turut menjadi perhatian UMNO Seberang Prai yang menegaskan bahawa "berpanjangnya atau runtuhnya kerajaan Perikatan yang sekarang dikuasai oleh UMNO bergantung kepada ketat atau longgarnya undang-undang taraf kerakyatan". UMNO Seberang Prai juga menegaskan perlu wujud sikap berhati-hati UMNO terhadap MCA dan MIC yang dianggap hanya ingin "mendapat kekuatan dari bilangan pengundi bangsa Cina dan India". Sebagai contohnya MCA dianggap "sedang bekerja dengan giat menggalakkan orang Cina menjadi rakyat Malaysia dengan melalui pintu syarat yang sehabis-habis longgar bagi mendapatkan kerakyatan negara." (UMNO/SUA No. 20-57)79

Jelasnya Perhimpunan Agung Khas UMNO pada 28 Mac 1957 dan surat-menyurat cawangan dan bahagian UMNO kepada Ibu Pejabat menunjukkan rasa tidak puas hati yang serius terhadap persetujuan UMNO dalam pembinaan bangsa Malayan bersatu. Bantahan itu disuarakan dalam bentuk penentangan terhadap prinsip kerakyatan *jus soli*, permintaan agar hak istimewa orang Melayu dikekalkan tanpa jangka waktu yang khusus, dan jawatan penting seperti Perdana Menteri serta Menteri Besar dikhaskan untuk masyarakat Melayu sahaja. Tema yang sebegini diteruskan dalam Persidangan Perhimpunan Agung UMNO yang ke-11 pada 29 dan 30 Jun 1957. Usul yang dikemukakan dalam persidangan ini masih merupakan reaksi penglibatan UMNO dalam kompromi politik Parti Perikatan. Perkara seperti hak istimewa orang Melayu perlu dicatatkan dalam perlembagaan begitu juga sekatan terhadap masyarakat bukan Melayu. Walaupun kemerdekaan Tanah Melayu telah hampir, Persidangan Perhimpunan Agung UMNO ke-11 tetap menunjukkan kekusaran ahli biasa UMNO berkaitan dasar yang diikuti oleh pemimpin parti itu. Malahan sumber-sumber perisikan kerajaan British melaporkan bahawa rasa tidak puas hati ahli UMNO terhadap Presiden mereka

kerana pemberian konsesi yang dianggap sebagai tidak wajar kepada kaum lain di Tanah Melayu dan kepada kerajaan British merupakan salah satu asas untuk kritikan terhadap pentadbiran Tunku Abdul Rahman. Ahli yang tidak berpuas hati dengan dasar tolak ansur Tunku Abdul Rahman terhadap parti komponen Perikatan dan kepada kerajaan British telah menjadikan rundingan-rundingan Perjanjian Pertahanan (antara Tanah Melayu dan British) dan memorandum Parti Perikatan kepada Suruhanjaya Reid sebagai contoh toleransi beliau (CO 1022/245). Namun demikian kerana keterikatan dan komitmen UMNO kepada hasrat untuk membentuk dasar bangsa Malayan bersatu tuntutan yang bertujuan memastikan penguasaan masyarakat Melayu dalam bidang politik untuk negara yang bakal merdeka itu telah ditolak.

### Reaksi Masyarakat Cina dan Parti Cina terhadap Kompromi Politik Perikatan oleh MCA

Seperti UMNO, MCA mempunyai keahlian dengan pelbagai latarbelakang yang berbeza. Keadaan yang sebegini akan membawa implikasi bahawa MCA merupakan sebuah parti yang memiliki tahap konsensus yang rendah apabila berhadapan dengan sesuatu isu. Daripada suatu segi, kewujudan nilai konsensus yang rendah dalam parti tersebut adalah refleksi daripada struktur heterogenus masyarakat Cina itu sendiri (Means 1976). Pada tahap awal penubuhannya dan sepanjang parti itu dipimpin oleh Tan Cheng Lock, kumpulan pemimpin parti itu memperlihatkan beberapa ciri khusus. Antara ciri kumpulan tersebut adalah bahawa mereka memiliki pendidikan Inggeris dan berpengetahuan tentang institusi politik dan aspek perlembagaan dalam proses politik yang berbentuk British (Lee 1978).

Ada antara ahli kumpulan ini pernah mengambil bahagian dalam perundingan kerajaan Tanah Melayu. Semasa MCA mula dibentuk, kesemua 16 orang ahli Majlis Perundangan Persekutuan dan Majlis Eksekutif menjadi ahli jawaankuasa pembentuk MCA. Disebabkan latarbelakang pendidikan Inggeris yang diterima oleh pemimpin kedua-dua parti, persetujuan lebih mudah dicapai dalam perbincangan bagi perlembagaan yang baru. Dengan ciri sedemikian, hubungan UMNO dan MCA, sekurang-kurangnya pada peringkat pemimpin berada dalam keadaan harmoni. Namun demikian,



kumpulan pemimpin MCA generasi pertama seperti Tan Cheng Lock kurang disenangi oleh masyarakat mereka sendiri kerana mereka bersimpati dengan aspirasi kumpulan yang berpelajaran Cina dalam perkara seperti pelajaran dan kebudayaan Cina (Lee 1978).

Kumpulan kedua<sup>1</sup> yang dianggap kumpulan terbesar dalam parti itu terdiri daripada berbagai kesatuan sekerja dan persatuan, kesatuan pedagang Cina dan Persatuan Guru Sekolah Cina. Kumpulan ini dengan latar belakang pendidikan Cina dianggap lebih bersimpati dengan kepentingan masyarakat Cina yang dianggap telah diabaikan oleh kumpulan MCA yang berpendidikan Inggeris. Justeru, mereka lebih diterima oleh ahli MCA. Pengaruh kumpulan ini mula ketara selepas Tan Cheng Lock ditewaskan oleh Dr. Lim Chong Eu dalam pemilihan pucuk pimpinan MCA.

Masyarakat Cina dan ahli MCA khususnya tidaklah menentang usaha membentuk bangsa Malayan bersatu seperti yang dilakukan oleh masyarakat Melayu dan ahli UMNO. Secara umumnya dasar ini menguntungkan masyarakat bukan Melayu terutama dalam persoalan kerakyatan. Sebaliknya yang mereka tuntutan adalah pengukuhan sepenuhnya dasar itu di samping menerima jaminan tentang penerusan penggunaan bahasa ibunda mereka dan perkara yang bersangkutan seperti pelaksanaan prinsip kerakyatan *jus soli*.

Reaksi pertama dalam bentuk keraguan masyarakat Cina terhadap dasar Parti Perikatan mula dilihat selepas rundingan tentang kemerdekaan Tanah Melayu di London. Walaupun bergembira dengan jaminan pembentukan kerakyatan tunggal daripada Suruhanjaya Reid yang akan dibentuk, secara keseluruhannya timbul tanggapan di kalangan mereka bahawa Parti Perikatan yang diterajui oleh UMNO akan segera bergerak ke arah negara merdeka yang akan ditadbir oleh Melayu dan untuk Melayu. (CO 1022/ 248)

Kalau UMNO melalui Tunku Abdul Rahman meminta ahlinya tidak membuat kenyataan umum mengenai isu kerakyatan seperti prinsip *jus soli* tetapi sebaliknya memberikan kepercayaan kepada pucuk pimpinan UMNO untuk mencari penyelesaiannya. Strategi yang sebaliknya digunakan oleh MCA.

Presiden MCA telah mengundang persatuan Cina bernaung di bawah MCA dalam menyediakan memorandum yang akan diserahkan kepada Suruhanjaya Reid untuk mewakili pandangan masyarakat Cina secara keseluruhannya. Namun demikian, pemimpin pe-niaga sebenarnya berasa sangsi terhadap pucuk pimpinan MCA yang

mereka anggap mungkin tidak akan memberikan sokongan terhadap isu *jus soli*.

Sebagai akibatnya mereka mula membincangkan untuk menubuhkan sebuah persekutuan persatuan Cina yang akan menyatakan tuntutan masyarakat Cina terhadap Suruhanjaya Reid (CO 1022/248). Di analisa dengan lebih mendalam, timbulnya isu *jus soli* dapat dikesan dan dipertanggungjawabkan kepada ahli perniagaan Cina yang dilahirkan di China dan merupakan penutur bahasa Cina. Kepada mereka, *jus soli* itu sendiri tidak penting tetapi ia merupakan daya tarikan yang mempunyai kesan mendalam terhadap komuniti mereka. Prinsip *jus soli* dapat mempertahankan kedudukan perniagaan mereka yang mereka anggap akan terancam akibat kuasa politik orang Melayu. Kumpulan ini sebenarnya tidaklah mempamerkan ciri Malayan dan sering mempersoalkan sama ada kemerdekaan dengan mengikuti syarat masyarakat Melayu itu menguntungkan.

Antara empat orang pemimpin kumpulan ini ialah:

Lau Phak Khuan	Pengerusi Dewan Perhimpunan Cina Perak
Leong Chee Cheong	Presiden Dewan Perniagaan Cina Selangor
Lim Lean Geok	Presiden Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina
Cho Yew Fai	Pemangku Pengerusi Dewan Perhimpunan Cina Selangor

Kumpulan ini mencadangkan suatu perhimpunan umum orang bukan Melayu di Kuala Lumpur pada 27 April 1956 dengan matlamat memilih suatu delegasi untuk ke London dan mendesak kerajaan British supaya menerima prinsip kerakyatan *jus soli* (CO 1030/258).

Perjumpaan 27 April 1956 dihadiri oleh 1000 perwakilan yang mewakili 600 pertubuhan Cina. Walaupun tiada usaha yang serius untuk menubuhkan persatuan alternatif kepada MCA, memorandum hasil perjumpaan itu tetap mendesak pelaksanaan prinsip kerakyatan *jus soli*. Memorandum itu menegaskan supaya orang asing yang telah bermastautin selama lima tahun layak memohon kerakyatan.

Perjumpaan 27 April itu sebenarnya memperlihatkan pendirian politik ahli perniaga yang berbahasa Cina kerana penggunaan slogan seperti "Bersatulah orang Cina seberang laut, Hidup Republik China" (*Unity be with the overseas Chinese, Long live the Republic of China*) (CO 1030/258).

Selain kumpulan ahli perniagaan, ahli MCA secara tidak langsung juga telah menunjukkan reaksi mereka. Sekumpulan orang Cina di Perak dan Selangor yang juga turut menjadi ahli MCA telah menghantar petisyen kepada Pesuruhjaya Tinggi berkaitan dengan persoalan kerakyatan. Berikut adalah beberapa intipati petisyen mereka:

Tidak ada alasan atau justifikasi untuk undang-undang kerakyatan kini terus kekal. Ia tidak sahaja tidak munasabah tetapi juga bersifat diskriminasi. Ia memberikan gambaran bahawa orang Melayu adalah tuan di negara ini sementara yang lain adalah orang bawahan dan dibenarkan untuk tinggal di negara ini hanya dengan keizinan

Perlembagaan Persekutuan diasaskan melalui dasar yang memuakan kehendak nasionalisme Melayu (CO 1022/245).

Secara umum, tuntutan masyarakat Cina terhadap Suruhanjaya Reid adalah seperti berikut:

1. *Jus soli*
2. Tempoh bermastautin di Tanah Melayu selama lima tahun untuk layak mendapat kerakyatan
3. Tiada diskriminasi terhadap kepentingan perniagaan masyarakat Cina apabila menjaga kedudukan istimewa masyarakat Melayu
4. Tiada campur tangan terhadap penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah Cina
5. Diizinkan penggunaan berbagai bahasa terutama di dalam Dewan Negeri (CO 1022/245)

Tuntutan sedemikian menyebabkan Tunku Abdul Rahman terpaksa membuat ucapan ke seluruh negara melalui radio pada 22 April 1956. Tujuan ucapan itu adalah untuk meredakan ketegangan antara kaum Melayu dan Cina berkaitan dengan isu yang dibincangkan kerana sebarang usul daripada sesuatu kaum akan menimbulkan reaksi daripada kaum yang lain.

Satu lagi punca tidak puas hati masyarakat Cina di ambang kemerdekaan ialah terhadap Laporan Penyata Razak. Seperti telah dinyatakan, MCA menerima Penyata Razak kerana ia adalah sebahagian daripada kompromi antara kaum dalam mewujudkan dasar bangsa

Malayan bersatu. Namun kepada ahli MCA, ahli pendidik dan masyarakat Cina, sebarang usaha kerajaan untuk memperkenalkan pembaharuan dalam pendidikan mereka dan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar akan menyebabkan kematian kepada bahasa Cina (Comber 1961). Apabila laporan Penyata Razak diumumkan, Gabungan Persatuan Guru-Guru Cina dan Persatuan Pengurusan Sekolah Cina SeTanah Melayu telah menentanginya. Bagi mereka, laporan itu memandang rendah terhadap pendidikan Cina terutama berhubung soal bantuan dan penggunaan bahasa kerana bahasa Melayu dan Inggeris sahaja digunakan untuk peperiksaan umum dan juga peperiksaan untuk memasuki perkhidmatan kerajaan (Lee Kam Heng 1978). Akibatnya, selepas bantahan keras terhadap cadangan Laporan Razak, MCA terpaksa menubuhkan Jawatankuasa Pusat Pendidikan untuk mengkaji kesan cadangan Laporan Razak terhadap sekolah Cina pada Februari 1957 yang disertai oleh 200 perwakilan. Persidangan tersebut telah menolak cadangan Laporan Razak yang dianggap sebagai tidak dapat diterima (Means 1967).

Penolakan cadangan Laporan Razak menunjukkan penentangan majoriti masyarakat Cina terhadap usaha Parti Perikatan untuk mengadakan sistem pendidikan Tanah Melayu khususnya sistem pendidikan bukan Melayu dengan nilai tempatan. Namun MCA yang terbabit dalam pembentukan dasar bangsa Malayan bersatu terpaksa menerimanya. Hal ini menunjukkan MCA berada di dalam keadaan dilema di antara memuaskan kehendak ahli dan masyarakat Cina secara umum dan menyesuaikan diri dengan dasar Parti Perikatan. Dilema ini telah disentuh oleh akhbar Cina iaitu *China Press* sebagai:

MCA akan menyokong pendirian umum Parti Perikatan. Malangnya pendirian Parti Perikatan dan tuntutan masyarakat Cina terpisah dengan hebatnya (Clarke 1964)

### Reaksi Ahli MIC terhadap Dasar Bangsa Malayan yang Bersatu

Secara umumnya tidak wujud banyak masalah dalam hubungan masyarakat India dengan Melayu berbanding hubungan Melayu-Cina. Hal ini adalah kerana masyarakat India merupakan komuniti yang terkecil bilangannya iaitu kira-kira 10% sahaja daripada jumlah penduduk Tanah Melayu. Tambahan pula masyarakat India tidak diang-

gap mengancam kepentingan masyarakat Melayu di dalam bidang ekonomi berbanding masyarakat Cina. Mereka juga seperti masyarakat Melayu dan berada di tangga terbawah dalam tangga ekonomi (Norma 1994). Di peringkat Parti Perikatan, MIC hanyalah rakan yang rendah (*junior*). Dua kerusi diperuntukkan kepada MIC pada 1955 dan empat pada 1959 daripada sejumlah 104 kerusi yang di tandangi oleh Parti Perikatan (Purcell 1980). Dengan berlatarbelakangkan keadaan yang sedemikian, MIC mengalami proses *political marginalization* apabila berada dalam struktur kuasa Parti Perikatan. Hal ini boleh dirujuk daripada hakikat bahawa MIC tidak dapat memberikan pengaruh besar dalam perbincangan Parti Perikatan mengenai perlembagaan 1957 (Chandra 1993).

"Kesederhanaan" pendirian MIC dalam persoalan seperti isu kerakyatan dan bahasa adalah disebabkan aktivis radikal nasionalisme India yang wujud sebelumnya dalam parti itu telah disingkirkan oleh kerajaan British selepas perang. Ada antara mereka yang menyertai pergerakan yang bersekutu dengan Parti Komunis Malaya (Brown 1990). Selain ketiadaan pemimpin yang berupaya untuk menyuarkan reaksi ahli MIC terhadap dasar bangsa Malayan bersatu, terdapat suatu bentuk pemahaman di kalangan ahli parti itu bahawa tuntutan yang dikemukakan pemimpin politik Cina seperti Lau Phak Khuan terhadap hak politik dan kerakyatan bukan Melayu akan turut memberikan faedah kepada ahli MIC. Di samping itu, sebahagian besar ahli dalam komuniti masyarakat India telah memberikan sokongan kepada parti yang tidak berasaskan kaum seperti Parti Buruh dan Parti Progresif Rakyat (PPP) (Rajeswary 1981). Dengan yang demikian, MIC bukanlah satu-satunya parti untuk masyarakat India menunjukkan reaksi mereka terhadap dasar bangsa Malayan bersatu.

Masyarakat India tidak melibatkan diri dalam perbalahan mengenai isu *jus soli* walaupun mereka menyatakan dengan jelas sokongan terhadap perkara itu (CO 1022/245). Sebagai contoh pada bulan April 1956, Gurdial Singh yang merupakan Pengerusi MIC cawangan Bandar, Kuala Lumpur telah mendesak pengamalan prinsip kerakyatan *jus soli* (Usha 1973). Selain desakan daripada ahli di peringkat bawahan, muncul sebuah kumpulan dalam organisasi MIC sendiri yang menyokong pelaksanaan prinsip kerakyatan *jus soli*. Kumpulan ini yang diketuai oleh A.K.S. Maniam mendesak Sambanthan meletak jawatan sebagai Menteri Buruh pada 1958. Kumpulan ini tidak berpuashati kerana MIC tidak mengambil tindakan tegas ber-

kaitan isu *jus soli* dan hak serta keistimewaan orang Melayu (Means 1976).

Ahli MIC juga menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap beberapa aspek memorandum Parti Perikatan kepada Suruhanjaya Reid. Penerimaan MIC terhadap draf memorandum itu adalah atas pemahaman bahawa Presiden MIC, Sambanthan akan cuba meminta Majlis Perikatan Kebangsaan menyederhanakan tuntutan hak istimewa orang Melayu. Namun demikian menurut Devaser, Sambanthan tidak berbuat begitu. Secara umum, tuntutan MIC ialah supaya diadakan sekatan terhadap hak istimewa masyarakat Melayu terutama mengenai pemilikan tanah dan pelantikan ke dalam perkhidmatan kerajaan. Perkara kedua ini penting kepada MIC kerana majoriti orang India yang berpendidikan mendapat pekerjaan dalam perkhidmatan kerajaan. Kumpulan etnik Tamil yang ekstrim pula terutama dari Pulau Pinang mendesak supaya bahasa Tamil diberikan status yang sama dengan bahasa Inggeris dan Melayu. Persidangan Pan Tamil Malaya yang diadakan pada bulan Ogos 1956 pula mencajangkan supaya MIC menghantar memorandum berasingan kepada Suruhanjaya Reid (Rajeswary 1981).

Faktor pendirian Sambanthan juga menyebabkan MIC tidak dilihat sebagai menunjukkan reaksi serius terhadap dasar bangsa Malayan bersatu. Kemenangan Sambanthan dalam pemilihan Presiden parti ke atas K.L. Devaser menyebabkan parti itu mengamalkan dasar yang lebih sederhana. K.L. Devaser dianggap lebih menyokong prinsip kerakyatan *jus soli*. Sebaliknya pentadbiran Sambanthan tidak mengambil tindakan yang boleh mengaibkan Parti Perikatan seperti yang dilakukan oleh sekumpulan ahli MCA berhubung isu *jus soli*. Akibat daripada dasar sederhana Sambanthan, hubungan antara tiga parti politik menjadi lebih rapat (Tunku 1982).

Sebagai kumpulan minoriti, masyarakat India akan berasa begitu terancam akibat semangat perkauman yang berlebihan daripada masyarakat Melayu atau India. Oleh itu pemimpin parti ini beranggapan bahawa untuk melindungi masyarakat India, mereka perlu mengutamakan kompromi antara kaum (Means 1976). Dengan pendirian sebegini, Sambanthan telah menolak prinsip kerakyatan *jus soli* kerana menurutnya, dasar tersebut, dalam bentuk yang ideal tidak akan diterima oleh masyarakat Melayu. Keadaan MIC sebegini telah berterusan di sepanjang kepemimpinan Sambanthan kerana beliau juga menggalakkan kemasukan etnik Tamil secara besar-besaran yang

memberikan sokongan kepadanya serta menyingkirkan kumpulan bukan Tamil (Rajeswary 1982). Dengan sokongan yang dapat dimanipulasikan, rasa tidak puas hati terhadap kesederhanaan MIC dalam memperjuangkan kepentingan masyarakat India dapat diminimumkan.

Jelasnya dasar bangsa Malayan bersatu menerima tentangan serius tetapi dalam keadaan terkawal dan berdisiplin oleh ahli UMNO manakala ahli MCA dan MIC merasakan perlu lebih banyak konsesi berkaitan syarat kerakyatan dan penggunaan bahasa ibunda perlu diberikan. Dengan kata lain, masyarakat bukan Melayu mahukan dasar yang baru diusahakan oleh kerajaan British ini dilaksanakan dalam bentuk ideal dan sepenuhnya. Rasa tidak puas hati ketiga-tiga kaum itu berkaitan dasar ini dengan sendirinya menunjukkan tahap kompromi yang tinggi antara pemimpin kaum di dalam Parti Perikatan. Perkara ini telah disentuh oleh Tan Siew Sin semasa membahaskan draf terakhir perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dalam Dewan Perundangan Persekutuan. Menurutnyanya:

Draf perlembagaan ini tidak memuaskan sebarang komuniti sepenuhnya. Tiada suatupun komuniti memperoleh segala yang dituntut atau yang dirasakan perlu diperoleh ... Tetapi dalam masa yang sama, saya mengharapkan tidak ada sebarang komuniti yang teruk dipengaruhi oleh perlembagaan ini atau melalui pelaksanaannya (Clarke 1964).

### Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957: Manifestasi Dasar Bangsa Malayan Bersatu dan Elemen Pengimbang Kepentingan Semua Kaum

Rujukan kepada perkara yang fundamental dalam perlembagaan seperti syarat kerakyatan, bahasa rasmi dan kedudukan agama Islam membawa kepada suatu kesimpulan bahawa perlembagaan 1957 merupakan sirna kepada dasar bangsa Malayan bersatu dan usaha kompromi pemimpin Parti Perikatan. Perlembagaan 1957 juga dianggap sebagai hasil perundingan dan kompromi, perasaan berbaik sangka dan persefahaman (Hashim 1980). Perkara yang paling menonjol dalam perlembagaan itu ialah elemen *jus soli* yang untuk kali pertamanya prinsip tersebut dilaksanakan sepenuhnya. Telah dinyatakan di dalam perlembagaan bahawa setiap orang yang dilahirkan dalam persekutuan pada atau selepas hari kemerdekaan akan menjadi warganegara melalui operasi undang-undang.

Seperti yang dijelaskan, prinsip kerakyatan *jus soli* merupakan komponen terpenting dasar bangsa Malayan bersatu. Dengan ini juga secara tidak langsung pembentukan dasar tersebut kini menjadi lebih jelas kerana telah ada peruntukan dalam perlembagaan yang akan menuju ke arah tersebut. Selain memperkenalkan prinsip kerakyatan *jus soli*, kerajaan Perikatan telah memberikan tempoh kelonggaran untuk permohonan kerakyatan melalui pendaftaran dan naturalisasi. Jadual berikut menunjukkan jumlah penduduk yang diberikan taraf kerakyatan dari 1957 hingga 1970.

Kelonggaran syarat kerakyatan seperti penguasaan bahasa oleh kerajaan Perikatan selama setahun membolehkan seramai 822,567 orang bukan Melayu diterima sebagai warganegara. Walaupun dipersetujui bahawa prinsip kerakyatan *jus soli* akan bermula daripada hari kemerdekaan dan hanya kepada mereka yang lahir pada atau selepas kemerdekaan, kelonggaran yang diberikan ini membolehkan hampir satu juta orang bukan Melayu diterima sebagai warganegara melalui pendaftaran.

Hak istimewa masyarakat Melayu dijamin secara bertulis dalam perlembagaan. Daripada segi sejarah, jaminan ini dimulakan

JADUAL 5.3 Jumlah penduduk Tanah Melayu yang diterima menjadi warganegara dari 1957 hingga 1970 melalui pendaftaran dan naturalisasi

Tahun	Melalui Pendaftaran	Melalui Naturalisasi
1957	120 078	-
1958	822 567	6
1959	67 227	12
1960	77 858	12
1961	56 330	34
1962	125 145	64
1963	89 524	42
1964	44 904	926
1965	84 337	538
1966	65 846	2 078
1967	59 269	2 437
1968	44 901	2 415
1969	35 992	4 740
1970	49 073	2 469

Sumber: Mohammad Suffian Hashim (1972, 243).



melalui *Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948*. Melalui *Fasal 19* di dalam perjanjian itu telah dinyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab khas Pesuruhjaya Tinggi untuk melindungi hak, kuasa dan maruah raja Melayu dan melindungi kedudukan orang Melayu serta kepentingan masyarakat lain yang sah. Dalam perlembagaan 1957, dua fasal menyentuh kedudukan tersebut. *Fasal 89* adalah mengenai Tanah Simpanan Melayu dan *Fasal 153* pula mengenai hak istimewa orang Melayu (Hashim 1980).

Dalam merangka dua fasal ini, terma rujukan yang dipatuhi oleh ahli adalah:

memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan yang sah untuk masyarakat yang lain

Terma rujukan ini menerangkan bahawa "kepentingan yang sah untuk masyarakat yang lain" menjadi pengimbang kepada kedudukan istimewa masyarakat Melayu. Suatu lagi bentuk pengimbang dalam perlembagaan adalah *Fasal 12* yang menerangkan bahawa tidak ada diskriminasi terhadap warganegara-warganegara atas dasar agama, bangsa, asal keturunan atau tempat kelahiran (Ahmad 1978). Dengan wujud pengimbang yang sebegini, dasar bangsa Malayan bersatu dapat wujud selari dengan hak istimewa masyarakat Melayu yang dengan sendirinya tertakluk kepada beberapa fasal seperti *Fasal 12*.

Kewujudan elemen pengimbang juga dapat dilihat menerusi pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara ini. *Fasal 152* menjamin hak bahasa lain. Tiada sesiapa boleh dilarang daripada menggunakan atau mengajar serta mempelajari sebarang bahasa lain untuk tujuan yang tidak rasmi (Mohammad 1972). Daripada suatu segi konotasi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan membawa implikasi yang serius terhadap status bahasa itu sebenarnya. Istilah yang digunakan di dalam *Fasal 152(1)* ialah "bahasa kebangsaan" dan bukannya "bahasa rasmi". Mereka yang terlibat dalam mendraf perlembagaan dengan sengaja menggunakan istilah "kebangsaan" dan bukannya "rasmi" seperti dalam *Fasal 343(1)* Perlembagaan India. Istilah kebangsaan ini lebih difahami dalam konteks emosi serta moral dan bukannya konotasi perundangan (Sheridan & Gloves 1967).

Penerangan di atas menunjukkan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan lebih merupakan suatu simbol kedudukan

istimewa orang Melayu tetapi tidak mencapai tahap bahasa rasmi yang mempunyai signifikan yang besar. Hal sebegini memberi ruang untuk penggunaan bahasa Inggeris yang berterusan dalam bidang yang lain seperti perundangan dan ekonomi.

Elemen pengimbang kepentingan semua kaum juga wujud dalam persoalan dan kedudukan agama Islam di Tanah Melayu. *Fasal 3(1)* menyatakan bahawa "Islam adalah agama untuk Persekutuan" tetapi agama lain boleh diamalkan secara aman dan harmoni di sebarang tempat dalam Persekutuan. Peruntukan yang sebegini tidak mempunyai kesan daripada segi perundangan dan tujuan sebenarnya lebih kepada tujuan upacara negara dijalankan bersesuaian dengan amalan Islam. Pengimbang kepada *Fasal 3(1)* demi memastikan kewujudan bangsa Malayan bersatu adalah *Fasal 11* yang menyatakan bahawa setiap orang mempunyai hak untuk menganut dan mengamalkan agamanya.

Setiap agama mempunyai hak untuk menguruskan urusannya sendiri, mewujudkan dan mengekalkan institusi untuk agama atau tujuan kebajikan (Ahmad 1978).

Islam sebagai agama Persekutuan tanpa sebarang kesan perundangan boleh dijejaki daripada memorandum Parti Perikatan untuk perhatian Suruhanjaya Reid yang menuntut agar Tanah Melayu terus bersifat negara sekular. Dengan sifat sebegini, agama Islam lebih merupakan amalan ritual individu dan tidak mempunyai pengaruh dalam urusan kenegaraan. Keadaan sebegini tentu sesuai dengan negara yang tidak menjadikan sebarang budaya sebagai teras kebudayaan kebangsaan.

Dengan penerimaan prinsip *jus soli* sebagai asas kerakyatan dan kewujudan elemen pengimbang yang mengambil kira kepentingan masyarakat bukan Melayu, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 merupakan suatu cerminan jelas daripada dasar bangsa Malayan bersatu yang diilhamkan oleh pegawai British sejak Perang Dunia Kedua lagi. Daripada suatu segi, perlembagaan tersebut menonjolkan kembali idea Malayan Union yang ditentang oleh masyarakat Melayu. Pada masa yang sama sejumlah besar masyarakat bukan Melayu dilibatkan dalam proses politik negara ini. (Bastin & Benda 1977)

### Rumusan

Sejak berlaku kerjasama antara UMNO dan MCA dalam menghadapi pilihanraya, Parti Perikatan telah menunjukkan komitmen tinggi ke

arah merealisasikan dasar Bangsa Malayan Bersatu. Hakikat ini adalah kerana parti tersebut menyedari bahawa kemerdekaan Tanah Melayu hanya boleh dicapai sekiranya dasar yang dijadikan pra syarat oleh kerajaan British untuk kemerdekaan dilaksanakan. Berbagai usaha dan kompromi dilakukan untuk mencapai dasar tersebut seperti yang telah dibincangkan. Sehubungan ini UMNO banyak bertolak ansur seperti yang dapat dilihat menerusi pembahagian kerusi pilihanraya 1955 dan anggota kabinet Tunku Abdul Rahman yang pertama.

Namun demikian adalah tidak tepat untuk mengandaikan bahawa perpaduan dan persefahaman yang ditunjukkan oleh pemimpin tertinggi Parti Perikatan turut berlaku di peringkat bawahan. Di peringkat ini, terlalu banyak perbezaan pendapat dan berlaku konflik kepentingan. Hal ini dapat dilihat apabila ahli parti komponen Perikatan diberi kesempatan untuk menyatakan pendapat mereka mengenai persefahaman yang dicapai oleh pemimpin mereka apabila Tanah Melayu di ambang mencapai kemerdekaan. Di peringkat bawahan seolah-olah wujud kebimbangan dan rasa tidak puas hati terhadap pemimpin parti masing-masing terutamanya apabila berhadapan dengan isu *jus soli* yang menjadi asas kepada pembentukan bangsa Malayan dan isu hak istimewa orang Melayu yang dianggap sebagai halangan kepada pembentukan masyarakat yang sama rata. Ringkasnya ahli UMNO menzahirkan kekhuatiran terhadap penerimaan prinsip kerakyatan *jus soli* manakala ahli MCA dan MIC pula tidak berpuashati dengan persetujuan pemimpin mereka terhadap pengkalan hak istimewa masyarakat Melayu. Keadaan atau kekalutan yang sebegini sebenarnya merupakan manifestasi dasar dan perjalanan Parti Perikatan yang sering dianggap sebagai hanya mempunyai penyatuan di peringkat atasan sahaja.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 daripada suatu segi merupakan cerminan dasar tolak ansur dan akomodatif Parti Perikatan. Terma rujukan yang terpaksa dipatuhi oleh Suruhanjaya Reid juga menjadi faktor yang menyebabkan bentuk akhir perlembagaan itu selari dengan dasar yang diterapkan oleh kerajaan British untuk Tanah Melayu yang merdeka. Untuk mencapainya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 mempunyai elemen pengimbang terhadap perkara yang dilihat sebagai merupakan faedah langsung kepada masyarakat Melayu seperti isu bahasa kebangsaan, agama rasmi dan hak istimewa masyarakat Melayu. Semua ini diimba-

ngi dengan teliti melalui pembentukan fasal-fasal yang memastikan masyarakat bukan Melayu tidak berada di dalam kedudukan yang merugikan atau terancam apabila berlaku pelaksanaan terhadap fasal yang berkait secara langsung dengan kepentingan masyarakat Melayu. Kerajaan Perikatan dan British sebenarnya cuba memuaskan semua pihak di negara ini walaupun tidak dapat dinafikan usaha sedemikian mungkin boleh menghasilkan kesan yang sebaliknya.

## Bab 6

# Kesimpulan

### Pendahuluan

Dalam merumus kembali usaha pembentukan bangsa Malayan bersatu ini, terdapat beberapa perkara yang perlu dianalisis semula. Antara yang penting adalah hakikat bahawa idea *pan Malayan* sebelum Perang Dunia Kedua seperti yang disarankan oleh William Maxwell telah dapat dijemlakan selepas perang. Sering kali idea sebelum peperangan tersebut dianggap sebagai hasrat menyatukan negeri Melayu ke dalam sebuah unit pentadbiran tunggal. Dengan yang demikian pentadbiran British akan lebih berkesan dan cekap. Soal pemberian kewarganegaraan kepada golongan imigran tidak timbul lantaran kehadiran mereka yang bersifat sementara. Namun, pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah merubah masa depan Tanah Melayu. Bukan sahaja negeri yang mempunyai kedaulatan dan kebebasan tersendiri dapat disatukan menerusi pentadbiran yang berpusat, soal masa depan imigran politik turut diselesaikan.

Rumusan mengenai usaha pembentukan bangsa Malayan bersatu juga melibatkan penelitian terhadap dua perkara penting iaitu:

1. Pembinaan bangsa Malayan melibatkan usaha terancang kerajaan British dan kerajaan Perikatan
2. Penerapan dasar ini ke dalam mekanisme Parti Perikatan

### Usaha Terancang Pembentukan Bangsa Malayan Bersatu

Usaha yang terancang dapat dilihat daripada tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan British dan kerajaan Perikatan. Bidang pendidikan dan penstrukturan semula syarat kewarganegaraan merupakan langkah terpenting yang telah diambil oleh kedua-dua kerajaan tersebut. Terdapat perubahan yang dilakukan dalam sistem pen-

didikan selepas Perang Dunia Kedua sehinggalah kemerdekaan dicapai. Dalam jangka waktu itu, objektif-objektif pendidikan bukanlah untuk tujuan perkembangan intelektual *per se*. Pendidikan berperanan sebagai alat perpaduan masyarakat. Oleh kerana dasar politik terpenting kerajaan British adalah untuk membentuk bangsa Malayan bersatu, sistem pendidikan turut terarah untuk mencapai hasrat itu.

Selepas Perang Dunia Kedua, perkembangan atau kemajuan dalam bidang pendidikan akan sering dikaitkan dengan kesannya terhadap pembentukan bangsa Malayan. Sebagai contoh, apabila Rang Undang-Undang Pendidikan yang baru telah digubal pada 21 November 1952. Tarikh tersebut turut dianggap sebagai "tarikh pengasasan bangsa Malayan" (Aminuddin 1955). Untuk melihat perkaitan rapat antara hubungan pendidikan dan usaha pembentukan bangsa Malayan, suasana pendidikan negara sebelum perang wajar dikaji. Tujuan peninjauan ini adalah untuk menunjukkan bahawa apabila keperluan untuk membentuk bangsa Malayan bersatu belum wujud, sistem pendidikan negara ini turut memperlihatkan keadaan yang terpisah mengikut garisan etnik. Keadaan sebegini juga boleh diterangkan apabila dirujuk kepada dasar pentadbiran British sebelum perang iaitu ia akan ditentukan oleh pertimbangan ekonomi (Paul 1973). Hal ini ternyata benar kerana potensi ekonomi Tanah Melayu untuk diusahakan secara besar-besaran menjadi perkiraan penting berlakunya campur tangan British secara langsung di Tanah Melayu. Justeru subsistem lain seperti pendidikan perlu bergerak mengikut kerangka kepentingan ekonomi.

Atas pertimbangan ekonomi penduduk Tanah Melayu perlu dipisahkan mengikut kelompok etnik masing-masing. Pemisahan yang sebegini dicerminkan dengan pembentukan sekolah vernakular bagi memastikan perkembangan ekonomi berjalan lancar. Kepelbagaian sekolah vernakular menyebabkan kurangnya kesedaran kebangsaan dan perpaduan kerana ketiadaan suatu bahasa yang berperanan sebagai *lingua franca* (Ho 1952).

Seperti yang dijelaskan, dasar tidak rasmi kerajaan British sebelum perang iaitu dasar pro Melayu tidak kekal. Perubahan politik untuk Tanah Melayu yang penting berlaku semasa Perang Dunia Kedua yang kesannya dapat dilihat selepas pendudukan semula British. Dasar baru yang akan dianjurkan oleh kerajaan British secara umum adalah ke arah pembentukan suatu bangsa Malayan bersatu. Dengan

pembentukan bangsa Malayan ini, penduduk bukan Melayu yang selama ini dikategorikan sebagai pemastautin sementara yang dikaitkan dengan perkembangan ekonomi Tanah Melayu akan menjadi warga negara melalui kewarganegaraan *jus soli*. Mereka bersama penduduk asal iaitu orang Melayu akan membentuk bangsa Malayan. Selaras dengan perubahan politik ini, ciri sistem pendidikan Tanah Melayu perlu diperbaharui dan digemblingkan supaya semangat Malaya dapat diterapkan di kalangan para pelajar. Kini sistem pendidikan yang terpisah-pisah dan yang meneguhkan garis pembahagian antara kaum akan mengutamakan soal perpaduan dan kekitaan. Usaha pertama untuk membentuk perpaduan penduduk melalui sistem pendidikan boleh dirujuk daripada usul Rancangan Cheeseman untuk membentuk dasar pendidikan baru seperti yang diterangkan melalui *Kertas Majlis No 53 Malayan Union*. Rancangan ini mencadangkan supaya:

1. pendidikan sekolah rendah menerusi bahasa ibunda
2. pengenalan bahasa Inggeris di semua sekolah rendah
3. dua jenis sekolah menengah iaitu yang menggunakan bahasa Inggeris dan sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar (Paul 1972)

Kepentingan sistem pendidikan sebagai alat penyatuan masyarakat dan di dalam konteks Tanah Melayu iaitu antara Melayu-bukan Melayu telah disentuh oleh Laporan Cheeseman dengan menyatakan bahawa sekolah berperanan dalam pembentukan semangat kerakyatan umum (Ho 1952)

Seterusnya dibentuk Jawatankuasa Barnes untuk mengkaji, antaranya pendidikan vernakular Melayu dan langkah yang sesuai untuk memajukan pelajar Melayu dalam bahasa Inggeris (Francis 1975). Walaupun jawatankuasa ini sering dianggap sebagai menonjolkan kepentingan bahasa Melayu dan sistem pendidikan vernakular Melayu, namun pada hakikatnya idea utama jawatankuasa itu bertujuan membantu meneguhkan pembentukan bangsa Malayan. Antara lain jawatankuasa ini mencadangkan sekolah rendah dijadikan alat untuk membina bangsaan lazim.

Idea Jawatankuasa Barnes dan Fenn-Wu telah digemblingkan melalui pengenalan *Ordinan Pelajaran 1952*. Ordinan ini sering dianggap sebagai cubaan pertama untuk menggubal dasar pendidikan

negara (Paul 1973). Idea Sekolah Kebangsaan yang tunggal yang mula diusulkan oleh Jawatankuasa Barnes timbul semula. Sekali lagi perkaitan yang rapat antara sistem pendidikan dan usaha membentuk bangsa

Malaya bersatu dapat dilihat daripada objektif ordinan ini yang menjelaskan bahawa *Ordinan Pelajaran 1952* berhasrat "membantu pembentukan warga negara yang bersatu iaitu bangsa Malayan" (Aminuddin 1955). Seperti idea utama Jawatankuasa Barnes, ordinan ini berhasrat memansuhkan sekolah vernakular sebagai prasyarat untuk menghapuskan pengasingan di peringkat sekolah. Namun demikian, cadangan yang terkandung di dalam *Ordinan Pelajaran 1952* tidak dapat dilaksanakan kerana halangan kewangan. Namun yang lebih penting ialah hakikat bahawa selepas perang sehingga Majlis Perundangan Persekutuan meluluskan ordinan tersebut, sistem pendidikan negara dibentuk dengan sebegitu rupa dengan mengambil kira dasar politik kerajaan pada masa itu iaitu pembentukan bangsa Malayan bersatu. Sekolah kini dilihat sebagai alat penyatuan yang asas dan penting di dalam penyatuan kaum yang berlainan di Tanah Melayu.

1955 adalah tahun permulaan kerajaan Perikatan memegang kuasa walaupun tidak sepenuhnya. Walaupun dalam keadaan sebegini, reformasi pendidikan telah diadakan yang dimulakan oleh Penyata Razak pada 1956 dan kemudiannya Penyata Rahman Talib pada 1960. Kerajaan Perikatan, seperti juga kerajaan British menjadikan sistem pendidikan sebagai alat membentuk bangsa Malayan bersatu. Usaha membentuk sebuah bangsa yang bersatu tentulah merupakan keutamaan sesebuah kerajaan yang baru mewarisi kuasa dalam sebuah negara yang berbilang kaum. Namun demikian di samping menjadi alat penyatuan kaum yang berlainan, Parti Perikatan turut menjadikan sistem pendidikan negara sebagai "item tolak ansur" sesama komponen Parti Perikatan. Berpandukan k tolak ansur atau lebih tepat lagi untuk memeliharaimbangan kepentingan masyarakat Melayu-bukan Melayu, Penyata Razak menjelaskan bahawa:

Kami berpandukan kepada maksud hendak menjadikan Bahasa Melayu itu bahasa kebangsaan di negara ini dengan tidak merosak atau menyekat akan bahasa dan kebudayaan bangsa lain yang diam di negara ini (Ibrahim 1977)



Penekanan kepada "tidak merosakkan atau menyekat akan bahasa dan kebudayaan bangsa lain yang diam di negara ini merupakan kompromi Parti Perikatan yang tipikal. Ia merupakan suatu bentuk habuan atau pampasan kepada masyarakat bukan Melayu ke atas keputusan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang perlu dipelajari di setiap jenis sekolah. Idea untuk menjamin penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar di sekolah vernakular telah diutarakan dalam Mesyuarat Majlis Perikatan pada 11 November 1954 oleh wakil MCA, Leung Cheung Ling. Memorandum wakil MCA itu menjelaskan bahawa:

sementara Malayanisasi merupakan salah satu matlamat kita dalam pendidikan, kita juga mengiktiraf akan kepentingan pendidikan bahasa ibunda. Setiap peluang perlu diberikan supaya pendidikan bahasa ibunda berkembang selaras dengan keperluan orang ramai.

Sebuah lagi memorandum mengenai pengendalian pendidikan dalam bahasa ibunda dikeluarkan selepas mesyuarat yang sama pada 3 Februari 1955 yang menekankan kepentingan "tidak memansuhkan sebarang sekolah, bahasa atau budaya sebarang kaum di negara ini". Memorandum ini juga menjelaskan bahawa Parti Perikatan berpendapat bahawa Sekolah Kebangsaan seperti yang disarankan sebelum ini oleh *Ordinan Pendidikan 1952* "hanya akan diwujudkan secara percubaan sahaja untuk mengetahui sama ada sekolah jenis tersebut akan diterima oleh orang ramai (Surat Leong SP 1/A/99).

Jelaslah sistem pendidikan telah dijadikan alat penting dalam merancang pembentukan bangsa Malayan bersatu terutama selepas Perang Dunia Kedua. Namun yang lebih penting adalah perubahan dan pembaharuan sistem pendidikan masih tertakluk kepada dasar politik kerajaan British dan kerajaan British sendiri iaitu pengendalian budaya kaum yang berbeza di negara ini. Justeru, penggunaan bahasa pengantar tunggal tidak pernah dipakai dalam sistem pendidikan negara.

Selain sistem pendidikan yang telah mengalami perubahan demi perubahan sehingga akhirnya mencerminkan dasar utama kerajaan British dan kemudiannya diwarisi oleh kerajaan Perikatan, proses akomodasi juga dilakukan oleh dua pihak tersebut supaya akhirnya terbentuk bangsa Malayan bersatu dan menamatkan konsep "Tanah Melayu untuk orang Melayu". Perubahan syarat kewarga-

negara adalah suatu kemestian dalam sebarang usaha pembentukan negara bangsa yang menghadapi masalah kewujudan rakyatnya yang terdiri daripada kelompok penduduk tetap dan di suatu pihak lagi merupakan golongan imigran yang kini menuntut supaya mereka diterima sebagai warganegara. Seperti yang dijelaskan terdahulu bahawa sebelum perang, hanya orang Melayu sahaja yang dianggap sebagai penduduk dan pemilik negara di samping sedikit pengecualian iaitu rakyat British di Negeri Selat. Antara indikasi yang menunjukkan hampir keseluruhan penduduk bukan Melayu di negara ini sebelum perang diklasifikasikan sebagai pendatang atau pemas-tautin sementara adalah pengenalan *Ordinan Orang Asing 1932*. Ordinan ini walaupun secara rasminya bertujuan untuk mengawal kemasukan imigran, tetapi sering dianggap oleh orang bukan Melayu sebagai suatu bentuk dasar "anti-Cina". Ordinan ini bukan sahaja bertujuan mengawal kemasukan imigran tetapi turut memberikan kuasa kepada kerajaan British untuk menghantar pulang imigran yang telah bermastautin di negara ini. Namun yang lebih penting, jika dikaji dengan lebih menyeluruh adalah bahawa hakikat bahawa ordinan ini sering dikaitkan dengan bancian penduduk 1931 yang menunjukkan jumlah penduduk berbangsa Cina mengatasi orang Melayu yang kini menjadi "minoriti secara perkiraan" di dalam negara mereka sendiri. Pada 1930-an, telah berlaku pertambahan penduduk Cina iaitu sekitar 31.3 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk negara ini kepada 45.2 peratus pada 1939 (Abraham 1997). Berlatarbelakangkan keadaan sebegini dan ditambah pula dengan dasar pro-Melayu sebelum perang, ordinan ini boleh digunakan untuk mengawal jumlah keseluruhan penduduk Cina di Tanah Melayu sekiranya timbul masalah yang berkaitan. Kekhawatiran terhadap pertambahan masyarakat bukan Melayu atau tenggelamnya masyarakat Melayu di negara sendiri bukanlah isu yang diberikan pertimbangan lagi oleh kerajaan British selepas Perang Dunia Kedua. Perkembangan yang berlaku di Tanah Melayu dan di Britain sendiri semasa Perang Dunia Kedua telah menyebabkan berlakunya perubahan dasar yang signifikan daripada dasar pro-Melayu kepada dasar pembentukan bangsa Malayan bersatu. Dasar yang baru ini hanya boleh diimplementasikan sekiranya syarat kewarganegaraan di dalam bentuk liberal kepada masyarakat bukan Melayu. Dengan pengenalan Malayan Union pada 1 April 1946, proses pembentukan bangsa Malayan telah bermula secara rasmi iaitu dengan pengenalan

*Rang Undang-Undang Negeri Selat (Penamatan)*. Pada tahap ini, prinsip kerakyatan *jus soli* telah diaplikasikan dalam penerimaan orang bukan Melayu. Sesiapa sahaja yang lahir di Tanah Melayu atau Singapura layak menjadi warganegara. Kelonggaran syarat kerakyatan dapat dilihat melalui syarat tempoh bermastautin selama sepuluh daripada 15 tahun pada 15 Februari 1942 untuk mereka yang telah berusia 18 tahun.

Bantahan masyarakat Melayu terhadap Malayan Union menyebabkan negara kesatuan itu dibubarkan dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu yang dalam banyak hal memperlihatkan hak istimewa Melayu dikembalikan. Selari dengan pendirian ini, syarat kerakyatan diperketatkan. Dengan syarat yang diperketatkan, seramai 2 294 000 orang Melayu telah diterima sebagai warganegara. Namun demikian sejumlah kecil masyarakat bukan Melayu, seperti yang dicerminkan oleh penerimaan 320 000 orang Cina yang layak menjadi warganegara daripada sejumlah 2 011 000 orang (CO 1022/174). Perangkaan ini menunjukkan kesan yarat kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu terhadap masyarakat Cina. Walaupun begitu, perangkaan tersebut dapat dijadikan generalisasi mengenai penerimaan terhadap masyarakat bukan Melayu secara keseluruhan. Hal ini disebabkan oleh keputusan kerajaan British untuk mengkategorikan penduduk Tanah Melayu kepada dua sahaja iaitu Rakyat Raja dan Rakyat British. Dengan pembahagian sebegini, majoriti penduduk bukan Melayu tidak termasuk kepada sebarang katogeri. Permohonan untuk mendapatkan kerakyatan di bawah Persekutuan Tanah Melayu pula memperlihatkan syarat bermastautin selama 15 tahun daripada 20 tahun sebelum permohonan dibuat untuk mereka yang tidak dilahirkan di negara ini. Dengan syarat sebegini, Persekutuan Tanah Melayu sering dianggap sebagai suatu rancangan "kembali kepada dasar sebelum perang". Penulis sejarah sering menganggap negara baru ini sebagai suatu kemenangan masyarakat Melayu ke atas pentadbiran kerajaan British. Namun jika dianalisis daripada perspektif lain, kerajaan British berjaya menerapkan dasar membentuk bangsa Malayan bersatu secara rasmi dan pada masa yang sama dapat mematikan sebarang penentangan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu. Walaupun syarat kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu ketat, tetapi sebenarnya pintu kewarganegaraan untuk masyarakat bukan Melayu telah dibuka. Ia adalah suatu permulaan untuk negara bangsa Malayan dan Tanah Melayu kini ti-

tidak lagi bersifat tradisional sepenuhnya daripada segi kependudukan. Kini orang Melayu tidak lagi dapat mendakwa "Tanah Melayu hanya untuk orang Melayu" dan bermulalah perkongsian Melayu-bukan Melayu di negara ini.

Syarat kewarganegaraan yang ketat di bawah Persekutuan Tanah Melayu tidak kekal lama. Hal ini dapat dikaitkan dengan pengaruh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum terhadap beberapa perubahan dasar kerajaan British yang membantu kepada pembentukan bangsa Malayan. Jawatankuasa ini walaupun pada dasarnya merupakan suatu bentuk forum antara kaum dan wujud untuk jangka waktu yang singkat tetapi syor yang dikemukakan amat penting dalam keputusan yang diambil oleh kerajaan British. Di samping itu walaupun dalam bentuk yang tidak langsung, jawatankuasa ini mempunyai kaitan dengan penubuhan IMP. Perkaitan rapat jawatankuasa tersebut dan pembentukan bangsa Malayan bersatu dapat dilihat daripada persoalan perbincangan jawatankuasa itu yang antara lain ialah:

1. Wajarkah matlamat mutakhir semua komuniti ialah pembentukan bangsa Malayan bersatu
2. Wajarkah semua warganegara Persekutuan tanpa mengira bangsa, mempunyai persamaan status, peluang dan keutamaan (CO 717/183).

Anggota Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum memandang undang-undang kerakyatan *Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948* sebagai suatu halangan kepada pembentukan bangsa Malayan bersatu. Kesukaran untuk masyarakat bukan Melayu untuk menjadi warga negara kerana tidak menjadi rakyat British atau Rakyat Raja telah mendapat perhatian khusus. Sehubungan itu, seperti yang dinyatakan dalam bab terdahulu, Tan Cheng Lock telah mencadangkan supaya golongan tersebut diterima sebagai Rakyat Raja. Penganugerahan ini tidak membawa kepada pengertian bahwa masyarakat bukan Melayu dalam usaha mendapatkan kerakyatan telah mengiktiraf dan menerima sistem politik tradisi Melayu. Sebaliknya ia merupakan suatu bentuk jalan keluar untuk meluaskan ruang kewarganegaraan. Idea Tan Cheng Lock ini walaupun tidak diutarakan dalam "bentuk yang asal" melalui kenyataan yang dikeluarkan kepada umum oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum, tetapi kemudiannya terjelma dalam *Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu (Pin-*

daan) 1952. Melalui pindaan ini orang bukan Melayu yang lahir di sesebuah negeri Melayu boleh menjadi Rakyat Raja sekiranya salah seorang ibu atau bapanya telah dilahirkan di persekutuan. Selain itu permohonan kerakyatan boleh dibuat sekiranya seseorang itu telah bermastautin 10 tahun daripada 15 tahun tempoh permohonan. Syarat sebegini sebenarnya dapat dijejaki daripada usul jawatankuasa itu iaitu kerakyatan melalui pendaftaran boleh dipohon dengan syarat bermastautin 15 tahun di Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam persoalan pemberian kerakyatan kepada masyarakat bukan Melayu, terdapat dua bentuk aliran pemikiran. Aliran "pertama" bolehlah dianggap sebagai mewakili pendirian masyarakat Melayu yang mempertahankan konsep "Tanah Melayu untuk orang Melayu". Selaras dengan pendirian bahawa syarat kewarganegaraan perlulah diperketatkan untuk orang bukan Melayu. UMNO sewaktu mula diterajui oleh Tunku Abdul Rahman boleh diklasifikasikan ke dalam aliran pemikiran ini. Aliran "kedua" yang sejak sebelum Perang Dunia Kedua telah mula mengutarakan idea bahawa Tanah Melayu perlu menerima sesiapa sahaja yang mahu menjadikannya sebagai objek kesetiaan dan sebagai tempat kediaman yang kekal. Aliran ini berpegang teguh kepada konsep *jus soli*. Semasa dan selepas perang, suara aliran ini seperti Persatuan Cina Seberang Laut yang dipimpin oleh Tan Cheng Lock mula mendapat perhatian. Pembentukan Malayan Union memulakan momentum untuk mengabsahkan tuntutan kerakyatan *jus soli*. Dalam konteks Parti Perikatan, idea aliran kedua mula menguasai dan menghalang pendirian lama UMNO. Secara beransur-ansur UMNO telah mengalami proses "pembiasaan" dan penerimaan isu *jus soli*. Daripada sebuah parti yang tidak dapat menerima dan mengiktiraf sesuatu yang dikaitkan dengan konsep Malaya, UMNO melalui Jawatankuasa Kecil Politik yang dipengerusikan Tun Abdul Razak bukan sahaja bersetuju tetapi telah mengusulkan kerakyatan *jus soli* untuk diterima pakai apabila kemerdekaan dicapai. Dalam laporannya jawatankuasa itu mengusulkan supaya prinsip *jus soli* perlu diterima apabila perlembagaan yang baru mula digunakan. (yang membawa maksud apabila kemerdekaan dicapai). Jawatankuasa itu juga mengusulkan supaya syarat bermastautin hanyalah sepuluh tahun untuk mereka yang memohon kerakyatan (CO 1022/245).

Tidak sekadar bersetuju untuk melaksanakan prinsip kerakyatan *jus soli* apabila kemerdekaan dicapai, suatu bentuk toleransi di kalangan komponen Parti Perikatan telah memungkinkkan lebih

ramai pemastautin bukan Melayu diterima sebagai warganegara. Sebagai parti politik yang terlibat secara langsung, MCA telah menjalankan kempen *citizenship drive* iaitu suatu bentuk kempen yang menggalakkan mereka yang belum diterima sebagai warganegara untuk membuat permohonan di dalam jangka masa kelonggaran satu tahun yang diberi oleh kerajaan Perikatan.

Dalam tempoh setahun sebagai kesan daripada kempen MCA, 822 567 orang diterima sebagai warganegara. Atas penerimaan dan keakuran terhadap kerangka membentuk bangsa Malayan bersatu, UMNO tidak melihat pertambahan hampir satu juta orang bukan Melayu diterima menjadi warganegara sebagai suatu bentuk ancaman khususnya dalam bentuk pertambahan pengundi bukan Melayu yang boleh mencorakkan bentuk kerajaan dalam proses pilihanraya. Dalam pilihanraya 1955, jumlah pengundi Melayu ialah 84 peratus tetapi pada 1959, jumlah tersebut telah berkurangan kepada 56.8 peratus. Dalam masa yang sama, pengundi bukan Melayu telah meningkat daripada 16 peratus kepada 43.2 peratus (Ramli 1993).

### Penerapan Dasar Bangsa Malayan Bersatu ke Dalam Mekanisme Parti Perikatan

Parti Perikatan bukan sahaja menjalankan dasar yang menuju kepada matlamat pembentukan bangsa Malayan bersatu seperti merubah sistem pendidikan dan melonggarkan syarat kewarganegaraan kepada masyarakat bukan Melayu tetapi mekanisme dalaman parti itu mula menerima dan menyerap dasar tersebut dari semasa ke semasa seperti yang diperlihatkan daripada perubahan dasar UMNO yang menunjangi perikatan. Hal ini dapat dilihat daripada kerjasama UMNO-MCA dalam menghadapi pilihanraya bandaran Kuala Lumpur. Seringkali kerjasama ini dilihat sebagai suatu tindakan praktikal, *ad-hoc*, dan merupakan strategi pilihanraya apabila berhadapan dengan IMP yang bercirikan politik bukan perkauman, sesuatu yang tidak dimiliki oleh UMNO dan MCA. Kejayaan memenangi sembilan daripada 12 kerusi menjadi pendorong untuk meneruskan kerjasama tersebut. Yang lebih penting ialah wujudnya kerjasama dan persefahaman antara dua parti itu terutama dalam meletakkan calon dengan berdasarkan komposisi kaum para pengundi. Ini adalah kerana mereka menyedari bahawa pilihanraya tersebut perlu ditandingi atas platform kaum. Hasil kemenangan itu, kerjasama antara parti yang

masing-masing memperjuangkan kepentingan kaum yang berlainan telah terbentuk pada pelbagai peringkat. UMNO dan MCA terus mengekalkan ciri asal parti yang bersifat komunal. Pengkalan ciri yang sebegini penting untuk terus mendapatkan sokongan terutama diperingkat akar umbi. Namun di peringkat tertinggi Parti Perikatan, pemimpin komponen mula menyesuaikan dasar parti masing-masing supaya selaras dengan dasar membentuk bangsa Malayan bersatu. Contoh yang paling nyata dan seperti yang dinyatakan adalah dasar "Tanah Melayu untuk orang Melayu" Umno tidak diketengahkan apabila berada di peringkat tersebut.

Pilihanraya 1955 adalah pilihanraya yang dimonopoli oleh pengundi Melayu yang membentuk 84 peratus keseluruhan pengundi. Dengan kekuatan sebegini, untuk meletakkan calon bukan Melayu bukanlah suatu strategi pilihanraya yang baik. Hanya di George Town dan Ipoh sahaja yang mempunyai jumlah pengundi bukan Melayu yang melebihi jumlah pengundi Melayu. Namun demikian Parti Perikatan telah meletakkan 15 calon berbangsa Cina dan dua calon berbangsa India dalam pilihanraya tersebut. Malahan desakan "90 peratus calon Melayu untuk Parti Perikatan daripada UMNO" telah ditolak oleh Tunku Abdul Rahman yang ingin mempamerkan imej Parti Perikatan sebagai parti dengan perwakilan berbilang kaum di samping menyedari akan hakikat bahawa pengundi Melayu akan menyokong calon parti itu tanpa mengira faktor kaum calon yang bertanding.

Selain pilihanraya 1955 yang menunjukkan nilai persefahaman yang tinggi di kalangan pemimpin parti komponen Perikatan di dalam penerimaan dasar bangsa Malayan bersatu, keadaan lain turut menunjukkan komitmen pemimpin komponen Perikatan. Pada 1953, kenyataan yang dikeluarkan oleh Victor Purcell yang pernah berkhidmat sebagai Penasihat Hal Ehwal Masyarakat Cina dalam siri ceramah yang dianjurkan oleh MCA telah dianggap oleh UMNO sebagai "anti Melayu". Keadaan ini berpotensi menyebabkan hubungan UMNO-MCA tidak harmonis. Namun demikian "politik tolak ansur dan toleransi" antara Tunku Abdul Rahman dan Tan Cheng Lock telah menyebabkan keadaan hampir berkonflik ditukar kepada bentuk perundingan yang dinamakan Perundingan Meja Bulat Perikatan antara kedua parti itu pada 3 Februari 1953. MCA diwakili oleh Tan Cheng Lock, H.S. Lee, Leong Yew Koh, S.M. Yong dan Ong Yoke Lin manakala UMNO diwakili oleh Tunku Abdul Rahman,

Sardon Jubir, Dato Bahaman dan Syed Nasir. Terdapat lima perkara yang dibincangkan dalam persidangan itu iaitu:

1. Pemulihan hubungan antara masyarakat Melayu dan Cina
2. Kemerdekaan Tanah Melayu melalui persefahaman dan kerjasama antara dua bangsa utama tersebut
3. Penubuhan Jawatankuasa Hubungan pada semua tahap
4. Pilihanraya persekutuan pada 1954
5. Dr Purcell diberitahu supaya tidak menulis rencana yang menyinggung perasaan orang Melayu
6. Peruntukan \$500 000 daripada MCA untuk kemajuan ekonomi masyarakat Melayu (Surat Leong SP3/A/99).

Terdapat beberapa implikasi daripada perundingan meja bulat itu dan perkara yang dibincangkan. Perkara perbincangan menunjukkan bahawa mekanisme Parti Perikatan bukan sahaja berjaya mengatasi krisis asal yang ditimbulkan oleh Dr Purcell tetapi juga mengukuhkan komitmen parti itu kepada dasar yang mereka perjuangkan. Perkara ini ternyata benar apabila dirujuk kepada perkara 1, 2, 3, dan 6. Pemberian \$500 000 oleh MCA bertujuan membantu memulihkan ekonomi orang Melayu bukanlah suatu bentuk penyelesaian total dan menyeluruh. Ia lebih tepat dianggap sebagai suatu simbol ikatan UMNO-MCA yang sebagai implikasinya merupakan suatu tindakan ke arah mengukuhkan dasar bangsa Malayan bersatu.

Selain penglibatan dalam Perundingan Meja Bulat, Konvensyen Kebangsaan yang pertama pada bulan Ogos 1953 dan yang kedua pada bulan Oktober tahun yang sama merupakan suatu bentuk manifestasi keakuran Parti Perikatan terhadap dasar bangsa Malayan bersatu. Malahan sebenarnya idea untuk mengadakan konvensyen itu adalah daripada Oliver Lyttelton, Setiausaha Negara Untuk Tanah Jajahan. Usul yang dibincangkan dalam konvensyen itu mendapat restu dan persetujuan daripada Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu (Surat Leong SP 3/A/132). Dengan yang demikian boleh dikatakan bahawa Parti Perikatan bertindak di dalam kerangka kerja yang ditetapkan dan dipersetujui oleh kerajaan British. Perkara ini sememangnya disadari oleh parti tersebut kerana untuk mencapai kemerdekaan, kerjasama semua kaum hingga terbentuk bangsa Malayan bersatu adalah prasyarat yang ditetapkan oleh kerajaan British. Oleh yang demikian di sepanjang perjalanan



kedua-dua konvensyen itu, penekanan yang diberikan ialah untuk membentuk bangsa Malayan bersatu. Justeru usul "Melayu sebagai bangsa yang terancam" oleh Hashim Ghani daripada Kesatuan Melayu Semenanjung tidak dapat diterima kerana bertentangan dengan idea utama yang mendasari keseluruhan konvensyen tersebut. Antara penjelasan terbaik yang dapat menerangkan pendirian UMNO dan Parti Perikatan adalah jawapan Tunku Abdul Rahman kepada Ahmad Rahim, wakil Kesatuan Melayu Semenanjung. Menurut Tunku, konvensyen tersebut adalah untuk mendesak kemerdekaan Tanah Melayu yang dalamnya semua rakyat akan bekerjasama dan setaraf dan kerana itu UMNO tidak mahukan sebarang kepentingan atau keistimewaan dikhususkan kepada masyarakat Melayu (Surat Leong SP 3/A/132).

Kenyataan dan pendirian sebegini terutama daripada UMNO adalah penting dan bersesuaian dengan dasar yang cuba diterapkan oleh kerajaan British untuk Tanah Melayu. Pendirian Parti Perikatan dalam pembentukan bangsa Malayan bersatu secara jelas terjelma dalam bentuk yang konkrit di dalam memorandum parti itu kepada Penyata Reid yang bertugas merangka perlembagaan untuk Tanah Melayu yang merdeka. Secara umum idea utama dalam memorandum itu menjurus kepada cita negara bangsa Malayan bersatu walaupun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat perbezaan antara UMNO, MCA dan MIC. Perbezaan yang wujud itu bukanlah merupakan perbezaan yang fundamental. Hasrat untuk membina negara bangsa Malayan bersatu tetap terpelihara dan diperjuangkan. Mukaddimah memorandum itu menjelaskan bahawa hasrat Parti Perikatan untuk "menubuhkan suatu corak kerajaan yang akan menjamin kebebasan, persamaan dan kesatuan bangsa yang baru" (UMNO/SUA No. 28A/1957). Testamen Amanah Politik Perikatan juga membuat cadangan penting sehubungan dengan pembentukan bangsa Malayan bersatu. Untuk tujuan tersebut, Parti Perikatan mencadangkan supaya Undang-Undang Taraf Kebangsaan dibentuk dengan matlamat untuk "mewujudkan bangsa tunggal" supaya penduduk negara ini mempunyai "taat setia yang tidak boleh dipersoal dan tidak berbelah bahagi". Dengan jelas Parti Perikatan telah menyatakan hasrat untuk mewujudkan suatu "bangsa tunggal" yang membawa pengertian kepada pembentukan bangsa Malayan walaupun pada akhirnya Undang-Undang Taraf Kebangsaan tidak dimasukkan ke dalam perlembagaan negara ini. Selain mencadangkan tempoh bermastautin yang rela-

tifnya singkat iaitu sepuluh daripada 12 tahun untuk permohonan mendapatkan kerakyatan kepada yang tidak dilahirkan di negara ini, memorandum itu juga mengusulkan supaya diwujudkan masa peralihan untuk bukan warganegara mendapatkan kerakyatan. Rasional yang dikemukakan oleh Parti Perikatan untuk mewujudkan masa peralihan adalah kerana "terdapat sebilangan besar bangsa asing di Persekutuan Tanah Melayu". Taraf yang mereka miliki ini dianggap oleh memorandum tersebut sebagai "tidaklah bagi kepentingan perpaduan bangsa". Kepentingan untuk membuka kewarganegaraan yang luas kepada masyarakat bukan Melayu telah dijelaskan oleh memorandum itu dengan menyatakan bahawa:

... Persekutuan yang merdeka itu patut mengandungi semua orang yang sebenar-benarnya berkehendak menjadikan persekutuan ini tempat kediaman mereka dan tempat tumpuan taat setia mereka yang tidak berbelah bagi (UMNO/SUA No. 28A/1957).

### Kemampuan Kerajaan British dan Kerajaan Perikatan Membentuk Bangsa Malayan yang Bersatu

Perbincangan mengenai usaha dan kemampuan kedua-dua kerajaan ini membentuk bangsa Malayan bersatu tidak boleh dilakukan secara terpisah. Ini kerana dalam beberapa aspek kerajaan British secara tidak langsung telah memimpin dan menyediakan kerangka untuk diikuti oleh Parti Perikatan agar apabila parti tersebut memegang kuasa, dasar yang diusahakan oleh kerajaan British itu akan menjadi teras pentadbiran.

Usaha kerajaan British untuk membentuk bangsa Malayan telah bermula semasa Tanah Melayu berada di bawah jajahan Jepun. Dasar ini dirangka oleh Pejabat Tanah Jajahan dan Pejabat Luar yang kemudiannya dimanifestasikan melalui pembentukan Malayan Union. Negara kesatuan ini memulakan penerimaan masyarakat bukan Melayu sebagai warganegara melalui prinsip kerakyatan *jus soli*. Dasar dan landasan untuk pembentukan bangsa Malayan bersatu telah bermula. Walaupun akhirnya kerajaan British bersetuju, perkara fundamental tidak berubah. Negara ini terus bergerak dan meninggalkan konsep "Tanah Melayu untuk orang Melayu".

Strategi kerajaan British untuk memastikan usaha mereka membentuk bangsa Malayan bersatu turut disokong oleh parti

politik tempatan dengan memberikan syarat kerjasama antara kaum dan penerimaan masyarakat bukan Melayu sebagai warganegara dengan hak dan tanggungjawab yang sama untuk membolehkan kemerdekaan diberikan. Dengan prasyarat sebegini, parti politik tidak mempunyai pilihan yang banyak dan sebaliknya perlu menyusun semula dasar parti masing-masing supaya selari dengan dasar kerajaan British. Selain daripada melakukan proses penyusunan semula, pilihan lain adalah untuk menubuhkan parti yang baru seperti yang dilakukan oleh Dato Onn yang terpaksa membentuk IMP apabila beliau gagal memastikan ahli UMNO menerima kehendak kerajaan British. IMP sering dikaitkan sebagai parti yang mencerminkan model yang diharapkan oleh kerajaan British untuk mentadbir Tanah Melayu yang merdeka. Namun begitu, kerajaan British bersikap praktikal apabila menyaksikan kegagalan IMP untuk menjadi parti yang dominan dalam proses pilihanraya. Justeru, parti alternatif perlu dicari untuk menggantikan peranan IMP dan dalam konteks ini perikatan UMNO-MCA merupakan pilihan yang terbaik. Kekalahan IMP menyedarkan kerajaan British untuk menerima realiti politik Tanah Melayu iaitu para pengundi tetap memerlukan parti yang berasaskan kepada kepentingan kaum seperti UMNO dan MCA. Menyokong dan "membimbing" perikatan UMNO-MCA adalah usaha yang praktikal kerana perikatan tersebut dapat diterima oleh rakyat sekurang-kurangnya dalam bentuk undian. Usaha ini juga memastikan kesinambungan dasar kerajaan British dapat dijelmakan apabila Tanah Melayu diberikan kemerdekaan.

Penerimaan Parti Perikatan terhadap dasar bangsa Malayan bersatu, bukanlah semata-mata sebagai kesan daripada proses "bimbingan" kerajaan British terhadap parti politik tempatan seperti pembentukan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum, Sistem Ahli dan sokongan disebalik tabir terhadap persidangan seperti Konvensyen Kebangsaan. Sebaliknya mekanisma Parti Perikatan mula memperlihatkan penerimaan kerjasama dalam skala besar-besaran dan bersifat kekal dan menyatakan penerimaan terhadap cita-cita membentuk bangsa Malayan bersatu secara jelas. Sehubungan ini, perubahan dasar UMNO perlu disentuh. Menyedari akan hasrat mencapai kemerdekaan dan menjaga kepentingan masyarakat Melayu adalah prioriti utama, UMNO terpaksa mengubah dasar parti. UMNO yakin bahawa kedua-dua matlamat itu akan dapat dicapai walaupun terpaksa memenuhi syarat yang ditetapkan oleh kerajaan British.

Pertukaran dasar UMNO membolehkan apa jugag kerjasama antara kaum berjalan kerana pembentukan bangsa Malayan bersatu dalam beberapa hal melibatkan pengorbanan daripada masyarakat Melayu. Dari suatu segi, idea asas Dato Onn yang pernah ditolak kini diterima oleh UMNO di bawah Tunku Abdul Rahman. Usul dan komitmen UMNO terhadap dasar ini boleh dirujuk daripada Konvensyen Kebangsaan pada 1953.

Tugas memastikan bangsa Malayan bersatu boleh diwujudkan mula digantikan oleh kerajaan Perikatan. Dalam perbincangan itu dua isu besar perlu disentuh berkaitan peranan kerajaan Perikatan iatu:

1. Ketiadaan penyelesaian yang jitu dan total terhadap isu penting dalam usaha pembinaan bangsa Malayan bersatu
2. Penerimaan rakyat terhadap dasar tersebut

Jika dianalisis sejarah perkembangan dan perjalanan Parti Perikatan sebagai salah sebuah parti politik dan kemudiannya sebagai kerajaan Tanah Melayu yang merdeka, dapatlah dibuat suatu generalisasi bahawa parti tersebut tidak mempunyai dasar atau mengambil tindakan yang jitu, menyeluruh dalam menyelesaikan isu yang berkaitan dengan usaha membentuk bangsa Malayan merdeka. Hal ini boleh dikaitkan dengan struktur Parti Perikatan yang menaungi parti yang berasaskan kepentingan kaum yang berbeza. Setiap tindakan yang diambil terpaksa melibatkan imbalan kepentingan kaum seperti yang terjelma di dalam memorandum parti itu kepada Suruhanjaya Reid. Memorandum itu mempunyai perbezaan tuntutan yang menunjukkan kegagalan membentuk suatu pendirian yang bersepadu. UMNO, MCA dan MIC bebas mengemukakan pendirian mereka terutama yang berkait dengan syarat kewarganegaraan.

Seorang penganalisis politik menyifatkan Parti Perikatan dalam usaha mendapatkan kemerdekaan telah melakukan "kegopohan" menerima syarat kerajaan British iaitu kerjasama antara kaum (Chandra 1991). Salah satu keadaan yang menunjukkan berlakunya kegopohan Parti Perikatan di samping ketiadaan penyelesaian total terhadap isu yang penting tentang pembinaan negara bangsa ialah persetujuan parti tersebut untuk menangguhkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal selama sepuluh tahun di samping mengizinkan penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem

pentadbiran, perundangan dan ekonomi untuk tempoh itu. Penangguhan tersebut adalah kemudahan dan "pampasan" yang diberikan kepada masyarakat bukan Melayu kerana bahasa Melayu akan menjadi bahasa rasmi yang tunggal.

Dengan tindakan yang sebegini, Parti Perikatan berharap akan dapat memuaskan kehendak dua kumpulan di negara ini iaitu Melayu dan bukan Melayu dan tidak akan dilihat sebagai parti yang bergerak ke arah pemerintahan yang berasaskan kepentingan Melayu walaupun UMNO menunjangi perikatan tersebut. Justeru pada 2 Mac 1967, Akta Bahasa Kebangsaan telah diperkenalkan. Antara fasal penting adalah:

1. Fasal (2) Akta ini tidak digunakan di Sabah dan Sarawak
2. Fasal (3) Akta ini mengizinkan penggunaan terjemahan bagi suratan dan perutusan rasmi bahasa sebarang kaum dalam Persekutuan
3. Fasal (4) Yang Dipertuan Agong boleh membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dilanjutkan untuk segala maksud rasmi yang difikirkan patut
4. Fasal (5) Bahasa Inggeris boleh didibenarkan digunakan dalam Majlis Parlimen atau sebarang Dewan Negeri
5. Fasal (6) Naskah yang sah bagi undang-undang hendaklah di dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris
6. Fasal (8) Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris atau sebahagiannya dalam bahasa Melayu dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris boleh digunakan di dalam mahkamah (Act of Parliament 1967)

Fasal yang dinyatakan ini jelas menunjukkan Parti Perikatan meletakkanimbangan kepentingan antara Melayu-bukan Melayu sebagai prioriti utama. Penggubalan akta ini tidak dapat menamatkan isu bahasa kebangsaan sebaliknya terus mengaburkan kedudukan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris walaupun tidak dapat dinafikan akta ini meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal.

Seorang penulis sejarah menyatakan bahawa:

Akta ini telah memenuhi janji (untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal) tetapi terdapat beberapa tolak ansur yang

cukup untuk memberikan kelegaan terhadap kerisauan masyarakat bukan Melayu dan dapat mengatasi chauvinistik perkauman daripada sesetengah jurucakap Melayu (Enleo 1968)

D.R. Seenivasagam dalam ulasannya terhadap akta ini telah berjaya menggambarkan tujuan sebenar akta ini digubal oleh kerajaan Perikatan. Menurutnya:

Kita akan mendapat gambaran bahawa kerajaan mahukan bahasa Inggeris mempunyai taraf yang sama seperti sekarang (sebelum akta), tetapi kerajaan tidak cukup berani untuk menyatakannya kerana terdapat orang seperti Tuan Syed Nasir, atau tidak cukup berani untuk mengakui dengan menyatakan bahawa "Bahasa Inggeris akan kekal mempunyai taraf yang hampir sama dengan bahasa Melayu di negara ini."<sup>1</sup>

Fasal di dalam akta ini tentunya tidak dapat menamatkan politik bahasa kebangsaan Tanah Melayu. Sebelum akta ini digubal, MCA Pulau Pinang pada bulan Oktober 1969 meluluskan resolusi yang menuntut supaya bahasa Cina diterima untuk tujuan rasmi (Vorys 1976). Walaupun mungkin boleh diujahkan bahawa tuntutan sebegini tidaklah menyeluruh dan mewakili pendirian MCA di peringkat pusat, ia boleh dianggap sebagai wujudnya tuntutan ke arah pengiktirafan pelbagai bahasa untuk tujuan rasmi. Di pihak yang lain pula, Syed Nasir selaku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka menuntut agar kedudukan bahasa Melayu diperkukuhkan lagi. Dalam bentuk akhir, akta ini ternyata tidak memuaskan sebarang kumpulan. Suatu pola yang nyata kesan daripada dasar keseluruhan Parti Perikatan ialah kumpulan rakyat yang terlibat (secara umum membawa maksud kumpulan Melayu-bukan Melayu) tidak berpuas hati dengan perolehan atau konsesi yang diterima. Seperti yang diperjelaskan keadaan sebegini berlaku kerana Parti Perikatan perlu mengekalkan imbalan kepentingan dua kumpulan ini. Dalam bentuk yang negatif, rasa tidak puas hati tersebut menambah polarisasi masyarakat Melayu-bukan Melayu yang kesannya boleh dilihat melalui peristiwa konflik antara kaum pada 13 Mei 1969.

Satu lagi isu penting yang perlu disentuh ialah penerimaan rakyat terhadap dasar bangsa Malayan bersatu. Kepada masyarakat Melayu, konsep Malaya ini membawa pengertian penerimaan masyarakat bukan Melayu sebagai pemilik bersama negara ini. Konsep ini

melibatkan beberapa tolok ansur dan pengorbanan daripada masyarakat Melayu terutamanya daripada aspek politik. Masyarakat bukan Melayu yang pada asalnya merupakan imigran ekonomi yang bersifat kehadiran sementara secara lumrahnya menerima konsep Malayan. Yang jelas adalah bahawa setiap kaum tetap mengidentifikasi diri mereka dengan kelompok etnik mereka sendiri walaupun usaha membentuk bangsa Malayan ini memberikan beberapa faedah kepada mereka. Hal ini telah disentuh oleh Joseph Strayer yang menjelaskan bahawa:

Orang Melayu adalah pertamanya sebagai Melayu, kemudian sebagai Islam, dan kemudiannya sebagai Malaya. Orang Cina adalah pertamanya sebagai Cina, kemudiannya sebagai Buddha atau Kristian sekiranya dia seorang yang beragama dan kemudiannya sebagai Malaya, dan orang India pula adalah pertamanya sebagai India, kemudiannya sebagai Hindu atau Islam dan kemudiannya berkemungkinan sebagai Malaya (Wang Gung Wu 1962).

Penerangan di atas membayangkan bahawa proses penerapan bangsa Malayan ini belum berjalan selari dengan usaha yang dilakukan oleh kerajaan British dan kerajaan Perikatan. Usaha kerajaan yang signifikan dalam membentuk bangsa Malayan bersatu seperti pindaan syarat kewarganegaraan yang akhirnya membawa kepada pengenalan prinsip *jus soli* tidak membawa hasil dalam bentuk masyarakat negara ini tidak lagi mengidentifikasi diri mereka berdasarkan kepada kelompok ras dan menganggap diri mereka sebagai "berbangsa Malayan". Malah, sebaliknya pengelompokan kaum semakin kukuh dan berlakunya konflik antara kaum terutamanya antara masyarakat Melayu dan Cina. Hal ini telah disentuh oleh dokumen kerajaan Parti Perikatan yang menerangkan bahawa fenomena pengasingan budaya secara sukarela wujud sebelum perang terus wujud selepas Tanah Melayu merdeka. Dokumen tersebut juga menunjukkan beberapa contoh konflik Melayu-Cina yang berlaku di Pulau Pinang pada 2 Januari 1957, Sungai Pinang, Pulau Pangkor pada 1 Mei 1959 dan di Bukit Mertajam pada 11 Julai 1964.<sup>2</sup> Walaupun laporan tersebut mengaitkan konflik tersebut dengan keadaan setempat, ia turut wajar dianalisis daripada perspektif yang lebih luas iaitu proses pengidentifikasian kepada kumpulan etnik yang semakin kukuh yang akhirnya mewujudkan dikotomi "kita-mereka" antara Melayu-bukan Melayu.

Bentuk hubungan antara Melayu-bukan Melayu sebelum tercedusnya peristiwa 13 Mei 1969 telah dianalisis melalui buku *Dilema Melayu* yang menjelaskan bahawa pada masa tersebut:

... tidak wujud harmoni yang sebenarnya di antara kaum. Apa yang wujud ialah kurangnya perselisihan antara kaum. Ada rasa toleransi. Ada terdapat penyesuaian. Ada sedikit-sebanyak tolak ansur. Akan tetapi tidak wujud harmoni yang sebenar. Keharmonian antara kaum di Tanah Melayu tidaklah tulen bahkan juga tidak berakar umbi secara mendalam (Mahathir 1969).

Penerangan di atas dan laporan mengenai punca berlakunya peristiwa 13 Mei daripada dokumen kerajaan sesuai dengan analisis yang dilakukan oleh Slimming terhadap peristiwa yang sama. Beliau juga berpendapat bahawa punca peristiwa 13 Mei dapat dikaitkan dengan ketidakpercayaan dan kesangsian antara kaum yang telah berlaku selama beberapa dekad. Perubahan paradigma politik utamanya di kalangan generasi baru masyarakat Cina menyebabkan mereka tidak lagi menyetujui aturan *quid pro quo* yang berlaku semasa generasi terdahulu iaitu masyarakat Melayu akan menguasai aspek politik dan memiliki keistimewaan tertentu dan sebagai padanannya masyarakat bukan Melayu akan diberikan kewarganegaraan di samping tiada sekatan terhadap penglibatan dan penguasaan mereka dalam bidang ekonomi. Analisis beliau terhadap hubungan antara kaum menunjukkan bahawa penduduk Tanah Melayu telah menyuarakan rasa tidak puas hati dalam bentuk perkauman. Ungkapan seperti "masyarakat kelas kedua" yang merupakan rasa tidak puas hati terhadap dasar kerajaan juga telah dizahirkan (Slimming 1969).

Peristiwa 13 Mei 1969 bukan sahaja merupakan konflik Melayu-bukan Melayu yang terbesar dan secara terbuka tetapi pilihanraya yang dijalankan sebelumnya memperlihatkan suatu petanda yang jelas iaitu tiap-tiap kaum secara umumnya tidak dapat menerima dasar pembinaan bangsa Malayan bersatu. Jadual berikut memperlihatkan pencapaian Parti Perikatan dan parti pembangkang di dalam pilihanraya tiga pilihanraya yang telah diadakan.

Untuk pertama kalinya jumlah keseluruhan undi yang diterima oleh parti pembangkang melebihi daripada jumlah undi Parti Perikatan. MCA sebagai komponen Parti Perikatan yang mewakili ke-



JADUAL 6.1 Perbandingan prestasi Parti Perikatan dan parti pembangkang dalam pilihanraya selepas kemerdekaan di Semenanjung

Tahun	1959		1964		1969	
	kerusi	% undi	kerusi	% undi	kerusi	% undi
Parti Perikatan	74	51.8	89	58.5	66	48.5
Pembangkang	30	48.2	15	41.5	37	51.5

Sumber: G.P. Means (1970, 202).

pentingan masyarakat Cina telah tewas di 20 kerusi daripada sejumlah 33 kerusi yang ditandingi. Parti itu tewas kepada sebuah parti yang ditubuhkan pada bulan Mac 1966 iaitu DAP. Di samping itu, Gerakan dan PPP juga berjaya menewaskan MCA di beberapa kawasan Parlimen Kuala Lumpur dan Perak. Terdapat juga calon bukan Cina yang mewakili parti tersebut yang berjaya menewaskan calon berbangsa Cina MCA. (Kawasan-kawasan yang dimenangi oleh MCA pula memperlihatkan kehadiran pengundi Melayu yang agak tinggi. Keadaan yang sama juga wujud terhadap pola pertentangan antara UMNO dengan PAS. Calon UMNO lebih berjaya di kawasan yang mempunyai kurang 90 peratus pengundi Melayu manakala PAS pula lebih berjaya di kawasan yang mempunyai lebih 90 peratus pengundi Melayu. Secara keseluruhannya, PAS berjaya memperoleh 23.75 peratus undi di Semenanjung dan boleh dikatakan hampir keseluruhan undi tersebut diperolehi daripada pengundi Melayu yang membentuk 54 peratus jumlah pengundi di Semenanjung.

Walaupun tidak bersifat menyeluruh, telah berlaku penolakan oleh pengundi terhadap parti yang berasaskan kaum yang terangkum dalam Parti Perikatan. Seorang penganalisis pilihanraya 1969 menjelaskan bahawa kejayaan PAS memperoleh hampir separuh undi masyarakat Melayu dapat dikaitkan dengan bertambahnya kepentingan masyarakat bukan Melayu. Keadaan sebegini menyebabkan berlakunya peningkatan terhadap sokongan kepada PAS (Vasil 1972).

Pengaliran sebahagian undi masyarakat Melayu kepada PAS boleh dikaitkan dengan dasar parti tersebut yang secara umumnya terdiri daripada dua cita-cita penting iaitu penubuhan negara Islam dan memastikan masyarakat Melayu mempunyai hak istimewa. Pada peringkat awal penubuhannya, dua objektif awal parti itu adalah:

1. Menjalankan ikhtiar dan langkah dengan tujuan menegakkan kemerdekaan negara dan umat Islam
2. Memperjuangkan cita-cita Islam dalam negara dan urusan pemerintahan (Roslan 1985)

Juga pada peringkat awal, perkara yang menjadi pegangan dan prinsip PAS adalah:

1. Bangsa (nasionaliti) negara ini mestilah bangsa Melayu
2. Mestilah diakui bahawa bangsa Melayu adalah tuan punya negara ini
3. Untuk membina satu bangsa dan satu negara, hanya diakui bahawa bahasa Melayu sahaja menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan
4. Islam menjadi agama rasmi dalam erti kata yang betul pada ajaran al-Quran dan Sunnah
5. Menentang *jus soli*

Hasrat di atas telah dijemakan melalui perlembagaan PAS yang mencatatkan perjuangan parti itu sebagai:

Memperjuangkan hak kepentingan bangsa Melayu dan bumiputera dalam usaha mencapai cita-cita keharmonian antara kaum dalam negara, mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan memperjuangkan wujudnya kebudayaan kebangsaan yang berteraskan Melayu yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam (Roslan 1985)

Perkara yang diperjuangkan oleh PAS terutamanya yang berkaitan dengan hak istimewa masyarakat Melayu telah dapat memberikan saingan yang serius terhadap UMNO yang membentuk kerajaan di atas nama Perikatan. Kepada hampir separuh pengundi Melayu, PAS lebih memberikan jaminan terhadap kepentingan mereka berbanding UMNO yang terlibat dalam pembinaan bangsa Malayan bersatu. PAS semasa dipimpin oleh Burhanuddin Helmi telah memberikan penekanan kepada konsep kebangsaan Melayu yang dianggap sebagai lebih besar daripada konsep Malaya yang lebih merujuk kepada pengertian geografi dan hanya berkembang selari dengan kedatangan imigran ke Tanah Melayu.

Penolakan pengundi bukan Melayu khususnya masyarakat Cina terhadap MCA dalam pilihanraya 1969 merupakan suatu ben-

tuk reaksi terhadap *aturan quid pro quo* Parti Perikatan iaitu pemberian hak istimewa masyarakat Melayu. Namun yang lebih penting lagi pilihanraya tersebut memberikan peluang kepada mereka untuk menyatakan sokongan mereka kepada dasar persamaan antara kaum melalui dasar *Malaysian Malaysia* yang muncul kembali dalam arena politik negara selepas penyingkiran PAP dengan kehadiran parti Democratic Action Party (DAP) yang didaftarkan pada bulan Mac 1966 dan penggunaan slogan tersebut oleh People's Progressive Party of Malaya (PPP) sebagai manifesto pilihanraya. Walaupun tidak mempunyai tradisi berpolitik yang meluas seperti MCA, DAP mempunyai objektif dan ideologi yang jelas, berfokus dan dapat memuakan kehendak masyarakat bukan Melayu yang tidak berpuas hati dengan kewujudan hak istimewa tersebut. Selain memperjuangkan masyarakat yang sama rata, kepelbagaian juga menjadi cita-cita yang ingin diwujudkan oleh DAP. MCA sebagai parti yang selama ini dianggap mewakili kepentingan masyarakat Cina kini terpaksa berhadapan dengan parti yang secara teorinya tidak berasaskan kepada kepentingan sebarang kaum. Namun demikian DAP, PPP dan daripada beberapa segi termasuk juga Gerakan mempunyai program dan agenda yang lebih menguntungkan masyarakat bukan Melayu.

Selain terdapat dasar alternatif daripada parti politik sama ada yang menyokong pengekalan hak istimewa masyarakat Melayu atau yang memperjuangkan kewujudan masyarakat yang sama rata terhadap dasar pembinaan bangsa Malayan bersatu, aspek pelaksanaan dasar ini oleh kerajaan Perikatan juga perlu disentuh di bahagian rumusan ini. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, penyelesaian kerajaan terhadap isu yang berkaitan dengan proses pembinaan bangsa Malayan bersatu lebih berbentuk penyelesaian secara pentadbiran atau yang diistilahkan sebagai *administrative muddling through*.<sup>3</sup> Penyelesaian terhadap isu yang berkaitan seperti masalah bahasa kebangsaan dan syarat kewarganegaraan dilakukan menerusi kerangka "formula Perikatan". Kejayaan "formula" yang sebegini banyak bergantung pada sifat dan pendirian peribadi parti komponen. Pada peringkat awal, dengan pemimpin seperti Tunku Abdul Rahman dan Tan Cheng Lock, "formula" tersebut agak berjaya tetapi dengan berlakunya proses penggantian pemimpin, timbul beberapa masalah terhadap persefahaman yang wujud seperti yang diperlihatkan menerusi krisis pembahagian kerusi untuk pilihanraya 1959.<sup>4</sup> Dengan penggunaan "formula" tersebut, kerajaan Perikatan juga tidak me-

wujudkan suatu asas<sup>5</sup> dalam pembinaan bangsa Malayan. Penggunaan asas dalam pembinaan bangsa Malayan bersatu tidak diperlukan kerana kerajaan British dan kerajaan Perikatan berpegang teguh kepada keperluan pengekalan budaya setiap kaum. Jelasnya usaha ke arah pembentukan bangsa Malayan bersatu lebih merupakan tindakan perundangan seperti tindakan melonggarkan syarat kewarganegaraan terhadap kebanyakan masyarakat bukan Melayu dan tindakan pentadbiran seperti pengubahsuaian sistem pendidikan negara. Tetapi proses pencairan dan penyebatian budaya untuk mewujudkan suatu bangsa Malayan yang baru dan bersatu di peringkat warga negara itu sendiri belum berlaku. Justeru, sentimen “berbangsa satu dan bernegara satu” belum lagi berlaku dan sebaliknya wujud pula “perpaduan nasional yang dangkal” (Rustam 1991). Jelasnya bangsa Malayan bersatu belum lagi wujud seperti yang diharapkan oleh kerajaan British dan kerajaan Perikatan dan ia merupakan suatu proses yang memerlukan masa selagi masyarakat masih lagi meletakkan pengenalan kaum sebagai keutamaan untuk menganggap diri mereka sebagai berbangsa Malayan.

### Catatan

- 1 *Perbahasan Parlimen Dewan Rakyat*, Jilid III, Februari 1967-Mac 1967, hlm 6063.
- 2 *The May 13 tragedy, a report* The National Operation Council. Kuala Lumpur, 1969. Dokumen ini menyentuh mengenai hubungan di antara kaum di Tanah Melayu selepas Perang Dunia kedua dan turut menyentuh peristiwa-peristiwa konflik Melayu-Cina sebelum 13 Mei 1969. Hubung kait dengan peristiwa-peristiwa terdahulu menunjukkan bahawa peristiwa 13 Mei bukanlah suatu kes yang tersendiri.
- 3 Rustam Sani, “Ke arah pembentukan satu bangsa Malaysia”. Seminar Politik Malaysia, Politik Malaysia Dekad 90-an, UKM Bangi, 1991, hlm 7. Istilah tersebut digunakan oleh Rustam Sani untuk menerangkan bentuk penyelesaian yang digunakan oleh kerajaan Perikatan apabila berhadapan dengan isu-isu yang berkaitan dengan pembinaan bangsa Malayan bersatu. Menurut Rustam perhatian lebih banyak ditumpukan kepada masalah administrasi praktis daripada idealisme dan visi politik dan cita-cita nasionalisme. Beberapa persoalan yang asasi seperti persoalan bahasa kebangsaan, kebudayaan kebangsaan, sistem pendidikan kebangsaan tidak diselesaikan hingga tuntas lagi memuaskan.
- 4 Krisis antara UMNO dan MCA mengenai pembahagian kerusi timbul

apabila Dr Lim Chong Eu yang berjaya menewaskan Tan Cheng Lock untuk jawatan Presiden MCA pada 23 Mei 1958 menuntut supaya MCA menerima 40 kerusi berbanding 28 kerusi yang dipersejuaikan oleh Majlis Kebangsaan Perikatan. Tuntutan 40 kerusi adalah untuk menafikan penguasaan 2/3 kerusi Parlimen untuk UMNO.

- 5 Asas yang dimaksudkan budaya suatu kaum dijadikan rangka dalam membentuk bangsa Malayan bersatu. Penekanan yang ingin diberikan di sini adalah hakikat bahawa kerajaan British dan kerajaan Perikatan tidak menjadikan budaya Melayu sebagai asas kepada pembentukan bangsa Malayan bersatu walaupun kedua-dua kerajaan tersebut mengakui hakikat bahawa masyarakat Melayu merupakan penduduk asal negara ini.

1. The first part of the document discusses the importance of maintaining accurate records of all transactions and activities. It emphasizes that proper record-keeping is essential for transparency and accountability, particularly in the context of public administration and financial management. The text outlines various methods and tools that can be used to ensure the integrity and reliability of the data collected.

2. The second part of the document focuses on the challenges associated with data collection and analysis. It highlights the need for standardized procedures and protocols to ensure consistency across different departments and projects. The text also discusses the importance of training staff members to handle data correctly and the role of technology in streamlining the process.

3. The third part of the document addresses the issue of data security and privacy. It stresses the need for robust security measures to protect sensitive information from unauthorized access and disclosure. The text provides guidelines for implementing these measures and discusses the legal and ethical implications of data handling.

4. The fourth part of the document discusses the importance of regular audits and reviews. It explains how these activities can help identify areas for improvement and ensure that the data remains accurate and up-to-date. The text also discusses the role of external auditors and the importance of maintaining a clear audit trail.

5. The fifth part of the document discusses the importance of communication and collaboration. It emphasizes the need for clear communication channels and regular meetings to ensure that all stakeholders are kept informed and involved in the process. The text also discusses the importance of sharing information and best practices across different departments and projects.

## Rujukan

---

- Abraham, E. A. 1997. *Divide and rule, the roots of the race relation in Malaya*. Kuala Lumpur: Insan.
- Ahmad Ibrahim. 1978. The position of Islam in the constitution. Dlm Mohd Suffian, Lee, H.P. dan F.A Trindale. (pnyt). *The constitution of Malaya, 1957-1977*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Lau, Albert. 1991. *The Malayan Union Controversy 1942-1948*. Singapura: Oxford University Press.
- Allen, J.V. de. 1964. Two imperialist: A study of Sir Frank Swettenham and Sir Hugh Low. *JMBRAS* 37(1): 41-74.
- \_\_\_\_\_. 1968. The ancient regime 1909-1919 in Terengganu. *JMBRAS* 40(1): hlm 23-53.
- \_\_\_\_\_. 1968. The elephant and mousedeer - a new version of Anglo-Kedah relation 1905-1915. *JMBRAS* 40(1): 60-81.
- Aminuddin Baki. 1955. *The national school of Malaya, it's problem, proposed curriculum and activities*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Bastin, J. & Benda H. J. 1977. *A history of southeast Asia, colonialism, nationalism and decolonization*. Sydney: Prentice Hall.
- Bauer, P. T. 1947. "Nationalism and politics in Malaya" dalam *Foreign Affair* 7,(2)(April): 505.
- British Military Administration. ADM/704. 1944. Military Government Division Public Relation Chinese Affair. Notes on the Chinese in Malaya.
- British Military Administration. MLF/261 DALFORCE. t.th. Surat daripada Major Foh The Ching kepada Sg/Ldr H.T. Pagdent
- British Military Administration. ADM/8/1. t.th. A brief review of Chinese affair during the period of Japanese occupation
- British Military Administration. ADM/327. t.th. Fifth column activities in Malaya.
- Brown, D. 1993. *The state and ethnics politics in southeast Asia*. London: Routhledge & K. Paul.
- Butcher, J. 1975. A social history of the British in Malaya 1880-1941 with a special reference to the FMS. Tesis Ph.D. University of Hull.
- Chai Hon Chan. 1964. *The development of British Malaya 1896-1909*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Cham Boon Nge. 1971. *Toward a Malaysian Malaysia*. Tesis Ph. D. University of Alberta, Edmonton.
- Chandra Muzzafar. 1991. Politik perkauman dan intergrasi nasional. Kertas kerja Seminar Politik Malaysia IV, Politik Malaysia dekad 90-an. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2 Mac, Bangi.
- Chandra Muzaffar. 1993. Political marginalization in Malaysia. Dlm K. S. Sandhu & L. A. Mani (pnyt.). *Indian communities in Southeast Asia*, Kuala Lumpur: Times Academic Publication.
- Chapman, S. 1963. *The jungle is neutral*. London : Chetts And Windus.
- Chopra, P. 1974. Malaysia's strategy for survival. *Pacific Affair* 47(4): 437-454.
- Cheah Boon Kheng. 1979. *The masked comrades, a study in the communist United Front in Malaya 1945-1948*. Singapura: Times Book International.
- Comber L. 1961. Chinese educational - perennial Malayan problem. *Asian Survey* 1(8): 30-35.
- Cheah Boon Kheng. 1981. Sino-Malay conflict in Malaya 1945-1956: Communist vendetta and Islamic resistance. *JSEAH* 12(1): 108-117
- Clarke, M. 1964. The Malayan Alliance and its accomodation of communal pressure 1952-1961. Latihan ilmiah, Universiti Malaya.
- CO 275/130. 1932. Proceeding of the Legislative Council, 19 Oktober.
- CO 273/126. 1932. Straits Settelement Gazette 1932.
- CO 273/217 Straits Settlement Original Correspondence, Conversation between His Excellency the Governor and His Highness the Rajah of Kelantan at the Balai of Kelantan. t. th.
- CO 274/439. 13652. 1933. Annual report on education in the Straits Settlement for the year 1933.
- CO 275/130 17763. 1932. Proceeding of the Legislative Council, 19 October 1932.
- CO 537/1528 136940. t.th. Malayan Union and Singapore: Summary of proposed constitutional arrangement
- CO 537/1528 136940. 1946. Perbahasan Rang Undang-Undang Negeri-Negeri Selat (Penamatan) di House of Commons, 18 Mac.
- CO 537/1528 136940. 1946. Extract of a meeting of the Cabinet, 28 Februari 1946.
- CO 537/1528 136940. 1946. Extract from minute by Bourdillon, 23 Februari 1946.
- CO 537/1528 136940. 1946. Extract from minute by Bourdillon, 25 Februari 1946.
- CO 537/1528 136940. 1946. Extract from minute by Bourdillon, 28 Februari 1946.



- CO 537/1528 136940. 1946. Extract from minute by Bourdillon, 25 April 1946.
- CO 537/1528 136940. 1946. Malayan Union and Singapore statement of policy on future constitution.
- CO 537/1528 136940. 1946. Arthur Jones kepada Perdana Menteri, 15 Mac 1946.
- CO 537/1528 136940. t.th. Draft statement Secretary of State for the Colonies kepada Perdana Menteri.
- CO 537/1528 136940. t.th. Points not conceded as a result of the House of Commons debate on March 8th and the reasons for not conceding them.
- CO 537/1528 136940. t.th. Notes on (a) modification in Malayan policy for which Malay have asked (b) concessions which have been granted.
- CO 537/1528 136940. 1946. Telegram daripada Edward Gent, Gabenor Malayan Union kepada George Hall, Secretary of State for the Colonies, 19 April.
- CO 537/1528 136940. Telegram daripada Edward Gent kepada George Hall, Secretary of State for the Colonies, 4 Mei.
- CO 537/1529 136255. t.th. Cronological statement of Cabinet decision on Malayan policy.
- CO 537/1529. t.th. Points which must be retained if the essential policy of His Majesty's Government is not to be sacrificed.
- CO 537/1529. t.th. Possible formal concession to the Sultans which would not touch the main policy and would not affect the status of non Malay communities.
- CO 537/1529. 1946. Surat daripada George Hall, Secretary of State for the Colonies kepada Perdana Menteri, 31 Mei.
- CO 537/1529 136255. 1946. Telegram daripada Malcolm MacDonald, Gabenor General Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 11 Mei.
- CO 537/1529 136255. 1946. Telegram daripada Malcolm MacDonald, Gabenor General Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 26 Mei.
- CO 537/1529 136255. 1946. Telegeram daripada Malcolm MacDonald, Gabenor General Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 29 Mei.
- CO 537/1529 136255. 1946. Extract from conclusion of a meeting of the Cabinet, 3 Jun.
- CO 537/1529 136255. 1946. Telegram daripada Edward Gent, Gabenor Malayan Union kepada George Hall, Secretary of State for the Colonies, 11 Mei.

- CO 537/1529 136255. Telegram daripada Edward Gent, Gabenor Malayan Union kepada George Hall, Secretary of State for the Colonies, 2 Jun.
- CO 537/1529 136255. Telegram daripada George Hall, Secretary of State for the Colonies kepada Edward Gent, Gabenor Malayan Union, 8 Mei.
- CO 537/1529 136255. 1946. Telegram daripada Malcolm MacDonald, Gabenor General Malayan Union kepada Secretary of State for Colonies, 25 Mei.
- CO 537/1529 136255. 1946. Telegram daripada Malcolm MacDonald, Gabenor General Malayan Union kepada Secretary of State for Colonies, 22 Jun.
- CO 537/1530 136348. 1946. Surat daripada Ronald Bradell kepada Sir Ralph Hone, 27 Julai.
- CO 537/1530 136348. 1946. Telegram daripada Secretary of State for the Colonies kepada Edward Gent, Gabenor Malayan Union, 2 Ogos.
- CO 537/1530 136348. t.th. Notes on development in Malayan constitution discussion.
- CO 537/1530 136348. 1946. Telegram daripada Edward Gent, Gabenor Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 28 Ogos.
- CO 537/1530 136348. 1946. Record of meeting held with Malay Rulers and leading Malays at King's House, Kuala Lumpur, 18 Julai.
- CO 537/1530 136348. 1946. Telegram daripada Edward Gent, Gabenor Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 8 Ogos.
- CO 537/1530 136348. 1946. Telegram daripada Edward Gent, Gabenor Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 9 Oktober.
- CO 537/1530 136348. 1946. Surat daripada Ronald Bradell kepada Ralph Hone, 27 Julai.
- CO 537/1531 136348. 1946. Telegram daripada Edward Gent kepada Secretary of State for the Colonies, 14 November.
- CO 537/1531 136348. 1946. Malayan policy : Memorandum by the Secretary of State for the Colonies, 20 November.
- CO 537/1531 136348. 1946. Telegram daripada Edward Gent, Gabenor Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 29 November.
- CO 537/1531 136348. 1946. Telegram daripada Edward Gent, Gabenor Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 29 November (16.25 hrs).
- CO 537/1532 136348. t.th. Summary of constitutional proposal for Malaya.
- CO 537/1532 136348. t.th. Malayan constitution: Notes on results achieved by Working Committee
- CO 537/1549 136586. 1946. Telegram daripada Malcolm MacDonald,

- Gabenor General Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 27 Jun.
- CO 537/1549 136586. Telegram daripada Malcolm MacDonald, Gabenor General Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 25 Mei.
- CO 537/1549 136586. Telegram daripada Malcolm MacDonald, Gabenor General Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 22 Jun.
- CO 537/1549 136586. Telegram daripada Malcolm MacDonald, Gabenor General Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 25 Jun.
- CO 537/1549 136586. t.th. Note on Malayan citizenship.
- CO 537/1549 136586. 1946. Telegram daripada Malcolm MacDonald, Gabenor General Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 27 Jun.
- CO 537/1549 136940. 1946. Telegram daripada Malcolm MacDonald kepada Secretary of State for the Colonies, 25 Mei.
- CO 537/1549 136940. 1946. Minute by A.T. Bourdillon.
- CO 537/2141 136365. t.th. Report of the Consultative Committee on the constitutional proposals.
- CO 537/2141 136365. t.th. Proceeding of the first public meeting of the Consultative Committee.
- CO 537/2141 136365. 1947. Surat daripada Edward Gent, Gabenor Malayan Union kepada A. Creech Jones, Secretary of State for the Colonies, 7 April.
- CO 537/2141 136365. 1947. Surat daripada Lee Kong Chiang, wakil Gabungan Dewan Perniagaan Cina Tanah Melayu kepada Secretary of State for the Colonies, 25 Oktober.
- CO 537/2141 136365. 1947. Telegram daripada Malcolm MacDonald, Gabenor General Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 5 November.
- CO 537/2141. 136365. 1947. Surat daripada Edward Gent, Gabenor Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 6 Mac.
- CO 537/2141 136365. t.th. Proceeding of the fifth public meeting of the Consultative Committee on the constitutional proposals.
- CO 537/2141 136365. 1947. The third public meeting of the Consultative Committee on the constitutional proposals, 20 Februari.
- CO 537/2141 136365. 1947. Surat daripada Malcolm MacDonald, Gabenor General Malayan Union kepada Secretary of State for the Colonies, 24 November.
- CO 537/2147 136455. t.th. Text of Governor General's reply to Associated Chinese Chamber of Commerce of Malaya.

- CO 537/2147 136455. 1947. Minutes by T. H. Morris, 3 November.
- CO 537/3679 136763. t.th. Malay States: Opinion of the law officer of the Crown.
- CO 537/3751 136798. t.th. Minutes by C. William.
- CO 537/3765 136763. 1948. Note by H. E. The Commisioner General of a talk with Dato Onn.
- CO 717/183 52928/17/5. 1949. Surat daripada Commisioner General in southeast Asia kepada High Commisioner for the Federation of Malaya, 12 Januari.
- CO 717/183 52928/17/5. t.th. Malayan Digest Press. Inter communal relation.
- CO 717/183 52928/17/5. 1949. Surat daripada Commisioner General in southeast Asia kepada High Commisioner for the Federation of Malaya, 15 Februari 1949.
- CO 717/183. 52928/17/5. 1949. Surat daripada Commisioner General in southeast Asia kepada Secretary of State for the Colonies, 23 April 1949.
- CO 717/183. 52928/17/5. 1949. Surat daripada Commisioner General in southeast asia kepada Secretary of State for the Colonies, 19 Ogos.
- CO 717/183. 52928/17/5. 1949. Surat daripada Commisioner General in southeast asia kepada Secretary of State for the Colonies, 17 September.
- CO 717/183. 52928/17/5. 1949. Minute by J.D. Higham, 8 Jun.
- CO 717/183. 52928/17/5. 1949. Monthly Review Of Chinese Affair (MRCA). Ogos.
- CO 717/183. 52928/17/5. 1949. Minute by J.D. Higham, 24 Oktober.
- CO 1022/174/ 52243. t.th. Citizen in Malaya.
- CO 1022/176. 1951. The Malayan Chinese Association, Extract from SAV 1376, The aim and activities of the MCA 1951.
- CO 1022/182 976. t.th. Independence of Malaya Party.
- CO 1022/182 976. 1951. Extract from Pan-Malayan Review of Security Intelligence No 9, September.
- CO 1022/182 976. 1951. Extract from Political Monthly Review, Oktober.
- CO 1022/182 976. t.th. The independence of Malaya Party's programme for independence, extract from FM SAV 2085.
- CO 1022/182 976. 1951. IMP, extract from Pan-Malayan Review of Security Intelligence No 9.
- CO 1022/183 976. 1951. Extract from Political Monthly Review 12/1951.
- CO 1022/183 976.t.th. Extract from SAV 1808.
- CO 1022/81 1369961. t.th. Part of statement which Mr Lyttelton proposes to make before leaving Malaya.
- CO 1022/174 52243. t.th. Citizen in Malaya
- CO 1022/174 5243. t.th. The Federation of Malaya Agreement.

- CO 1022/182. 1951. Extract from political monthly review 19/1951.
- CO 1022/182. 1951. Extract from political monthly review 10/1951.
- CO 1022/183. 1951. Extract from political monthly review 12/1951.
- CO 1022/191. 1953. Inter communal political movement, 1953. Report of proposals for election for the Federal Legislative Assembly and for reforms of the Executive prepared for by the special committee of the National Convention.
- CO 1022/191. 1953. Inter communal political movements, 1953. Extract from Monthly Review of Chinese Affairs, Mac.
- CO 1022/245. 1955. Savingram daripada Officer Administering the Government for the Federation of Malaya kepada Secretary of State for the Colonies, Federation of Malaya monthly political report for April 1955.
- CO 1022/245. 1955. Savingram daripada Officer Administering the Government for the Federation of Malaya kepada Secretary of State for the Colonies, Federation of Malaya monthly political report for May 1955.
- CO 1022/245. 1955. Savingram daripada Officer Administering the Government for the Federation of Malaya kepada Secretary of State for the Colonies, Federation of Malaya monthly political report for June 1955, 8 Julai.
- CO 1022/245. 1955. Savingram daripada Officer Administering the Government for the Federation of Malaya kepada Secretary of State for the Colonies, Federation of Malaya monthly political report for July 1955, 11 Ogos.
- CO 1022/245 076 1956. Surat daripada High Commissioner for the Federation of Malaya kepada Secretary of State for the Colonies, Monthly political report for April 1956.
- CO 1022/245. 1956. Savingram daripada Officer Administering the Government for the Federation of Malaya kepada Secretary of State for the Colonies, Federation of Malaya monthly political report for May 1956, 8 Jun.
- CO 1022/245 076. 1956. Top secret addendum to the monthly intelligence report for November 1956.
- CO 1022/245 076. 1957. Monthly intelligent report for August 1957.
- CO 1022/248 076. t.th. Malaya's future constitution, Terms of reference of constitutional commission.
- CO 1022/248 076. 1956. Monthly emergency and political report 15th January-15th February 1956.
- CO 1022/248 076. 1956. Monthly emergency and political report 15th May-15th Jun 1956.
- CO 1030/258 137177. 1956. Telegram daripada Officer Administering the

- Government Federation of Malaya kepada Secretary of State for the Colonies, 18 April 1956.
- CO 1030/258 137177. 1956. Telegram daripada Sir D. Mac Gillivray kepada Secretary of State for the Colonies, 4 Mei 1956.
- Clutterbuck, R. 1973. *Riot and revolution in Singapore and Malaya 1945-1963*. London: Faber & Faber Limited.
- Der Mahden, F.R.V. 1984. Malaysia, a political survey. Proceeding of a conference on Malaysia, Tufis University, Massachusetts, 18-20 November.
- Dunconson, J.D. 1951. Impression of life in Malaya today. *Journal of Royal Central Asian Society* 38(1): hlm 56-70.
- Eddy Lee. 1972. *Educational planning in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press
- Emerson, R. 1979. Malaysia: *A study in direct and indirect rule*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Enleo, C.H. 1969. Issue and intergration in Malaysia. *Pacific Affair* 43(3): hlm 372-385.
- Fitzgerald, C.P. 1962. Oversea Chinese in southeast Asia. *The Australia Journal Of Politics And History* 8(1): 66-77.
- Foreign Service Despatch. 1951. Surat daripada Konsulat Amerika Syarikat (AMCONSUL) Kuala Lumpur kepada Department Of State, Washington, Reaction to and probable effect of Dato Onn's IMP project in north Malaya, 14 Ogos.
- \_\_\_\_\_. 1951. Surat daripada Konsulat Amerika Syarikat (AMCONSUL) Kuala Lumpur kepada Department of State, Washington, Despatch No 14, Activities of Kuala Lumpur branch of IMP, 9 November.
- \_\_\_\_\_. 1951. Surat daripada Konsulat Amerika Syarikat (AMCONSUL) Kuala Lumpur kepada Department Of State, Washington, Despatch no 6. Futher development concerning Dato Onn's proposed Independence of Malaya Party, 11 Julai.
- Foreign Service Of The United States Of America. 1951. Surat daripada Konsulat Amerika Syarikat (AMCONSUL), Kuala Lumpur kepada Department Of State, Washington. Consulate's dispatch no 207. Additional comment on the Dato Onn proposal of June 6, 1951, 20 Jun.
- \_\_\_\_\_. 1951. Surat daripada Konsulat Amerika (AMCONSUL) Kuala Lumpur, kepada Department of State, Washington. Despatch no 36. Notes submitted for the consideration of the Right Honourable Oliver Lyttelton. The Secretary of State for the Colonies, 21 Disember.
- \_\_\_\_\_. 1951. Surat daripada Konsulat Amerika Syarikat (AMCONSUL), Kuala Lumpur kepada Department of State, Washing-

- ton. Statement of the aim and objectives of the Malayan Chinese Association, 21 Disember.
- \_\_\_\_\_. 1951. Surat daripada Konsulat Amerika Syarikat (AMCONSUL), Kuala Lumpur kepada Department of State, Washington. Despatch no136. Thoughts of the MCA on the Emergency as presented to Mr Oliver Stanley, Secretary of State for the Colonies, 21 Disember.
- \_\_\_\_\_. 1952. Despatch no 187. Surat daripada Konsulat Amerika (AMCONSUL) Kuala Lumpur kepada Department of State, Washington. Memo of conversation, Participant: Colonel H.S. Lee and Consul Hendrik Van Oss, 9 Januari.
- \_\_\_\_\_. 1952. Despatch no 174. Surat daripada Konsulat Amerika (AMCONSUL) Kuala Lumpur kepada Department of State, Washington. MCA circular stating aim and need for the reorganization, 29 Februari.
- Freedman, M. 1960. The growth of a plural society in Malaya, notes and comments. *Pacific Affairs* 33(2): 158-168.
- Funston, N. J. 1980. *Malay politics in Malaysia, a study of the United Malays National Organisation and Party Islam*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books.
- Ghosh, K.K. 1976. Decentralization of powers in the Federated Malay States: 1920-1929. Tesis Ph.D. University of London.
- \_\_\_\_\_. 1977. *Twentieth century Malaysia: a politics of decentralization of powers 1920-1929*. Calcutta: Progressive Publishers.
- Gullick, J. M. 1951. The Negeri Sembilan economy of 1890's. *JMBRAS* 24(1): hlm 38-55.
- \_\_\_\_\_. 1969. *Malaysia*. London: Ernst Benn Limited.
- \_\_\_\_\_. 1990. The growth of Kuala Lumpur and the Malay community in Selangor before 1880. *JMBRAS* 63(1): 15-38.
- \_\_\_\_\_. 1992. *Rulers and residents: influence and powers in the Malay States, 1870-1920*. Singapura: Oxford University Press.
- Haans, R. H. 1967. The Malayan Chinese Association 1958-1959, an analysis of differing conceptions of the Malayan Chinese role in independent Malaya. Tesis Ph.D. Northern Illinois University.
- Hanrahan, G. Z. 1971. *The Communist struggle in Malaya*. Kuala Lumpur: University Of Malaya Press.
- Harper, T. N. 1990. The politics of disease and disorder in the post war Malaya. *JSEAS* 21(1): hlm 88-113.
- Hashim Yeop Sani. 1980. *Our constitution*. Kuala Lumpur: The Law Publisher.
- Hawkins G. "Marking time in Malaya" dalam *International Affairs*, Mei 1962, hlm. 77.

- HCO 272/1904. 1904. Report of the Secretary of State on Federated Malay States Enactment no 15 of the Malay Reservation Enactment
- HCO 48/1917. 1917. Draft scheme for Malay Officers.
- HCO 122/1919. 1919. Report of the proceeding of the education conference held at Kuala Lumpur, Ogos 1918.
- HCO 272/1904. 1904. Malay agricultural settlement and technical school, Kuala Lumpur, 13 Februari.
- HCO 309/1914. 1914. The Malay Reservation Enactment 1913.
- HCO 330/1921. 1921. Scheme for Malay officers.
- HCO. 422/1904. 1904. Extract from minute of Conference of Residents, education and employment of Malays in government services.
- HCO. 422/1904. 1904. Extract from minutes of the Conference of Residents in March 1904.
- HCO. 486/1928. Selangor administration report for the year 1927 dalam Federated Malay States Annual Report and Departmental Report 1927.
- HCO. 534/1922. 1922. Minutes of the Kedah State Council held during the year 1922.
- HCO. 734/1901. 1901. Report by D.G. Campbell on the agricultural settlement at Kuala Lumpur.
- HCO 1798/1920. 1920. Federated Malay States Annual Report on education for the year 1919.
- Huessler, R. 1981. *British rule in Malaya: the Malayan Civil Service and it's predessors 1867-1942*. Connecticut: Green Wood.
- Ho Seng Ong. 1952. *Education for unity in Malaya*. Pulau Pinang: Malayan Teachers Union.
- Ibrahim Saad. 1977. *Pendidikan dan politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo, G. & D. Loo. 1977. *Asia transformation: a history of south east and east Asia*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books Ltd.
- Khoo Kay Kim. 1981. Sino-Malay relation in Peninsula Malaysia before 1942. *JSEAS* 12(1): 93-107.
- Klein, I. 1968. British expansion in Malaya 1897-1902. *JSEAS* 9(1): 53-68.
- Kamaruddin Jaafar. 1980. *Dr Burhanuddin Al Helmy: politik Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Anda.
- Khasnor Johan. 1984. *The emergence of modern Malay administrative elite*. Singapura: Oxford University Press.
- Khong Kim Hoong. 1984. *Merdeka British rule and the struggle for independence in Malaya*. Petaling Jaya: Institute For Social Analysis (INSAN).
- Lee Kam Hing. 1978. MCA dalam perubahan 1956- 1969. Kertas Kerja



- Kongres Sejarah Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 10-12 April.
- Loh Fook Seng. 1969. *The Malay states 1877-1895, political change and social policy*. London: Oxford University Press
- Macfayden E. 1943. Constitutional development of Malaya. *British Malaya* Oktober 1943: hlm 200-221.
- Mahathir Mohamad. 1979. *Dilema Melayu*. Kuala Lumpur: Times Book International.
- Malay Mail*. 1957. 21 Februari.
- Maxwell, M. 1932. The constitutional problem in Malaya. *Crown Colonist* Disember: 17-24.
- \_\_\_\_\_. 1944. The Dinding and Province Wellesley. *Crown Colonist*. September : 1-6
- Malaya Tribune*. (Kuala Lumpur) 1964. 11 Mac.
- Malayan Union Government Gazette*. 1946. 1 April.
- Manchester Guardian*. 1952. 17 November.
- Means, G.P. 1976. *Malaysian politics*. London: Hodder & Stouhgton.
- \_\_\_\_\_. 1991. *Malaysian politics: the second generation*. Singapura: Oxford University Press.
- Milner, A. C. 1970. The federation decision: 1895. *JMBRAS* 43(1): 104-115.
- Mohamed Isa Osman. 1992. *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di negeri Kedah)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Noordin Sopiee. 1976. *From Malayan Union to Singapore separation, political unification in the Malayan region 1945-1965*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohammad Suffian Hashim. 1972. *An introduction to constitution of Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1998. *Tunku Abdul Rahman and his role in the Baling talks*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1992. Perikatan UMNO-MCA dan tuntutan pilihanraya Persekutuan serta sikap British. Dlm Kobkua Sawannathat Pian, Rohany Nasir & Mohammad Agus Yusoff (pnyt). *Dua dekad penyelidikan sejarah-bahasa dan kebudayaan*: Bangi: Penerbit UKM.
- Norma Mahmood. 1994. Dlm Norma Mahmood (pnyt) *Rethinking political problem in Southeast Asia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Oong Hak Ching. 1990. Kerjasama British dengan Parti Komunis Malaya dan Kuomintang: Kesannya terhadap dasar-dasar British di Tanah Melayu 1941-1945). *JEBAT* 18: 126- 140.
- \_\_\_\_\_. 1993 . Penggubalan dasar British terhadap Tanah Melayu:

- Dari konsep Tanah Melayu untuk orang Melayu kepada Tanah Melayu untuk orang Malayan 1942-1945. Kertas Kerja Simposium Zaman Peperangan Dunia Kedua di Tanah Melayu (1942-1945). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi.
- Ongkili, J. P. 1985. *Nation building in Malaysia 1946-1974*. Singapura: Oxford University Press.
- Palmer, N. 1957. Constitutional change in Malaya's plural society. *The Eastern Survey* 8(3): 156-69.
- Panel Pengkaji Sejarah. 1999. *PAS dalam arus perjuangan kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan PAS Pusat.
- Paterson, A. D. C. 1955. The birth of Malayan nation. *International Affairs* 31(3): 311-316.
- Paul Chang Ming Phang. 1973. *Educational development in a plural society*. Singapura: Academia Publication.
- Perbahasan Parlimen Dewan Rakyat*. 1967. Jilid III, Februari- Mac.
- Percival, A. E. 1949. *The war in Malaya*. Culcutta: Orient Longman.
- Pillai, K. C. S. 1976. *Communist insurgency in Malaysia*. Pacific Community 7(4) : 589-607.
- Proceeding of the Legislative Council of Straits Settelement. 1896. Correspondence respecting federation of Federated Malay States.
- Purcell, V. 1967. *The Chinese in Malaya*. London: Oxford University Press.
- \_\_\_\_\_. 1980. *The Chinese in southeast Asia*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Puthuchear, M. 1978. *The politics of administration: The Malaysian experience*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Raden Soernarno. 1960. Malay nationalism. *JSEAH* 60(1): 1-33.
- Rajeswary Ampalavanar. 1981. *The Indian minority and political change in Malaya 1945-57*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rajeswary Ampalavanar Brown. 1982. The contemporary Indian political elite in Malaysia. Dlm I. J. Bahadur Singh (pnyt.) *Indian in South-east Asia*. New Delhi: Sterling Publisher Private Ltd.
- Ramlah Adam. 1993. Pembentukan kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu 1946-1956 dan kesannya kepada kedudukan politik orang Melayu. *Malaysia dari segi sejarah* 2(1): 1-22.
- Ramlah Adam. 1987. *Dato Onn Jaafar, peranannya di dalam politik dan pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House.
- Ratnam K. J. 1967. *Communalism and the political process in Malaya*. Singapura: University Of Malaya Press.
- Rodgers, M. L. 1969. Politicization and development in a rural Malaya community. *Asian Survey* 9(12): 919-933

- Roslan Yusop. 1986. Haluan perjuangan dan pimpinan politik Melayu berteraskan Islam: Satu tinjauan ke atas Parti Islam SeMalaysia (PAS). Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rudner, M. 1970. The political structure of Malayan Union. *JMBRAS* 43(1): 116-128.
- Rudolph J. R. J. 1971. Federalism and nation building: India, Pakistan, Malaysia dan Nigeria. Tesis Ph.D. University of Virginia.
- Rustam Sani. 1991. Ke arah pembentukan satu bangsa Malaysian. Kertas Kerja Seminar Politik Malaysia IV, Politik Malaysia dekad 90-an. Universiti Kebangsaan Malaysia, 3 Mac Bandar Baru Bangi.
- Ryan, N. J. 1963. *The making of modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sadka, E. 1962. The State Council in Perak and Selangor 1877-1895. Dlm Tregonning K. G. (pnyt). *Papers on Malayan history*. *JSEAH*.
- Sadka, E. 1968. *The protected Malay States 1874-1895*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Sandhu, J. S. 1970. The administrative development in Malaya. Dlm Zainal Abidin Wahid (pnyt.). *Glimpses of Malayan history*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sandhu, J.S. 1980. *Administration in the Federated Malay States 1896-1909*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Shaw, W. 1976. *Tun Razak, it's life and times*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia.
- Sinnadurai, V. 1990. Nationality and international law in the perspective of the Federation of Malaysia. Dlm Ko Swan Sik & Chang Hup Sang (pnyt.). *Nationality in Asian perspective*. The Hague: TMC Martinus Nijhoff Publisher.
- Sinclair, K. 1967. The British advance in Johore 1885-1914. *JMBRAS* 40(1): hlm 93-110.
- Siti Hajar Ahmad. 1990. Isu hak kerakyatan dan kewarganegaraan dalam politik Tanah Melayu 1946-1957. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Short, A. 1975. *The communist insurrection in Malaya*. London: Frederick Muller.
- Sheridan L. A. & H. E. Gloves. 1967. *The constitution of Malaya*. New York: Oceana Publication.
- Slimming, J. 1969. *Malaysia: death of a democracy*. London: John Murray.
- Smith, R. B. 1988. Some contrast between Burma and Malay in British policy toward southeast Asia 1942-1946. *Perspective* 35(5): 48-59.
- \_\_\_\_\_. 1995. *British relation with the Malay Rulers from decen-*

- ... *tralization to Malayan independence 1930-1957*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Stenson, M.R. 1969. Malayan Union and the historian. *JSEAS* 10(2): 334-354.
- ..... 1980. *Class, race and colonialism: the Indian case*. Queensland: University of Queensland Press.
- Stockwell, A.J. 1948. British imperial policy and decolonization in Malaya 1942-1952. *The journal of Imperial and Commonwealth history* 6(1): 62-88.
- ..... 1979. British policy and the Malay politics during the Malayan Union experiment 1942 - 1948. Monograf No 8, Kuala Lumpur: Council of the *JMBRAS*.
- Straits Budget*. 1953. 15 Oktober.
- Straits Settlement Original Correspondence 273/257. 1896. C.B. Mitchell reports his visit to Pahang, Terengganu and Kelantan.
- Straits Settlement Original Correspondence 273/257. 1896. Conversation between His Excellency The Governor and His Highness The Rajah of Kelantan at the Balai Kelantan.
- Straits Settlement Original Correspondence 273/217. 1896. Remarks on extension of Siamese rule over Kelantan and Terengganu.
- Straits Settlement Original Correspondence 273/217. 1896. Correspondence repecting the Federated Malay States, Proceeding of the Legislative Council of the Straits Settlement.
- Straits Settlement Proceeding Of The Legislative Council 273/257. 1932. Report of the committee appointed by his Excellency The Governor and the High Commisioner to consider the system of grants in aid to school in the Straits Settlement and the Federated Malay States, Desember 1932.
- Stenson, M.R. 1969. The Malayan Union and historian. *JSEAS* 10(2): 344-354.
- Summary of constitutional proposal for Malaya revised up to the 19th of December 1946. 1946. Kuala Lumpur : Malayan Government Press.
- Surat persendirian Leong Yew Koh SP 3/A/173. t.th. Communities Liaison Committee: Arkib Negara Malaysia
- Surat persendirian Leong Yew Koh SP 3/A/99. t.th. Alliance policy memorandum on education by Mr Leung Cheng Ching: Arkib Negara Malaysia.
- Surat persendirian Leong Yew Koh SP 3/A/99. t.th Alliance Council Policy Papers, A proposal by Tunku Abdul Rahman to reconstitute the Alliance roundtable: Arkib Negara Malaysia.
- Surat persendirian Leong Yew Koh SP 3/A/132. t.th. National Convention. Opening of Tunku Abdul Rahman's adress at the National Convention: Arkib Negara Malaysia.

- Surat persendirian Leong Yew Koh SP 3/A/173. 1947. Surat daripada Tan Cheng Lock kepada E.E.C. Thuraisingham, 6 Mei 1947: Arkib Negara Malaysia.
- Surat persendirian Leong Yew Koh SP 3/A/173. 1949. Notes of discussion of the Communities Liaison Committee held at the council chamber committee on 12th May 1949: Arkib Negara Malaysia.
- Surat persendirian Leong Yew Koh SP 3/A/173. 1949. Communities Liaison Committee. Notes of discussion of the Communities Liaison Committee held at the council chamber committee room, Kuala Lumpur on the 13th and 14th August 1949: Arkib Negara Malaysia
- Surat persendirian Leong Yew Koh SP 3/A/99. 1954. Memo by the hon'ble Mr Leung Cheng Ching on education dated 11th November 1954: Arkib Negara Malaysia
- Surat persendirian Maxwell, W. SP 5. t.th. Notes of a discussion of the Colonial Office on the 26th February on the White Papers on Malayan Union: Arkib Negara Malaysia
- Surat persendirian Maxwell, W. SP 5 t.th. The SS and FMS fallacy: Arkib Negara Malaysia
- Surat persendirian Maxwell, W. SP 13 t.th. The Malay and Malayan: Arkib Negara Malaysia
- Surat persendirian Maxwell, W. SP 5 t.th. Malayan Union - amalgamation or federation?: Arkib Negara Malaysia
- Surat Persendirian Tan Cheng Lock. SP 13/A/16. t.th. The reorganization of MCA: Arkib Negara Malaysia
- Surat Persendirian Tan Cheng Lock. SP 13/A/19. 1950. Surat daripada Tan Cheng Lock kepada Yong Shook Ling, 19 Januari 1950: Arkib Negara Malaysia
- Tarling, N. 1993. The fall of imperial British in southeast Asia. London: Oxford University Press.
- The May 13 tragedy, a report.* 1969. Kuala Lumpur: The National Operation Council.
- The Straits Times.* 1959. 9 Julai.
- The Times* (London). 1941. 28 Disember.
- \_\_\_\_\_. 1945. 28 Jun.
- Thio, E. 1967. British policy toward Johore: from advice to control. *JMBRAS* 40(1): 1-41.
- \_\_\_\_\_. 1968. Some aspect of the federation of the Malay states 1896. *JMBRAS* 40(3) : 1-18
- \_\_\_\_\_. 1969. *The British policy in the Malay Peninsular 1880 - 1910: the southern and central states.* Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

- Thong Seng Cheng, M. 1991. *Sejarah Parti Tindakan Demokratik (DAP). Latihan Ilmiah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tregonning, K. J. 1964. *A history of modern Malaya*. London: Eastern University Press.
- Tunku Abdul Rahman. 1982. *Challenging times*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- Tunku Abdul Rahman. 1977. *Looking back*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Tunku Abdul Rahman. 1984. *Malaysia: the road to independence*. Petaling Jaya : Pelanduk Publication.
- UMNO/SG 35/53. 1953. Salinan surat jawapan UMNO dan MCA kepada Dato Panglima Gantang, 6 Jun 1953.
- UMNO/SG No 2/1953. 1953. Surat Keliling Bil 60 dan 69/52. Rundingan Meja Bulat UMNO-MCA.
- UMNO/SG 154/56. 1956. Alliance 1956.
- UMNO/SUA No 1/56. 1956. Surat daripada Jemian Rais, UMNO Sg Tengar/ Sg Air Tawar kepada Setiausaha Agung UMNO, 12 Mac 1956.
- UMNO/SUA No 28/1957. 1957. Perhimpunan Agung Khas pada 28 Mac 1957.
- UMNO/SUA No 20/57. 1957. Surat daripada UMNO Seberang Prai kepada Setiausaha Agung UMNO, 7 April 1957.
- UMNO/SUA No 28A/1957. 1957. Penyata Jawatankuasa Kerja UMNO Negeri Terengganu di atas rang undang-undang yang digubalkan oleh Suruhanjaya Reid.
- UMNO/SUA No 28A/1957. 1957. Testamen Amanah Politik Perikatan, Cadangan-cadangan Penyata Reid dan syor perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
- Usha Mahajani. 1973. *The role of Indian minorities in Burma and Malaya*. Connecticut: Greenwood Press Publisher.
- Vasil, R. K. 1972. *The Malayan general election of 1969*. London: Oxford University Press.
- . 1980. *Ethnic politics in Malaysia*. New Delhi: Radiant Publisher.
- Vorys, K. V. 1976. *Democracy without consensus: communalism and political stability in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wan Hashim Wan Teh (pnys.). 1984. *Pejuang Gerila Force 136*. Kuala Lumpur: Biro Politik dan Pelajaran Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Grik.
- Wang Gungwu. 1962. Malayan nationalism. *Journal of Royal Asian Society* 19(3): hlm 317 - 328.
- Wilkinson, R. J. 1971. The Perak State Council minutes. Dlm Wilkinson,

- R.J. *Papers on Malay subject*: hlm 215-268. London: Oxford University Press.
- WO 203/5612/137047. 1944. Surat daripada Oliver Stanley, Secretary of State for the Colonies kepada Lord Louis Mounbatten, Ketua Panglima Angkatan tentera Berikat, 15 April.
- Yeo Kim Wah. 1980. The grooming of an elite: Malay administrator in the FMS 1903-1904. *JSEAH* 11(2): 287-319.
- . 1982. *The politics of decentralization: The colonial controversy in Malaya 1920-1929*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Yong C. K. & R. B Mc Kenna. 1990. *The Kuomintang movement in Malaya 1912-1949*. Singapura: Singapore University Press
- Yusuf Harun. 1991. *Tunku - idealisme dalam kenangan*. Butterworth: Yayasan
- Zainal Abidin Abdul Wahid. 1970a. Malayan Union. It's introduction. Dlm Zainal Abidin Abdul Wahid (pnyt.). *Glimpses of Malaysian history*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- . 1970b. The rise of political parties-I. Dlm Zainal Abidin Abdul Wahid (pnyt.). *Glimpses of Malaysian history*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- . 1970c. The rise of political parties - II. Dlm Zainal Abidin Abdul Wahid (pnyt.). *Glimpses of Malaysian history*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1970

1971

1972

1973

1974

1975

1976

1977

1978

1979

1980

1981

1982

1983

1984

1985

1986

1987

1988

1989

1990

1991

1992

1993

1994

1995



## Indeks

---

- Abdul Aziz Ishak 142  
Abdul Samad Idris 193  
Adams, Theodore 109  
agen British 25, 27  
Ahmad Hj Abdul Rahim 155  
Ahmad Rahim 221  
Akta Bahasa Kebangsaan 1957  
225-24  
AMCJA-PUTERA 149  
Anderson School 40  
Anderson, John 31, 33, 35, 48  
aristokrat 42  
Artbutnott, A. 115
- Baba, 54  
Bahasa Inggeris 130  
Bahasa Melayu 25, 130  
    cadangan daripada MCA 179  
    cadangan Penyata Razak 182-83  
    cadangan UMNO kepada Suruhanjaya Reid 194  
    dalam pendidikan 41  
    pandangan masyarakat Cina terhadap penggunaan dalam peperiksaan 200  
    sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi 177  
    sebagai bahasa kebangsaan 205
- Bangsa Malayan Bersatu 49  
    idea Hubungan Antara Kaum 126, 128, 130  
    jawatankuasa kerja 108-14  
    kemampuan Kerajaan British dan Kerajaan Perikatan melaksanakannya 222-32  
    melalui Kerakyatan Persekutuan 124-26  
    pembentukan dasar 86  
    pembentukan melalui lunas perundangan 90-91  
    pembentukannya oleh Parti Perikatan 165-66  
    pembentukannya 72, 89  
    pengenalan kepada kerakyatan umum 92  
    Penyata Razak 178-84  
    perbincangan dalam Laporan Cheeseman 120  
    perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 204  
    reaksi masyarakat Melayu 100-103  
    reaksi MIC 200-203  
    reaksi UMNO 184-96  
    strategi British dalam pengenalannya 104-107  
    untuk tujuan pertahanan 76-78  
    usaha terancang 209-18
- bangsa Malaysia 193  
barisan Bersatu 59  
Barry, J.C 70  
bijih timah  
    diusahakan pengusaha Eropah dan Cina 20  
    penguatip cukai 23  
Birch, E.W. 24  
Birch, James  
    pembunuhan 23

- BMA 79  
 Bradell, Ronald 60, 109, 129  
 Brenan, John 62  
*British Malaya* 52, 75-76  
 Broome, Richard 65  
 Bumiputera  
   nisbah penduduk bumiputera-  
   imigran 19  
 Burhannuddin Helmi 171, 230
- C'hen Chia-Keng 63  
 Camberlain, Joseph 32  
 Chapman, Spencer 64, 67  
 Cheeseman, H.R. 115  
 Cheow Ah yeok 35  
 Chin Ah Yam 35  
 China 57-58  
 Ching Kee Sun 79  
 Cho Yew Fai 198  
 Chung Keng Kwee 35  
 Cina 17  
   Cina Singapura 58  
   dalam Dewan Undangan Negeri  
   35  
   diterima sebagai warganegara  
   (1952) 136  
   gejala jenayah 55  
   generasi baru 228  
   Hubungan Antara Kaum 125-  
   126  
   imigran 19  
   kaitan dengan negara asal 56  
   kegiatan ekonomi 54  
   kekejaman Jepun 79  
   kelompok Malayan 53  
   kerjasama dengan British 58  
   kesetiaan kepada British 77  
   ketiadaan pemikiran politik 133  
   konflik Melayu-Cina 227-28  
   pemastautin sementara 47  
   penentangan terhadap Jepun 60-  
   67, 88
- penerimaan sebagai  
   warganegara 98, 110  
 penerimaan terhadap kerajaan  
   British 32  
 penghasil keuntungan 23  
 penghijrahan ke bandar 46  
 penguasaan ekonomi 56  
 pergaduhan kaum 78  
 pertambahan penduduk 20  
 rancangan selepas perang 67-72  
 reaksi terhadap Penyata Razak  
   182-83  
   seimbang dengan masyarakat  
   Melayu 76-77  
   Sekolah Cina 40  
 Clarke, Ashley 58  
 Clarke, Sir Andrew 47  
 Clifford, Hugh 24  
 Climenti Smith, Cecil 31, 36-38,  
   87  
 Creech Jones, Arthur 92, 96-98
- Dalforce 64-65  
 Dalley J.D. 64  
 Danning, M.E. 65, 68-69  
 DAP 229, 231  
 darurat 126, 175  
 dasar pengagihan kuasa 36-38  
 Dasar Pro Cina 59  
   sentimen di Pejabat Tanah  
   Jajahan 78-82, 88  
 Dasar Pro Malayan: permulaan 57  
   bersifat tidak kekal 210  
   cadangan pemansuhan 68, 86  
 Dasar Disentralisasi 38  
 dasar Pro Melayu 17, 21-27  
 di NMTB 25-26, 31, 34  
 di Johor 30  
 dikaji semula 57  
 faktor perlaksanaan 55  
 idea di unit perancang Tanah  
   Melayu 83

- motif pelaksanaan 47  
 Perkhidmatan Pentadbiran Melayu 42  
 perubahan selepas perang 214  
 semasa pendudukan Jepun 66  
 semasa zaman Jepun 78  
 Dato Abd Razak 169  
 Dato Abdul Rahman 109  
 Dato Bandar Tunggal 20  
 Dato Bandar 26  
 Dato Hamzah 108  
 Dato Hanifah 193  
 Dato Mata-Mata 26  
 Dato Panglima Dalam 26  
 Dato Seri Amar Di Raja 29-31  
 Dato Setia 109  
 Dato Wahab 129  
 Davis, John 65  
 Devaser, K.L. 202  
 Dewan Bahasa Dan Pustaka 224  
 Dewan Perniagaan Cina Melaka 116  
 Dewan Perniagaan Cina Selangor 115-16  
 Dewan Perniagaan Cina Seluruh Tanah Melayu 119  
 Dewan Perniagaan Cina Singapura 120  
 Dewan Perniagaan Cina Tanah Melayu 117, 119  
 Dewan Undangan 33-39, 43  
 Dikson, Eric 28  
 Direktif Dasar Mengenai Orang Cina 66, 69  
 Doraisamy Aiyer, M.C.R. 115  
 Doraisamy Iyer, L.R. 129  
 Dr Ismail 169  
 Durbar 34, 37-38  
  
 Ekonomi Duaan 23  
 Elibank, Viscount 94  
 Farrer, R.J. 27  
  
 Fenn, William P. 182  
 Firmstone, H.W. 39  
 Force 134 65-66, 70  
*Foreign Jurisdiction* 1870 91  
  
 Gabenor Malayan Union 93, 105  
 Gabenor Negeri-Negeri Selat 21, 28, 30-32, 35-36  
 Gabenor 92  
 Gabungan Persatuan Guru-Guru Cina 200  
 Gammans, L.D. 86  
 Gavind, J.M.L. 64  
 Gavind, R.E. 64  
 Gent, Edward  
     keprihatinan terhadap masyarakat Cina 69  
     mempertahankan Dasar Bangsa Malayan Bersatu 96  
     menjelaskan mengenai Malayan Union 98  
     pandangan mengenai reaksi orang Melayu terhadap Malayan Union 100  
     pemberian kewarganegaraan kepada orang Cina 71  
     pendapat mengenai Tanah Melayu sebelum perang 82  
     pengubahsuaian Malayan Union 104-107  
     pentadbiran tanpa diskriminasi 72  
     pertemuan dengan pegawai-pegawai Pro-Melayu 86  
     perubahan pendapat mengenai Malayan Union 121  
     perundingan dengan Raja Melayu 101-102  
     simpati kepada UMNO 101  
 Godsall, W.D. 108  
 Gomes, S.F. 115  
 Goonting, G.S. 115, 129

- Government English School 40  
 Gullemard, Lawrence 36  
 Gurdial Singh 201  
 Gabungan Dewan Perniagaan Cina Tanah Melayu 117  
 Gurney, Henry 140, 151-52, 157, 159
- Hailey, Lord 82-83  
 Hall, George 99, 103  
 Hall, H.P. 170  
 Hamid 170  
 Harrison, C.W. 24  
 Hashim Ghani 221  
 Haynes, A.H. 24, 87  
 Henderson, K.J. 170  
 Hj Muhammad Eusoff 129  
 Ho See Koon 79  
 Hoffman, L.C. 142  
 Hone, Ralph 68, 83, 104, 109  
*House Of Commons* 91-93  
*House Of Lords* 94  
 Humphreys, J.C. 27
- Ibrahim Yaakob 81  
 imigran 20  
 IMP (Parti Malaya Merdeka)  
   penubuhan 137-41  
   dasar British 139-40  
   Jawatankuasa Penganjur 142-45  
   kegagalan 145-48  
   kekalahan di Kuala Lumpur 153  
   matlamat 141  
   perbezaan dengan Perikatan UMNO-MCA 157-58  
   pilihanraya bandaran Kuala Lumpur 148  
   strategi politik bukan perkauman 218
- India  
   jumlah penduduk 20  
   kaitan dengan negara asal 56  
   kegiatan ekonomi 54  
   kelompok Malayan 53  
   komuniti yang kecil 200  
   pemaustatin sementara 48  
   pencapaian ekonomi 201  
   penerimaan sebagai warganegara 98, 110  
   pertambahan penduduk 18  
   rancangan selepas perang 67-72
- Indonesia 81  
 Ishak Hj Muhammad 171  
 Islam 177-79, 192, 206, 230  
 Ismail Abdul Rahman 155
- Jabatan Kawasan Timur 83, 86  
 Jawatankuasa Cheeseman 114-22  
 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum 126-36, 137-38, 158-59, 216  
 Jawatankuasa Kabinet mengenai Tanah Melayu dan Borneo 93  
 Jawatankuasa Kementerian Kabinet 84, 86  
 Jawatankuasa Kementerian Perang 86  
 Jawatankuasa Kerja 108-14, 122  
 Jawatankuasa Muhibah Melayu-Cina 127  
 Jennings, Sir Iver 170  
 Jepun 58  
 Jervois, William 41  
 Johor 26, 29, 30-31, 34  
 Jones, S.W. 62  
*jus soli* 117, 131, 153, 155-56, 171-76, 178, 185-87, 192, 195, 197-99, 203-204, 206, 211, 217, 227
- Kabinet Kerajaan British 113  
 Kabinet Perang 67, 86

- Kapitan Cheng Ah Kwee 35  
 Kedah 25-26, 30, 48  
 Kelantan 25, 27-29  
     hubungan dengan Siam 28-29  
 Kempen Sumbangan Sukarela 79  
 kerajaan Perikatan  
     kelonggaran untuk permohonan  
     kerakyatan 204  
 kerajaan Pusat 22  
 kerakyatan Malayan 17  
 kerakyatan Negeri 135-37  
 kerakyatan Persekutuan 124-25,  
     128, 130-32, 134, 136  
 kerakyatan umum 17, 98-100, 103,  
     111, 121  
 Kertas Kabinet Kerajaan British  
     124  
*Kertas Majlis Nombor 55*  
     *Malayan Union* 211  
 Kesatuan Cina Seberang laut 63  
 Kesatuan Melayu Semenanjung  
     221  
 kesatuan 103-104  
 Ketua Setiausaha 39  
 Khir Johari 165  
 Khoo Teck Ee 129, 142, 152  
 kolum kelima 80  
 komunis 57  
     direstui oleh British 58  
     waktu Persidangan Parti  
     Komunis Dan Pekerja Kedua  
     175  
 Kongress Pemuda Melayu 171  
 Konvensyen Kebangsaan 154, 220-  
     21  
 Kota Bharu 58  
 Kuala Kangsar 41  
     KRIS 81  
 Kumpulan Mobilisi Anti Jepun  
     penduduk Singapura 58  
 Kumpulan Perkhidmatan Buruh  
     58  
 Kumpulan Pertahanan Diri Dan  
     Tentera Rakyat 58  
 Kumpulan Sukarelawan Cina  
     Seberang Laut 58  
 Kuomintang 55, 58, 62, 68, 72  
 Langham-Carter 27  
 laporan Cheeseman 211  
 Lau Phak Khuan 198, 201  
 Lee Choong Seng 78  
 Lee Kong Chian 118  
 Lee, H.S. 116-17, 120, 122, 148,  
     152-53, 155, 166  
 Lemon, A.H. 42  
 Lenggong High School 41  
 Leong Chee Cheong 198  
 Leong Yew Koh 115-17, 120, 122,  
     129, 152, 155  
 Leung Chung Ling 179  
 Liga Anti Imperialis Malaya 63  
*Liga Perpaduan Kebangsaan*  
     *Malayan* 150  
 Lim Chong Eu 197  
 Lim Hong Bee 175  
 Lim Lean Geok 198  
 Linehan, W. 108  
 Loi Teck 64-65  
 Lord Carnavon 29  
 Lord Rippon 31  
 Low, Sir Hugh 24, 47  
 Lyttelton, Oliver 125-26, 220  
 Macmichael, Harold 91, 96  
 Majlis Kerja 92  
 Majlis Mesyuarat Persekutuan 35-  
     37  
 Majlis Mobilisi Cina Singapura 58,  
     64  
 Majlis Negeri 99  
 Majlis Penasihat Sultan 98  
 Majlis Perundangan Persekutuan  
     130

- Majlis Perundangan 92  
 Maktab Melayu Kuala Kangsar  
 41-44  
*Malay Administrative Service* 43  
*Malayan Civil Service* 44, 48  
*Malayan Federal Union* 112  
*Malayan Federation* 112  
 Malayan Union  
 alternatif kepada penyatuan  
 dengan Indonesia 81  
 bantahan orang Melayu 215  
 cadangan penubuhan 69, 73  
 digantikan kepada *Malayan  
 Federal Union* 105  
 diluluskan oleh Kabinet Perang  
 86  
 idea dalam Perlembagaan  
 Persekutuan Tanah Melayu  
 1957 206  
 kelonggaran syarat kerakyatan  
 215  
 kerakyatan 94  
 Kertas Putih 86-87  
 konflik perkauman 86  
 Majlis Penasihat Malayan Union  
 120  
 pembentukan 99-100  
 penamatan 108  
 pengenalannya 215  
 pengubahsuaian kecil 98  
 perubahan struktur 104-105  
 tarikh kerangka 86  
 Malik, B. 170  
 Manchuria 63  
 Maniam, A.K.S. 201  
 Manikavasagam 165  
 Mason, J.S. 27  
 Maxwell Road School 40  
 Maxwell George, 33, 36-39, 47-48  
 Maxwell, Robert 53  
 Maxwell, William 209  
 Mc Kerron, P.A.B. 64, 70, 83
- MCA  
 hubungan dengan IMP 147  
 hubungan dengan UMNO 196-  
 97  
*Kempen Citizenship Drive* 218  
 konflik Melayu-Cina 227-28  
 konsenses yang rendah 196  
 kumpulan-kumpulan dalam parti  
 196-98  
 masalah penyesuaian kehendak  
 masyarakat Cina dan Dasar  
 Parti Perikatan 200  
 memorandum kepada  
 Suruhanjaya Reid 172-78  
 memorandum pendidikan 179  
 pendidikan bahasa ibunda 213  
 penubuhan 150  
 penyusunan semula 151-53  
 perikatan UMNO-MCA 153-58  
 petisyen kepada Pesuruhjaya  
 Tinggi 198  
 pilihanraya 1969 230-32  
 rasa tidak puas hati terhadap  
 hak-hak istimewa orang  
 Melayu 207  
 reaksi terhadap kompromi dalam  
 Parti Perikatan 196-200  
 reaksi terhadap Penyata Razak  
 183-84  
 sokongan British 151  
 Medonald, Malcolm  
 Jawatankuasa Hubungan Antara  
 Kaum 126-30, 132-34  
 kuasa Raja Melayu 122  
 membantu Edward Gent 99  
 menjelaskan mengenai Malayan  
 Union 98  
 menyokong pendapat Gent 107  
 pendapat mengenai Dato Onn  
 137  
 pengekaln prinsip politik  
 British 108

- perundingan dengan Raja Melayu 99-102
- tidak merosakkan keyakinan masyarakat Melayu 121
- Mckell, Sir William 170
- Megat Yunus 109
- Melayu
- bantuan daripada masyarakat Cina 127-28
  - cadangan kedudukan istimewa oleh Suruhanjaya Reid 171
  - dalam Dewan Undangan Negeri 34
  - di bawah Malayan Union 98
  - hak istimewa 110, 187, 192-93, 205
  - Hubungan Antara Kaum 125-26
  - Jawatankuasa Kerja 110-15
  - kekuatiran terhadap orang Cina 133
  - kesetiaan kepada Raja 77-78
  - kuasa eksekutif di NMTB 29
  - Malayan Federal Union* 112
  - pendidikan di Maktab Melayu Kuala Kangsar 41
  - penerimaan terhadap Penasihat British 28
  - Penglibatan dalam ekonomi moden 44
  - pentadbiran Johor 30
  - pentadbiran Victoria Institution 46
  - pergaduhan kaim 78
  - Perlembagaan PAS 230
  - perlindungan tanah 45-46
  - petempatan di Kuala Lumpur 45
  - rakyat Sultan 52
  - seimbang dengan masyarakat Cina 76-77
  - Sekolah Melayu 40-41
  - sikap semasa pendudukan Jepun 79-80
  - suasana Anti-Melayu di London 80
  - tanggapan Clifford 24
  - tiada potensi dalam pertanian 22
- Melayunisia* 186
- Menteri Besar 26
- di NMTB 26
  - dikhaskan oleh orang Melayu 193, 195
  - Johor 30
- MIC
- kedudukan dalam Parti Perikatan 201
  - memorandum kepada Suruhanjaya Reid 172, 176
  - Political marginalization 201
  - rasa tidak puas hati terhadap hak-hak istimewa orang Melayu 207
  - reaksi ahli terhadap Dasar Bangsa Malayan Bersatu 200
  - sokongan terhadap memorandum Parti Perikatan 202
- Mitchell, C.B. 28-29, 32
- Mohamad Sheriff 109
- Mohd Daud Hj Salleh 155
- Mohd Salleh Hakim 129
- Mohd Sopiee 142
- Mohd Yassin Dato Abdul Rahman 155
- Moles, H.G. 70
- Morton, F.J. 40
- Mounbatten, Louis
- masa depan Tanah Melayu 66-67
  - penggunaan MPAJ 65
- MPAJA 60, 64-67
- MPAJU 64-65, 67
- Narayanan, P.P. 142, 145
- nazir sekolah 41
- Negara Kesatuan 75

- Negeri Melayu Bersekutu  
 Dasar Pro-Melayu 30, 34, 36  
 entiti yang terpisah 52  
 hubungan rapat dengan NMTB 47  
 Jabatan Kerajaan 37  
 kepesatan ekonomi 23  
 ketidakseragaman pentadbiran 77  
 pentadbiran yang terpisah 50  
 perlindungan daripada British 53-54  
 struktur pentadbiran 21
- Negeri Melayu Tidak Bersekutu  
 18, 24  
 bahasa rasmi 25  
 dasar disentralisasi 50  
 entiti yang terpisah 52  
 hubungan rapat dengan NMB 47  
 Jabatan Kerajaan 37  
 ketidakseragaman pentadbiran 77  
 pengukuhan kuasa British 31  
 pentadbiran yang terpisah 50
- Negeri Sembilan  
 kepesatan ekonomi 20  
 tanah simpanan 45
- Negeri-Negeri Selat 19, 28, 37, 48, 54, 77, 84, 110, 170, 214
- New Delhi 68  
 Newbould, A.T. 108  
 Nik 27  
*Notes On A Policy In Respecting Of The Unfederated Malay States* 47  
*Notes On Development In Malayan Continuitation Discussion* 111  
 nyahkolonisasi 124
- O' Connors, K.K. 108
- Ong Huck Chye 129  
 Ong Yoke Lin 155  
 Onn Jaafar  
 cadangan kepada McDonald dan Gent 100  
 Jawatankuasa Kerja 109  
 kerjasama Melayu-Cina 137  
 membentuk IMP 223  
 membuka UMNO kepada semua Kaum 150, 157  
 meninggalkan UMNO 138, 159  
 pandangan terhadap UMNO selepas keluar dari parti itu 169  
 penglibatan dalam IMP 142  
 persetujuan terhadap perlembagaan PTM 112  
 perundingan dengan MCA 148  
 terlibat dengan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum 129, 131, 133
- Order Of The British Empire (O.B.E.)* 66
- Ordinan Buruh 40  
*Ordinan Orang Asing 1932* 48, 50, 214  
*Ordinan Pelajaran 1952* 211-13
- Palmer, H.B. 115  
 Pan Malaya 47  
 Paskin, J.J. 66-70  
 Parlimen Imperial British 17  
 Parr, C.W.C. 24  
 Parti Buruh 201  
 Parti Gerakan 231  
 Parti Kongress 55  
 Parti Perikatan/Perikatan UMNO-MCA  
*Administrative Muddling Through* 231  
 kabinet 1955 168-69  
 kemampuan melaksanakan



- Dasar Bangsa Malayan  
 Bersatu 222-32  
 ketiadaan penyelesaian total  
 terhadap pembinaan negara  
 bangsa 224-28  
 komitmen terhadap dasar  
 Bangsa Malayan Bersatu  
 207, 218-22  
 Konvensyen Kebangsaan 154  
 matlamat 162  
 memorandum kepada  
 Suruhanjaya Reid (tetamen  
 Amanah Politik Perikatan)  
 172-78, 221-22  
 memorandum Leung Chung  
 Ling 179-81  
 organisasi 163-64  
 pembentukan 154  
 pendaftaran 162  
 penerimaan terhadap perubahan  
 syarat kewarganegaraan 213  
 penggunaan kewarganegaraan  
 Jus Soli 156  
 perbezaan dengan IMP 157-58  
 perpaduan peringkat bawahan  
 207  
 peruntukan kerusi pilihanraya  
 1955 166-67  
 pilihanraya 1955 161-65  
 politik tolak ansur 219-20  
 tolak ansur pendidikan 212-13  
 Parti Progresif Rakyat (PPP) 201,  
 231  
 Parti Progresif 139  
 PAS  
 Konsep Kebangsaan Melayu  
 230  
 menyertai Konvensyen  
 Kebangsaan 154, 169  
 Penyata Rahman Talib 212  
 Peristiwa 13 Mei 228-29  
 pilihanraya 1959 231  
 pilihanraya 1969 228-31  
 pilihanraya 1969 229-30  
 prinsip 230  
*Paternal government* 46  
*Paternal system* 46  
 pejabat luar 57, 62, 70, 82, 88  
 Pejabat Tanah Jajahan 18, 21, 31,  
 34, 38, 62, 68-73  
 cadangan Tanah Melayu selepas  
 perang 81-90  
 rancangan pembentukan  
 Malayan Union 86-87  
 Jawatankuasa Kerja 120  
 pelabuhan Pearl 64  
 penasihat British 27, 32  
 pendudukan Jepun 60-61, 62, 65,  
 67, 72, 77, 79-80  
 pengagihan kuasa 55  
 Penghulu Akil 45  
 penghulu 43  
 pengutip cukai tanah 46  
 Penyata Barnes 182-84, 211-12  
 Penyata Fenn-Wu 182-83, 211  
 Penyata Razak 178-84, 199-200,  
 212-13  
 Percival, A.E. 77-78  
 Perjanjian Bangkok 29  
 Perjanjian Burney 28  
 Perjanjian Inggeris-Siam 25  
 Perjanjian Macmicheal 91, 98, 103,  
 107, 112  
 Perjanjian Negeri (PTM 1948) 113,  
 134  
 Perjanjian Pangkor 17  
 Perjanjian Persekutuan (PTM 1948)  
 113, 134  
 Perjanjian Persekutuan 1896 34-35  
 Perjanjian Persekutuan Tanah  
 Melayu (pindaan) 1952  
 216-217  
*Perjanjian Persekutuan Tanah  
 Melayu 1948* 216

- Perjanjian Wang-Lampson 61-62  
 Perkhidmatan awam 24, 74  
 Perkhidmatan pentadbiran Melayu  
 43-45, 74  
*Perlembagaan Persekutuan 1948*  
 134  
 Perlembagaan Persekutuan Tanah  
 Melayu 1957  
     cerminan dasar Parti Perikatan  
     207-08  
     Dasar Bangsa Malayan Bersatu  
     203-206  
     elemen pengimbang kepentingan  
     semua kaum 203-206  
 Perpaduan Nasional yang dangkal  
 232  
 Persatuan Cina Melaka 115  
 Persatuan Cina Seberang Laut 119,  
 217  
 Persatuan Cina Seberang Laut  
     cadangan kepada Pejabat Tanah  
     Jajahan 72-76  
 Persatuan Guru Sekolah Cina 197  
 Persatuan India Selangor 38  
 Persatuan Melayu Malaya Kelantan  
 154  
 Persatuan Pelajar Melayu Di United  
 Kingdom 81  
 Persatuan Pengurusan Sekolah Cina  
 SeTanah Melayu 200  
 Persekutuan Masyarakat Ceylon  
 SeTanah Melayu 119  
 Persekutuan Tanah Melayu  
     cadangan pengembalian kepada  
     syarat-syarat kerakyatan 186  
     Kerakyatan Persekutuan 124  
     pembentukan 108  
     penerapan Bangsa Malayan  
     Bersatu 215-216  
     syarat kerakyatan yang ketat  
     175  
 Persekutuan 25, 103, 105  
 Persidangan Pan Tamil Malaya 203  
 Persidangan Residen 41  
 Pesuruhjaya Tinggi 25, 31, 36, 105,  
 140  
 PKM 60-65, 68-69, 72  
 Portugis 52  
 Purcell Victor 70, 219-20  
  
 Quek Kai Yee 152  
*quid pro quo* 228, 231  
  
 Raffles Institution 40  
 Raffles, Stamford 40  
 Raja Chulan 41  
 Raja Iskandar 34  
 Raja Kamaralzaman 108  
 Raja Mansur 41  
 Raja Muda Selangor 46  
 Raja-Raja Melayu 17, 18, 50  
     berkerajaan sendiri 124  
     cadangan balas kepada British  
     mengenai Malayan Union  
     102-104, 105  
     cadangan Hailey 82  
     cadangan Tan Cheng Lock 73-  
     75  
     keadaan selepas perang 89  
     laporan Jawatankuasa  
     Kementerian Kabinet 84  
     menyerahkan kuasa kepada  
     British 91  
     pemerintahan autokratik 86  
     perubahan struktur kuasa 92  
     terima rujukan Suruhanjaya Reid  
     170  
     rakyat Persekutuan 134, 155  
     rakyat Raja 50, 131, 155  
 Ramachandran, C.G. 140  
 rancangan Cheeseman 211  
*Rang Undang-Undang Negeri*  
*Selat (penamatan)* 87, 91-93,  
 215

- Rang Undang-Undang Pendidikan  
1952 210
- rantaian reaksi 115-16
- Reid, Lord 170
- Rembau 45
- Residen Jeneral 33-36, 43
- Residen 21, 29-31, 33, 36-37
- Salehan Mohd Ali 142
- Sambantham 201
- Saymour, Horace 68
- Scheme For The Employment Of  
Malay Higher Class* 43
- Scott, W.D. 27
- sekolah Inggeris 40
- sekolah latihan khas 101, 64
- sekretariat Melayu 26
- Selangor: pendapatan negeri 18
- setiausaha Melayu 26
- setiausaha rendah Tetap Tanah  
Jajahan 36
- Siam 25
- Singapura 57, 99, 117, 137
- Sook Ching 79
- South East Asia Command* 68
- Special Operation Executives (SOE)*  
65
- Sri Lanka 65, 67
- Stanley, Oliver 67, 83-84, 94
- Straits Branch Of The Royal Asiatic  
Society 52
- Suara UMNO 149
- Sultan Abu Bakar 29
- Sultan Ibrahim 29
- Sultan Idris 41
- Sultan Zainal Abidin III 27
- Sultan 26
- Sungai Ujong Land Regulation*  
45
- Sungai Ujong 20
- Suruhanjaya Reid  
keahlian 170
- reaksi UMNO 186-96
- terma rujukan 170
- Swetenham, Frank 22, 46, 52, 87
- Syed Nasir 224
- Tabung Bantuan China 78
- Tan Cheng Lock 39, 45, 50, 54
- "formula perikatan" 231-32
- bantahan terhadap Pro Melayu  
54
- cadangan bukan Melayu di  
terima sebagai Rakyat Raja  
131, 135, 216-17
- cadangan kepada Pejabat Tanah  
Jajahan 72-75
- ciri kepimpinan 196
- Hubungan Antara Kaum 126
- kebebasan orang Cina 157
- Malayan Chinese League, Malay  
League dan Indian League*  
150
- pembentukan Bangsa Malayan  
Bersatu 150
- penglibatan dalam IMP 147
- penglibatan dalam Jawatankuasa  
Hubungan Antara Kaum 129
- perikatan UMNO-MCA 153-54
- Tan Eng Hoe 129
- Tan Kah Kee 58-59, 64
- Tan Siew Sin 155, 165, 203
- Tanah Melayu Memperjuangkan  
Kemerdekaan* 175
- Tanah Simpanan Melayu 44-45
- Tanah Simpanan Negeri 35
- Taylor, S.E. 70
- Templer, Sir Gerald 220
- Tengku 27
- Terengganu 25
- hubungan dengan Siam 28
- MB 26
- The Malay Reservation Enactment  
45-46

- The Yau Wu 184  
 Thomas, Shenton 57, 59-61  
 Thuraisingham, E.E.C. 127, 129, 142, 145  
*Times* 76  
 Treacher, William 43  
 Tun Razak 165  
 Tunku Abdul Rahman  
     formula perikatan 231-32  
     hak istimewa orang Melayu 171  
     Kabinet pertama 207  
     kritikan daripada ahli UMNO 195-96  
     memainkan peranan yang berbeza 165  
     memboikot Kongres Pemuda Melayu 171  
     menjadi presiden UMNO 146  
     menyertai Konvensyen Kebangsaan 155  
     menyingkirkan ahli UMNO 146-47  
     meredakan ketegangan antara kaum 199  
     pemimpin sayap kanan dalam UMNO 169  
     strategi pilihanraya 1955 219
- UMNO  
     aliran-aliran dalam isu kewarganegaraan 217  
     cadangan di buka kepada semua kaum 139  
     memperjuangkan kepentingan masyarakat Melayu 148-49, 165  
     kekhawatiran terhadap Jus Soli 207  
     konsesi bukan Melayu 156-57  
     memorandum kepada Suruhanjaya Reid 172-78  
     menolak konsep Malayan 149-50  
     pandangan cawangan terhadap MCA dan MIC 195  
     penentangan terhadap Laporan Cheeseman 120  
     penerimaan Bangsa Malayan Bersatu 154  
     penerimaan Jus Soli 217  
     perikatan UMNO-MCA 153-58  
     perletakkan Jawatan Dato Onn 138  
     perubahan dasar 223-24  
     perwakilan dalam Jawatankuasa Kerja 109  
     program dan agenda politik yang lebih luas 169  
     reaksi terhadap Dasar Bangsa Malayan Bersatu 184-96  
     usul Mengenai Malayan Union 103
- Undang-Undang Perjanjian Persekutuan (Pindaan 1952) 134-37  
 Undang-Undang Pilihanraya Untuk Majlis Perundangan Persekutuan 130  
 Undang-Undang Taraf Kebangsaan 221  
 Ungku 27  
 Unit Perancang Tanah Melayu 83  
*United Malaya* 47  
*Victoria Institution* 40, 46  
 Viscount Eddison 94  
 Wan 27  
 Warta Kerajaan Malayan Union 93  
 Weld, Frederick 21, 47  
 White Hall 113  
 Wilkinson, R.J. 24, 35, 41-42  
 William, A. 108

Wilson, Samuel 36

Winstedt 24, 87

Wu Lien-The 119

Wu T'ieh-Cheng 57

Wynne, Mervyn 65

Yang Shook Lin 142, 145, 152

Yap Ah Loy 35, 46

Yap Ah Shak 35

Yeo Chiang Bun 78

Yong, S.M. 155

Zainal Abidin 129